

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
PENGKAL KETIGA  
MESYUARAT PERTAMA**

---

**Bil. 6**

**Selasa**

**23 Mac 2010**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>UCAPAN TAKZIAH:</b> Ucapan Takziah Kepada Keluarga Allahyarham Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman Daud	(Halaman 31)
<b>USUL:</b> Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 32)
Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong – <i>YB. Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau)</i>	(Halaman 34)

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Selasa, 23 Mac 2010**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]** minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah dan strategi yang diambil oleh kementerian dalam mencapai sasaran mewujudkan 100 buah sekolah berprestasi tinggi menjelang tahun 2012. Daripada jumlah ini, berapakah bilangan sekolah yang disasarkan terletak di luar bandar dan pedalaman.

**Menteri Pelajaran [Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]:** Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan sekolah berprestasi tinggi (SBT) banyak telah pun ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada sesi Parlimen kali ini.

Walaupun beberapa pertanyaan telah pun dijawab secara bertulis pada minggu lepas tetapi masih terdapat 11 pertanyaan yang menyentuh isu tersebut iaitu daripada Yang Berhormat Parit Sulong pada hari ini, Yang Berhormat Kanowit, Yang Berhormat daripada Taiping, Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat Kuala Krau, Yang Berhormat Bukit Bintang, Yang Berhormat Alor Gajah, Yang Berhormat Mas Gading, Yang Berhormat Serian dan Yang Berhormat Sibuti. Oleh sebab isu yang dibangkitkan adalah saling berkaitan, saya mohon izin untuk memberikan penjelasan dengan menjawab kesemua pertanyaan tersebut secara serentak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baiklah.

**Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, langkah yang dilakukan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia memperkenalkan sekolah berprestasi tinggi seperti yang digariskan dalam salah satu sub bidang keberhasilan utama negara (NKRA) merupakan usaha kementerian dalam melaksanakan transformasi dan penambahbaikan daripada semasa ke semasa untuk menjamin kualiti pendidikan negara berada pada tahap yang tinggi.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia menyasarkan 100 buah sekolah berprestasi tinggi dapat diwujudkan menjelang tahun 2012 dan sehubungan itu Kementerian Pelajaran Malaysia telah pun membuat perancangan untuk memilih sekolah di negara ini secara berperingkat-peringkat iaitu mulai dengan 20 buah pada tahun ini manakala 30 buah lagi akan dipilih pada tahun 2011 dan selebihnya iaitu 50 buah pada tahun 2012.

Sekolah berprestasi tinggi merupakan pengiktirafan yang diberikan kepada sekolah-sekolah yang telah pun menunjukkan kecemerlangan secara berterusan dan mengekalkan kecemerlangan daripada pelbagai aspek sejak sekian lama. Langkah kementerian memperkenalkan SBT ini adalah untuk mengangkat tahap kualiti pendidikan negara ke tahap yang paling tinggi sehingga ke peringkat global. Kewujudannya juga sebagai penanda aras yang menjadi pengukuran bagi sekolah-sekolah lain di negara kita.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pemilihan SBT adalah melalui proses dua saringan, iaitu saringan pertama adalah berdasarkan skor komposit yang diperoleh oleh sekolah. Skor komposit ini terdiri daripada Gred Purata Sekolah (GPS) untuk UPSR bagi sekolah rendah dan gabungan PMR, SPM dan STPM untuk sekolah menengah serta Skor Penarafan Kendiri Sekolah (PKS) yang menggunakan instrumen Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) yang telah diverifikasikan bagi sekolah-sekolah melepasi sasaran ataupun dengan izin, *exceed target* iaitu sekolah rendah yang melepasi skor komposit 84% dan sekolah menengah yang melepasi skor komposit 92% boleh dicalonkan untuk diproses dalam saringan kedua.

Melalui saringan kedua pula, sekolah akan dinilai berdasarkan skor kriteria *annex*. Skor ini dinilai berdasarkan instrumen *annex* yang dibahagikan kepada lima komponen bagi mengukur:-

- (i) personaliti unggul yang dihasilkan oleh sekolah;
- (ii) anugerah yang diterima pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa;
- (iii) jalinan dengan institusi pengajian tinggi;
- (iv) jaringan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa; dan
- (v) pencapaian berbanding penanda aras di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Bagi sekolah rendah, hanya tiga skor tertinggi daripada lima komponen manakala empat skor tertinggi untuk sekolah menengah akan diambil kira untuk

pengiraan skor *annex* dan berdasarkan skor *annex* inilah, maka sekolah akan *dirank* semula daripada kedudukan tertinggi hingga yang terendah. Daripada kedudukan itulah kita memilih sekolah berprestasi tinggi seperti kumpulan pertama sebanyak 20 buah sekolah yang telah diumumkan baru-baru ini dan untuk makluman, *ranking* untuk sekolah rendah dan sekolah menengah adalah berasingan.

#### ■1010

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya tegaskan di sini bahawa daripada kaedah pemilihan yang diterangkan jelas menunjukkan pemilihan SBT tidak berdasarkan negeri, lokasi dan jenis sekolah seperti yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat dan hal ini ialah kerana SBT merupakan sekolah yang terbaik antara yang terbaik daripada semua aspek yang telah dinilai secara menyeluruh dan tidak hanya memberi penekanan pada pencapaian akademik. Kementerian berpandangan sekiranya pemilihan masih mengekalkan berdasarkan negeri dan jenis sekolah, maka pelan hala tuju iaitu Pelan Transformasi Kerajaan tidak akan mencapai matlamat bagi merealisasikan Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat melalui pengiktirafan SBT ini, sekolah-sekolah tersebut akan menikmati pelaksanaan program latihan dan pembangunan profesionalisme guru dan pemimpin, pemberian autonomi kepada pihak sekolah untuk melaksanakan kurikulum dan pengurusan kakitangan yang luwes, penyediaan ganjaran berteraskan prestasi sekolah, guru-guru serta kakitangan dan pelaksanaan program bimbingan kepada sekolah lain.

Semua sekolah berpeluang dan layak diiktiraf sebagai SBT. Namun demikian, bagi sekolah-sekolah yang belum mencapai tahap tersebut, kementerian akan memperkenalkan dengan izin, *School Improvement Program* bagi membantu sekolah-sekolah melonjakkan prestasi pencapaian masing-masing. SIP yang diperkenalkan mengandungi dua perkara utama iaitu,

(a) *tool kit* pembangunan prestasi sekolah dengan izin, *school improvement tool kit* bagi menganalisis kekuatan dan kekurangan sesebuah sekolah berdasarkan empat elemen utama iaitu;

- (i) kepimpinan;
- (ii) guru;
- (iii) murid dan
- (iv) ibu bapa serta infrastruktur.

(b) pelan pembangunan prestasi sekolah ataupun dengan izin, *school improvement plan*.

Hasil daripada analisis *school improvement tool kit* ini, setiap sekolah akan merangka dan merancang pelan pembangunan prestasi sekolah masing-masing dan pelan pembangunan yang sudah dirangka akan dikemukakan pada Jawatankuasa Program Pembangunan Prestasi Sekolah yang berpusat di kementerian untuk dianalisa bagi menentukan pelan terbaik untuk sekolah. Program ini akan mula dilaksanakan oleh semua sekolah mulai penghujung bulan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nafikan program pembangunan prestasi sekolah ini bukanlah perkara baru tetapi yang baru di sini ialah pendekatan *bottom up* bagi meningkatkan prestasi sekolah tersebut serta sistem pemantauan yang lebih sistematik kerana ia merupakan inisiatif baru dalam NKRA pendidikan.

Justeru, semua pelaksanaan dan prestasi program ini akan dipantau melalui sistem pemantauan program yang mana laporan mingguan dan bulanan mengenai prestasi program akan dikemukakan kepada pihak pemandu untuk dipantau. Berdasarkan kepada *ranking* sekolah rendah yang ada sekarang, didapati bahawa kebanyakan sekolah yang berada di kawasan luar bandar dan pedalaman berada dalam kelompok sekolah berprestasi rendah.

Oleh yang demikian, pelan pembangunan prestasi sekolah ini akan memberikan tumpuan khusus pada sekolah-sekolah berkenaan mulai tahun ini yang bertujuan untuk membantu dan memastikan sekolah-sekolah berkenaan dapat melonjakkan prestasi mereka ke tahap yang lebih baik. Di samping itu kementerian juga akan turut menitik beratkan teras, merapatkan jurang pendidikan di bandar dan di luar bandar. Strategi yang dikenal pasti ke arah merapatkan jurang berkaitan termasuklah membangunkan infrastruktur dan kemudahan pendidikan luar bandar, meningkatkan bilangan guru terlatih dan mengikut opsyen di kawasan pedalaman serta menambah baik sistem pengagihan bantuan pada murid miskin berkeperluan khas dan kumpulan minoriti.

Tuan Yang di-Pertua, saya akui pendidikan adalah satu agenda rakyat sesuai dengan prinsip 1Malaysia, "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan". Semua program yang dirancang dan dilaksanakan oleh kerajaan adalah untuk memastikan pendidikan yang berkualiti dan terbaik untuk anak bangsa Malaysia.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih saya ucapkan kepada Menteri Pelajaran yang juga Timbalan Perdana Menteri Malaysia di atas jawapan yang diberikan dan saya hendak mengambil

kesempatan ini mengucapkan tahniah di atas usaha kementerian dan Kerajaan Barisan Nasional yang mengangkat kualiti sekolah ke peringkat global dan baru-baru ini ada pemberian peruntukan *one off* RM700,000 kepada SBT sebagai penambahbaikan proses pembelajaran dan pengajaran.

Jadi soalan saya kepada kementerian, apakah kementerian merancang untuk menyediakan sejumlah peruntukan bagi membantu sekolah-sekolah yang berada di luar bandar yang berpotensi untuk diangkat untuk menjadi sekolah SBT ini dan daripada jawapan tadi dimaklumkan sasaran SBT ini adalah berperingkat. Jadi mengapa kementerian tidak mensasarkan 100 buah sekolah pada tahun ini kalau kita bandingkan kepada sasaran secara berpangkat seperti yang diberikan di dalam jawapan asal tadi. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah pun saya sebutkan tadi bahawa kementerian memang sekarang ini sedang pun menyediakan apa yang saya sebutkan ialah Program Pembangunan Prestasi Sekolah yang mana melalui program ini kementerian akan mengenal pasti secara khusus keperluan setiap sekolah di pelbagai lokasi sama ada di kawasan luar bandar, pedalaman ataupun di bandar dan sekolah-sekolah yang kita nilai ini akan kita ketahui potensinya dan potensi itulah yang akan kita cuba jana untuk ia menjadi lebih cemerlang.

Berdasarkan kepada apa yang telah saya sebutkan sebentar tadi dengan sistem baru iaitu *school improvement plan* yang hendak kita laksanakan yang mana setiap sekolah itu akan dinilai prestasi yang sedia ada dan apakah langkah-langkah yang wajar diambil oleh pihak sekolah dengan dibantu oleh pegawai di kementerian kita untuk membantu sekolah itu meningkat lagi tarafnya, umpamanya kalau dikatakan sekolah itu lemah dalam pelbagai bidang seperti mata pelajaran Inggeris ataupun Matematik dan sebagainya ataupun ia tidak begitu cergas dalam bidang kokurikulum disebabkan oleh kekurangan-kekurangan tertentu, maka inisiatif-inisiatif khusus akan kita ambil untuk kita perbaiki kemudahan-kemudahan itu dan dengan bimbingan yang akan kita lakukan *insya-Allah*, maka sekolah ini diharap mungkin tidak akan sampai ke taraf SBT dalam tempoh yang singkat tetapi daripada keadaan yang agak kurang baik kepada lebih baik, mungkin ke peringkat cemerlang dan akhirnya satu hari *insya-Allah* akan sampai ke tahap sekolah berprestasi tinggi.

Keduanya, kenapa kita pilih hanya 100 buah sekolah dan peringkat awal yang saya telah umumkan ialah setakat 20 sekolah. Pertama ialah kerana program baru

Tuan Yang di-Pertua, jadi ini pun dengan sebab baru ini banyak juga reaksi daripada masyarakat sama ada mereka menerima ini secara terbuka atau pun sebaliknya tetapi kita melaksanakan secara berperingkat kerana kita hendak pilih sekolah-sekolah yang benar-benar layak. Kita tidak boleh orang kata secara mudah begitu sahaja kerana yang telah saya sebutkan kriteria-kriteria yang ditetapkan dan *annex* yang perlu untuk mereka capai itu adalah agak tinggi dan disebabkan itu, maka peringkat awal kita pilih 20. Walaupun dalam proses *ranking* yang telah kita buat tadi kita dapati ada juga sekolah-sekolah lain mungkin tidak masuk dalam senarai 20 tetapi dalam kumpulan yang terbaik juga. Saya jangka mungkin, *insya-Allah* pada tahun hadapan sekolah-sekolah seperti ini juga boleh mampu meningkat pada satu kadar yang lebih tinggi lagi.

Ketiga ialah kerana masalah kekangan tertentu khususnya kerana soal kewangan kerana sekolah sebegini perlu kita bantu lebih sedikit supaya dapat mempertahankan kedudukan mereka dan disebabkan itu kita mengambil kira mengikut fasa-fasa yang telah pun ditetapkan di bawah NKRA yang telah ditetapkan di bawah Kementerian Pendidikan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, dalam keputusan SPM yang diumumkan baru-baru ini, baru dua daripada sepuluh *top ten students* dan tiga daripada *top ten schools* daripada SPM 2009 daripada senarai sekolah berprestasi tinggi. Bukankah perlu ada sedikit *correlation* antara keputusan-keputusan peperiksaan dengan senarai itu?

■1020

Kalau tidak, ini akan menawarkan sama ada profesionalisme dan kegunaan *ladies* ini. Mengapa ini boleh berlaku? Bukankah benar bahawa senarai *top hundred schools* nampaknya tidak begitu profesional yang mana sekolah-sekolah di Sarawak dan Sabah satu pun tiada. Walhal *top student* SPM ialah Gladys Tan Yee Kim dari SMK Green Road, Kuching. *Something is wrong*, bukan? Mengapa lagi ada tinggal daripada *top list* itu apa yang dianggap 40 tahun atau 50 tahun dahulu sebagai *top school* negara kita seperti Penang Free School dan St. Xavier; Penang, Victoria Institution, St. John Institution, Bukit Nanas, Convent di Ipoh, St. Michael, Anderson, Malacca High School, English College, semua tinggal.

Bukankah ini menunjukkan satu kegagalan dasar pelajaran oleh kerana apa yang kita patut buat, *lift up* standard sekolah-sekolah semua dan bukan *grade down* standard yang terbaik. Ini ada berlaku. Oleh kerana Yang Berhormat pun Pengerusi *Cabinet Committee Human Resource*, adakah beliau menggalakkan meritokrasi?

Saya cadangkan bahawa semua *top* SPM, 200 orang *top student* tidak kira kaum, tidak kira agama, daerah akan diberikan *scholarship* yang penuh pada peringkat *pre-university, university* sebagai satu galakan. [Tepuk]

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Banyak soalan. [Ketawa] Sepatutnya dua soalan sahaja tetapi tidak mengapa Tuan Yang di-Pertua.

Pertamanya, ya betul sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi yang terbaru apabila kita mengumumkan tentang keputusan SPM Gladys dari Sarawak mendapat keputusan yang terbaik. Kita memberikan tahniah kepada mereka dan saya panggil ke pejabat saya. Kita berikan *special award*, bagi galakan, ibu bapa pun datang. Ini cara-cara pendekatan yang kita gunakan untuk memberikan dorongan dan galakan kepada mereka.

Akan tetapi, keputusan peperiksaan itu hanya satu sahaja daripada kriteria. Lagipun ini keputusan untuk tahun ini. Jadi, kita tidak mengambil kira soal itu. Ini akan dinilai untuk tahun 2011 yang akan datang. Kalaulah daripada sekolah yang di mana Gladys itu adalah yang terbaik, dia bukan diambil kira atas keputusan dia sahaja. Mungkin dia seorang sahaja tetapi yang lain tidak mencapai kecemerlangan. Apalagi kalau kita mengambil kira tentang beberapa kriteria-kriteria yang lain.

Kita tidak mengambil dalam keputusan peperiksaan atau pun kurikulum, ko-kurikulum sahaja, perhubungan dia dengan peringkat negara dan antarabangsa, perhubungan dalam bidang yang lain yang kita ambil kira dalam apa yang saya sebutkan kriteria annex untuk mempertimbangkan di mana kedudukan sekolah itu tadi.

Memang saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Memang kita tidak menumpukan kepada 20 buah sekolah itu sahaja tanpa kita adakan satu *exercise* sebegini, dengan NKRA, sekolah itu sudah ada. Cuma orang tidak *recognize* di mana sekolah itu.

Tidak ada satu inisiatif dibuat untuk mengenal pasti sama ada dalam kalangan 10,000 buah sekolah yang telah pun kita bina di seluruh negara sejak dahulu lagi, ada sekolah yang sudah sampai ke tahap yang dikatakan tertinggi yang terbaik. Mungkin setanding dengan apa yang dicapai di sekolah-sekolah pada peringkat antarabangsa. Rupa-rupanya sudah ada. Cuma bilangan itu agak terbatas.

Oleh sebab itulah saya kira ini satu inisiatif yang memang baik. Ada penanda aras yang baru atau *benchmark* baru tentang pencapaian kita dalam bidang pendidikan. Akan tetapi, saya bersetuju sebagai Menteri Pelajaran, kita belum berpuas hati. Bukan

setakat sepuluh buah sekolah atau 20 buah sekolah atau pun 100 buah sekolah. Kalau boleh 10,000 buah sekolah, tetapi pokoknya, kita perlu mulakan dari sekarang.

Inilah inisiatif yang kita sudah ambil dengan memperkenalkan pendekatan baru supaya sekolah yang agak rendah itu, dinaikkan. Kalau umpamanya sekolah keputusannya tidak elok dan kegiatan-kegiatan lain di sekolah itu tidaklah setanding dengan sekolah lain, kita membantu mereka, *hand holding* mereka supaya daripada taraf yang rendah, dia naik. Kalau tidak naik 100%, 10% atau 20% atau 30%, langkah-langkah meningkat daripada satu tahap ke satu tahap. Ini mesti kita buat dan inilah langkah yang kita ambil.

Sebagaimana Yang Berhormat sebut, memang bukan sahaja kita hendak *grade up*, kalau boleh sepuluh atau seratus, kalau boleh semuanya tetapi ini akan mengambil masa. Oleh sebab itulah kita sudah pun sejak sekian lama mengambil inisiatif-inisiatif yang tertentu untuk menangani masalah sebegini.

Saya bersetuju memang pada peringkat Jawatankuasa Kabinet, kita memberikan perhatian pada soal pendidikan. Bukan sahaja di sekolah rendah, sekolah menengah atau pun sampai ke peringkat universiti kerana dengan Model Ekonomi Baru yang kita hendak laksanakan sekarang, kita memerlukan banyak tenaga-tenaga pakar dan mahir. Oleh sebab itu pada peringkat kementerian saya, saya telah membawa semula supaya bidang teknikal dan vokasional yang pada waktu dahulu dikemukakan sebagai salah satu daripada aliran di mana anak-anak kita boleh masuk ke situ, ditambah lagi. Ini dilaksanakan supaya ada kumpulan separa terlatih dan separa mahir yang diperlukan untuk mengisi keperluan dalam negara kita.

Soal pembiayaan untuk *scholarship*, ini biasa ditimbang. Tidak berapa lama lagi akan kita umumkan, Biasiswa Nasional, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan umumkan. Ia mengambil kira kriteria berdasarkan merit. Bukan kerana kaum, bukan kerana apa, siapa sahaja sama ada Melayu, Cina, India tetapi memenuhi kriteria yang terbaik dalam kalangan yang terbaik, maka itulah yang akan diberikan anugerah *scholarship* yang akan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak lama lagi.

**Tuan Haji Nasharudin Mat Isa [Bachok]:** Boleh satu soalan lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tidak perlu Yang Berhormat.

**2. Tuan Loke Siew Fook [Rasah]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan secara terperinci setiap KPI (*Key Performance Indicator*) yang disasarkan oleh Kementerian Dalam Negeri dan sejauh manakah pencapaian setiap KPI tersebut setakat ini.

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri telah mengenal pasti empat Petunjuk Prestasi Utama (KPI) berasaskan pada unsur-unsur mencapai kepentingan dan kesejahteraan rakyat iaitu:

- (i) Jumlah akta yang berkaitan dengan Kementerian Dalam Negeri yang dipinda, ditambah baik dan dimansuhkan dengan keutamaan diberikan kepada Akta Keselamatan Dalam Negeri;
- (ii) peratusan penyelesaian rayuan dan permohonan tertunggak kewarganegaraan;
- (iii) peratusan penyelesaian permohonan dan rayuan tertunggak permit masuk; dan
- (iv) peratusan penyelesaian permohonan tertunggak daftar lewat kelahiran.

Pada tahun 2009, Kementerian Dalam Negeri telah mencapai tiga daripada sasaran yang ditetapkan bagi kesemua KPI tersebut seperti berikut:

- (i) Pindaan Akta Keselamatan Dalam Negeri telah pun disediakan dan akan dibentangkan di persidangan Dewan Rakyat bersama-sama beberapa lagi akta berkaitan pencegahan yang sekarang ini sedang diteliti dan dikaji;
- (ii) permohonan kewarganegaraan yang tertunggak sebanyak 32,927 permohonan dari tahun 1997 hingga tahun 2006 telah pun diselesaikan. Tindakan sedang diambil untuk menyelesaikan permohonan yang diterima dari tahun 2007 sehingga 2008;
- (iii) permohonan dan rayuan permit masuk yang tertunggak, kesemua permohonan dan rayuan telah diselesaikan pada tahun 2009. Penyelesaian ini melibatkan 16,812 permohonan dan rayuan permit masuk bagi tempoh tahun 2001 sehingga 2008; dan
- (iv) permohonan daftar lewat kelahiran yang tertunggak, kesemua 93,360 permohonan yang dikemukakan antara tahun 2005 sehingga Jun 2009, telah pun diselesaikan. Permohonan dari Julai sehingga Disember 2009 adalah berjumlah 30,638 dan

sehingga 10 Mac 2010 sebanyak 30,313 permohonan telah pun diselesaikan dan meninggalkan baki hanya sebanyak 325 permohonan.

Kementerian Dalam Negeri telah membuat keputusan untuk meneruskan KPI tahun 2009 ke dalam tahun 2010 dengan memberikan beberapa tambah nilai terhadap KPI tersebut. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Rasah.

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Bukankah KPI yang paling penting untuk Kementerian Dalam Negeri ialah pengurangan kadar jenayah? Bagaimanakah rakyat Malaysia boleh ada keyakinan terhadap pencapaian KPI ini oleh Kementerian Dalam Negeri sekiranya ada tuduhan campur tangan pihak ketiga atau pun *third force* dalam Polis Diraja Malaysia (PDRM)? Ini bukan tuduhan daripada omong-omong kosong bukan cakap daripada orang ramai tetapi cakap daripada mulut Ketua Polis Negara sendiri.

Saya harap Yang Berhormat menteri boleh memberikan satu penjelasan yang sejelas-jelasnya dalam Dewan yang mulia ini berkenaan dengan perkara ini. Nampaknya adakah hubungan antara Yang Berhormat Menteri dengan Ketua Polis Negara ada keretakan kerana perlu Yang Berhormat menteri dengan Ketua Polis Negara berkomunikasi melalui media. Seolah-olah telefon di Bukit Aman rosak. Jadi, apakah masalahnya. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberikan penjelasan ini. [Tepuk] Terima kasih.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Pertamanya Yang Berhormat perlu tahu singkatan KPI dengan NKRA dahulu sebelum hendak sentuh berkenaan polis dan hubungan saya dengan IGP.

■1030

NKRA ini berhubung kait dengan *national key performance* di peringkat nasional dan kadar jenayah yang kita telah pun umumkan, yang diturunkan itu iaitu 20% sekadar jenayah jalanan menjelang tahun 2010 dan kadar jenayah keseluruhan 5% setiap tahun untuk tiga tahun berturut-turut tidak ada kaitan dengan NKPI yang saya umumkan tadi. NKRA terus merupakan agenda di antara enam NKRA yang telah pun diumumkan. Tuan Yang di-Pertua, dan telah pun kita lihat bahawa usaha kita untuk memastikan *omni present* tambahan daripada jumlah mereka yang berada di bawah, di jalanan

menunjukkan bahawa pencapaian kita ada penurunan dalam konteks indeks jenayah pada hari ini.

3.7% suku keempat 2009 berbanding suku kedua 2009 maknanya sudah ada penurunan dari konteks jumlah indeks keseluruhan. Dalam konteks jenayah jalanan pula ada penurunan 7.6% pada tempoh yang sama. Ini tidak menunjukkan bahawa ada keretakan di dalam hubungan saya dengan IGP dan saya sudah nafikan semalam. Kalau ada tuduhan-tuduhan daripada pihak ketiga mencampuri ia tidak menjejaskan agenda utama kita. Bermakna bahawa NKRA jangan kita campur adukkan dengan KPI yang disoal hari ini berhubung dengan kewarganegaraan, sijil kelahiran dan juga berhubung kait dengan masuk kerana NKRA itu merupakan agenda nasional yang tetap akan kita laksanakan.

**Tuan Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya akan menjurus kepada *core business* polis ini sebab di pekan-pekan yang kecil atau bandar yang kecil di Sarawak *especially*, polis ini saya dengar KPI mereka adalah jumlah kutipan saman ataupun jumlah saman yang diperolehi tiap-tiap bulan. Adakah ini betul atau tidak? Sebab kalau inilah yang menjadi KPI mereka, tumpuan mereka adalah bukan untuk menangani jenayah tetapi tugas mereka adalah kepada tugas-tugas yang juga dijalankan oleh kementerian ataupun jabatan-jabatan lain seperti JPJ, Kastam, Imigresen. Minta penjelasan.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Sebenarnya Yang Berhormat, tugas dan KPI yang telah pun ditetapkan untuk PDRM begitu jelas sekali. Di bawah NKRA, apa yang telah pun kita umumkan iaitu tumpuan kepada 50 kawasan panas yang melibatkan empat negeri, juga melibatkan beberapa balai-balai polis yang perlu kita naik taraf. Apa yang telah pun kita rancang untuk sekurang-kurangnya sehingga hujung tahun ini telah pun kita umumkan dan di sini kehadiran fizikal pihak polis sama ada melalui balai-balai bergerak, melalui motosikal, melibatkan orang awam, Rukun Tetangga, Rakan Cop dan sebagainya, itu akan dilaksanakan.

Secara keseluruhan dalam konteks tanggungjawab pihak polis, saya setuju bahawa banyak lagi yang perlu kita lakukan dan ini sedang dibincangkan menjelang Rancangan Malaysia Ke-10 di mana kita akan lihat bukan sahaja dalam konteks infrastruktur tetapi pada masa yang sama peralatan dan juga kebajikan pihak warga PDRM. Saya percaya esok dan lusa di mana kita akan meraikan Hari Polis, sedikit sebanyak perancangan kita untuk melihat kepada kedudukan PDRM dan kebajikan mereka akan tetap dibela dengan harapan bahawa apa yang Yang Berhormat sebut

untuk memikul tanggungjawab dan memberikan tumpuan kepada perkara asas dan tanggungjawab *core business* mereka itu akan menjadi keutamaan kepada setiap warga dan anggota PDRM.

**3. Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara]** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kerajaan bercadang meneruskan Program Imunisasi Human Papillomavirus (HPV) secara percuma untuk pelajar perempuan remaja sebagai langkah awal pencegahan barah pangkal rahim.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin]:**  
*Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tenggara di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, kanser pangkal rahim adalah merupakan kanser ketiga tertinggi di kalangan wanita Malaysia iaitu selepas kanser payu dara dan kanser kolorektal. Kawalan kanser tidak hanya memberikan fokus kepada penurunan dari segi kematian akibat kanser tetapi juga pengurangan dalam bilangan kes-kes baru. Justeru itu kanser pangkal rahim turut diberi keutamaan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan akan melaksanakan Program Imunisasi Human Papillomavirus (HPV) secara percuma kepada pelajar perempuan remaja sebagai langkah awal pencegahan barah pangkal rahim. Jemaah Menteri telah meluluskan program ini pada bulan September 2009 dan program pelalian ini dijangkakan akan bermula pada pertengahan tahun ini. Mengikut kajian dan laporan saintifik, 99% kanser serviks dikaitkan dengan jangkitan HPV.

Terdapat 13 jenis HPV yang boleh menyebabkan kanser serviks dan 70% kes kanser serviks adalah disebabkan oleh HPV jenis 16 dan 18. Kajian yang dijalankan di Malaysia adalah konsisten di mana 74% kes-kes kanser serviks disebabkan oleh sama ada HPV 16 ataupun HPV 18. Kajian yang dijalankan juga menunjukkan bahawa vaksin HPV ini memberikan 90% infeksi terhadap HPV 16 dan 18. Ia juga memberikan perlindungan silang terhadap HPV 31, 45 dan 52. Jenis HPV yang juga boleh menyebabkan kanser serviks. Kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa kumpulan umur kurang daripada 15 tahun mempunyai respons imuniti yang lebih baik berbanding dengan kumpulan umur yang lebih tua.

Oleh itu kementerian telah menetapkan bahawa pelalian ini akan diberikan kepada semua remaja perempuan yang berada di Tingkatan 1 serta mereka yang berumur 13 tahun bagi yang tidak bersekolah. Selain daripada memberi perkhidmatan

pelalian, program ini juga memberikan penekanan terhadap aspek pendidikan kesihatan untuk memberikan pengetahuan dan meningkatkan kesedaran kumpulan sasar utama iaitu ibu bapa dan penjaga murid perempuan Tingkatan 1 dan gadis 13 tahun dalam tempoh terdekat. Aktiviti pendidikan kesihatan yang akan dilaksanakan ialah edaran bahan bercetak dan penggunaan media massa. Terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Menteri di atas jawapan yang diberikan. Saya masih lagi hendak mendapatkan penjelasan sebenarnya, apakah rasionalnya kita memilih remaja umur 13 tahun untuk mendapat vaksin ini sedangkan vaksin ini diramalkan boleh bertahan untuk tempoh empat tahun sahaja dan ketika ini insiden barah pangkal rahim di Malaysia adalah sebanyak 62.9% bagi 100 ribu orang yang terdiri daripada umur 50 tahun hingga 69 tahun dan 50% yang didiagnosis antara usia 35 tahun hingga 55 tahun.

Kita tahu kaum lelaki masih merupakan vektor utama kepada merebaknya HPV ini dengan memindahkan virus ini semasa aktiviti seksual. Saya hendak tahu apakah usaha-usaha lain yang dilakukan oleh kerajaan selain daripada suntikan vaksin ini dalam usaha untuk terus melindungi wanita kerana vektornya ialah lelaki. Terima kasih.

**Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat Tenggara di atas soalan tambahan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, paras imuniti mereka yang telah diberikan vaksin HPV berada pada tahap yang tinggi walaupun selepas 5 setengah tahun menerima suntikan. Ini menunjukkan bahawa pemberian dos tambahan atau dengan izin, *boosted dose* pada masa yang akan datang adalah tidak diperlukan. Kajian ini juga menunjukkan bahawa kumpulan umur kurang daripada 15 tahun mempunyai respons imuniti yang lebih baik berbanding dengan kumpulan umur yang lebih tua. Ia secara langsung dapat menjelaskan bahawa pemberian vaksin HPV kepada remaja perempuan berusia 13 tahun dapat memberikan kesan pencegahan yang tinggi dan mengurangkan risiko untuk mendapatkan kanser serviks yang efektif.

Yang Berhormat, sebenarnya semua kaum wanita negara kita mempunyai risiko yang tinggi untuk dijangkit dengan HPV. Faktor yang menyumbang kepada kejadian penyakit kanser serviks adalah seperti merokok, pemakanan, sejarah keluarga dan jangkitan *Chlamydia*.

#### ■1040

Walau bagaimanapun saya bersetuju dengan Yang Berhormat yang mengatakan bahawa jangkitan HPV ini dikaitkan dengan 99% kes kanser serviks. Risiko jangkitan HPV paling tinggi adalah di kalangan wanita yang berusia kurang 30 tahun dan wanita

yang mengamalkan seks rambang, Yang Berhormat. WHO melaporkan anggaran 80% wanita berumur 50 tahun pernah dijangkiti oleh HPV dan hampir 20% daripada mereka dijangkiti oleh virus ini mengalami jangkitan kronik yang boleh mengakibatkan kanser.

Jadi untuk membincangkan mengenai usaha pihak kementerian di dalam melindungi wanita selain daripada vaksinasi ataupun pemberian pelalian ini, pihak kementerian juga menjalankan aktiviti seperti yang saya sebutkan tadi aktiviti pendidikan kesihatan, di mana golongan sasarannya bukan setakat pelajar-pelajar sekolah malah ibu bapa dan seterusnya kaum wanita. Vaksin ini juga boleh didapati di klinik-klinik swasta bagi mereka yang berusia lebih daripada 13 tahun sehingga 45 tahun. Jadi ia boleh didapati di klinik-klinik swasta.

Selain itu Yang Berhormat, kita juga bekerjasama dengan universiti-universiti tempatan di dalam memberikan – bukan sahaja universiti ini berperanan melakukan beberapa *study* ataupun kajian tetapi di samping itu kita juga melaksanakan program-program pengetahuan, khususnya untuk menyasarkan kepada golongan wanita juga. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya soalan ini, sejauh manakah kebenaran bahawa vaksin ini turut memberi kesan sampingan seperti *autism*, *hyperactivity* dan *dyslexia* seperti yang didakwa oleh seorang penulis Angela Perin di dalam bukunya *The Truth?* Sejauh manakah kebenarannya bahawa dua jenis vaksin yang digunakan, Gardasil dengan Cervarix ini telah diluluskan oleh pihak berkuasa kawalan ubatan Malaysia pada tahun 2007 sebenarnya belum diluluskan oleh Pentadbiran Makanan dan Ubatan Amerika Syarikat, US FDA?

Di samping itu, kos vaksin yang diberikan menerusi tiga dos suntikan ini dikatakan tinggi. Jadi saya ingin mendapat penjelasan berapakah kos yang ditanggung oleh kerajaan bagi melaksanakan program ini? Bagaimanakah kerajaan boleh memastikan program ini dijalankan secara menyeluruh dan ada kesinambungannya termasuk remaja di luar bandar? Terima kasih.

**Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan. Saya akan menjawab satu persatu. Mengenai kesan sampingan yang dikatakan oleh Yang Berhormat, sebenarnya Yang Berhormat memang terdapat beberapa kesan sampingan jangka pendek yang dilaporkan berlaku selepas pemberian vaksin HPV ini. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah meneliti kesan-kesan sampingan yang dilaporkan, dengan izin *Post-marketing Monitoring System* di negara-

negara seperti Eropah dan Amerika, dan mendapati tidak ada peningkatan dari segi kesan-kesan sampingan yang dilaporkan.

Di samping itu, tidak ada sebenarnya bukti kukuh yang mengaitkan antara kes-kes kematian yang dilaporkan dengan pemberian vaksin ini. Jadi Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan akan terus memantau kesan sampingan pemberian vaksin ini di Malaysia. Sehingga kini, tidak ada kesan-kesan sampingan yang dilaporkan kepada kementerian dan hanya kesan-kesan sampingan seperti demam, pening, pitam, muntah, bengkak dan sakit di tempat suntikan yang memang biasa sekiranya vaksin di *address* dengan izin, kepada penerima vaksin.

Jadi untuk pengetahuan Yang Berhormat, kerajaan membelanjakan sebanyak RM150 juta untuk proses pelalian vaksin ini untuk disasarkan kepada lebih kurang 300,000 pelajar ataupun anak-anak gadis yang berusia 13 tahun. Jadi selain daripada itu Yang Berhormat, untuk menjawab soalan Yang Berhormat mengenai sama ada ia dapat juga diberikan kepada mereka yang berada di luar bandar, sebenarnya untuk proses ini Yang Berhormat, sebenarnya di setiap daerah kita mempunyai pasukan kesihatan sekolah yang bertanggungjawab untuk membuat perkhidmatan kesihatan. Pasukan ini adalah pasukan yang sama digunakan untuk pemberian vaksin-vaksin pelalian yang lain seperti Tetanus, Rubella dan sebagainya. Jadi pasukan ini akan bertanggungjawab untuk memberikan pelalian vaksin terutama sekali kepada pelajar-pelajar kita, kerana kita mempunyai pasukan kesihatan sekolah ini di hampir semua daerah di seluruh negara. Jadi persoalan sama ada pelajar-pelajar sekolah yang berada di luar bandar tidak mendapat manfaat adalah tidak tepat, Yang Berhormat. Ia akan diberikan secara menyeluruh di seluruh negara. Terima kasih.

**4. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan kes yang disiasat oleh SPRM dan kes yang dibawa ke mahkamah sejak tertubuhnya suruhanjaya ini. Apakah prestasi usaha-usahanya untuk mendapat kerjasama awam seperti pertubuhan Cina dan bilakah laporan siasatan kes Teoh Beng Hock boleh diumumkan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Tuan Yang di-Pertua, sejak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau lebih dikenali sebagai SPRM ditubuhkan pada 1 Januari 2009, sehingga 28 Februari 2010 sebanyak 1,105 kertas siasatan dibuka dan seramai 187 orang telah dituduh di mahkamah. Yang 187 ini yang kita ambil daripada dahulu jugalah.

Dalam tempoh yang sama, SPRM telah mengemukakan 268 Laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ataupun LSPRM kepada ketua-ketua jabatan bagi tindakan tatatertib. Usaha mendapatkan kerjasama masyarakat Cina bagi membanteras rasuah telah dilaksanakan melalui dialog dan perbincangan awal dengan gabungan pertubuhan Cina Malaysia ataupun Hua Zong pada 10 Februari 2010. Hasil perbincangan tersebut telah dipersetujui supaya SPRM negeri mengadakan perbincangan yang sama dengan gabungan pertubuhan tersebut di negeri yang berkaitan.

SPRM juga telah melaksanakan kempen-kempen dan pengiklanan yang agresif dalam media-media berbahasa Cina bagi mendapatkan kerjasama dan sokongan mereka dalam membanteras rasuah. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, inkues berhubung kematian mengejut saksi SPRM iaitu mendiang Teoh Beng Hock masih lagi berjalan. Oleh itu, dipohon Yang Berhormat supaya bersabar sehingga mahkamah membuat keputusan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat memang kadangkala ada buat baik juga. 'Bagai air mencari jenisnya', kita berharap 'diberi berkuku hendak mencengkam' tidak berlaku.

**Beberapa Ahli:** Soalan, soalan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, yang kita hendak tahunya setakat manakah di dalam, misalnya 187 orang yang dituduh pihak SPRM berjaya untuk menyelesaikan kes-kes seperti ini dan juga kalau kita kira kes koroner, biasanya tempoh yang diperlukan untuk menyelesaikan kes-kes ini berapa bulan diperlukan ataupun berapa tahun diperlukan untuk menyelesaikan masalah seperti kes Teoh Beng Hock ini? Ini kerana, adakah Yang Berhormat sedar bahawa walaupun semua rakyat mengharapkan SPRM boleh memainkan peranan yang efektif tetapi kerana ada kes seperti Teoh Beng Hock, maka prestasi ataupun anggapan rakyat itu sudah terjejas dan untuk menyelesaikan masalah ini hakikat mengenai kes ini mesti diumumkan dengan secepat mungkin supaya SPRM boleh menjalankan tugas-tugas yang lain selain daripada dihalang oleh anggapan yang negatif ini.

■1050

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya ucapkan terima kasih, sebab jarang-jarang dia puji saya. Dia ahli panel. Nanti saya bolehlah bagi surat sokongan supaya dilanjutkan panelnya di SPRM. Tuan Yang di-Pertua, mahkamah bebas. [*Dewan riu*] Kita tidak boleh, SPRM ataupun saya sendiri ataupun *public opinion* tidak boleh

*pressure* untuk mahkamah menjalankan inkues seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Baru-baru ini pun apabila kita menekankan tentang NKRA kemudian adalah sedikit arahan supaya mahkamah dikatakan telah diminta supaya sijil dipercepatkan. Pihak peguam protes kerana dia mengatakan “*justice hurried is justice buried.*” Jadi kita tidak boleh memberitahukan kepada mahkamah oleh kerana *public* sedang menunggu maka cepatkan.

Itu tidak boleh dilakukan kerana pihak pembelaan dan juga pihak pendakwaan hendaklah diberikan ruang yang seluas-luasnya untuk membangkit apa juga isu dan inkues koroner mesti memberi ruang untuk mereka dengan izin *to exhaust their avenues*. Jadi kita tidak boleh menentukan satu masa untuk mereka menamatkan inkues itu, melainkan untuk membenarkan perkara ini berjalan sehingga dia sampai kepada akhirnya. Oleh kerana itu saya tidak boleh menjamin bila kita boleh umum keputusan koroner itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ya, Yang Berhormat di depan Yang Berhormat Tangga Batu itu.

**Beberapa Ahli:** Yang Berhormat Tebrau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sila Yang Berhormat.

**Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya kepada Menteri, saya sudah baca dalam akhbar Cina. Ada dari kalangan anggota panel penasihat SPRM yang membuat kenyataan terbuka tentang kes yang sedang disiasat bahawa kononnya orang-orang tertentu akan disiasat. Saya hendak tahu apakah kriteria dan bidang tugas seorang ahli panel penasihat SPRM? Apakah *locus standi* panel penasihat SPRM yang membuat ulasan terbuka kepada media mengenai kes yang sedang disiasat oleh SPRM dan sehingga menyebut nama yang berkenaan, minta penjelasan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, panel-panel ini dia mempunyai struktur, tanggungjawab dan peranan dia yang harus diketahui oleh mereka. Malangnya ada ahli-ahli panel, tetapi bukan Yang Berhormat Kepong Yang Berhormat dan Yang Berhormat Kubang Kerian, mereka menjalankan peranan dengan cukup baik sekali, yang saya dapat maklumatlah ya. Ini yang lain. Sebenarnya mereka itu bukan SPRM dan dia tidak boleh mengeluarkan kenyataan bahawa si anu-anu itu disiasat ataupun tidak. Perkara ini telah pun kita maklumkan kepada pihak SPRM supaya mengingatkan kepada ahli panel itu bahawa dia tidak boleh berbuat demikian.

Dia hanya boleh memainkan peranan seperti mana yang telah ditentukan oleh peraturan-peraturan. Jadi oleh kerana itu, saya cuma boleh menyatakan di sini iaitu bahawa SPRM telah pun dimaklumkan tentang perkara ini. Mereka telah pun memanggil dan mengingatkan kepada ahli panel itu bahawa dia tidak boleh mengeluarkan kenyataan apatah lagi dalam kes siasatan. Ini adalah hak SPRM dan kita pun tidak hendak bercakap kerana ada dalam akta itu sendiri yang menghalang daripada satu kenyataan dibuat kalau kes itu dalam siasatan. Jadi perkara itu telah pun diperbetulkan dan pihak SPRM sedia maklum tentang perkara ini.

**5. Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]** minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan akan menyediakan tempat tinggal yang selesa bagi anggota keselamatan di Pantai Timur Sabah serta kemudahan jeti bagi kegunaan pasukan Marin dan APMM di Lahad Datu demi menjaga keselamatan kawasan tersebut yang sering terdedah dengan ancaman pihak asing.

**Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Silam. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Agensi Penguasaan Maritim Malaysia (APMM) sentiasa melaksanakan rondaan dan penguatkuasaan di laut dengan kehadiran kapal-kapal dan bot-bot APMM secara berterusan, di kawasan perairan negara termasuk di perairan Sabah. Pegawai dan anggota APMM yang bertugas di kawasan Pantai Timur Sabah khususnya di Tawau disediakan tempat tinggal bersama keluarga, di mana rumah penginapan ini disewa secara blok oleh APMM. Manakala di Sandakan, pegawai dan anggota diberi Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) mengikut kelayakan masing-masing dan menyewa sendiri rumah di situ.

Penempatan pegawai dan anggota APMM di sebelah Pantai Timur Sabah akan menjadi lebih selesa apabila pangkalan APMM di Sandakan siap pada Jun 2011. Di samping itu kemudahan jeti bagi kegunaan APMM di Lahad Datu masih dalam perancangan dan akan disediakan dalam masa terdekat. Ia setelah mengambil kira perancangan kerajaan menyerahkan aset dan prasarana Jabatan Maritim lain yang melaksanakan tugas penguatkuasaan maritim kepada APMM. Adalah dimaklumkan di kawasan perairan Timur Tengah Sabah tidaklah sering terdedah kepada ancaman pihak asing.

Kejadian penculikan yang berlaku pada 8 Februari 2010 bukanlah melibatkan kumpulan militan, pengganas ataupun pelampau, tetapi daripada penyiasatan ianya merupakan persengketaan peribadi kerana masalah pembayaran gaji. Walaupun begitu

operasi khas dinamakan Operasi Setia Bersepadu yang melibatkan angkatan tentera Malaysia, Polis dan APMM sentiasa dibuat untuk memastikan keselamatan rakyat di situ adalah terjamin, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Silam.

**Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri kerana jawapan yang diberikan sekurang-kurangnya memberi keyakinan kepada rakyat di kawasan Pantai Timur Sabah tentang keselamatan dan kestabilan untuk kebaikan masyarakat kita di sana. Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah pendekatan dan inisiatif pihak kerajaan untuk memastikan walaupun kita tahu bahawa di Sandakan nanti akan dijangkakan siap APMM ini. Dalam rangka kerja sebab dari segi pantai di kawasan Pantai Timur Sabah ini jaraknya ataupun panjangnya sangat luas.

Pendekatan yang dibuat oleh pihak kementerian dalam masa terdekat ini untuk menangani aktiviti-aktiviti walaupun kejadian yang berlaku pada 8 Februari 2010 yang lepas tidaklah begitu serius. Akan tetapi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian dalam masa terdekat ini, inisiatif untuk memamatkan kestabilan ini dan agar pelancong tidak rasa takut untuk datang ke kawasan Pantai Timur. Ini kerana kita tahu aktiviti perekonomian seperti pelancongan dan perikanan adalah merupakan aktiviti yang paling utama dijalankan di kawasan Pantai Timur Sabah, terima kasih mohon jawapan.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih ahli Yang Berhormat. Inisiatif yang terkini yang akan kita lakukan dan telah pun kita laksanakan sebagaimana yang saya sebut tadi ialah Operasi Setia Bersepadu yang melibatkan ATM, Polis dan APMM. Selain daripada itu, perancangan kita ialah *insya-Allah* jika diluluskan, kita akan membina ibu pejabat APMM di Tawau, membina ibu pejabat APMM di Labuan dan ibu pejabat di Sandakan akan siap tahun 2011.

Selain daripada itu di Sepanggar kita akan membina dua ibu pejabat. Satu ibu pejabat wilayah, satu lagi ialah daerah maritim. Usaha-usaha ini sebagaimana yang diharapkan akan dapat membantu memastikan keselamatan. Selain daripada itu APMM akan terus melaksanakan pemeriksaan dan sebagai contoh pemeriksaan yang kita lakukan sehingga 19 Mac, sudah 2920 pemeriksaan kita lakukan. Kita juga ada menahan dari segi dokumen permit, pencerobohan nelayan, penyeludupan dan pendatang tanpa izin yang kita laksanakan dari semasa ke semasa termasuklah di kawasan perairan di Timur Sabah.

## ■1100

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa peranan atau perbezaan peranan APMM dan polis marin dan di antara kedua-dua agensi ini, adakah dia *duplicate*? Pada pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri haruskan Polis Marin dimansuhkan? Terima kasih.

**Tuan Ahmad Maslan:** Ia terkeluar daripada soalan ini tapi saya akan jawab juga. Sebenarnya ada 11 jabatan yang bertindih dalam soal penguatkuasaan undang-undang tetapi 11 jabatan itu merupakan jabatan yang dipanggil sebagai menguruskan secara *sectoral*. Antaranya Marin, Unit Udara Polis, Tentera Laut Diraja Malaysia, Tentera Udara, Jabatan Laut, Jabatan Perikanan, Jabatan Kastam, Jabatan Alam Sekitar, Sistem Pengawasan Laut dan juga Bahagian Keselamatan Negara. Kita telah membuat keputusan bahawa pada Ogos 2011 ini, APMM akan dijadikan sebagai agensi tunggal untuk memastikan tidak ada pertindihan tugas dan segala usaha ke arah mewujudkan agensi tunggal itu sedang dilaksanakan terutama daripada segi Polis Marin dan juga APMM.

6. **Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]** minta Menteri Kewangan menyatakan untuk menyenaraikan semua program-program yang dianjurkan oleh pihak kerajaan yang telah diberhentikan akibat peruntukan yang telah dikurangkan untuk tahun 2010.

**Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Wira Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan Yang Berhormat dari Setiu yang dikemukakan pada 29 Mac 2010 dan soalan Yang Berhormat Padang Besar yang dikemukakan pada 8 April 2010 oleh kerana isu yang dibangkitkan adalah sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik.

**Dato' Wira Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, tindakan mengurangkan perbelanjaan mengurus pada tahun ini adalah bertujuan untuk mengukuhkan kedudukan kewangan kerajaan di mana defisit negara telah pun diunjurkan untuk dikurangkan kepada 5.6% berbanding 7% pada tahun 2009. Langkah ini akan dapat meningkatkan tahap keyakinan pelabur dalam dan di luar negara. Walaupun bajet 2010 dikurangkan, namun agihan yang dibuat adalah berdasarkan keutamaan program ataupun aktiviti yang perlu dilaksanakan. Kerajaan sememangnya prihatin terhadap keadaan ekonomi pada masa kini dan telah pun mengeluarkan arahan dan garis panduan kepada jabatan-jabatan dan agensi-agensi

kerajaan agar lebih berhati-hati, berjimat cermat dan telus dalam membelanjakan wang kerajaan agar tidak berlaku pembaziran dan penyelewengan perbelanjaan.

Kementerian dan jabatan juga digalakkan untuk memberi keutamaan kepada program dan aktiviti yang melibatkan kebajikan rakyat. Malahan pengurangan perbelanjaan dibuat bagi aktiviti yang kurang atau tiada impak kepada rakyat seperti mengelakkan penyusunan semula organisasi yang melibatkan pertambahan perjawatan, mengehendkan perjalanan dan bilangan pegawai yang terlibat bagi menjalankan tugas rasmi, mengurangkan perbelanjaan berkaitan kerajaan, menjimatkan penggunaan utiliti serta mengawal perbelanjaan-perbelanjaan lain yang kurang penting. Walau bagaimanapun, program seperti bantuan subsidi dan insentif masih diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan tidak menetapkan mana-mana program anjuran pihak kerajaan untuk diberhentikan malah Kementerian Kewangan memberi kelonggaran kepada pihak kementerian mengenal pasti program-program yang lebih penting untuk dilaksanakan terlebih dahulu bersesuaian dengan peruntukan kewangan yang disediakan.

Langkah ini merupakan masa yang baik bagi semua kementerian dan agensi kerajaan menilai semula semua program dan aktiviti sedia ada dan menyusun semula program dan aktiviti masing-masing dengan memberi keutamaan kepada program dan aktiviti berimpak tinggi kepada rakyat terutamanya kepada golongan miskin dan yang mudah terjejas akibat perubahan senario ekonomi dunia. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Beruas.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ingin saya menanya Yang Berhormat Menteri. Oleh kerana pengurangan peruntukan, rakyat sekarang tidak tahu kalau mereka pergi ke hospital, apakah jenis ubat-ubatan ataupun peralatan kalau ada pembedahan yang dilakukan yang mereka perlu bayar. Pada masa yang lepas, mereka hanya perlu membayar secara nominal. Saya hendak tahu secara terperinci apakah ubat-ubatan dan peralatan yang rakyat mesti bayar kalau pergi ke hospital kerana mereka sekarang ini kluatir tidak ada wang untuk membayarnya. Kenapakah kerajaan kalau tidak ada wang, membazir RM10 juta untuk menubuhkan Klinik 1Malaysia semata-mata untuk kita kata slogan 1Malaysia dan telah dilaporkan ada yang tersilap diberi ubat-ubatan kerana tidak ada doktor dan pegawai yang memberikan ubat-ubatan merupakan orang yang tidak bertauliah. Bukankah ini satu pembaziran? RM10 juta ini.

**Dato' Wira Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat Beruas. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Kewangan ataupun Perbendaharaan adalah bertanggungjawab untuk membuat pengagihan selepas peruntukan-peruntukan diminta oleh kementerian masing-masing. Selepas ianya dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan, maka adalah bergantung kepada kebijaksanaan setiap kementerian untuk mengguna peruntukan yang diluluskan dengan sebaik mungkin. Yang Berhormat, pertanyaan Yang Berhormat agak terkeluar sedikit sebab Kementerian Kewangan tidak bertanggungjawab dengan jenis-jenis ubat yang disediakan oleh hospital kita. Sekian, terima kasih.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Belum jawab. Maksud saya ini apakah perkara-perkara yang telah diambil keluar daripada pemberian percuma?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Nak jawab Yang Berhormat?

**Dato' Wira Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, saya percaya soalan ini harus dituju kepada Kementerian Kesihatan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Kalabakan.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya bertanya ini bagi pihak rakyat Sabah. Saya dibagi maklumat bahawa jika sekiranya ada pengurangan peruntukan tetapi saya dapat maklumat, ketiadaan peruntukan ini, barang projek-projek di Sabah yang sudah ditender tidak diteruskan. Projek seperti lima pakej rumah guru di Sabah – RM100 juta, sistem pengairan di Kota Belud – RM28 juta, sistem pengairan di Tambunan – RM16.5 juta, dewan UMS Labuan – RM42.6 juta, berjumlah RM187.1 juta.

Projek ini sudah di tender. Kalau tidak ada kewangan, mengapa kita tender? Jadi rakyat Sabah mahu jawapan sama ada ini diteruskan atau tidak diteruskan sama sekali. Ini akibatnya akan buruk kerana kalau sudah ditender tidak dijalankan, ini masalah bagi kita. Saya minta jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Wira Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan. Untuk makluman Yang Berhormat, soalan yang dikemukakan pada hari ini adalah mengenai *operating expenditure* ataupun dalam perkataan lain, perbelanjaan mengurus bagi setiap kementerian. Saya percaya jika tender telah pun dikeluarkan oleh kementerian masing-masing mengenai projek-projek sama ada di Sabah ataupun di Semenanjung,

maka ianya akan dibina ataupun dilaksanakan. Kemungkinan ini akan mengambil masa yang agak panjang. Jika misalnya sesuatu projek yang di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan tapi oleh kerana dalam masa Rancangan Malaysia Kesembilan, tempoh lima tahun itu tidak dapat dilaksanakan mungkin ataupun dilaksanakan separuh, ianya akan dibawa bersambung pada Rancangan Malaysia Kesepuluh. Dalam perbelanjaan mengurus ini, bukan semua kementerian ini diarah untuk memotong peruntukan mereka.

Sebenarnya kalau kita buat perbandingan, dalam tahun ini 10 kementerian telah pun diberikan peruntukan tambahan untuk mengurus. Umpamanya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, oleh kerana kenaikan bantuan maka ianya dapat pertambahan dan juga Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air misalnya.

■1110

Oleh kerana kita melaksanakan teknologi hijau ini juga dapat tambahan. Ada juga kementerian yang tidak begitu penting dari segi permintaannya, ianya akan dikurangkan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**7. Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar [Jerantut]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah jaminan terhadap keselamatan dan keamanan di dalam negara dengan begitu ramai buruh asing yang bertugas di negara kita.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]:** Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Mulia Yang Berhormat Jerantut yang telah mengemukakan pertanyaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini Kementerian Dalam Negeri memberi jaminan kepada rakyat bahawa jenayah yang melibatkan pekerja asing di negara ini adalah terkawal. Mengikut statistik jenayah indeks yang melibatkan warga asing sepanjang lima tahun iaitu dari 2005 hingga 2009.

Didapati jumlah jenayah yang dilakukan oleh warga asing berbanding dengan keseluruhan jenayah yang dilaporkan bagi tempoh tersebut adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Kes jenayah melibatkan warga asing</b>	<b>Keseluruhan kes jenayah</b>	<b>Peratusan (%)</b>
2005	3,108	157,365	1.98
2006	3,495	186,453	1.87
2007	3,643	209,559	1.74
2008	4,882	211,645	2.31
2009	3,060	209,417	1.46

Daripada statistik ini, secara puratanya jumlah jenayah yang melibatkan warga asing bagi tempoh lima tahun adalah sebanyak 1.87% sahaja. Bagi memastikan keadaan dalam negara sentiasa aman dan selamat daripada ancaman kegiatan jenayah, pelbagai pendekatan telah diambil oleh Kementerian Dalam Negeri seperti mengadakan pemantauan dan risikan keselamatan di premis-premis yang dipercayai mempunyai populasi pekerja asing yang besar.

Selain itu melalui jaringan kerjasama di antara Polis Diraja Malaysia dan pihak Interpol serta pihak berkuasa di negara-negara jiran, mana-mana pekerja asing yang mempunyai rekod jenayah akan ditapis sebelum dibenarkan masuk dan bekerja di negara ini. Selain itu, Polis Diraja Malaysia turut memberi penumpuan terhadap usaha-usaha ini dengan mengadakan operasi bersepadu yang melibatkan kerjasama antara agensi-agensi kerajaan seperti jabatan imigresen, RELA, JPAM dan pihak berkuasa tempatan untuk menjejak mengesan dan seterusnya menangkap mereka ini.

Tindakan untuk mengambil cap jari dan dimasukkan ke dalam rekod sistem biometrik turut dilaksanakan bagi membolehkan kemasukan kali kedua pekerja asing tanpa izin ke negara kita ini dapat dikesan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ya, Yang Berhormat Jerantut.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar [Jerantut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ini kemungkinan lain sedikit daripada soalan asal. Kalau boleh dijawab di sini ataupun memberi jawapannya secara bertulis kemudian. Bolehkah Yang Berhormat Menteri atau kementerian memberi satu jumlah angka atau peratusan, berapa ramaikah tenaga buruh rakyat asing yang meninggalkan negara kita apabila habis tempoh khidmat dalam masa satu tahun? Terima kasih.

**Datuk Wira Abu Seman Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana pertanyaan itu begitu spesifik Tuan Yang di-Pertua saya memerlukan maklumat yang terperinci supaya saya boleh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat pun boleh minta secara bertulis beliau bagi tadi.

**Datuk Wira Abu Seman Yusop:** Saya akan menjawab secara bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sebagai soalan tambahan. Tadi, buruh asing yang terlibat dengan kes-kes jenayah ini, adakah pihak kementerian dapat mengesan di antara buruh asing ini berapa peratusan buruh asing yang tidak sah iaitu sepatutnya mereka balik atau kontrak telah tamat masih tinggal di negara kita yang melibatkan dengan kes-kes jenayah ini. Adakah peratusan di antara buruh asing ini yang telah ditangkap?

**Datuk Wira Abu Seman Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Maklumat ini juga saya tiada di sini, saya akan jawab secara bertulis jugalah fasal begitu spesifik sekali.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua boleh minta satu lagi soalan tambahan memandangkan Yang Berhormat dua soalan pun tidak dapat beri jawapan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Okey, okey Yang Berhormat. Saya bagilah Yang Berhormat Batu Gajah.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin tahu dengan peratusan yang telah diberi berkenaan kadar jenayah yang dilakukan oleh pekerja asing ini. Saya hendak tahu jenis jenayah yang dilakukan oleh mereka ini. Saya rasa dengan pemberian statistik ini jelas menunjukkan kita tidak dan jangan dan tidak wajar dengan cepat menuduh bahawa kadar indeks jenayah yang tinggi adalah dilakukan oleh pekerja asing. Saya hendak tahu jenis jenayah yang dilakukan oleh mereka?

Saya ingin tahu apakah pihak kementerian menyedari pelbagai masalah yang timbul melibatkan pekerja asing adalah disebabkan ada dua kementerian yang menguruskan pekerja asing Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Dalam Negeri. Kementerian Dalam Negeri menentukan pengambilan pekerja asing,

Kementerian Sumber Manusia yang mengetahui berapa ramai yang perlu. Jadi apakah kementerian akan menyelaraskan perkara ini memberikan bidang kuasa melibatkan buruh asing ini kepada Kementerian Sumber Manusia. Sebab Kementerian Sumber Manusia yang tahu berapa ramai yang diperlukan dan dalam sektor mana yang diperlukan. Apakah pihak kerajaan bersedia menyelaraskan bidang kuasa ini?

**Datuk Wira Abu Seman Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan pekerja asing ini bukan dua kementerian sahaja. Ia melibatkan beberapa kementerian termasuk selain daripada Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri ia termasuk juga MITI. Ini kerana melibatkan pekerja-pekerja kilang. Jadi oleh kerana itu pada hari ini satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh jawatankuasa daripada Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Dianggotai oleh anggota-anggota daripada kementerian-kementerian yang mana menguruskan berkaitan kemasukan pekerja asing di dalam negara ini. Jadi berkaitan dengan Kementerian Dalam Negeri dalam bahawa Kementerian Dalam Negeri menumpukan kepada keselamatan negara kita. Berkaitan dengan soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat berkaitan dengan jenis kes-kes yang dilakukan oleh pekerja asing iaitu adalah dalam beberapa jenis. Kalau jenayah kekerasan, kes-kes yang dilakukan oleh mereka adalah bunuh, rogol, samun berkawan bersenjata, samun berkawan tanpa senjata, samun bersenjata, samun tanpa senjata, mendatangkan cedera.

■1120

Bagi jenayah harta benda, semua jenis kes curi. Keduanya, curi lori dan van, curi motokar, curi motosikal, ragut, pecah rumah dan curi siang hari, pecah rumah dan curi malam hari.

Jadi di antara kes-kes yang telah saya nyatakan ini, kebanyakan kes yang tertinggi yang dilakukan oleh pendatang asing ini:

Jenis Jenayah	Jumlah Peratus
Samun berkawan bersenjata api	29.48 %
Bagi kes bunuh	17.06%
Samun bersenjata api	15.79%

Inilah purata yang saya nyatakan ini sepanjang lima tahun. Seperti mana yang Yang Berhormat nyatakan tadi, memang benar daripada jumlah kes yang saya nyatakan

tadi, peratusannya 1.87% purata. Jadi ia tidaklah menunjukkan apa yang berlaku di dalam jenayah ini, di negara kita bukan dilakukan oleh pekerja-pekerja asing. Jadi maknanya jenayah yang dilakukan oleh mereka, puratanya adalah 1.87% dalam tempoh lima tahun seperti mana yang telah saya sebutkan tadi.

**8. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan harga yang ditetapkan oleh kementerian dalam kursus pembelajaran memandu. Apakah langkah yang diambil oleh kementerian untuk mencegah rasuah dalam peperiksaan memandu dan juga institut pengajaran memandu yang sengaja menaikkan yuran pembelajaran memandu.

**Timbalan Menteri Pengangkutan I [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat di atas keprihatinan terhadap isu ini. Setakat ini, kerajaan tidak mengenakan kawalan kadar yuran belajar memandu yang dikenakan oleh institut memandu kecuali bagi kadar bayaran belajar dan kadar lesen memandu motosikal kelas B2.

Kerajaan berpendapat, pendekatan *market forces* pada peringkat ini iaitu tanpa menetapkan harga ke atas bayaran latihan di institut memandu akan mewujudkan persaingan yang sihat di antara mereka dan membolehkan kadar bayaran latihan belajar memandu akan menjadi lebih kompetitif. Ia turut memberi peluang kepada calon-calon pemandu memilih institut memandu yang menawarkan harga yang berpatutan. Walau bagaimanapun, semua institut memandu disyaratkan mempamerkan kadar bayaran yang dikenakan untuk membolehkan pengguna memilih dengan telus. Kerajaan juga sentiasa dari semasa ke semasa membuat penaksiran dan pemantauan ke atas operasi institut memandu bagi memastikan peraturan seperti syarat permit yang ditetapkan dapat dipatuhi sepenuhnya. Kegagalan mematuhi peraturan seperti tidak mempamerkan kadar bayaran yang dikenakan boleh menyebabkan permit institut memandu berkenaan boleh digantung atau dibatalkan.

Di samping itu, JPJ juga menjalankan pemantauan secara mingguan dan adhoc bagi kes-kes yang ada aduan untuk menangani isu-isu penyelewengan dan rasuah. Terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya sebenarnya dapat ilham untuk menanyakan soalan ini daripada seorang rakan saya dari Sabah kerana mereka mengadu bahawa fi yang dikenakan oleh institut pengajaran pemandu ini adalah terlalu mahal dan bayangkan di kawasan-kawasan di luar bandar seperti Kudat yang mempunyai ramai penduduk miskin. Bagaimana mereka

membayar fi sebanyak RM800 lebih untuk menyertai satu kursus pemanduan. Itu sebabnya saya menanyakan soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bila Yang Berhormat Menteri Pengangkutan memegang jawatan sebagai Menteri Pengangkutan, beliau pernah mengatakan beliau akan membuka pasaran untuk pemeriksaan kenderaan komersial. Itu maksudnya PUSPAKOM tidak akan jadi monopoli dalam bidang ini. *[Tepuk]*

Kita tahu juga bila PUSPAKOM jadi monopoli, selalunya pemandu kereta atau tuan milik kenderaan komersial ini terpaksa bayar rasuahlah supaya pemeriksaan ini boleh diluluskan. Jadi saya hendak tanya, apakah rancangan kementerian terhadap monopoli PUSPAKOM ini dan membuka pasaran pemeriksaan kenderaan komersial ini supaya ia tidak lagi dimonopoli oleh PUSPAKOM, yang mana saya tahu yang ramai tauke besar atau pengarah dalam PUSPAKOM ini adalah orang MCA dan juga Barisan Nasional. *[Tepuk]*

Jadi apakah rancangan kementerian ke atas ini dan apakah juga rancangan kementerian untuk membantu orang miskin di Sabah khususnya untuk belajar memandu dan untuk mengelakkan fi yang terlalu tinggi yang dikenakan oleh institut latihan pemandu.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih Yang Berhormat Seputeh. Soalan nombor dua berkaitan PUSPAKOM itu tidak berkait dengan institut memandu kerana soalan asal adalah berkaitan dengan institut memandu. Jadi bagi soalan yang pertama tadi, sebenarnya fi yang dikenakan itu adalah agak munasabah juga kerana seperti mana yang telah saya dimaklumkan, fi yang dikenakan oleh institut memandu adalah dalam lingkungan RM400 hingga RM1,200 bagi latihan 21 jam yang melibatkan...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ini gaji satu bulan tahu bagi pekerja biasa.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Namun ia melibatkan lima jam bagi kelas teori, enam jam bagi kelas teori dan praktikal dan sepuluh jam bagi kelas memandu. Ia adalah merupakan 21 jam minimum. Bagi mereka yang tidak begitu mahir, mungkin ia akan lebih daripada itu. Jadi RM400 sehingga RM1,200 itu adalah merupakan satu caj yang munasabah dan ini juga seperti mana yang saya jelaskan tadi, ia adalah berdasarkan kepada *market forces*. Ini bererti bahawa pengguna juga mempunyai pilihan dengan adanya persaingan bebas yang berlaku dalam institut memandu ini. Mereka juga boleh memilih institut memandu yang boleh menawarkan dengan kadar yang lebih murah.

Selain daripada itu, dengan cara begini juga, ia memberikan kesan kepada pemegang lesen itu kerana mereka mendapatkan lesen itu dengan satu nilai yang lebih tinggi dan ini secara tidak langsung akan menyebabkan mereka menghargai lesen ini. Terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Adakah RM1,000 itu janji luluskah?

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi kita mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebelum itu, terima kasihlah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan. Masalah PUSPAKOM sudah selesai di kawasan.

Tuan Yang di-Pertua, saban tahun kita mendengar dan melihat bahawa kadar kemalangan jalan raya cukup menakutkan apatah lagi di musim-musim perayaan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyoal soalan tambahan.

Adakah pihak kementerian bercadang untuk menyemak semula ataupun *revise* semula tentang pembelajaran memandu termasuklah memperbanyakkan lagi latihan praktikal di atas jalan raya di institut pengajaran memandu sebagai salah satu alternatif untuk kita mengurangkan kadar jumlah kemalangan di jalan raya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya pernah jelaskan di Dewan yang mulia ini sebelum ini, sebenarnya pihak Kementerian Pengangkutan telah pun membuat *revise* terhadap kurikulum institut memandu dan ia akan dilaksanakan dalam masa terdekat ini.

**9. Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]** minta Menteri Pelancongan menyatakan inisiatif-inisiatif yang sedang dan akan diambil untuk menarik lebih ramai pelancong asing ke negara ini memandangkan Malaysia banyak mendapat publisiti negatif dari media asing baru-baru ini.

**Timbalan Menteri Pelancongan [Dato Dr. James Dawos Mamit]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Simpang Renggam, pelbagai usaha promosi direncanakan untuk menangkis publisiti negatif media asing dan di antaranya ialah penganjuran Program Mega Familiarization Trip atau Program Lawatan Suai Kenal untuk media, agensi pelancongan dan korporat dari negara-negara asing ke Malaysia untuk melihat dan mengalami sendiri situasi dalam negara;

■1130

Untuk tahun 2009 sahaja Tourism Malaysia telah menjadi tuan rumah untuk seramai 1,500 orang merangkumi pelbagai bahasa media cetak, krew TV, krew radio,

wartawan majalah pelbagai negara. Kedua, perluasan publisiti mengenai produk-produk pelancongan melalui aktiviti perhubungan awam atau PR di pasaran-pasaran luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan usaha sebegini ia dapat memperkenalkan Malaysia dengan lebih meluas lagi di pasaran antarabangsa dan sekali gus menangkis laporan negatif media asing terhadap Malaysia. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat data yang diberi oleh kementerian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ringkaskan soalan Yang Berhormat.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Ya, ya. Separuh daripada jumlah pelancong yang datang ke Malaysia adalah pelancong dari Thai dan Singapura. Mereka datang kebanyakannya untuk membeli belah atau bermain di kasino. Jadi memandangkan polisi yang baru-baru ini dilaksanakan iaitu mengehadkan pembelian petrol dalam lingkungan 50 kilometer dan memandangkan kepada pembukaan kasino baru di Singapura baru-baru ini, saya hendak tanya adakah kementerian menjangka bahawa bilangan pelancong Singapura akan menurun? Juga apa pendekatan dan KPI yang akan diambil dan ditetapkan oleh kementerian demi menarik lebih ramai pelancong Singapura? Sekian, terima kasih.

**Dato Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat Simpang Renggam atas soalan tambahan itu.

Kalau kita melihat angka pada tahun 2010 bulan Januari, kedatangan pelancong daripada Singapura ialah 1,001,806 orang dan pada tahun 2009 bilangan pelancong daripada Singapura pada bulan Januari ialah 964,475 orang. Ini bermakna pertambahan 3.9%. Rakyat Singapura bukannya datang ke Malaysia hanya untuk bermain judi di kasino tetapi mereka mengikuti pelbagai aktiviti-aktiviti seperti aktiviti *ecotourism*, *family holiday* dan lain-lain. Juga Malaysia adalah satu destinasi *value for money*. Oleh yang demikian pelancong daripada Singapura di mana *exchange rate* mereka amat baik dengan duit kita, maka mereka akan terus datang.

Kementerian juga akan terus membuat promosi ke Singapura dan memberi pakej-pakej yang menarik supaya lebih ramai lagi mereka datang pada tahun ini. Bulan

Januari sudah membuktikan bahawa pelancong daripada Singapura sememangnya datang ke Malaysia. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahaja sesi pertanyaan dan jawab lisan pada hari ini.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]***

### **UCAPAN TAKZIAH**

#### **Ucapan Takziah Kepada Keluarga Allahyarham Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman Haji Daud**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan perasaan dukacita dan sedih ingin saya memaklumkan bahawa Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman Haji Daud, mantan Menteri Parlimen Putrajaya dan mantan Menteri Pertanian iaitu jawatan yang terakhir beliau di dalam Kabinet, telah kembali ke rahmatullah pada pagi ini Selasa, 23 Mac 2010 bersamaan 7 Rabiulakhir 1431 Hijrah.

Saya bagi pihak Ahli-ahli Dewan dan pihak Parlimen seluruhnya ingin merakamkan ucapan takziah kepada seluruh ahli keluarga beliau. Kita berdoa moga-moga Allah SWT akan mencucuri rahmat ke atas rohnya dan menempatkan di antara roh-roh yang soleh. Oleh yang demikian saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bangun. Kepada yang beragama Islam diminta menghadihkan *al-Fatihah* kepada roh Allahyarham dan kepada yang bukan beragama Islam diminta bertafakur selama satu minit.

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****11.36 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.00 malam ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 24 Mac 2010.”

**Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan [Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ya Yang Berhormat.

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Peraturan Mesyuarat 36(12). Saya berdiri untuk mengemukakan suatu peraturan mesyuarat yang menyatakan bahawa Dewan ini telah dikelirukan dan izinkan saya membaca fakta-fakta yang berada di hadapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, pada 4 November 2009 sewaktu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri datang ke Dewan ini untuk menjawab soalan saya yang berbunyi “meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bilakah tuntutan royalti minyak rakyat Kelantan akan dibuat oleh Petronas?” Pada ketika itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjawab dalam Dewan yang mulia ini bahawa, saya bacakan sebahagiannya Tuan Yang di-Pertua, dengan menyatakan bahawa, “*Negeri Kelantan dan negeri-negeri yang termasuk Terengganu yang terletak kawasan pengeluaran minyak ini di luar pantai atau offshore dengan izin, tidak layak untuk*

*mendapat pembayaran royalti.*” Dengan itu beliau menyatakan bahawa meski pun peruntukan perundangan itu jelas, Kerajaan Persekutuan sebelum ini telah memperuntukkan wang ihsan untuk negeri Terengganu dengan mengambil kira pengeluaran petroleum yang terletak di luar perairan negeri tersebut.

Dengan menggunakan penggunaan perkataan “wang ihsan” ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyifatkan berlaku satu penyelewengan, *mislead the House* dengan izin, di mana saya telah membawa suatu fakta, suatu surat yang dikeluarkan oleh Petronas pada 16 September 1978 dengan mengalamatkan surat ini kepada Yang Berhormat Datuk Setiawangsa, Pegawai Kewangan Negeri, Pejabat Perbadanan Negeri, Wisma Darul Aman, Kuala Terengganu. Tajuk surat itu adalah “Yang Berhormat Datuk, Anggaran Pembayaran Royalti Minyak Petroleum 1979.” Maka dengan ini, adakah jawapan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu dalam Dewan yang mulia ini dengan mengatakan itu adalah wang ihsan, sama sekali bertentangan dengan surat-surat termasuk surat yang saya pegang ini yang dialamatkan oleh Petronas kepada Kerajaan Negeri Terengganu yang jelas menunjukkan faktanya, wang itu dibayar adalah dengan nama wang royalti, bukannya wang ihsan. *[Tepuk]*

Maka, seharusnya saya merasakan dalam Dewan yang mulia ini kita memberikan satu penghargaan yang selayaknya kepada seorang negarawan tulen Yang Berhormat Mulia Gua Musang yang telah tampil untuk menjelaskan perkara ini dan juga Yang Berbahagia Tun Musa Hitam. Dua orang negarawan yang telah menyatakan dengan jelas bahawa Kelantan dan negeri-negeri Terengganu dan seluruh negara ini yang telaga minyaknya walaupun di luar pantai ataupun *offshore* dengan izin, layak untuk menerima wang petroleum.

#### ■1140

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya melihat ini suatu perkara yang jelas, Peraturan Mesyuarat 36(12) ini di mana Dewan ini telah diselewengkan dan wang ihsan itu disebut berulang kali dan oleh sebab Perdana Menteri tidak ada di sini atau pun wakil yang ingin menjawab, kita memberi masa satu minggu untuk beliau memperjelaskan perkara ini. Terima kasih. *[Tepuk]*

**Seorang Ahli:** 1Malaysia, *one standard*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat. Saya tidak hendak memanjangkan cerita ini. Saya kurang jelas latar belakang soalan. Saya belum melihat semua dokumen. Saya juga minta diberi peluang satu minggu juga untuk saya melihat semua dokumen-dokumen ini.

Jadi, kalau Yang Berhormat boleh minta, saya pun boleh minta juga. Saya tidak mahu *rush* kepada sesiapa pun.

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersedia bekerjasama dan saya bersedia menyerahkan semua fakta ini kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat.

### USUL

#### **MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti yang dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,  
Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kedua Belas.” **[22 Mac 2010]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Dijemput Yang Berhormat Pasir Salak.

**11.41 pg.**

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan selamat kembali ke tanah air kepada Yang Berhormat Permatang Pauh, sahabat lama saya. Yang Berhormat Permatang Pauh ini kawan lama. Lama sungguh, 40 tahun lebih saya kira.

**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]:** Sekarang tidak kawan kah?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kita pun dahulu puji dia, kita angkat dia, beri penghargaan kepada dia. Akan tetapi dahulu, sekarang tidak lagi. Oleh kerana kedudukan beliau sudah di tempat lain dan perjuangannya juga lain.

Saya merasa hairan mengapa Yang Berhormat Permatang Pauh berasa begitu iri hati apabila Yang di-Pertuan Agong memberikan pujian kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang ini adalah satu tradisi kepada utusan Yang di-Pertuan Agong apabila membuat Titah Ucapan di atas perkara-perkara yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri demi kepentingan negara dan juga kebajikan rakyat.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Jadi dengan sebab itu, untuk mempersendakan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong seolah-olah seorang Raja yang dianggap tidak mempunyai intelek, tidak mempunyai *intelligent* untuk membaca dan juga memahami ucapan yang disediakan dan untuk menerima dan tidak menerima apa yang disediakan. Ini satu penghinaan terhadap Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang amat dikesali.

Saya mendengar Yang Berhormat Ketua Pembangkang mengatakan, mengisytiharkan bahawa pakatan pembangkang adalah menyokong atau pun menerima Perlembagaan Malaysia. Di antaranya ialah Institusi Raja-Raja. Akan tetapi, perbuatan dan perkataan yang dihamburkan tidak mencerminkan apa yang disebutkan itu. Bukan sahaja di sini, di dalam Dewan Rakyat, Yang Berhormat Ketua Pembangkang juga menggalakkan penyokong-penyokong untuk menghina Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak semata-mata kerana tidak puas hati kepada keadaan politik di negeri Perak di mana pihak pembangkang...

**Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak beri jalan Yang Berhormat?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila.

**Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Dua kali Yang Berhormat Pasir Salak merujuk kepada sikap saya terhadap Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda

Yang di-Pertuan Agong dan juga Sultan Perak. Mengenai Titah Diraja, telah saya jelaskan tetapi hukuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Pasir Salak itu terlalu berat.

Saya sebut prosedur menyiapkan Titah Diraja. Ketua Setiausaha Negara mempengerusikan, rujuk kepada Timbalan Perdana Menteri mempengerusikan Jawatankuasa Kabinet. Serah kepada Perdana Menteri menyiapkan draf Titah Diraja. Memang benar akhirnya Titah Diraja. Draft itu jadi ucapan *from the throne* yang diserahkan oleh Perdana Menteri. Itu prosedur, kita kena faham.

Oleh sebab itu saya pertikai soal memuji Perdana Menteri tidak bangkit. Saya tidak ada masalah tetapi inilah kali pertama dalam sejarah selepas Merdeka 52 tahun di mana draf Perdana Menteri menyebut Yang di-Pertuan Agong pohon rakyat ikut teladan Perdana Menteri. Saya rasa terlalu terlanjur minta Institusi Diraja menggunakan Titah Diraja, menyentuh kedudukan ini. Janganlah Yang Berhormat Pasir Salak putar belitkan. Soal pujian tidak ada masalah tetapi keterlaluan memperalatkan Institusi Diraja untuk politik yang *partisan*, itu yang pertama.

Kedua, yang saya rasa berat ialah tuduhan yang jahat, yang menyatakan saya terlibat untuk meminta rakyat Perak menghina Seri Paduka Baginda Sultan Perak. Saya rasa keterlaluan. Kita boleh gunakan sidang ini tetapi saya harap sebagai – kalau betul kata sahabat lama, jangan kita jadi seperti mana beberapa sahabat terjun, terbang ini yang terlajak keterlaluan. Jadi, kita jaga kesopanan dalam Dewan. Kalau minta penjelasan tidak apa, macam APCO saya bagi penjelasan. Tolong dengar betul-betul. Nanti terkejut dengan maklumat yang saya sampaikan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih kepada saudara Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya bukan ingin membuat tuduhan yang melulu. Sebenarnya, sejak daripada bulan Mac 2008, pilihan raya dan duduk di dalam Dewan ini, saya telah menahan diri saya untuk membuat ucapan yang menyentuh soal-soal peribadi Yang Berhormat Ketua Pembangkang kerana saya menghormati beliau dan saya tidak mahu Dewan Rakyat ini menjadi tempat untuk mengaibkan sesiapa.

Jadi, dengan sebab itu saya lebih cenderung bagi kita untuk membahaskan kepentingan rakyat. Tidak dapat dielakkan sedikit sebanyak perbuatan kita sebagai pemimpin, sebagai wakil rakyat yang mempengaruhi keadaan politik negara yang mengheret rakyat kepada satu arah sama ada arah yang membawa kebaikan ataupun sebaliknya.

Saya boleh kalau Yang Berhormat berasa tidak berasa senang, saya boleh sebutkan dalam perkataan sedemikian. Saya ubah iaitu tidak mungkin bagi pengikut-

pengikut Pakatan PKR, DAP dan juga PAS menunjuk perasaan begitu rupa, memaki hamun kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Sultan kalau tidak dengan desakan dan juga galakan yang dibuat oleh para pemimpin. Kita tahu ini semua di mana ada pertubuhan, persatuan, kepimpinan memainkan peranan yang penting.

Kalau sekiranya Yang Berhormat Ketua Pembangkang merasakan tidak wajar bagi pengikut-pengikut untuk melakukan itu semua, Yang Berhormat pun tidak mahu *participate* dengan izin terlibat dengan gelagat itu. Saya percaya Yang Berhormat sebagai ketua pemimpin membuat kedudukan dan peranan untuk membendung perkara ini daripada berlaku.

Malangnya Yang Berhormat tidak melakukan ini kerana terbukti perbuatan ini berleluasa sehingga pada hari ini kita dapati bukan sahaja tunjuk perasaan itu sahaja yang berlaku tetapi diikuti juga dengan maki hamun yang dihamburkan di dalam *blog-blog* penyokong kepada parti pembangkang. Jadi, ini yang saya kesalkan. Apa salahnya Seri Paduka Sultan Perak apabila ia meluluskan, merestui penubuhan Kerajaan Barisan Nasional di negeri Perak.

#### ■1150

Kita sudah ikuti perkembangannya dari mula-mula sehingga sekarang, semuanya mengikut Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak, semuanya mengikut proses undang-undang dan juga kehakiman tetapi pada hari ini masih ada lagi pemimpin-pemimpin pembangkang yang mempertikaikan keputusan mahkamah. Selalunya pihak pembangkang mempertikaikan keadilan, kebebasan pihak mahkamah tetapi di dalam kes ini mengapa pihak pembangkang tidak menerima keputusan mahkamah apabila ia dibuat sedemikian rupa. Ini kuasa Duli Yang Maha Mulia melantik seorang Menteri Besar apabila didapati bahawa keadaan politik di dalam Dewan sudah berubah tetapi tidak puas hati pemimpin DAP terutamanya dari Taiping, dari Beruas tidak habis-habis dan bekas Speaker tidak habis-habis sampai hari ini pun ingin memakai jubah Speaker, apa ini?

Jadi saya harap perkara ini tidak diteruskan, selain daripada itu semalam kita mendengar...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Pasir Salak, mencelah Yang Berhormat

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kita mendengar Yang Berhormat Marang...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Lenggong hendak mencelah sekejap.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sekejap, saya habiskan ayat saya dahulu. Semalam kita mendengar Yang Berhormat Marang, tokoh agama, Tok Guru, kita hormat. Beliau membaca ayat Quran lancar, kita orang Islam pun tunduk kepada al-Quran. Kita juga takut kepada Allah SWT tetapi apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Marang itu, biar betul-betul ikhlas kerana dinilai niat kita, perbuatan kita, cakap kita dengan niat kita menuduh bahawa kerajaan Barisan Nasional terkenal dengan kroni-kroninya, pembangunan ekonomi negara ini dinikmati oleh orang-orang UMNO, pimpinan UMNO dan kalau saya tidak silap dan tolong betulkan saya kalau saya silap, Yang Berhormat Permatang Pauh pun menyuarakan ataupun melemparkan tuduhan yang sama.

Saya ingin membacakan di sini dengan izin, '*Malaysia has most number of billionaires in South-East Asia.*' Ini laporan *The Star* pada 12 Mac 2010. Saya hendak bertanya orang-orang ini adakah kroni UMNO? Malaysia mempunyai *most number of billionaires in South-East Asia.* Tycoon Tan Sri Robert Kuok ini UMNO? Robert Kuok UMNO? Saya hendak minta DAP tolong jawab nanti, ini UMNO? Lagi satu selain daripada itu, Tan Sri Ananda Krishnan, UMNO?

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** [*Menyampuk*] Anak Mahathir.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Orang masyarakat India mendabik dada ataupun mendakwa bahawa... [*Dewan riuh*]

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** [*Menyampuk*] Ananda Krishnan kroni UMNO...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Nombor 20, baca nombor 20 siapa?

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Tangga ke-20 siapa?

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** [*Menyampuk*] Tangga 20 Mokhzani Mahathir. Nombor 40 Nazir Razak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Siapa itu? Itu bukan kroni UMNO?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya minta *injury time* kepada Tuan Yang di-Pertua. [*Dewan riuh*] Boleh cakap, saya minta *injury time*. Saya

boleh jawab dengan izin, *you want to disturb me, I am prepared to listen* dengan izin, *but give me the injury time* Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak takut untuk jawab. *[Dewan riuh] Behave yourself! You are a Member of Parliament* dengan izin, *you are not school children.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tidak payahlah ganggu Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Malu dengan pelajar-pelajar yang berada di belakang. *[Sambil menunjuk ke arah pelajar di belakang yang menjadi pelawat]* Malu! Yang Berhormat Pokok Sena itu Naib Presiden PAS, tolong tengok kelakuan dan gelagat beliau...

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Pelajar-pelajar beritahu pada saya mereka meluat dengan Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *I am prepared to listen, you can shout, you can laugh, you can do anything what you like. Let the crowd judge you, it is not for you to judge yourself, okay?*

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu terdapat lagi nama-nama yang disebutkan di sini. Tan Sri Lee Shin Cheng, Tan Sri Quek Leng Chan...

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** *[Menyampuk]* Kroni UMNO!

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** ...Tan Sri Teh Hong Piow dan berbagai-bagai nama lagi. Melayu hanya satu dua...

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** *[Menyampuk]* Nombor 20 siapa. Nombor 20 dengan nombor 40 siapa?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tolong bangun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Pokok Sena...

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Nombor 20, anak kepada bekas Perdana Menteri, nombor 40 adik kepada Perdana Menteri. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ikut peraturan Yang Berhormat...

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Boleh tengok ini? *[Sambil menunjuk ke arah Yang Berhormat Pasir Salak]* Bukan ada otak ini! *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena!

**Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]:** Yang Berhormat Pasir Salak, mencelah sedikit.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Nanti sekejap, saya hendak jawab Yang Berhormat Pokok Sena. Terima kasih banyak-banyak Yang Berhormat Pokok Sena kerana perkataan-perkataan yang sungguh baik budi pekertinya, menunjukkan kehebatan dan ketokohan Naib Presiden PAS, pemimpin Islam. *Thank you very much.* Mungkin Tuan Yang di-Pertua, kita alu-alukan sikap yang sedemikian dari pihak Yang Berhormat Pokok Sena. Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** *[Menyampuk]* Kami tidak berkawan dengan Yahudi. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan di sini untuk menjawab apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pokok Sena tadi. Apakah beliau Yang Berhormat Pokok Sena berasa dengki, iri hati dengan kejayaan seorang dua bumiputera? Kenapa Yang Berhormat Pokok Sena berasa tidak senang? Tahu atau tidak Yang Berhormat pada hari ini di mana kedudukan ekonomi bumiputera? Kenapa kalau ada seorang dua daripada orang Melayu berjaya di dalam ekonomi tidak puas hati, dengki sama ada dia seorang anak Menteri, anak seorang Perdana Menteri? Kalau saya hendak ungkit, saya boleh ungkit siapa yang dapat apa? Hendak? *You want to listen?* Saya minta kebenaran Yang Berhormat Permatang Pauh. *Here I want to ask permission from Yang Berhormat Permatang Pauh. You want me to expose this? Don't please. No, no, no.*

Ini bukan tempat untuk mengaibkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya minta yang lain duduk diam Yang Berhormat ya? Dewan lebih tenang, lebih baik untuk semua.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya tidak mahu menggunakan tempat ini untuk mengaibkan sesiapa.

**Seorang Ahli:** Cakap besarlah boleh...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Apa lagi hendak tanya?

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Saya hendak sebut nombor 20 anak kepada bekas Perdana Menteri, nombor 40 adik Perdana Menteri sebab Yang Berhormat sebut dan membaca nama dan Yang Berhormat bertanya Robert Kuok ini

adakah UMNO? Saya sudah sebut, itulah dia UMNO. Nombor 40 itu UMNO, nombor 20 UMNO. Itu sahaja, saya bukan dengki.

**Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mencelah sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Saya melihat perbahasan sejak semalam, saya tidak hairan kalau Yang Berhormat Bukit Mertajam menyuarakan. Saya lagi tidak hairan kalau Yang Berhormat Batu Gajah menyuarakan. Akan tetapi sejak semalam saya nampak, bila kita faham akar umbi kita yang berasas kepada kita, yang berasas darah daging kita.

Semalam Yang Berhormat Padang Rengas menyebut tentang satu peribahasa 'anak jantan' tetapi kita dapati bahawa orang yang sepatutnya menjiwai peribahasa Melayu tempat kita, darah yang mengalir dalam badan kita tetapi golongan inilah yang mula menyuarakan seolah-olah mereka sudah tercabut akar asal usul mereka. Saya dapati tidak tahulah saya, apakah jenis darah yang mengalir dalam badan mereka. Kalau orang tua dahulu bercakap 'ambil tempurung, kencing dalam tempurung dan lihat wajah siapa di dalam tempurung tersebut'.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** *[Menyampuk]* Wajah UMNO.

**Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]:** Jadi saya nampak bahawa dengan menyebut satu dua nombor iaitu nombor 20, nombor 40 yang secara kebetulan anak Perdana Menteri, adik Perdana Menteri itu diungkit-ungkit seolah-olahnya bila anak Perdana Menteri, adik Perdana Menteri, bila orang UMNO mesti jadi papa kedana. Itulah saya dapati tanggapan sebahagian daripada pemimpin-pemimpin yang kononnya berjuang untuk Islam. Bagaimana komen Yang Berhormat Pasir Salak? Terima kasih. *[Ketawa]*

#### ■1200

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Boleh sambung sedikit?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, beri saya jawab dahulu sedikit.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Okey.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sebenarnya disebutkan bahawa manusia ini dijadikan sama tetapi perselisihan berlaku disebabkan hasad dengki. Yang Berhormat Titiwangsa seorang Muslimat PAS, tahu tentang ini? Yang Berhormat Wangsa Maju, silap, Titiwangsa... Yang Berhormat Wangsa Maju ikut saya

pergi Washington, hati-hati ya Yang Berhormat Permatang Pauh. *[Ketawa]* Tidak lama lagi. Jadi, ini soalnya perebutan di antara pihak sebelah sana dengan sini yang inginkan kuasa, kedudukan dan harta benda. Ini yang menyebabkan berlakunya pergaduhan, perselisihan yang mana berlaku di antara kita sesama kita. Akan tetapi berbezanya bagi pihak kita, kuasa yang telah dimiliki selama 50 tahun lebih kita gunakan untuk rakyat, bukan untuk kepentingan individu.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Lualan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sedikit lagi saya hendak teruskan.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Sedikit lagi?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Nanti saya beri masa kepada Yang Berhormat.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Nanti terlupa pula *point*.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak, tidak lupa. Catit, catit itu. Tulis, tulis.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Sedikitlah sebab tadi sudah sebut panggil Muslimat PAS tadi. Terpanggil ini.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tetapi jangan berpantun apa, siakap senohong, apa semua tu, jangan lagi lah. *[Ketawa]*

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Tidak ada, tidak ada. Sudah habis sudah pantun itu, sudah habis. Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Saya pun hairan jugalah bila Yang Berhormat Pasir Salak kata yang Titiwangsa Muslimat PAS. Memanglah saya Muslimat PAS, ada masalah kah? Itu satulah. Yang keduanya berkenaan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hulu Terengganu tadi tentang 'anak jantan' tadi. Anak jantan, kita tidak ada masalah. Sebutlah beberapa kali pun, tidak ada masalah. Akan tetapi apabila dianalogikan, disebutkan perkataan 'anak betina' dan dianalogikan bahawa 'anak betina' itu penakut, pengecut dan sebagainya, maka inilah masalahnya yang kita kata kita tidak mahu perkataan...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Ini digunakan sewenang-wenangnya di dalam Parlimen ini.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Okey, terima kasih.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Ya, anak-anak sekolah pun boleh melihat, boleh mendengar tentang perkara ini.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Okey, baik.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Jadi tidak timbul masalah kita sebagai orang Melayu kalau dikatakanlah, kalau apa yang saya faham daripada Yang Berhormat Hulu Terengganu, tidak mendaulatkan kemelayuan itu.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Okey.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** *Wallahu'alam.*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih. Saya Tuan Yang di-Pertua, tidak mahu melanjutkan perbalahan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya ingin pergi kepada – sebenarnya apa yang ingin saya sampaikan berhubung dengan pertama sekali, kedudukan ekonomi negara kita.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat hendak beri Yang Berhormat Beruas kah, Yang Berhormat?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Beruas, apa yang sudah Yang Berhormat Beruas buat di Perak? Jual pasir kepada Kerajaan Singapura, tak mengaku, bekas Menteri Besar telah mengaku. Hendak letak di mana? Yang Berhormat sudah tidak jadi Exco tetapi sebuah hotel telah didirikan di Ipoh. Saya diberitahu Yang Berhormat pun ada *share*. Tidak tahu betul atau tidak? Ini orang cakaplah, ya. Selain dari itu, kontrak-kontrak di bawah kerajaan pakatan pembangkang dahulu di Perak... Ini Yang Berhormat Permatang Pauh tidak tahu ini, dia main dengar laporan bagus sahaja. Banyak laporan tidak bagus ini, Kerajaan Pakatan di Perak ini, Yang Berhormat Permatang Pauh. Banyak sangat laporan saya dengar, kontrak-kontrak di Perak pada masa itu beri kepada kroni-kroni Yang Berhormat Beruas, kroni Yang Berhormat Taiping.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini dua orang ini, berlagak sebagai *warlord* di Perak ini. *[Ketawa]* Ha! Di Perak. Seinggakan bukan sahaja Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat Pasir Salak hidup di zaman Perang Larutlah.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** ...bukan sahaja rakyat Perak tetapi orang DAP sekalipun termasuklah yang ADUN Jelapang itu yang telah keluar daripada DAP sebab gelagat pimpinan DAP Perak. Ini Yang Berhormat Beruas dengan Yang Berhormat Taiping.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Tolong periksa itu ADUN Jelapang punya akaun.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa Yang Berhormat Pasir Salak ini jangan buang masa Dewan ini dengan meluahkan perkara-perkara yang tidak betul, yang berbohong biarpun semalam sudah pun dikatakan mungkin perlu dirujuk kepada jawatankuasa untuk mengambil tindakan terhadap beliau kerana beliau pun tidak faham eksport barangan dari Malaysia ini adalah di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan. Pembohongan besar semua orang tahu tetapi dia tidak tahu sahaja. Lagipun, adakah dia hendak katakan Robert Kuok, cina jutawan ini kroni DAP? DAP tidak ada langsung kontrak atau projek-projek. Yang pastinya, Barisan Nasional yang beri semua monopoli kepada kroni-kroni biarpun Cina, India, Melayu. Jadi kalau boleh..

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Okey terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Kalau boleh saya hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Pasir Salak. Jangan buang masalah. Berilah *point-point* yang bernas supaya kita boleh maju ke hadapan. Jangan gunakan pembohongan di Dewan ini.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan pembangkang pakatan...

**Seorang Ahli:** Eh, mana ada kerajaan pembangkang? *[Ketawa]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ia masa itulah. Pakatan, pakatan.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Sudah jadi kerajaan, mana ada pembangkang. Ini bahasa pun tidak faham.

**Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]:** Bolehlah kita tukar *position*...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kerajaan Negeri Perak di bawah pakatan tempoh hari. Dia jual pasir tidak ikut peraturan. Dia seludup. Dia seludup! Ini yang berlaku! Dia buat kerja bukan sebagai orang yang mengikut peraturan

dan undang-undang. Dia seludup melalui Lumut! Pakai baca sana pakai kapal melalui laut, kita tahu!

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Mana tahu? Apa mana tahu? Kita orang Perak, kita tahulah. Orang Selangor mana tahu! Yang Berhormat Shah Alam mana tahu!

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Yang di-Pertua, itu tunjuk rasuah Barisan Nasional kerana Barisan Nasional yang menjaga semua eksport ke luar negara.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyahut seruan Yang Berhormat Beruas supaya saya menyampaikan cadangan-cadangan. Saya tidak berhajat sebenarnya untuk berbalah, tetapi apabila dipersoalkan, saya terpaksa respons. Saya memberi cadangan, pertama sekali... *[Disampuk]* Saya tidak bercakap kepada pihak pembangkang isu ini, saya hendak bercakap dengan pihak kerajaan dan Menteri. *It is nothing to do with you, please shut up, [Dewan riuh][Ketawa]* dengan izin. Saya hendak minta kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Barisan Nasional yang telah pun melancarkan satu Gagasan 1Malaysia, "Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan" iaitu...

**Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]:** Tengok keluar dia punya saja, 10 ton saja.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Saya hendak tunjuk protes, saya hendak keluar Dewan kerana tidak mahu buang masa dengar Yang Berhormat Pasir Salak ini. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Thank you very much,* terima kasih. Silalah, dipersilakan. Jangan mesyuarat di bawah pokok lagi sudahlah. *[Ketawa]*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *[Bangun keluar dari Dewan]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Menteri Besar saya Dato' Zambri sebut ini penyakit orang, penyakit bulan mengambang. Dia, bila bulan mengambang, malam-malam dia mulalah pakai jubah. Inilah...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Ini Yang Berhormat Pasir Salak bakal-bakal serigalalah. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan. Pertamanya ialah pastikan bahawa Gagasan 1Malaysia itu benar-benar mempertahankan Perlembagaan negara kita dengan pelaksanaannya. Hak-hak

orang bukan Melayu jangan digugat. Orang Cina, orang India yang masih miskin, perlu dibela. Mereka dari Kampung-kampung baru masih lagi ramai yang miskin, perlu lagi dibela oleh Kerajaan Barisan Nasional. Kita tidak pilih bulu. Tidak pilih dari segi warna kulit, bangsa, atau agama. Betul. Ini adalah satu gagasan yang kita sambut baik dan alu-alukan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Dalam pada itu, saya ingin juga mengingatkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan supaya benar-benar mempertahankan kedudukan orang Melayu sebagaimana yang termaktub di dalam Perlembagaan. Kedudukan Raja kita dijaga, jangan biarkan mana-mana pihak untuk menghina dan mempersendakan Institusi Rajaraja. Itu pertama.

Keduanya, agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan. Kita mahu dijaga kedudukannya, kesuciannya. Kita tidak mahu ada golongan-golongan yang berkepentingan politik mempolitikkan agama untuk mendapatkan sokongan, berubah fatwa, berubah segala-galanya demi kepentingan politik. Kerajaan, dalam isu kalimah Allah yang telah dibangkitkan itu, kita mahu kerajaan mempertahankan bahawa ia jangan digunakan dengan sembarangan yang menyebabkan nanti berlakunya masalah akidah di kalangan generasi muda kita.

#### ■1210

Tuan Yang di-Pertua, memang kita mesti tegas dalam perkara ini. Perkara ini di bawa ke mahkamah, kita dengar keputusan daripada mahkamah, dalam pada itu kita juga mengetahui, apakah akan kesannya kepada orang-orang Islam di atas tindak-tanduk yang dibuat oleh mereka yang berkenaan ini. Mereka mahu menggunakan perkataan "Allah", selama hari ini tidak pernah guna pun di Semenanjung ini, kenapa hari ini sibuk hendak guna? Kenapa hari ini sibuk hendak dicetak dan sebagainya. Kenapa pada masa yang lalu, tidak pun tidak digunakan...

**Beberapa Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Jadi ini persoalannya, kita telah mencium bau, *we can smell the rat* kata Orang Putih, busuk. Inilah yang kita hendak pertahankan supaya ianya tidak berlaku dan kita akan disalahkan oleh generasi yang akan datang. Sekarang pun kita tahu bagaimana gerakan-gerakan tertentu untuk menggugat Islam, menggugat orang-orang Islam dengan akidahnya, kita tahu. Jadi oleh sebab itu kita sebagai kerajaan yang bertanggungjawab perlu mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya...

**Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Minta laluan Yang Berhormat Pasir Salak. Kawan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan iaitu berhubung dengan perancangan ekonomi negara. Kerajaan ...

**Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Hendak bagi atau tidak? Kalau tidak bagi, saya hendak duduk.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak bagi pun salah. Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat.

**Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pasir Salak ini yang pertama sekali saya ucap tahniah kerana dia satu-satunya wakil rakyat UMNO yang datang ke Parit Buntar untuk berdebat dengan saya. Jadi saya rasa itu satu keberanian bagi beliau, cuma saya menunggu kunjung balas, dia tidak panggil saya ke Pasir Salak untuk saya berdebat pula dengan dia di sana. Terima kasih.

Saya hendak sentuh sedikit tentang kalimah “Allah” ini. Pendirian parti kami sudah jelas. Presiden saya telah menjelaskannya semalam untuk didengar oleh seluruh rakyat Malaysia. Pertama, saya ingin menjelaskan apa yang dibuat oleh mahkamah kita tidak campur tangan, itu biarkan proses mahkamah berjalan. Kedua ialah tahu kah Yang Berhormat Pasir Salak bahawa walaupun tanpa kes ini di bawa ke mahkamah, kecuali negeri Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan, Sabah dan Sarawak, semua negeri-negeri sudah pun mempunyai undang-undang, enakmen negeri bahawa beberapa perkataan tidak boleh digunakan termasuklah perkataan “Allah”.

Jadi di sana sudah ada satu kawalan sebenarnya daripada isu lafaz kalimah “Allah”, itu satu. Kedua ialah, bukankah lebih baik isu ini dilihat dalam aspek yang lebih positif iaitu kita berdialog dengan masyarakat Kristian dan kita berwacana dengan mereka apakah kalimah “Allah” yang sebenarnya... [*Tepuk*] Saya rasa itu lebih bertamadun untuk kita melihat masa depan rakyat di negara ini, khususnya hubungan antara agama di dalam negara ini. Jadi saya mohon cadangan begitu kepada Yang Berhormat Pasir Salak. Terima kasih kerana memberi saya ruang.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Parit Buntar. Saya pergi ke Parit Buntar dan menerima jemputan. Terima kasih banyak dan dalam program itu Yang Berhormat telah memberikan *assurance* kepada kita, kepada saya dan kepada *audience* iaitu Yang Berhormat kata dengan izin, “*No problem with DAP, you can control them.*” *What*

*happen now?* Kenapa begitu ramai daripada PKR yang sudah keluar dan masalah utama ialah masalah dengan DAP. *It is already out of the control* Yang Berhormat... [Dewan riuh] Tuan Yang di-Pertua, saya...

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kita nampak UMNO sahaja yang *out of the control*. DAP okey.... [Ketawa]

**Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat...

**Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]:** Saya rasa awak sudah *confuse* sebab MCA dan DAP bukan parti yang sama... [Ketawa]

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** [Bangun]

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Shah Alam boleh pergi gereja, melawat banyak-banyak. Mudah-mudahan mendapat rahmat.

**Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Ini memang perintah daripada Allah untuk memperbetul...

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya sudah masuk lima gereja...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sudah cukuplah.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Boleh beri laluan kerana tadi sebut Yang Berhormat Shah Alam, berilah peluang saya jawab.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Cukup, cukup! Banyak lagi saya hendak sampaikan... [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memerlukan kewangan untuk membiayai pembangunan negara dan juga melancarkan projek-projek untuk kepentingan rakyat dan kita memahami bahawa keadaan ekonomi sekarang ini terjejas disebabkan krisis ekonomi global.

Walau bagaimanapun, saya mengharapkan kerajaan dapat memikirkan kaedah-kaedah tertentu bagaimana untuk mendapatkan tabung yang secukupnya bagi membiayai kepentingan projek-projek untuk kesejahteraan rakyat, projek-projek yang berdaya maju. Jadi dengan sebab itu saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya menggunakan kaedah PFI ataupun *Private Finance Initiative*. Jangan berasa teragak-agak, berasa bimbang dengan kaedah PFI ini kerana ianya memang membawa risiko kalau sekiranya kewangan itu digunakan untuk membiayai projek-projek yang tidak produktif, tidak berdaya maju.

Akan tetapi kalau sekiranya digunakan untuk projek-projek seperti pembangunan pertanian negara, yang boleh menghasilkan hasil pertanian yang setanding dengan

hasil-hasil pertanian seperti negara-negara lain seperti Thailand dan sebagainya. Boleh diekspor, yang membawa keuntungan dalam bentuk *foreign exchange* kepada negara dan juga pendapatan yang lebih tinggi yang kita harapkan untuk rakyat, *there is no problem*.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan PFI ini, selain daripada itu saya juga ingin mengingatkan kerajaan dan menyeru kepada pihak kerajaan untuk mengimbangi pertumbuhan ekonomi luar bandar dengan bandar. Kita telah meningkatkan dan menaik taraf kedudukan luar bandar kalau dibandingkan sebelum merdeka. Program pembangunan yang telah dibawa oleh kerajaan melihat bagaimana perbezaannya keadaan di luar bandar pada hari ini. Kita melihat kemudahan asasnya, infrastrukturnya, kemudahan sosialnya dan semuanya boleh dikatakan setanding dengan penduduk di bandar-bandar.

Namun begitu peluang ekonomi kepada penduduk luar bandar masih lagi agak sedikit. Dengan sebab itu kerajaan perlu melihat kalau sekiranya ingin menjadikan negara ini sebuah negara yang dipanggil *high income country*, kita tidak mahu melihat hanya orang-orang di bandar-bandar sahaja yang mendapat nikmat daripada *high income country* ini. Kita juga ingin dan mahu penduduk luar bandar Melayu, Cina dan India supaya pendapatan mereka juga dipertingkatkan. Kita menghadapi masalah besar pada hari ini kerana untuk meningkatkan pendapatan per kapita daripada RM7000 pada tahap ini sekarang ini kepada per kapita RM16,000 yang menjadi sasaran kita.

Ini satu peningkatan yang amat besar dan tidak mungkin tercapai kalau sekiranya kita tidak membuat perubahan, transformasi ekonomi yang besar di sektor luar bandar. Jadi sebab itu saya ingin mencadangkan kepada kerajaan, kawasan perindustrian di masa ini dan akan datang mesti di bawa kepada luar bandar. Bangunkan kawasan luar bandar dengan industri-industri yang baru dan yang hendak diluluskan oleh kerajaan.

Tidak menjadi masalah kepada industrialis untuk mereka mendirikan gedung-gedung, kilang-kilang di luar bandar kerana di luar bandar pada hari ini sudah cukup infrastrukturnya. Cukup dengan jalannya, cukup dengan bekalan elektriknya, bekalan airnya, tenaga pekerjanya malah tenaga pekerja di luar bandar lebih ramai lagi daripada pekerja di bandar-bandar. Jadi dengan sebab itu pertumbuhan ekonomi mesti diseimbangkan. Kawasan-kawasan yang masih lagi perlu diberi tumpuan, bangunkan industri-industri sederhana dan kalau perlu juga industri-industri berat. Ini kerana

kedudukan luar bandar dengan pelabuhan-pelabuhan yang menjadi perkara penting untuk pengeksporan tidak jauh.

Saya percaya kos *transportation* yang terpaksa dibiayai oleh industrialis tidak menjadi masalah kerana ianya boleh dikompensif oleh harga-harga barangan yang lebih murah di luar bandar, kos buruh yang murah, kos kehidupan yang murah dan sebagainya. Jadi banyak *benefit*, banyak keuntungan yang diperolehi oleh pekilang-pekilang pengusaha-pengusaha untuk mendirikan perusahaan mereka di luar bandar.

#### ■1220

Selain daripada itu, saya ingin menyeru kepada kerajaan terutamanya kepada syarikat kerajaan yang besar-besar, Khazanah Nasional yang mempunyai, saya kira beratus-ratus syarikat di bawah naungan mereka termasuk juga Sime Darby, termasuk juga beberapa syarikat yang lain. Mereka jangan membina empayar mereka sendiri. Kita dapati pada hari ini seolah-olah mereka mementingkan *bottom line* iaitu keuntungan syarikat.

Saya tidak tahu ada ramai orang memberitahu saya, ketua-ketua pegawai eksekutif mementingkan *bottom line* ini kerana ingin menunjuk kepada pihak bos, kepada ketua kejayaan mereka. Daripada itu, mereka akan mendapat imbuhan dalam bentuk bonus yang banyak dan kita mengetahui ramai daripada mereka yang mendapat gaji-gaji yang besar, beratus ribu, berjuta juga setahun. Ini tidak jadi masalah.

Akan tetapi yang kita ingin memperingatkan GLC mempunyai peranan yang penting untuk membantu kerajaan bagi menjayakan pembangunan di luar bandar. Gunakan segala *resources*, kewangan, kepakaran, pengurusan dan sebagainya itu untuk membantu masyarakat di luar bandar. Bina kilang-kilang di luar bandar sekiranya pelabur-pelabur asing merasakan mereka belum bersedia untuk ke luar bandar. GLC perlu ke hadapan dahulu, mendahului. Mereka sepatutnya memimpin masyarakat perniagaan, perindustrian untuk menjayakan pembangunan di luar bandar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat. Boleh menggulung?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja lagi. Saya ingin juga menyebut di sini berhubung dengan pendidikan dan pelajaran.

Saya dapati, masyarakat di luar bandar menghadapi masalah. Kita dapati bahawa kecemerlangan pendidikan masih belum lagi kita capai sebagaimana yang sepatutnya. Kalau kita bercakap untuk mewujudkan satu masyarakat yang kreatif dan

inovatif, penduduk luar bandar juga perlu kreatif dan inovatif. Untuk menjadi inovatif dan kreatif, mereka perlu mempunyai pemikiran yang kritikal, mempunyai ilmu dan pengetahuan yang tinggi, yang mendalam dalam mata pelajaran yang kritikal seperti Sains, Matematik, Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan sebagainya.

Akan tetapi malangnya daripada beberapa buah sekolah yang kita tinjau yang menunjukkan tipikal kedudukan di luar bandar, pencapaian pelajar-pelajar dalam mata-mata pelajaran ini amat menyedihkan. Jadi, saya menyeru kepada Menteri Pelajaran, kalau buat perubahan itu dan ini, tetapi pelaksanaannya pastikan bahawa ia berlaku dengan lancar dan berjayanya kerana kita tidak mahu melihat pelajar-pelajar di luar bandar ketinggalan dibandingkan pelajarannya.

Selain daripada itu, satu perkara yang penting ingin saya sebutkan di sini berhubung dengan kedudukan sekolah-sekolah di luar bandar ialah berhubung dengan pengajian agama Islam dan juga bacaan al-Quran. Saya telah membuat tinjauan beberapa buah sekolah. Tuan Yang di-Pertua, khusus kepada kalangan orang-orang Islam yang tentunya berasa, mengambil berat akan isu ini. Ramai murid sekolah yang tidak boleh membaca al-Quran. Ramai murid yang tidak boleh membaca al-Quran!

**Seorang Ahli:** UMNO...memerintah.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ramai juga orang PAS yang tidak tahu membaca al-Quran dan baca al-Quran pun menyelewengkan al-Quran. Itu saya tidak mahu sebut. Saya hendak sebutkan sekarang ini masalah pelajar-pelajar di kampung-kampung yang menghadapi masalah ini. Kalau mereka tidak boleh membaca al-Quran, bagaimana mereka hendak mendirikan solat. Tidak boleh baca surah al-Fatihah. Bagaimana hendak membaca...

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** *[Bangun]*

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat Pasir Salak boleh mencelah?

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Minta laluan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini tidak ada kena mengena dengan Yang Berhormat Taiping.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat, saya cadangkan kerajaan Barisan Nasional belajar daripada Kerajaan Pulau Pinang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Kerajaan Pulau Pinang beri pengiktirafan, anugerah kepada *hafiz*. *[Dewan Riu]* Siapa yang dapat menghafal al-Quran, dapat insentif. Ikut teladan Ketua Menteri Pulau Pinang. *[Dewan riu]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini Yang Berhormat Taiping, baca al-Quran tetapi dia kencing pun tidak basuh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Titiwangsa.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** *Astagfirullahazim.* Saya minta laluan.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** *[Bangun]*

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Salak sudah hendak habis.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya minta Yang Berhormat Pasir Salak ini tarik balik. Tarik balik apa yang dicakap.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat Pasir Salak hari ini makan pasirkah? Cakap yang bukan bukan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini pun satu orang lagi dari Padang Serai. Dia minum tadi kemudian baca al-Quran

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Apabila saya kata..

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Pasir Salak jangan sasau.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Sudah mabukkah ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Balik dari Genting Highlands kah ini Yang Berhormat Pasir Salak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kalau hendak baca al-Quran...

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Saya minta laluan sikit.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya minta Yang Berhormat Pasir Salak tarik balik tentang...

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Yang Berhormat Taiping.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Apa yang dikatakan tentang Yang Berhormat Taiping tadi.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Saya minta laluan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Memang betul! Tanya dia. Bila awak buang air kecil, ada basuh atau tidak?

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Pasir Salak ada lihat dia?

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Buang air besar buang air kecil, ada basuh atau tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat ini makan pasirkah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya minta yang lain duduk.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Adakah Yang Berhormat Pasir Salak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Titiwangsa, Yang Berhormat Taiping dan Yang Berhormat Padang Serai, sila duduk.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Okeylah, tamatkanlah perkara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Silakan duduk Yang Berhormat.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Melahirkan kata-kata kesat dalam Parlimen, dalam Dewan yang mulia ini jatuh standard ini Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Itu perkara kecil sahaja.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Itu perkara kecil sahaja. Tidak perlu di bahaskan lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Salak boleh habiskan?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Itu perkara kecil tidak perlu kita cakapkan lah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Rupanya ada Ahli Parlimen kaki mengendap.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya minta kepada kerajaan, saya tidak minta kepada parti pembangkang. Apa yang sibuk. Saya minta kepada kerajaan, Menteri Pelajaran supaya memberikan perhatian masalah ini. Kita hendak mengatasi masalah ini supaya ia...

**Dato' Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak lagi menjadi masalah pada masa yang akan datang.

**Dato' Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu]:** Minta laluan.

**Beberapa Ahli:** Jarang. Jarang.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Jarang bertanya ini. Boleh *[Ketawa]*.

**Dato' Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat Pasir Salak, adakah Yang Berhormat masih ingat apabila Menteri Pelajaran Malaysia pada satu masa dahulu mengharamkan pelajaran Jawi daripada kurikulum pendidikan negara?

**Seorang Ahli:** UMNO. Hidup UMNO.

**Dato' Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu]:** Adakah Yang Berhormat masih ingat apabila Menteri Pelajaran Malaysia mengharamkan pengajaran Jawi daripada kurikulum pelajaran Malaysia? Ini lah punca sebenarnya.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih. Ini Yang Berhormat mana tadi? *[Ketawa]* Yang Berhormat Kota Bharu. Lupalah fasal rencamlah melihat depan itu. Ramai sangat bersorak-sorak macam... Susahlah nak cakap.

**Seorang Ahli:** Jawab. Jawab.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingat perkara itu. *[Ketawa]* Saya tidak ada masalah. Kalau sekiranya...*[Disorak]* Tidak. Tiada masalah

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Ini ...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kalau sekiranya ada kesilapan pada masa yang lalu, kita perbetulkan. *No problem*. Kita bukannya malaikat. Kita manusia. Ada perkara-perkara yang kita buat tidak betul, kita betulkan. Ini masalahnya pada pihak pembangkang yang tidak betul pun hendak menegakkan benang yang basah. *That is the problem with all of you*. Jawab!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Habiskan, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Shah Alam menjawab. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Pasir Salak atas kesedaran bahawa memang banyak kesalahan dan kesilapan yang telah berlaku bahawa Kerajaan UMNO Barisan Nasional ini bukan kerajaan malaikat.

Atas dasar itulah sudah tiba masa rakyat Malaysia dapat menikmati satu kerajaan baru yang boleh menunjukkan cara yang lebih baik, pentadbiran yang lebih telus, dasar kepimpinan yang lebih adil supaya semua kesalahan yang telah dilakukan oleh UMNO Barisan Nasional kita boleh diperbetulkan. Masalah dengan UMNO Barisan Nasional ini, ia sehingga ke hari ini tidak mahu mengaku dan memperbetulkan dasar-dasar ini. Ia terus sehingga ke hari ini...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang amalan korupsi diteruskan. Itu yang saya sebutkan tadi. DAP tidak ada masalah. Dia tidak merosakkan institusi kehakiman.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Okey, terima kasih.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** DAP tidak ada masalah. Dia tidak merosakkan SPRM.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Faham. Faham.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dia tidak merosakkan polis. Yang merosakkan...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Faham. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang merosakkan semua institusi ini adalah UMNO. Lalu masanya sudah tiba. Kalau betul mengaku kesalahan, letak jawatanlah. Berilah orang lain pula memerintah dan kita tunjuk cara yang lebih baik.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Hendak menjadi Menteri apa agaknya? *[Ketawa]*

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Inilah masalahnya dengan UMNO ini. Dia ingat semua hendak menjadi menteri. Masuk sahaja hendak menjadi menteri. Kita tidak perlu menjadi menteri. Bukan seperti Yang Berhormat Pasir Salak, hendak menjadi menteri. Kalau tidak, tidak mahu menyokong. Kenal kepada Ketua Pembangkang selama 40 tahun. Hormat, junjung apabila ada jawatan. Tidak ada jawatan, tidak kenal dah. Tidak kisah. Tidak hendak tolong walaupun dia dizalimi dan difitnah macam-macam. Kalau kenal 40 tahun, Yang Berhormat Pasir Salak, bagaimana Yang Berhormat boleh mendiamkan diri apabila dia difitnah dengan tuduhan yang memalukan.

■1230

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih, terima kasih.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Begitu juga saya hendak sebut...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sudahlah, jangan bersyarah.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang mengatakan dia kenal 30 tahun.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sudahlah. Jangan bersyarah.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Semua yang diceritakan oleh Ketua Pembangkang kepada dia.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Okey.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kalau 30 tahun sudah kenal, takkan boleh diam diri kalau dia difitnah. Kawan macam mana? Rosak persahabatan oleh kerana UMNO. UMNO ini rosakkan semua. Betul?

**Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]:** Jumpa Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu itu.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, boleh habiskan, Yang Berhormat?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, saya perlu jawab, Tuan Yang di-Pertua. *[Disampuk]* Saya tidak boleh hendak menyokong sebab soal fitnah, tidak fitnah ini saya tidak tahu. Saya tidak tengok.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Apa yang berlaku masalah peribadi Yang Berhormat, saya bersimpati. Saya tidak suka orang mengaibkan beliau tetapi bagi saya untuk menyokong, saya tidak tahu.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bila dia dipukul oleh bekas Ketua Polis dahulu, ada cakap apa?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Cakap apa?

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dia dibelasah, ada buat apa-apa? Bila dia dipenjarakan dibelasah hampir mati, Pasir Salak cakap apa? Tiba-tiba hendak mengaku kata kawan 40 tahun. *[Disampuk]* *[Ketawa]* Bayan Baru cakap apa? Tiba-tiba hendak mengaku kata 30 tahun kawan rapat. Semua perkara Ketua Pembangkang cakap dengan dia. Tidak ada rahsia kononnya. Janganlah hendak jaja

kata kawanlah, sahabatlah. Sahabat ataupun kawan dibuktikan bukan dengan cakap tetapi dengan amalan. Betul tidak?

**Beberapa Ahli:** Betul.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Siapa... Sudahlah itu. Ini membuang masa kita bercakap soal personal di sini buat apa. Tadi saya sudah sebut kalau Kerajaan Barisan Nasional ada sedikit sebanyak yang tidak betul, bagilah pandangan, bagilah teguran.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kita bagi pandangan, kita ditahan ISA. Betul tidak?

**Beberapa Ahli:** Betul.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kita beri teguran, kita ditahan bawah ISA. Hendak buat ceramah dihalang. Hendak bertemu, hendak berbincang, hendak berikan penjelasan...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sudah.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Macam-macam yang difitnahkan terhadap kami. Macam mana ini?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini *floor* siapa sebenarnya ini?

**Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]:** Yang awak bercakap itu apa?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ya. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tadi ditanyakan...

**Tuan Haji Taib Azamudden bin Md. Taib [Baling]:** [*Bangun*]

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ha, ada pula lagi. Macam mana saya hendak bercakap? Habis masa saya. Sila, sila. [*Ketawa*]

**Tuan Haji Taib Azamudden bin Md. Taib (Baling):** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Pasir Salak. Saya hendak berbalik yang tadi mengenai dengan al-Quran di sekolah dan terima kasihlah kepada Yang Berhormat Pasir Salak kerana bersetuju bahawa salah satu punca kelemahan pelajar-pelajar membaca al-Quran disebabkan penghapusan tulisan jawi di sekolah pada satu ketika dahulu sebagaimana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kota Bharu. Apakah Yang Berhormat Pasir Salak boleh bersetuju...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *Please stand up. You tell me, you stand up.*

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sudah ada ditetapkan masa untuk 30 minit tetapi saya rasa Pasir Salak sudah menggunakan melebihi 1 jam. Jadi, macam mana ini, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya. Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat sedar tidak, dua, tiga kali saya suruh Pasir Salak berhenti? Akan tetapi di sebelah sini masih hendak bertanya dengan Pasir Salak. Pasir Salak tidak duduk. Sudah tiga kali. Tiga kali tetapi untuk makluman Yang Berhormat, Pasir Salak sekarang berucap belum sampai 1 jam, baru 50 minit, *from the way he starts*. Saya sudah tegur tiga kali, Yang Berhormat. Jangan salahkan *the Chair* kerana perkara ini. *I have reminded him three times to stop* tetapi pihak Yang Berhormat Shah Alam tidak berhenti untuk bertanya. Sekarang ini Yang Berhormat Baling berhenti bertanya dengan Pasir Salak. Kalau kita bekerjasama ini, kita boleh. Yang Berhormat Pasir Salak sudah hendak berhenti, saya tahu, tetapi dia diminta respons. *So* dia akan respons balik. Saya tidak boleh matikan ini. *I cannot force him to sit down but I have reminded him*. Terima kasih Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa hari itu Tuan Yang di-Pertua katakan bahawa Tuan Yang di-Pertua ada kuasa untuk memilih siapa yang bercakap dan saya rasa kuasa ini Tuan Yang di-Pertua supaya menyuruh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya punya kuasa, Yang Berhormat. *But I cannot... [Disampuk]*

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Menguruskan mesyuarat supaya kalau 30 minit ditetapkan, haruslah dengan segala hormat bahawa Tuan Yang di-Pertua boleh menguruskan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik. Ya, saya minta kerjasama semua pihak. Saya tidak boleh berhentikan dia. *I cannot force him to sit down* tetapi *I have reminded him three times, okay. I have done my best*. Akan tetapi Shah Alam tidak berhenti untuk bercakap. Kalau semua bekerjasama, dia tahu. Yang Berhormat Baling bertanya, Yang Berhormat Shah Alam bertanya. *I even wrote a note to Yang Berhormat Gombak supaya to remind everybody here to stop from asking him questions.*

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *He will stop.*

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Jadi saya rasa kalau boleh dia boleh *stop* sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *Now they are... [Disampuk]* Yang Berhormat, you *don't do like that*. Kita pakai kebijaksanaan, Yang Berhormat. Kalau *30 minutes, 30 minutes on the dot, I will know that because some of you also*, di kalangan sini pun tidak *abruptly 30 minutes, 30 minutes*. Kita pakai kebijaksanaan. Kadang-kadang lebih 5 minit, kadang-kadang kurang 5 minit. Kita menggunakan kebijaksanaan, tetapi...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya sudah tiga kali *reminded him. It will be in the Hansard. You can check in the Hansard, tiga kali I have reminded him to stop.*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *I am going to stop. Wait,* masa saya gunakan saya ingat dalam 20 minit sahaja. Selain daripada itu semua Yang Berhormat gunakan.

**Tuan Haji Taib Azamudden bin Md. Taib [Baling]:** Bagi Yang Berhormat Baling dahulu.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Bertanya soalan, penjelasan dan sebagainya. Saya bercakap, berdiri, *I think not more than 20 minutes. Other minutes all spent by you. So?*

**Tuan Haji Taib Azamudden bin Md. Taib [Baling]:** Bagi Yang Berhormat Baling.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Habiskanlah, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Taib Azamudden bin Md. Taib [Baling]:** Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat Baling belum habis.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Belum habis? Okey, tidak apa.

**Tuan Haji Taib Azamudden bin Md. Taib [Baling]:** Tadi... Menyambung yang tadi, kalau kita menyedari bahawa salah satu punca besar menyebabkan pelajar sekolah tidak boleh membaca al-Quran adalah disebabkan penghapusan tulisan jawi pada satu ketika dahulu sebagaimana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kota

Bharu, apakah Yang Berhormat Pasir Salak boleh bersetuju untuk masukkan dalam ucapan Yang Berhormat pada pagi ini bahawa masa sudah sampai untuk kita belajar di atas kesilapan, kita mewajibkan balik, lebih-lebih lagi Menteri Pelajaran sekarang ini ialah Timbalan Perdana Menteri. Wajibkan balik tulisan jawi di sekolah-sekolah.

Hujah kita kukuh, alasan kita kukuh. Kalau benar-benar Yang Berhormat Pasir Salak setuju hendak jaga Islam, bukan setakat hendak jaga kalimah Allah tetapi hendak jaga Islam, maka kita minta Menteri Pelajaran yang sekali gus Timbalan Perdana Menteri menguatkuasakan serta-merta kewajipan tulisan jawi di sekolah-sekolah. Bagaimana? *[Disampuk]* ...bersetuju?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Salak, habiskan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *[Batuk]* Batuk, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberikan respons kepada Yang Berhormat Baling. Saya bersetuju supaya kerajaan mengkaji apakah langkah yang patut diambil untuk mengatasi masalah yang kita perkatakan itu. Sekiranya perlu dan sesuai, mata pelajaran jawi itu dikembalikan, kembalikan. *What is the problem? No big deal.* Kenapa kita hendak berkelahi dengan masalah ini? Ya, tidak ada masalah. *So*, saya bersetuju kalau sekiranya sesuai atau kalau kerajaan memikirkan ada kaedah lain, fikirkanlah. Boleh? Puas hati? Okey ya, okey.

Akhir sekali, *last point*, Tuan Yang di-Pertua, *I hope you don't disturb me. I'm going to finish this.* Berhubung dengan penyertaan peluang-peluang ekonomi di bandar-bandar. Kita melihat bahawa di bandar-bandar ini masih lagi penyertaan orang-orang Melayu dan bukan bumiputera masih di tahap yang mendukacitakan. Premis-premis perniagaan kita dapati kalau kita pergi ke Pavillion, kita pergi ke KLCC, kita pergi ke mana juga, penyertaan bumiputera langsung tidak nampak sama sekali. Apakah kita boleh menutup mata dengan keadaan yang seperti ini?

Jadi saya minta kepada pihak kerajaan, betul-betullah komited dan mengambil tindakan yang berkesan bagi memastikan matlamat yang telah pun kita tetapkan penyertaan bumiputera untuk memiliki premis-premis perniagaan ini dijayakan. UDA telah ditubuhkan. Apa telah terjadi kepada UDA sebenarnya? Apa yang dilakukan oleh majlis bandar raya? Apa yang dilakukan oleh majlis-majlis yang lain, di bandar-bandar yang lain? Kalau sekiranya kakitangan kerajaan, pegawai-pegawai yang berkenaan tidak mampu untuk melaksanakan Agenda Nasional ini, maka saya harap pihak

kerajaan membuat perubahan dan melantik mereka yang betul-betul komited dan mampu dan berupaya untuk menjayakan Agenda Nasional ini.

Begitu juga dengan pemilikan hartanah. Kita telah melihat bagaimana hartanah-hartanah yang ada di dalam bandar, peratusan yang dimiliki oleh kaum bumiputera begitu sedikit sekali. Orang-orang Melayu di dalam bandar ini hanya menjadi pekerja, bekerja di kilang, duduk di kawasan setinggan dan sedikit-sedikit dalam kawasan pembangunan yang berjaya tetapi peratusannya kecil.

■1240

Akan tetapi peratusannya kecil. Jadi dengan sebab itu saya berharap pihak kerajaan dengan kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang baru ini akan dapat melakukan satu perubahan yang besar...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Habiskan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Satu tindakan yang besar, hebat supaya kita dapat menjayakan agenda ekonomi bumiputera sebagaimana yang kita harap-harapkan. Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, keamanan dan keselamatan negara kita ini bergantung kepada perpaduan yang wujud di kalangan pelbagai kaum.

Saya menyeru kepada rakyat sekalian, saya menyeru kepada pemimpin-pemimpin, saya menyeru kepada diri saya supaya kita menjaga perasaan, menjaga hak-hak kedudukan masing-masing mengikut apa yang telah dipersetujui. Jangan diungkit-ungkit lagi, jangan dipertikaikan lagi hak bukan bumiputera, orang-orang Cina dan India sebagai rakyat negara kita ini jangan dipertikaikan. Kita tidak mempertikaikan. Berikan mereka peluang... [*Dewan riu*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** ...berikan mereka peluang dalam bidang pendidikan, bidang ekonomi sebagaimana sepatutnya sebagai rakyat Malaysia. Namun begitu saya ingin juga menyeru kepada pemimpin-pemimpin supaya juga menyokong agenda kita untuk membantu kaum bumiputera yang masih ketinggalan. Jauh ketinggalan. Ekonomi negara kita ini 90% dimiliki dan dikuasai oleh bukan bumiputera, bukan Melayu. Ini hakikat. Ini kita hendak perbetulkan. Jangan timbul ada salah faham, jangan timbul sakit hati, jangan timbul untuk memperalatkan isu ini dengan menuduh perkauman di kalangan kita.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Habis.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** 90% kekayaan orang-orang bumiputera sudah dirompak oleh UMNO Barisan Nasionallah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** 90% hak orang-orang bumiputera yang miskin dirompak oleh pimpinan UMNO khususnya Yang Berhormat Pasir Salak sendiri. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Padang Serai kita tidak perlu layanlah dia. Tak payah layan. Setuju tak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tak payah jawab Yang Berhormat. Tak payah jawab.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kita tak payah jawab ya. Tuan Yang di-Pertua, biarkan luncai terjun dengan labu-labunya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Jadi dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya jemput Yang Berhormat Bagan.

**12.42 tgh.**

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya ringkas sahaja. Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyatakan bahawa peringatan diberikan kepada media baru untuk bertanggungjawab dalam membuat laporan dan liputan kerana fitnah dan tohmahan bukanlah nilai-nilai dan amalan mana-mana agama. Oleh itu, kerajaan harus bertindak tegas ke atas mereka yang tidak bertanggungjawab. Di sini saya rasa apa yang disebutkan bukan hanya terhadap media baru, tetapi media tradisional termasuk mereka yang mengeluarkan fitnah. Saya rasa kita tidak hanya hadkan diri ke atas media baru. Mana-mana pihak yang mengeluarkan fitnah dan tohmahan harus dikenakan tindakan.

Akan tetapi di sini kita lihat bahawa hanya media-media baru yang tidak memihak kepada Kerajaan Barisan Nasional barulah mereka diambil tindakan, tetapi untuk media yang memihak kepada Barisan Nasional dibiarkan begitu sahaja untuk teruskan fitnah dan tohmahan yang begitu tidak bertanggungjawab, yang begitu liar dan begitu bahaya sekali khususnya *Utusan Malaysia* yang dikuasai dan dimiliki oleh UMNO Barisan Nasional, di mana di antara tohmahan-tohmahan yang dinyatakan khususnya kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah anti Islam sampai perarakan Maulud pun dibatalkan. Sesungguhnya ini telah dinyatakan sebagai satu fitnah bila perarakan dijalankan seperti biasa setiap tahun malah tohmahan ini diteruskan oleh *Utusan Malaysia*.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta penjelasan?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Dalam aspek ini... Nanti kejap, kejap.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Eh, eh.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Dalam aspek ini kalau kita cakap dari segi peruntukan Islam untuk hal ehwal agama Islam seperti yang dinyatakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, tetapi tidak disiarkan oleh utusan fitnah ini ialah bahawa dalam tahun 2008 tahun terakhir pemerintahan Barisan Nasional sebanyak RM12.5 juta telah diperuntukkan untuk hal ehwal agama Islam sedangkan dalam Belanjawan 2009, belanjawan pertama Pakatan Rakyat peruntukan untuk hal ehwal agama Islam telah dinaikkan kepada RM20.5 juta [*Tepuk*] dan untuk belanjawan tahun ini sungguhpun kita menghadapi kekangan ekonomi dan keengganan Kerajaan Pusat untuk berikan peruntukan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, peruntukan untuk hal ehwal agama Islam dinaikkan lagi kepada RM2.43 juta. [*Tepuk*]

Sekiranya peruntukan sebanyak RM24.3 juta Tuan Yang di-Pertua dianggap sebagai anti Islam, apa kita akan sebut tentang Barisan Nasional yang hanya peruntukan RM12.5 juta? Adakah mereka ini anti Islam dua kali ganda?

**Beberapa Ahli Pembangkang:** Ya!

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tetapi mengapa *Utusan Malaysia* begitu bacul tidak berani siarkan berita macam ini?

**Beberapa Ahli Pembangkang:** Ya!

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Itulah yang kita hendak tanya mengapa Barisan Nasional tidak mengambil tindakan yang saksama mengikut keluhuran undang-undang ke atas *Utusan Malaysia*, utusan fitnah seperti ini dan pada masa yang sama bila...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Minta laluan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Sila.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, lanjutan daripada perbahasan daripada sahabat saya, *Utusan Malaysia* bukan sahaja tidak berani melaporkan *success story* yang berlaku di negeri Pulau Pinang tetapi Kementerian Dalam Negeri juga tidak berani mengambil tindakan terhadap *Utusan Malaysia*.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada sahabat saya Yang Berhormat Bagan, saya telah kemukakan satu soalan dalam Dewan Rakyat berhubung apakah tindakan kerajaan terhadap *Utusan Malaysia* yang telah mencetuskan keharmonian dan menggugat keharmonian kaum dalam negara ini. Saya dapat surat daripada Setiausaha Dewan Rakyat, bahawa soalan ini tidak boleh dijawab dan ditolak oleh Tuan Yang di-Pertua berdasarkan Fasal 23(1)(c) yang menyatakan bahawa soalan yang saya kemukakan ini adalah satu perkara yang remeh.

Ini amat menyedihkan kerana isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bagan, laporan yang dibuat oleh *Utusan Malaysia* boleh menimbulkan keharmonian kaum, menjejaskan keselamatan negara. Soalan ditanya dalam Dewan Rakyat, Kementerian Dalam Negeri tidak berupaya untuk berdepan dengan soalan sebegini dan menggunakan Tuan Yang di-Pertua untuk menolak soalan saya di dalam kamar. Apa pandangan Yang Berhormat Bagan?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh jawab sekaligus Yang Berhormat Bagan? Boleh tanya, sekali jawab?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya rasa kita memang bersetuju dengan pandangan yang dikeluarkan tadi oleh Yang Berhormat Gombak bahawa...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta penjelasan Yang Berhormat Bagan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tidak bagi lagi Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...adalah jelas bahawa KDN ini...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...telah menjadi alat *Utusan Malaysia* sebagai satu alat untuk hentam kromo untuk cuba hapuskan sama sekali Pakatan Rakyat...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...tetapi selagi rakyat sokong sama PR usaha ini tidak akan berjaya.

- Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta penjelasan?
- Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya yakin...
- Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat Bagan.
- Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya yakin...
- Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta laluan?
- Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Bagi laluan, bagi laluan.
- Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ini *floor* saya. Duduk dahulu. Nanti, nanti. Duduk dahulu.
- Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Mana boleh.
- Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Akan adakah atau tidak ada?
- Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Mana adil. Sini pun bagi sebelah sana.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduk Yang Berhormat.
- Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Apa yang telah disebutkan tadi...
- Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Nanti ini akan dibagikan tidak?
- Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...bahawa KDN memang mereka...
- Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tak, ini nanti akan dibagikan tidak?
- Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...memang mereka...
- Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tak, ini nanti akan dibagikan tidak ataupun macam mana?
- Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...berat sebelah.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sri Gading, Yang Berhormat Kinabatangan duduk dahulu Yang Berhormat.
- Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Kalau kita lihat dari segi tindakan yang diambil oleh pihak polis...
- Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Bukan, kita hendak minta juga penjelasan yang jelas.
- Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kita pun tidak kedekut. Sana pun kita bagi juga.
- Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham mengapa...
- Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kita pun standard.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Bila pihak polis tidak mengambil tindakan ke atas fitnah tohmahan begini, tetapi sebaliknya...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Cakap pemimpin contoh. Pemimpin contoh bagilah laluan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya cakap nanti dahulu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Nanti bila?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Kalau tak faham keluarlah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yalah, nanti bila?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Kalau tidak faham keluarlah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Itu masalah.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Kalau tidak faham keluarlah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Jangan begitu.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Itu sahaja, saya tidak mahu layan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kita kawankan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Dia tidak bagi jalan lagi Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Jangan halaulah. Kita pun ada hak untuk bercakap. Yang Berhormat Bagan janganlah sombong sangat...

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Selagi KDN dan pihak polis sedia...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau kawan bagilah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Kita hendak tanya mengapa sebagai...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** ...boleh mengeluarkan...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sudah jadi Ketua Menteri sudah lain sedikit.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Membuat laporan polis ke atas ahli Exco...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dahulu boleh.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *You* selesaikan DAP apa takut?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tidak pernah dilakukan sebelum ini. Jadi di sini kita hendak tanya...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Kita hendak berbahas, bukan bertumbuk.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Di sini di manakah keadilan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sri Gading, dia tak bagi jalan lagi Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ....di manakah tanggungjawab yang dilaksanakan oleh pihak polis? Sendiri lapor, sendiri siasat ke atas seorang Ketua Menteri, seorang ahli Exco. Saya hendak tanya, di sini saya hendak tanya berapa laporan polis dibuat ke atas Menteri Besar dan Ketua Menteri Barisan Nasional?

■1250

Berapa laporan polis dibuat ke atas Ahli Exco Barisan Nasional? Berapa laporan polis dibuat ke atas menteri-menteri oleh pihak polis sendiri. Kalau bertindak adil, tolong berikan rekod dan nyatakan bilangan laporan polis yang dibuat. Saya rasa kalau kita kira, semuanya hanya ditujukan ke atas Pakatan Rakyat. Pada masa yang sama, bila kita buat beberapa program yang terbaru. Sama ada memartabatkan para "hufas" buat kali pertamanya ataupun memberikan peruntukan sebanyak RM97 ribu secara purata setiap tahun kepada setiap sekolah agama rakyat. 18 buah di Pulau Pinang dan di antaranya wang itu digunakan untuk membina makmal sains.....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Boleh bagi laluan?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Bagikah?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Bagan....

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...Madrasah Al-Aminiah di Permatang Nibong, Permatang Pauh.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Bagan bagi....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Bagi laluanlah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Bagi?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Bagi laluan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Bila makmal sains ini dibina, maka ia tidak dilaporkan...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** [Ketawa] Tidak ada apa-apa, soalan sahaja. Pertanyaan sahaja Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta mereka duduk dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tidak bagi jalan lagi Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Bagilah...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Kami tidak kacau.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Bagan, bagi laluanlah. Itu duit Majlis Agama Islam, duit zakat, bukan duit kerajaan negeri.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Supaya memberikan wang untuk sekolah agama rakyat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Perincikan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *[Ketawa]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Itu duit Majlis Agama Islam, duit zakat. Bukan duit kerajaan negeri.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat Bagan, bagi laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bagan tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Bagan kata nanti.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Boleh?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Itu duit zakat, duit Majlis Agama Islam. Perincikan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Pada masa yang sama, selain daripada sekolah agama rakyat ...menghayati...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, duduklah Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dia bagi atau tidak bagi Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Biarlah kita menghayati apa yang disebutkan oleh Nik Abdul Aziz.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dia cakap nanti....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, duduklah.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Itu duit zakat, duit Majlis Agama Islam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Lenggong.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau tidak bagi tidak apa...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ini bohong juga ini Ketua Menteri.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Bahawa apabila kita bercakap tentang ilmu, yang paling penting ialah ilmu tidak melihat dari sudut agama ataupun dari sudut bangsa.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Duit zakat bolehlah. Duit Majlis Agama Islam.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Yang penting ialah kita mesti memartabatkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Pihak yang berilmu.

**Tuan Haji Khalid bin Abd.Samad [Shah Alam]:** Dahulu duit zakat pergi mana dahulu?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ilmu adalah pakaian jasad orang kaya. Penolong bagi orang fakir, bukan 'aku' menyatakan bahawa ilmu untuk mencari kekayaan, tetapi untuk kenaan, panduan, bagi orang miskin. *[Tepuk]* Saya harap, apabila kita bercakap tentang pendidikan, janganlah kita cuba politikkan pendidikan. Berikan wang kepada sekolah agama rakyat. Makmal sains pertama didirikan di Permatang Pauh atas bantuan dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang pertama dibina. Saya rasa itulah pencapaian yang selalu cuba ditutup oleh Barisan Nasional. Sungguhpun ada pihak yang tidak mahu mengakuinya, tetapi rakyat akan melihat dengan mata sendiri kerana ia memang sudah wujud. Sama seperti sekolah Cina bebas. Kita hendak tanya mengapa sehingga sekarang kerajaan pun tidak mahu bagi wang.

Sekolah agama rakyat, sekolah Cina bebas. Kenapa ini semua dihadkan seperti yang saya sebut tadi. Kita mesti menggalakkan, menubuhkan sebuah masyarakat yang berilmu, *k-Ekonomi* tanpa memberikan penekanan kepada pendidikan, semua ini tidak akan tercapai. Di antara fitnah-fitnah lagi Tuan Yang di-Pertua, apabila kerajaan negeri melancarkan Program Penghargaan Warga Emas, kita berikan kepada setiap warga emas yang berumur lebih 60 tahun setiap orang setahun RM100, pula ada suara-suara

sumbang menyatakan ini adalah amalan rasuah, bagi wang kepada rakyat adalah amalan rasuah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *Point of order, point of order*  
Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *Ya, point of order* berapa Yang Berhormat?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *You* sudah tidak ada jalan lagikah? *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kita nak bertanya dia tidak bagi, jadi kita 35(1). *[Dewan riuh]* Dia boleh berhujah, tetapi biarlah menghadap ke Tuan Yang di-Pertua, jangan menghadap dengan saya. Dia tidak bagi juga. Kalau dia bagi tidak apa. Menghadap sanalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** Duduklah.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Sudah melencong, susahlah, susahlah. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beralih kepada konsep Middle Malaysia. Di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah mempersoalkan dan pula menyatakan Middle Malaysia adalah satu tiruan daripada 1Malaysia. Sebenarnya konsep 1Malaysia telah diperjuangkan oleh DAP selama 44 tahun dan di antara prinsip utama kalau kita hendak sebutkan tiga ujian utama, apakah maksud Middle Malaysia?

- (i) adakah kita seperti yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Ipoh Timur, adakah kita anggap diri sebagai rakyat Malaysia terdahulu dan bukanlah orang Melayu, orang Cina, orang India, orang Iban dan orang Kadazan terdahulu;
- (ii) adakah kita menerima konsep bahawa ketuanan rakyat Malaysia melebihi konsep ketuanan yang lain-lain;
- (iii) adakah kita setuju dalam urusan tadbir kerajaan, integriti, demokrasi dan juga ilmu pengetahuan adalah yang paling penting berteraskan prinsip 5K. Kebebasan, Keadilan, Kebenaran, Kebajikan kepada rakyat dan Ketakwaan kepada Tuhan.

Itulah sebabnya Tuan Yang di-Pertua, kita minta bahawa pilihan raya kerajaan tempatan boleh diadakan dan saya tahu bahawa selepas komen yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Suruhanjaya Pilihan Raya akan membuat pengumuman hari ini. Saya tidak begitu optimis bahawa mereka akan mengikut lunas

undang-undang di mana Perlembagaan Persekutuan perkara 113(4) telah nyatakan dengan begitu jelas sekali bahawa undang-undang negeri memberikan kuasa kepada SPR untuk menjalankan pilihan raya kerajaan tempatan, tetapi selepas kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya rasa SPR akan menunjukkan bahawa mereka adalah bukan badan bebas, badan yang tidak berkecuali dan tidak akan mengikut lunas undang-undang dan memenuhi permintaan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, itu menunjukkan perbezaan di antara Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat. Kita hendak memulihkan undi ketiga, kita hendak mengembalikan demokrasi. Akan tetapi apa yang dilakukan oleh Barisan Nasional adalah sebaliknya. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat GDP per kapita, Malaysia sebanyak USD7,469 adalah jauh berbeza dengan Korea Selatan sebanyak USD16,450, Singapura lagi jauh USD34,446, Hong Kong USD29,559. Di sini saya tidak mahu membandingkan dengan Singapura dan Hong Kong kerana bilangan penduduk mereka adalah kecil berbanding dengan Malaysia.

Akan tetapi saya hendak membandingkan Malaysia dengan Korea Selatan. Korea Selatan mempunyai penduduk sebanyak 47 juta orang. Sedangkan Malaysia hanya 27 juta. Akan tetapi dari segi GDP per kapita, Malaysia adalah hanya 45% daripada apa yang dimiliki oleh Korea Selatan dan apakah sebabnya Korea Selatan mempunyai per kapita GDP yang begitu tinggi. Sebab utamanya ialah kerana mereka mempunyai wawasan yang jauh, berteraskan ilmu pengetahuan, berteraskan ICT. Mereka memberikan *broadband* hampir percuma. Saya hendak tanya di sini, mengapakah apabila kita sebut tentang *broadband*, mengapakah ia tidak boleh diberikan secara percuma macam dilakukan oleh Korea Selatan kepada seluruh penduduk rakyat Malaysia?

Kalau kita sebut tentang kosnya Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun RM11 bilion yang hendak dibelanjakan sekarang, ia jauh berbeza dengan jumlah RM28 bilion setahun yang kita kehilangan kerana penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa serta amalan rasuah. Oleh sebab itu, saya rasa kita tidak harus menunggu lagi. Biarkan kita berikan *broadband* secara percuma kepada semua rakyat Malaysia. Perkara terakhir yang saya ingin bangkitkan ialah marilah kita membentuk sebuah negara berdasarkan kepada *equal opportunity*, peluang yang saksama. Baik dari segi ekonomi mahupun dari segi pendidikan dan khususnya bagi golongan hawa, golongan wanita. Saya tahu apabila negeri Pulau Pinang melantik YDP pihak berkuasa tempatan iaitu YDP Majlis

Perbandaran Pulau Pinang, seorang arkitek wanita yang pertama di Semenanjung Malaysia, arkitek Patahiyah binti Ismail.

Ada beberapa suara yang menentang usaha yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. CUEPACS menyatakan ini tidak patut dilakukan kerana wanita tidak berdaya untuk membuat keputusan kerana sikap dan status emosi mereka. Saya hendak menyatakan bahawa pemikiran kolot ini tidak diterima pada zaman sekarang. Saya ingin meminta bahawa jaminan daripada Kerajaan Pusat bahawa semua wanita akan diberikan peluang yang sama. Kalau tidak diberikan peluang yang sama baik di Kerajaan Pusat mahupun kerajaan negeri yang diperintah oleh Barisan Nasional, jangan bimbang. Datanglah ke kerajaan Pakatan Rakyat kita akan berikan peluang yang sama?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, boleh sambung petang nanti Yang Berhormat? Sambung petang.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya akan hentikan dan saya ingin mengucapkan terima kasih. Akan tetapi di sini sekali lagi saya ingin meminta bahawa biarlah kita tumpukan kepada tiga perkara utama.

- (i) kita mesti basmi miskin tegar;
- (ii) kita mesti pastikan bahawa sekolah-sekolah dilengkapi api, air dan juga ICT. Tidak boleh satu sekolah pun ada kekurangan; dan
- (iii) biarlah kita memberikan ruang yang bebas kepada pembentukan modal insan.

Kita tidak mahu keadaan di mana kita lihat selama ini 53 tahun selepas kemerdekaan, kita tidak mahu lihat keadaan di mana Barisan Nasional terus tindas rakyat, Barisan Nasional terus bazirkan rakyat. Stadium pun runtuh, bumbung pun runtuh, bumbung masjid pun runtuh. Barisan Nasional selalu makan rakyat. Makan wang rakyat dan makan rakyat. Kita mahu satu pembaharuan di mana kalau dibandingkan dengan Barisan Nasional...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, kena berhenti Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Pakatan Rakyat yang bela rakyat, Pakatan Rakyat yang jimatkan wang rakyat dan Pakatan Rakyat yang jaga dan bagi wang kepada rakyat. Biarlah rakyat menentukan segala-galanya kerana Pakatan Rakyat akan terus berjuang baik untuk orang Kelantan royalti minyak mahupun orang Sabah Sarawak supaya mereka dapat hasil sumber kekayaan mereka, sekian terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terus tipu rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang.

***Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.02 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Bagan dah habis berucap tadi kan? Yang Berhormat Sri Gading nak berucap ke ini? Ha sila Yang Berhormat.

**2.33 ptg.**

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan selamat petang. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Alhamdulillah Rabbil A'lamin Wassalatu Wassalamu A'laasrafi Ambiya'iwalmursalin Waa'laalihi Wasabihi Ajmain.* Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih memberi peluang saya bersama-sama menyokong ucapan menjunjung kasih kepada Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Parlimen ke-12 pada 15 Mac yang lalu. Titah Ucapan Seri Paduka yang dimulai dengan memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT di atas nikmat kemakmuran, keselamatan dan keamanan yang dikecapi oleh rakyat dan negara dan doa Seri Paduka Baginda agar negara ini dan rakyat ini terus maju dan hidup harmoni serta menumpahkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada tanah air yang tercinta ini harus terus dihayati oleh seluruh rakyat negara ini.

Saya ulangi sekali lagi, oleh seluruh rakyat negara ini. Sebagai rakyat yang hidup di negara yang begini nikmat, marilah kita menjadi rakyat yang tahu berterima kasih, yang tahu bersyukur. Jadilah rakyat yang tahu menghargai, yang tahu mengenang budi kerana bukan semua negara di dunia ini dapat mengecapi nikmat yang dirasai oleh setiap rakyat negara ini. Kehidupan yang begini baik yang kita lalui bukan yang bulat datang bergolek, bukan yang pipih datang melayang. Ianya dirancang, diolah dan dilaksanakan oleh sebuah kerajaan yang benar-benar bertanggungjawab dan boleh dipertanggungjawabkan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh tanya?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Biar saya habiskan ini dulu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sekejap sahaja. Tuan Yang di-Pertua, ucapan Yang Berhormat Sri Gading ini banyak berhias. Boleh saya tanya apa inti pati ucapan ini? *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Dengarlah, dengarlah, dengarlah. Marilah kita lalui hidup ini dengan fikiran yang terbuka, dengan akal fikiran yang terbuka, yang boleh membezakan yang baik dan yang buruk. Jangan hidup melulu mengikut nafsu dan emosi sehingga tidak nampak lagi cahaya-cahaya kebenaran. Bijak pandai pernah bermadah Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kebenaran adalah yang benar. Manakala yang benar adalah kebenaran. Apabila tiba kebenaran yang benar, yang palsu tersipu malu. Saya harap Yang Berhormat Kinabatangan faham yang tersirat di atas yang tersurat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Minta penjelasan. Saya terpanggil Tuan Yang di-Pertua dengan hujah iaitu yang benar tetap benar. Sedar kah Yang Berhormat bahawa Yang Berhormat Bagan telah menghujah bahawa surat khabar *Utusan Malaysia* berbentuk *racist* dan menyiarkan berita-berita provokasi dan ini berhubung kait dengan hasrat Kerajaan Pulau Pinang untuk membatalkan perarakan Maulud Nabi tetapi setelah Utusan menyiarkan berita itu, maka Kerajaan Pulau Pinang telah merubah pendirian mereka dan saya juga dapat melihat rata-rata daripada rakan Pembangkang kalau surat khabar itu menulis, memihak kepada dia, dia dengan nada yang tinggi berkata ini kebebasan bersuara, ini demokrasi tetapi kalau dia kena hentam, dia kata *racist*. Jadi apakah Yang Berhormat ada pandangan berhubung dengan pendirian yang sebegini, *double standard* daripada pemimpin-pemimpin Pembangkang sebab *Utusan* telah memainkan peranan dengan baik untuk memberi rakyat apa juga maklumat yang diperlukan.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat jawab, boleh tolong minta penjelasan?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua,

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Sri Gading.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat Sri Gading.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Sri Gading, Lenggong Yang Berhormat Sri Gading.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Sedikit, sedikit.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Nanti dulu.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Berkenaan dengan apa yang dibangkit oleh abang kita dari Kinabatangan, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Kinabatangan telah bangun di mana membuat tohmahan terhadap Kerajaan Pulau Pinang kononnya ingin membatalkan perarakan Maulidur Rasul tapi adakah Yang Berhormat Kinabatangan dan Yang Berhormat Sri Gading setuju Ketua Menteri Pulau Pinang telah jemput Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan tokoh UMNO untuk hadir bersama Maulidur Rasul tapi mereka pengecut, tak berani datang. Mengapa? Mengapa tak datang? Saya pun tak tahu sebab mengapa? Jika Kerajaan Pulau Pinang sudah jemput tetapi tak mahu datang. Itu sebabnya. Ini sebabnya takut kerana salah, berani kerana benar. Terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sambung sikit Yang Berhormat Sri Gading.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Yang Berhormat Sri Gading, saya pun nak sambung lepas Yang Berhormat Lenggong ya.

■1440

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Sri Gading, kita dengar bagaimana PAS iktiraf umpamakan Yang Berhormat Bagan, Khalifah Umar Abdul Aziz. Apabila cara Yang Berhormat Bagan bercakap kononnya memberikan wang RM20 juta sedangkan wang itu juga daripada sumber zakat negeri dan membuat dakwaan yang tidak tepat dan sebagainya. Apakah itu ciri-ciri Umar Abdul Aziz sebagaimana yang kita ketahui cukup hebat dan agung sekali?

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Yang Berhormat Sri Gading saya mencelah sedikit, Yang Berhormat Rembau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya peringatkan Yang Berhormat Sri Gading setengah jam, Yang Berhormat ya.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Ya saya tidak buang masa yang lama Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin secara rasmi memberi fakta untuk membantu hujah kakanda Yang Berhormat Sri Gading tentang pembatalan seperti mana yang cuba di *cover* oleh Yang Berhormat Taiping tadi, pembatalan perarakan Maulidur Rasul. Sebenarnya memang berlaku tetapi akhirnya setelah perkara ini didedahkan barulah di *reinstate* ataupun dikembalikan semula dalam jadual.

Ini kerana pada 25 Februari 2010 ada surat daripada Dato' Muhammad Yusoff bin Wazir, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan jelas mengatakan bahawa Jawatankuasa Induk Majlis Sambutan Maulidur Rasul peringkat

negeri Pulau Pinang telah memutuskan bahawa majlis perarakan bersempena dengan Majlis Maulidur Rasul adalah dibatalkan... Dibatalkan. Ini bukan surat daripada *Utusan Malaysia*. Ini bukan fitnah daripada *Utusan Malaysia* kononnya diperkatakan oleh Yang Berhormat Bagan tadi. Ini surat daripada Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang sendiri. Mohon pandangan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua, saya berbahagia di petang yang mulia ini kerana sahabat saya daripada Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Rembau. Kedua-dua ucapannya sebahagian daripada ucapan saya sekali gus menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Taiping sebentar tadi.

Oleh sebab Yang Berhormat Kinabatangan telah membangkitkan berkaitan dengan *Utusan Malaysia* yang dihina oleh Yang Berhormat Bagan, saya terus masuk dalam perkara ini. Saya ingin menyatakan terutama kepada orang-orang Melayu... Terutama orang-orang Melayu yang membakar *Utusan Malaysia* beberapa minggu yang lalu. Sedarlah perbuatan ini perbuatan yang paling biadab pada bangsa Melayu.

*Utusan Malaysia* dahulunya *Utusan Melayu*. Ditubuhkan pada tahun 1937, 73 tahun yang lalu. Inilah lidah rasmi bangsa Melayu hendak menutup kemerdekaan negara ini... [Tepuk] Inilah akhbar yang mendidik minda Melayu supaya terus maju. Inilah minda yang menjadi wakil kepada wadah perjuangan Melayu untuk menyatukan Melayu, untuk membawa Melayu kepada perubahan yang lebih baik daripada zaman itu untuk masa-masa yang akan datang. Apakah tergamak orang Melayu menghina satu akhbar yang begitu besar jasanya kepada bangsa?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta penjelasan?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Silakan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya Yang Berhormat. Syabas Yang Berhormat. Kita di sini bukan membela siapa tetapi kita menyatakan yang benar tetap benar. Jadi apakah yang berlaku dengan Melayu yang sebegini? Mungkinkah mereka telah dipengaruhi oleh pemimpin-pemimpin bukan Melayu tetapi didakwa pula sebagai Umar Abdul Aziz. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat Bagan. Tidak usahkan Sayidina Umar Ibni Abdul Aziz, tapak kakinya pun... Saya ulangi, tapak kaki baginda ini pun tidak menjamah kepada Yang Berhormat Bagan. Jauh panggang daripada api. Jangan kelirukan orang Islam dan jangan hina orang Islam. Konon aku jadi juara mencontohi Sayidina Umar Abdul Aziz. Jauh, jauh, jauh panggang jangan

perasan. Saya harap orang PAS jangan terkeliru dengan taktik kotor yang memalukan orang Islam ini, jangan terpedaya dengan Yang Berhormat Bagan kerana Yang Berhormat Bagan sebenarnya bukan orang Islam.

*Utusan Melayu, Utusan Melayu* sejarahnya. Tidak pernah malu... Tidak pernah malu dan segan menegakkan hak bangsa Melayu tetapi dalam waktu yang sama tidak pula menafikan hak bangsa lain dalam negara ini. Betapa mulianya akhbar ini... Betapa mulianya akhbar ini tetapi malang, malang seribu kali malang. Ia dihina oleh bukan Melayu, ada Melayu tumpang semangkuk untuk sama-sama dalam mengkhianati bangsanya sendiri.

**Tuan Muhammad bin Haji Husain [Pasir Puteh]:** Yang Berhormat Pasir Puteh beri peluang.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Cukup. Saya banyak perkara hendak cakap. Kalau Tuan Yang di-Pertua bagi saya sedikit lebih *extra* masa.

**Tuan Muhammad bin Haji Husain [Pasir Puteh]:** Sedikit sahaja Yang Berhormat Pasir Puteh, Yang Berhormat Pasir Puteh sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Pasir Puteh dia tidak bagi. Tidak bagi Yang Berhormat. Nanti-nantilah Yang Berhormat. Bila giliran Yang Berhormat bercakap nanti bercakaplah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Baiklah minta maaf ya. Melayu yang mengkhianati bangsa Melayu.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Faham-faham sahajalah kita semua orang politik yang begitu matang tidakkan tidak dapat membezakan mana malam, mana siang, mana putih, mana hitam, mana yang jelak, mana yang baik. Sudah gaharu cendana pula, sudah tahu bertanya pula. Tuan Yang di-Pertua saya berubah.

**Seorang Ahli:** Berubah hala. Berubah hala, berubah haluan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya bukan berubah haluan, berubah tajuk perbincangan... *[Ketawa]* Saya mulakan selepas mencari kebenaran. *Insyallah*, tengok orang UMNO. Orang UMNO ini *insyallah* dia tidak lari daripada landasan Islam. *Insyallah*. Dengan izin Allah, *insyallah*. Bulan Jun yang akan datang kita akan membentangkan Rancangan Malaysia Kesepuluh. Saya hendak menyampaikan sedikit pandangan saya. Saya diberikan taklimat dan saya mendapat sumber yang boleh dikatakan sah.

Yang Berhormat Bukit Gelugor dengan asyik mendengar ucapan saya. Ini tokoh veteran yang saya hormati. Seorang tokoh yang saya hormati. Soal dia pembangkang itu soal lain tetapi penghormatan saya kepada beliau. Rancangan Malaysia Kesembilan yang akan berakhir Jun ini peruntukan yang telah disediakan dahulu waktu melancarkan Rancangan Malaysia Kesembilan kalau tidak silap saya RM230 bilion. Dengar khabar Tuan Yang di-Pertua, dengar khabar Rancangan Malaysia Kesepuluh peruntukannya juga sama RM230 bilion. Mana mungkin pak? Bagaimana pak?

Kalau Rancangan Malaysia Kesembilan dimulai pada tahun 2005 dengan RM230 bilion. Kita mulakan dengan tahun 2010 Rancangan Malaysia Kesepuluh RM230 bilion bukankah bermakna peruntukan ini nilainya. Angka mungkin sama nilainya kalau tamat pada tahun 2015 maknanya nilainya lebih rendah daripada Rancangan Malaysia Kesembilan. Jadi barang-barang ketika itu pada firasat saya mudah-mudahan kita semua panjang umur kita akan jumpa. Tentulah barang-barang yang hendak dibelanjakan, yang hendak dibeli, yang hendak digunakan harga tentulah berlipat lipatan lipatan kali ganda.

Jadi mana mungkin pak? Minta maaf. Mana mungkin Tuan Yang di-Pertua. Jadi bermakna nilai ini lebih kecil daripada Rancangan Malaysia Kesembilan sedangkan harapan rakyat, permintaan rakyat, kemahuan rakyat begitu tinggi. Kalau tamat tahun 2015 maknanya kita hanya ada lima tahun hendak mencapai kepada status negara maju, negara Wawasan 2020.

■ 1450

Saya harap perangka yang membuat dasar, yang membuat *planning* tentang Rancangan Malaysia Kesepuluh ini harus mempertimbangkan apa yang saya suarakan ini. Itu satu. Yang kedua, bagaimana pendekatan yang digunakan? Pendekatan macam mana? Apakah pendekatan tetap sama macam Rancangan Malaysia Kesembilan? Kita juga mahu mengukur sejauh mana kejayaan kita dalam melaksanakan seluruh Rancangan Malaysia Kesembilan berbanding dengan apa yang telah kita tahapkan pada permulaan Rancangan Malaysia Kesembilan ini diutarakan pada tahun 2005.

Sejauh mana? Bagaimana kekuatan perbelanjaan yang telah kita lakukan? Bagaimana sistem penyampaian yang begitu telus, terus, bolos..., eh!

**Seorang Ahli:** Apa sahajalah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Kadang-kadang sahabat sebelah sana pun membantu juga. Akan tetapi ketawa dia itu tolonglah kecilkan sedikit...  
[Ketawa].

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Sebagai contoh, dalam agama Islam, Rasulullah bersabda – saya tidak tahu kalau tokoh agama kita ada di sini boleh memberikan panduan kepada saya, sembilan persepuluh rezeki adalah melalui perniagaan. Antara rancangan yang kita hendak kemukakan ialah bagaimana meningkatkan pendapatan, keupayaan orang-orang Melayu dalam lapangan perniagaan? Sembilan persepuluh sabda Rasulullah saw. Tidak tahu kalau Yang Berhormat Tumpat boleh tolong saya, benar atau tidak ini sabda Rasulullah. Sembilan persepuluh.

Kontraktor kumpulan 'F' ini, apakah ada sasaran bagi membantu mereka? Sembilan persepuluh. Kalau kita hendak meningkatkan pencapaian bangsa Melayu dalam perniagaan, bagaimana golongan ini? Apakah golongan ini menjadi sasaran kita atau tidak? Atau dipinggirkan? Bagaimana perancangan? Soal golongan muda-mudi kita yang ada pada hari ini yang kebanyakan terlibat dengan hiburan dan seks bebas, bagaimana kita hendak membantu generasi muda kita supaya selamat menjadi manusia yang boleh berdikari, manusia yang boleh dipertanggungjawabkan? Tidak leka dengan hiburan dan seks bebas. Apakah dalam perancangan ini termasuk bagaimana kita hendak memperbetulkan haluan mereka? Ini semua harus di... Soal petani. Apa hendak kita biarkan dengan cara yang kolot, yang ketinggalan zaman? Apa tidak ada perancangan bagaimana hendak membuat kumpulan ini dalam kumpulan hiliran? Tidak duduk di hulu-huluan. Soal pembuatan. Tidak sebagai pengeluar semata-mata. Jangan kita membuat rancangan sekadar melepaskan batuk di tangga. Kesannya harus difikirkan secara mendalam.

Saya pindah tajuk yang lain. Pendatang tanpa izin. Pendatang tanpa izin Tuan Yang di-Pertua, rata-rata di kalangan kita, di kalangan rakyat telah begitu cemas dan begitu bimbang. Masuk ke tahap yang takut kerana pendatang-pendatang ini nampaknya telah masuk dalam segenap arena kehidupan rakyat negara ini. Keselamatan rakyat negara ini. Kalau polis dan tentera dikumpulkan kekuatannya termasuk RELA pun tidak dapat menyaingi jumlah pendatang asing yang datang ke sini...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Bagaimana Tuan Yang di-Pertua?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, memang isu pendatang di negara kita ini memang amat membimbangkan rakyat Malaysia sendiri. Saya dapat maklumat bahawa rata-rata pendatang ini datang menggunakan visa pelajar ataupun menggunakan visa sosial tetapi akhirnya mereka akan menetap di negara ini. Apakah kerajaan, Kementerian Dalam Negeri tidak ada mekanisme ataupun pendekatan yang baru yang boleh menghalang sindiket seumpama ini? Ini kerana, pendatang ini, dari *South Africa* dan mana-mana ini mendatangkan mudarat dan mengganggu ketenteraman awam di negara kita. Minta penjelasan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi menjawab Yang Berhormat Kinabatangan, setahu saya ada empat pecahan pendatang ini. Pertama, datang tanpa izin. Itu satu. Yang kedua dengan izin tetapi tidak pulang apabila tempoh visa mereka tamat. Itu dua. Yang ketiga datang dengan izin, tetapi izin palsu dan penipuan. Ini termasuk menggunakan visa kerana ingin belajar. Kononnya belajar tetapi sebenarnya bukan belajar. Mereka membuat kerja-kerja yang lain. Yang keempat, datang dengan izin tetapi menyatakan bekerja di sektor 'ini', di sektor 'A' tetapi sebenarnya bekerja di sektor 'B' dan golongan ini juga membuat perniagaan sendiri.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Berjalan keluar Dewan]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ini... Hendak ke mana Bung?... *[Ketawa]* Dia menyoal, selepas itu dia keluar. Sudah...

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Sila sahabat saya.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading dan Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang saya tekun dan khusyuk' mendengar penghujahan daripada Yang Berhormat Sri Gading berkenaan dengan pekerja asing ini, saya mendapat jawapan lisan daripada Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia yang soalan saya berpandukan kepada 100,000 orang pekerja dalam masa lima bulan dan kesannya terhadap pekerja tempatan. Jawapannya ialah, *"Selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 30 Oktober 2009 untuk menimbang dan memberi kebenaran kepada pihak industri yang memohon pekerja asing"*.

Dalam suasana, keadaan yang begitu kritikal, dalam keadaan ketakutan Yang Berhormat Sri Gading memperlihatkan arusnya terlampau sendat dan padat pekerja asing berhijrah ke negara ini, apakah daripada kebenaran ini memberikan kesan buruk

kepada pekerja tempatan dan akan tidak menyelesaikan masalah yang Yang Berhormat Sri Gading risaukan dan ia tidak membolehkan penyelesaian dilakukan? Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kuala Langat. Bukan saya yang risau sendirian, Yang Berhormat Kuala Langat pun risau, rakyat pun risau, suri rumah pun risau, semua rakyat pun risau baik yang di bandar, baik yang di pekan, baik yang di kampung, baik yang di desa, baik di mana-mana. Hampir tiga juta saya difahamkan. *Wallahualam*, angka ini tepat ataupun tidak. Hampir tiga juta pendatang asing datang ke sini dan pendatang asing ini Tuan Yang di-Pertua, sehingga kalau puak ini berkumpul bagi satu-satu tempat, kita boleh faham siapa yang datang di situ kerana di situ lah banyaknya air sirih merah. Kita tahu.

Kalau kumpulan ini berkampung di sini, bawa sampah dan macam-macam lah seperti yang pernah disiarkan oleh TV3 beberapa minggu yang lalu di Kota Kinabalu yang bagaimana sampah sarapnya yang berselerak. Jenis 'ini' dari negara 'ini'.

#### ■1500

Kalau kita pergi ke tempat-tempat yang lain kita nampak botol arak, tin arak bersepah, kita tahu bahawa di situ kumpulan pendatang ini datang dan tinggal di situ. Merogol, kita dengar cerita rakyat negara kita dirogol, ditipu, disakiti macam-macam lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat jangan panjang sangat. Sedikit sahaja. Masa Yang Berhormat Sri Gading sedikit sahaja lagi Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Ya, kerana kawasan Kota Kinabalu yang disebut oleh saudara saya Yang Berhormat Sri Gading. Saya ingin minta pandangan dan cadangan Yang Berhormat Sri Gading yang berpengalaman jauh dan lebar soal luar negara. Masalah pertama yang selalu dibangkitkan oleh rakyat Malaysia di negeri Sabah adalah pendatang tanpa izin ini. Banyak perkara-perkara yang tidak disukai oleh penduduk tempatan terutama sekali mencemar alam sekitar kita yang sebagaimana yang dipaparkan dalam TV3.

Jadi saya melihat langkah-langkah yang telah diambil dari pihak kerajaan, pihak kementerian untuk mengatasi dan menghantar balik pendatang tanpa izin ini. Akan tetapi tidak diberi gambaran meluas oleh pihak media mahu pun dari pihak kementerian, TV dan sebagainya, yang mana kerajaan kita telah pun membuat beberapa langkah untuk mengatasi masalah PTI ini. Minta penjelasan dan pandangan Yang Berhormat Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Isu ini sudah menjadi isu nasional. Isu yang telah tertunggak bertahun-tahun. Bukan penyelesaian yang kita jumpa tetapi nampaknya isu ini makin memberat, makin 'memparah'. Betul ya bahasa ini? Betul?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Soalannya kita semua sedar bahayanya, kita semua sedar akibatnya, kita semua sedar tetapi bagaimana penyelesaian? Bila dan cara mana penyelesaian? Kenapa tidak difikirkan satu kaedah yang boleh kita lakukan secara terus menerus dan secara yang benar-benar berkesan? Saya tidak mahu mengajar pihak-pihak yang tertentu. Pihak-pihak tertentu mungkin lebih maklum. Ayuh! Inilah masa kita bertindak sebelum terlambat dan mungkin hari ini pun sebenarnya kita sudah jauh terlambat dan tindakan mengatasi masalah ini kalau kita bandingkan dengan negara Singapura. Ini bukan kita hendak mendewakan negara-negara, bagaimana dia menjalankan tindakan yang sekali gus boleh menyelesaikan masalah yang sebenarnya begini rumit dan menakutkan.

Saya hendak bertanya sedikit. Yang wanita kita suka sangat kepada lelaki Lombok ini kenapa? Kita harus berhati-hati dan saya hendak mengingatkan kalau perempuan kita berkahwin dengan lelaki Lombok secara sah, jangan kita ambil tindakan melulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Lombok ini apa Yang Berhormat?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Lombok ini sebahagian daripada kaum di Republik Indonesia. Ialah sebahagian daripada Indonesia. Pulaulah, ia dekat pulau. Ini pulau, dekat pulau apa yang jadi tempat peranginan itu? Bali. Lombok.

**Beberapa Ahli:** Lombok.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya dengar orangnya *handsome...*

**Seorang Ahli:** Tidak adalah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Lemah lembut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tidak mungkin se *handsome* Yang Berhormat Sri Gading. *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Sri Gading lagi *handsome*.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ya? Kalau dia sudah berkahwin, apakah wajar kita suruh bercerai? Berhati-hati kita. Soal kita suka atau tidak

suka, itu soal lain tetapi perempuan itu sudah suka. Perempuan ini sudah jatuh cinta. Kita kena berhati-hati hukum Islam. Jangan kita robohkan masjid orang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ada satu minit lagi Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Alamak Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta lima minit Tuan Yang di-Pertua. Tentang elaun guru pendalaman Tuan Yang di-Pertua. Saya pergi ke Sabah baru-baru ini dan saya diminta oleh guru-guru pedalaman daripada kalangan rakyat kita di sini mahupun di Sabah ataupun di Sarawak. Elaun mengajar di pedalaman yang RM1500 itu haraplah dinaikkan kerana kalau dia hendak keluar ke bandar menyewa bot RM600.

Jadi daripada RM1,500 naikkan RM2500 kerana ambil contoh Tuan Yang di-Pertua, sebuah sekolah di Saliliran dekat Nabawan, Sabah. Hendak pergi sekolah itu Tuan Yang di-Pertua, lapan jam berjalan kaki. Hendak keluar kalau dia sakit RM600 sewa bot. Makan tidak ada, kemudahan rumah tidak ada, tolonglah naikkan RM1,500 naik RM2,500 dan orang ini pun bukanlah begitu ramai yang boleh membebankan Kementerian Pelajaran.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sepatutnya gunakan *scale* yang tertentu Yang Berhormat, jangan gunakan orang pergi Sarawak itu banyak ini. Kalau di hulu besar sedikit kalau di bandar-bandar itu cukuplah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Untuk menyelamatkan diri Tuan Yang di-Pertua, ucapan Tuan Yang di-Pertua itu masuk ucapan saya. *[Ketawa]* Ini betul.

Berkaitan sekolah bantuan kepada sekolah Cina, bantuan kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, marilah. Kementerian Pelajaran melihat Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Berilah bantuan yang secukupnya. Mereka kekurangan kelas dan peralatan. Berilah bantuan kepada sekolah Cina ini. Dia rakyat Malaysia yang harus juga diberikan keadilan termasuk sekolah menengah.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Boleh mencelah sedikit?

**Seorang Ahli:** Sudah pakat kah?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Yang Berhormat Sri Gading, tadi saya di luar dengar dan memang bersetuju dengan beliau bahawa fikiran mesti terbuka. Yang Berhormat Sri Gading bersetuju atau tidak atas perkara sekolah menengah Cina ini? Baru-baru ini kita mendengar Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri

merangkap Menteri Pelajaran ada mengumumkan di surat khabar bahawa sekolah menengah Cina tidak boleh mendapat apa-apa bantuan di atas dasar.

Apa salahnya? Memang kalau kata dahulu ada dasar tidak boleh mendapat apa-apa bantuan. Apa salahnya, sekarang kita buat kajian dan berubah. Memanglah saya tahu ada segelintir pegawai daripada Kementerian Pelajaran, memang atas ini sekolah Cina. Memang ada negatif tetapi saya berharap segelintir pegawai ini bersama-sama, kita mesti mahu melihat sekolah Cina ini kalau kaum Cina banyak perkara yang mereka beli sendiri. Jalan raya, rumah semua mereka beli sendiri. Mereka cuma lihat satu iaitu pelajaran tetapi kita mesti ingat sekarang di sekolah menengah Cina ini, bukan hanya kaum Cina yang belajar di situ, kaum-kaum lain juga ada belajar. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Sri Gading bersetuju atau tidak?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya masukkan ucapan Yang Berhormat Bintulu dalam ucapan saya. Saya hendak jawab, saya ini Timbalan Menteri pun bukan, Menteri pun bukan. Seluruh ucapannya saya serahkan kepada Menteri Pelajaran bagi menjawabnya. Saya setuju Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Akhirnya satu sahaja. Ini poin penting. Tuan Yang di-Pertua, pun suka poin ini. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua pun suka dan seluruh dalam Dewan ini, luar Dewan pun suka.

Pertama, RTM bulan Jun, Jun lagi, siaran Bola Sepak Piala Dunia. Tuan Yang di-Pertua, saya dengar Menteri kata 32 siaran langsung tetapi siaran yang lain bagaimana? Saya merayu, merayu, merayu bagi peminat bola seluruh Malaysia tolonglah siarkan secara langsung seluruh pertandingan Bola Sepak Piala Dunia, yang empat tahun sekali. Tuan Yang di-Pertua, dengan sukacitanya saya menyokong.

■1510

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Yang Berhormat. Ramai yang berdiri tetapi saya belum dengar suara seorang wanita pun bercakap. Jadi, saya hendak jemput Yang Berhormat Rantau Panjang.

**3.10 ptg.**

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana turut memberi peluang kepada saya untuk sama-sama

membahaskan ucapan menjunjung kasih di atas titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya mulakan perbahasan dengan membaca peringatan Allah di dalam al-Quran. [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Ia bermaksud iaitu “Mereka yang apabila kami berikan kekuasaan memerintah di muka bumi nescaya mereka akan mendirikan solat dan memberikan zakat dan mereka menegakkan yang makruf dan mencegah daripada yang mungkar”.

Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan satu peringatan daripada Allah bahawa kepimpinan adalah satu amanah yang akan dipersoalkan oleh Allah SWT di akhirat. Setiap pemimpin yang diberi kuasa hendaklah berusaha mengajak rakyat taat kepada perintah Allah, mengerjakan solat terutama bagi orang Islam dan menggalakkan mereka menunaikan zakat, menegakkan kebenaran dan menjauhi segala kemaksiatan dan kemungkaran.

Janganlah ada di kalangan pemimpin negara kita yang mengambil kesempatan daripada kedudukan dan kuasa untuk mengaut kekayaan dan kemewahan diri dan keluarga. Sesungguhnya Allah maha melihat dan rakyat akan menjadi saksi. Janganlah kerana kuasa yang ada pada kita, kita mengetepikan hak rakyat sebagaimana kerajaan hari ini menafikan hak royalti rakyat Kelantan sedangkan perkara ini jelas termaktub dalam perlembagaan. Dalam Akta Pembangunan Petroleum 1974 jelas menyatakan bagaimana Kelantan berhak mendapat 5% daripada hak royalti. Apakah pemimpin yang ada hari ini sanggup berhadapan dengan mahkamah Allah? Petroleum yang mereka nafikan untuk rakyat Kelantan akan menjadi bahan bakar mereka di akhirat nanti.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat bagaimana dalam ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, Tuanku amat prihatin terhadap masalah kebajikan dan kepentingan kaum wanita. Semua pihak sama ada kerajaan atau sektor swasta atau NGO seharusnya sama-sama memainkan peranan yang penting dalam mempertingkatkan lagi pencapaian wanita dalam semua bidang agar lebih mantap dan berkesan. Seharusnya wanita diberi peranan yang cukup penting untuk memberi sumbangan yang baik untuk negara.

Walau bagaimanapun mutakhir ini, isu yang berkaitan dengan golongan wanita yang kita lihat semakin terabai. Kita melihat dari sudut ekonomi bagaimana lebih daripada 60% rakyat yang miskin di negara kita adalah terdiri daripada kaum wanita. Wanita Malaysia masih tercorot ketinggalan dari sudut ekonomi dan sebagainya.

Walaupun kenyataan yang dinyatakan oleh CUEPACS yang menyatakan kebimbangan terhadap penguasaan wanita dalam perkhidmatan awam yang semakin meningkat. Kenyataan ini adalah satu ucapan yang amat memalukan. Seharusnya wanita diberi peluang dan ruang yang sama untuk membangunkan negara. Kita melihat bagaimana tiga per empat daripada penjawat awam yang ada dalam negara kita adalah terdiri daripada wanita. Mengikut kenyataan dalam Parlimen baru-baru ini bagaimana nisbah guru wanita dan guru lelaki di Malaysia 70:30.

Ini membuktikan bagaimana wanita mampu bersaing untuk bersama-sama membangunkan negara ini. Oleh itu, saya mengharapkan satu pembelaan yang serius daripada kerajaan untuk membantu ataupun menyelesaikan isu-isu yang berkaitan dengan wanita. Isu yang amat memalukan negara kita akhir ini ialah isu yang berkaitan merebaknya gejala sosial yang sanga parah iaitu bagaimana bertambahnya anak luar nikah dan kes pembuangan bayi yang berlaku dalam Malaysia.

Ini adalah satu perkara yang amat memalukan dan amat memeranjatkan. Bagaimana daripada kenyataan menteri, jawapan dalam Dewan Rakyat ini daripada tahun 2000 hingga tahun 2008 jumlah sijil kelahiran anak luar nikah yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara berjumlah 250,411 orang. Kita lihat bagaimana pada tahun 2009 sahaja sebagaimana dimaklumkan seramai 17,303 orang anak luar nikah yang didaftarkan di Malaysia.

Saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian terutamanya Kementerian Wanita, Pembangunan Keluarga dan Masyarakat. Apakah penyelesaian yang telah dibuat oleh kerajaan yang ada pada hari ini? Seharusnya isu yang ada di hadapan kita ini kita selesaikan di peringkat akar umbi. Kita tidak mahu hanya menyelesaikan masalah ini seolah-olah menyapu sampai di bawah karpet.

Tidak ada suara seorang pun daripada menteri atau pun mana-mana pemimpin UMNO dan Barisan Nasional yang menyuarakan hasrat untuk menyelesaikan isu yang ada di hadapan ini penyelesaian secara Islam sedangkan mereka mendakwa mereka mempertahankan kalimah Allah. Apakah hanya cukup dengan mempertahankan kalimah Allah sedangkan hak-hak Allah, hak-hak Islam tidak ditegakkan di Malaysia?  
*[Tepuk]*

Kita lihat bagaimana perkara ini amat memalukan negara kita. Begitu juga kita lihat kes yang melibatkan pembuangan bayi yang amat kejam, yang kita rasa lebih kejam daripada apa yang berlaku pada zaman jahiliah. Ini membuktikan kegagalan kerajaan yang memerintah hari ini di bawah Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional

walaupun lebih 50 tahun gagal melaksanakan undang-undang dan mendidik rakyat ke arah yang lebih baik walaupun kita mendakwa kita membuat pelbagai program untuk menyelesaikan masalah rakyat.

Kita lihat bagaimana program-program perbaikan akhlak seperti Program Rakan Muda, Projek PLKN lebih berorientasikan *business* perniagaan bukan ke arah penyelesaian isu yang ada. Saya mengharapkan perkara ini diambil perhatian yang serius oleh kerajaan. Kita amat sedih apabila mendapat maklumat purata kes buang bayi yang ada dalam negara kita sangat-sangat menyayat hati. Bagaimana daripada tahun 2004 hingga tahun 2008 lebih daripada 228 kes bayi yang dilemparkan ataupun dibuang. Ada yang dibuang dalam tong sampah, ada yang dibuang di dalam longkang.

Pada bulan Julai 2008, satu kes yang ditemui di salah sebuah IPT dalam negara kita bagaimana satu mayat yang telah reput bersama bayi di dalam asrama di sebuah IPT. Ini adalah satu perkara yang amat menyayat hati. Seharusnya satu tindakan yang serius, yang menyeluruh perlu diambil oleh kerajaan dan sudah sampai masanya penyelesaian secara Islam dipertimbangkan. Kita memerlukan undang-undang yang bukan sahaja yang boleh menyelesaikan masalah tetapi boleh menggerunkan pesalah-pesalah ini dan boleh menyelamatkan mereka daripada dosa ketika mereka berdepan dengan Allah SWT di akhirat.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Boleh mencelah Yang Berhormat?

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Masa terhad. Sekejap sahaja. Satu minit sahaja.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Tidak, sedikit sahaja. Statistik tentang bayi tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Tadi saya mendengar Yang Berhormat menyatakan bahawa kerajaan gagal apabila berlaku permasalahan sosial ini.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, di Kelantan ini bagaimana. Bayi dibakar dalam tong sampah. Saya melihat dalam *internet, juvenile crime goes up in Kelantan*, dengan izin. Apakah itu bukan juga kegagalan Kerajaan Negeri Kelantan? Jadi, pada pendapat saya Yang Berhormat walaupun kita mempunyai masalah sosial, kita tangani bersama. Tidak perlulah menuding jari kepada kerajaan. Kalau kita benar-benar ikhlas, mari kita sama-sama duduk bersama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan sebagainya dan selesaikan masalah ini.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Okey cukup. Terima kasih. Terima kasih di atas persoalan Yang Berhormat. Saya ingin jelaskan

bahawa kerajaan yang memerintah dalam negara ini adalah Kerajaan Barisan Nasional. *[Dewan riuh]* Dialah yang mengawal Kementerian Pendidikan, dialah mengawal Kementerian Penerangan, dialah yang mempunyai peruntukan. Kami semua tidak ada satu sen peruntukan walaupun kami sebagai Ahli Parlimen.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Serahkan Kelantan pada kitalah.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Siapa yang bertanggungjawab mendidik belia yang ramai ini?

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Serah Kelantan pada kitalah.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Pelajar-pelajar yang lahir hari ini adalah pelajar yang didik di bawah sistem pendidikan sekular yang dipelopori oleh Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional. Kita dapat melihat daripada penjelasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Pasir Salak tadi. Bagaimana kajian dibuat, betapa ramai pelajar yang tidak tahu membaca al-Quran. Ini sebenarnya angkara siapa? Angkara UMNO dan Barisan Nasional!

Kami telah mencuba untuk melaksanakan yang terbaik apabila kita menunaskan kanun jenayah syariah yang kedua untuk melaksanakan undang-undang Islam tetapi Kerajaan UMNO lah yang memberi amaran kepada Kelantan, jangan laksanakan hukum ini kalau tidak diambil tindakan.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** *[Bangun]*

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Minta maaf.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** Tidak bagi.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Bagaimana ada suara-suara yang menghina. Bagaimana kalau dilaksanakan hukum Islam di Kelantan hendak makan sup Kelantan pergilah ke Kelantan. Kalau hendak melaksanakan hukum sebat ini, tidak ada anak batu hendak buat jalan raya di Kelantan.

#### ■1520

Inilah penghinaan suara-suara daripada orang-orang yang tidak bertanggungjawab dan sebahagiannya mereka ada penyokong UMNO. Jadi kita mengharap supaya kerajaan menilai balik, kuasa ada di tangan kamu kenapa kamu tidak pergunakan kuasa? Kami hanya mempunyai kuasa yang amat terhad sebagai sebuah kerajaan negeri dan kita melihat seharusnya perkara ini dipandang serius dan sehingga sekarang ini, dengan keadaan berleluasanya isu setiap hari didedahkan dalam akhbar, dalam TV berkaitan dengan pembuangan bayi, berkaitan dengan kelahiran anak luar nikah.

Tidak ada suatu pun cadangan sama ada Menteri atau pemimpin UMNO yang mencadangkan supaya hukum Islam ditegakkan, tidak ada! Di mana yang mengatakan hendak perjuangkan kalimah Allah, hukum Allah pun tidak diambil pakai. Bukan sahaja hukum yang besar kalau isteri sendiri pun tidak mampu ditutup aurat.

**Seorang Ahli:** Ya.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Walaupun perkara ini ada setengah orang kata benda tidak besar tetapi ini adalah contoh kepada masyarakat terutamanya pemimpin-pemimpin beragama Islam. Saya harap perkara ini perlu diambil perhatian oleh pemerintah hari ini dan sebab kepimpinan ini adalah satu amanah yang akan dipersoalkan oleh Allah SWT di akhirat. Seharusnya peraturan perkara-perkara yang berkaitan dengan hukum ini hendaklah diselesaikan dengan sebaik mungkin dan sudah sampai masanya kerajaan menilai semula peraturan-peraturan yang ada hari ini supaya bertepatan dengan apa yang dikehendaki oleh Islam, sesuai dengan apa yang diperintahkan oleh Allah SWT.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh juga berkaitan dengan isu-isu berkaitan dengan wanita iaitu bagaimana meningkat kadar perceraian dalam negara. Kes penderaan kanak-kanak semakin meningkat dan kita melihat juga ramai wanita yang menjadi mangsa terutama banduan. Mereka di mana suami-suami mereka yang dipenjarakan, begitu juga mangsa kepada tahanan ISA. Bagaimana kita melihat mereka yang tidak berdosa ini, anak diyatimkan, isteri dijandakan akibat daripada undang-undang zalim ISA.

Apakah tindakan yang telah dibuat oleh Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk menyelesaikan isu yang ada hari ini. Akibat daripada pengabaian ini, maka yang menjadi mangsa adalah wanita dan kanak-kanak dan betapa ramai wanita yang menjadi mangsa kepada penyakit HIV dan seterusnya. Begitu juga hal-hal yang berkaitan keganasan rumah tangga dan sebagainya. Jadi sudah sampai masanya saya kira kerajaan memberi perhatian yang serius berkaitan dengan kepentingan wanita. Begitu juga saya ingin menyentuh Tuan Yang di-Pertua, yang berkaitan dengan usaha kerajaan untuk membasmi kemiskinan. Kita menyambut baik di atas usaha yang dibuat oleh kerajaan dan kita mengharapkan supaya semua pihak memberi perhatian kepada isu ini, so ini adalah satu perkara yang amat penting untuk rakyat terutama golongan yang sangat memerlukan.

Apa yang kita sedihkan ialah apabila program pendaftaran melalui e-kasih dilaksanakan, sejauh mana ketelusannya? Saya ingin harapkan supaya apabila

kerajaan melaksanakan program ini, pastikan program ini betul-betul tepat kepada sasaran, kita mahu orang yang sepatutnya layak menerima bantuan tercicir. Begitu juga berkenaan dengan masalah peruntukan kepada negeri-negeri di bawah Pakatan Rakyat, walaupun kami di bawah Pakatan Rakyat, kami juga adalah salah satu daripada sebuah negeri di bawah kerajaan persekutuan. Sepatutnya diberi peruntukan yang sama. Kami dinafikan, contohnya, saya beri contoh. Bagaimana contohnya di Kelantan sendiri, walaupun kerajaan memberi bantuan tetapi tidak kepada kerajaan negeri tetapi kepada Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) yang diwujudkan secara haram sebenarnya. Sepatutnya kerajaan memberi peruntukan kepada kerajaan yang memerintah tetapi apabila dinafikan peruntukan, maka sudah jelas bagaimana kerajaan tidak menghormati suara rakyat dan tidak menghormati sistem demokrasi yang ada dalam negara kita sendiri.

Bagaimana kami di Kelantan juga dinafikan banyak perkara. Saya bagi contoh lagi iaitu bagaimana ada di antara kalangan pemimpin yang mengatakan tidak boleh bagi kerajaan Kelantan kerana kerajaan Kelantan tidak mampu mentadbir. Saya bagi contoh bagaimana walaupun kami tidak diberi peruntukan royalti, tidak diberi-ditukar dengan wang ihsan pun bukan, kami rakyat Kelantan tidak mahu kepada wang ihsan. Kita hendak hak kami yang termaktub dalam Akta Pembangunan Petroleum, walaupun dalam keadaan serba kekurangan yang berada pada kami, *alhamdulillah* kita mampu mentadbir negeri kita.

Kita melihat bagaimana kadar kemiskinan di Kelantan pada tahun 2004, bagaimana *alhamdulillah* kadarnya pada 10.6% dan pada tahun 2008 turun kepada 4.1%. Kita juga melihat bagaimana peningkatan KDNK di negeri Kelantan berbanding dengan kerajaan yang ada pada hari ini, kita lihat bagaimana walaupun keadaan sumber yang terhad pada kami, bagaimana kami berjaya *alhamdulillah* pada tahun 2006 – 5.9%, pada tahun 2007 – 7.5%, pada tahun 2008 – 5.1% berbanding dengan KDNK peringkat nasional, kita melihat pada tahun 2006 – 5.6%, pada tahun 2007 – 6.5% dan pada tahun 2008 – 4.6%.

Jadi jelas kepada kita bagaimana kita mampu mentadbir walaupun dalam keadaan amat terhad, jadi sebab itulah saya mengharapakan kerjasama daripada Kerajaan Pusat memberi hak kami sebagai rakyat Kelantan. Seharusnya rakyat Kelantan diberi layanan yang sama, kalaulah kerajaan pusat mengambil wang cukai daripada rakyat Kelantan, kenapa hak kami dinafikan? Inilah yang kami mahu dan kami mengharapakan perkara ini dipertimbangkan.

Segala infrastruktur perlu untuk pembangunan negeri hendaklah disegerakan seperti bagaimana yang disebutkan sebelum ini iaitu pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, hendaklah disegerakan. Begitu juga dengan pembinaan pelabuhan hendaklah dipertimbangkan kalau ingin melihat negeri Melayu yang hampir 95% adalah Melayu Islam, kita betul-betul hendak perjuangkan Melayu, maka seharusnya Kelantan diberikan layanan yang sama. Begitulah juga dengan pembesaran jalan raya dari Kuala Krai ke Kota Bharu dan seterusnya seharusnya diberi peluang dan keutamaan oleh pihak kerajaan.

Saya ingin menyentuh juga Tuan Yang di-Pertua isu yang berkaitan dengan penyalahgunaan Permit Edaran Antarabangsa ataupun *International Circulation Permit* (ICP). Isu ini berlaku di sempadan iaitu di kawasan saya kebanyakannya melibatkan antara rakyat Thailand dengan rakyat Rantau Panjang. Kita melihat bagaimana pelanggaran ini berlaku berleluasa. Jadi saya ingin penjelasan daripada pihak kerajaan sejauh mana tindakan dibuat sebab daripada permit ICP ini yang menetapkan bagaimana pengecualian kenderaan asing masuk ke negara ini hanya dengan jarak dua kilometer. Ini sahaja yang diberi peluang sedangkan bagaimana apa yang berlaku hari ini, setiap hari berpuluh-puluh kereta sewa, rodtu dari Thailand masuk ke sempadan Malaysia dengan menggunakan alasan permit ini untuk mengangkut penumpang-penumpang sehingga tidak ada ruang dan peluang untuk pemandu kereta sewa tempatan untuk mencari rezeki.

Ada di kalangan pemandu kereta sewa ini mengadu mereka ini tidak mampu untuk membayar sewa untuk membayar insurans mereka. Mereka tidak mampu untuk menyara persekolahan hidup mereka kerana mereka tidak ada pendapatan, RM10 sehari pun kadang-kadang tidak dapat kerana habis penumpang ini disapu oleh kebanyakannya oleh rodtu yang dari Thailand ini. Jadi saya harap perkara ini diambil perhatian, disemak balik segala undang-undang yang menyebabkan kerugian kepada rakyat sendiri. Apa sahaja perjanjian dua hala sama ada dengan Thailand ataupun dengan Singapura, saya harap perkara ini diberi perhatian dan dinilai semula oleh kerajaan supaya apa sahaja perjanjian yang dibuat ini tidak merugikan rakyat. Begitu juga perjanjian ICP yang telah termaktub semenjak 1994, seharusnya dinilai balik supaya perjanjian ini tidak merugikan rakyat dan menjaga kepentingan rakyat tempatan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tunku Jaafar]:** Yang Berhormat, tolong Yang Berhormat.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Habis sudah masa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tunku Jaafar]:** Hanya ada sedikit Yang Berhormat.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, satu lagi Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyentuh iaitu berkenaan dengan kebajikan para pekerja iaitu berkaitan dengan PERKESO di mana kita dapati banyak majikan yang tidak mendaftarkan pekerja mereka dengan PERKESO dan ini menyebabkan apabila berlakunya kemalangan dan sebagainya yang rugi adalah pekerja kita bagaimana kita lihat kemalangan-malang tidak berbau dan banyak kes-kes yang berlaku. Saya harap supaya pihak kementerian memantau agensi dan badan-badan seperti ini supaya pembelaan terhadap pekerja kita benar-benar terjamin. Sebagai satu contoh, satu kes yang berlaku kepada rakyat kawasan saya sendiri bagaimana dinafikan hak untuk mendapat pampasan, sedangkan dia mendapat kemalangan semasa bekerja. Saya tak mahu perkara ini berulang dan saya harap kementerian mengambil tindakan.

Kita juga dengar bagaimana dalam akhbar, berita sebagaimana yang semalam berkaitan dengan bagaimana pekerja meninggal akibat terhidu gas beracun semasa bekerja.

■1530

Jadi ini juga satu perkara yang amat menyayat hati. Jadi saya harap supaya semua golongan, semua pihak merasakan mereka ini didahulukan sebagaimana slogan kerajaan hari ini, "Rakyat Didahulukan". Saya harap slogan ini bukan semata-mata slogan tetapi benar-benar dirasai oleh rakyat di bawah. Sekali lagi sebelum saya menghentikan ucapan saya, saya minta kalau betul-betul kerajaan hari ini meletakkan keutamaan rakyat, buktikan, kembalikan hak kami, royalti rakyat Kelantan mesti dibayar. Sekian dahulu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ya, Yang Berhormat Kalabakan.

**3.30 ptg.**

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:**  
*Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

**Beberapa Ahli:** *Walaikumsalam.*

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersama rakan-rakan, bersama-sama untuk membahaskan Titah Ucapan Diraja pada 15 Mac yang lalu. Pada mulanya, saya ada banyak isu yang saya mahu kemukakan, tetapi ada isu yang baru Tuan Yang di-Pertua ialah berkenaan dengan *Berita Harian*, 18 hari bulan, 19 hari bulan. Saya tidak pernah lompat parti. Daripada saya masuk Barisan Nasional sampai sekarang tidak pernah lompat parti. Kalau saya lompat sudah, bererti saya tidak ada kepercayaan kepada parti. Jadi kenyataan yang dibuat oleh Ahli Parlimen Bayan Baru itu kenyataan bodoh-bodoh punya. *[Tepuk]* Mahu tubuh kerajaan dianjurkan oleh pembangkang, mesti ada 30 orang mahu lompat. Dia sebut beberapa orang sahaja yang lompat. Mana dia punya sekolah?

**Seorang Ahli:** Ya!

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Mana dia punya sekolah? Dalam *Utusan*, Anwar umpan, dia kata. Ini tuduhan betul lapan termasuk Tengku Razaleigh kena umpan, termasuk saya kena umpan. Saya sudah katakan, saya tidak pernah jumpa, tidak pernah dipujuk dan tidak pun pergi Taiwan. Tidak ada pergi ke Taiwan, saya. *[Tepuk]* Bererti saya bukanlah golongan yang dipujuk untuk lompat. Jadi, bererti umpan yang dibagi kepada rakan mungkin tidak cukup. Mungkin tidak cukup, jadi tidak lompat. *[Ketawa]* Umpan yang dibagi kepada Ahli Parlimen Bayan Baru ini besar, itu sebab dia lompat. *[Dewan riuh][Ketawa][Tepuk]*

Saya mahu dia Ahli Parlimen Bayan Baru ini tarik balik bahawa saya tidak pernah lompat dan dia akan namakan semua yang mahu lompat. Kenapa pilih? Pilih, pilih, pilih, pilih. Mungkin dia lompat, ada yang minta kepada Kerajaan Pulau Pinang, tidak dapat!

**Beberapa Ahli Pembangkang:** Ya! *[Tepuk]*

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Dia tidak dapat, hingga gelar orang komunis! Bolehkah saya dalam Dewan ini tunjuk satu orang di antara kita ini komunis?

**Seorang Ahli:** Tidak boleh!

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Boleh?

**Beberapa Ahli:** Tidak boleh.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Bukan bukti. Ini salah daripada peraturan. Mana boleh duduk di dalam Dewan Rakyat, Dewan Negeri seorang komunis?

**Beberapa Ahli:** Tidak boleh. [*Tepuk*]

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Ini saya tidak tahu yang dia kata, dia dua tahun dalam PKR, 16 September dua kali, dia tidak fikirkah? Dua tahun dia baru lompat. Kenapa tidak lompat awal-awal? [*Dewan riuh*] Sekarang sudah jadi BEBAS, kocek pun mungkin sudah penuh. [*Dewan riuh*] Kemudian mungkin nanti mahu masuk UMNO, tolong UMNO jangan terima orang seperti ini. [*Tepuk*] Jangan terima orang seperti ini. Kalau dia boleh gigit ketua dia, dia boleh gigit ketua kita juga. [*Dewan riuh*] [*Tepuk*] Ha, ini yang sebenarnya Tuan Yang di-Pertua. *Reporter*, berpuluh-puluh *reporter* termasuk *newspaper* Cina telefon saya. Ini ada kenyataan begini, begini. Saya bilang tunggu. Saya akan luahkan di Parlimen.

**Beberapa Ahli:** Ya!

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Kerana ini secara *official* saya mahu jawab dan saya mahu Yang Berhormat Bayan Baru ini tarik balik dan minta maaf kepada saya. [*Tepuk*] Kepada saya. Dia ada di sini atau tidak ada tetapi saya mahu.

**Seorang Ahli:** Ada, ada, ada...

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Mungkin sekarang sudah gemuk, sudah kenyang. Jadi macam-macam tohmahan. Saya tidak tahu perjanjian dia dengan parti pembangkang, saya tidak tahu. Saya bukan pernah di sana. Akan tetapi kenapa libatkan saya, yang saya tidak ada dosa?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat Kalabakan, boleh saya mencelah? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya harap Yang Berhormat Kalabakan bertenang. Yang Berhormat Bayan Baru menceritakan, dia tidak menuduh Yang Berhormat Kalabakan. Jadi...

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Tidak mahu kasi dia laluan, sebab apa pembelaan. Begini tak boleh bagi laluanlah...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Bagilah laluan..

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Bukan tak boleh. Saya tahu walaupun dia mendakwa, dia dakwalah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ini bukan menuduh Yang Berhormat Kalabakan.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Tetapi jangan sebut nama-nama yang tidak berkenaan. Bererti saya kata tadi, kalau mahu lompat, 30 orang mahu lompat. Kenapa tidak namakan 30 orang? Siapa yang pergi

Taiwan? Kenapa tidak disebut nama-nama mereka? Apa sebab? Apa sebab? Takkan Yang Berhormat Sri Gading mahu bela sedangkan saya dalam BN mahu bela pembangkang yang mungkin mahu masuk UMNO nanti. Saya minta maaf sahaja. Kalau orang seperti ini masuk UMNO, mungkin UMNO punya orang akan keluar. Kalau dia ada pembohongan. Dia punya ketua, dia punya tahulah. Dia ceritalah tetapi ini pembohongan, dua tahun dahulu kenapa dia tidak keluar? [*Tepuk*] Persoalannya, dua tahun, dua kali 16 September sudah, kenapa? Baru keluar, apa sebab?

**Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]:** Minta jalan sedikit.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Apa sebab?

**Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]:** Yang Berhormat, boleh jawab sikit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Bayan Baru bangun Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Tak usahlah, apa guna mahu bagi. Dahulu pun saya tidak minta bagi, sekarang tak mahu bagi. Saya tidak mahu bagi. Saya tahu walaupun dikatakan ini pembohongan Ketua Pembangkang, Parti Keadilan atau PAS atau DAP, itu dia punya hal. Bukan saya mahu soal itu. Soal dia kenapa waktu itu, dia tidak keluar?

**Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]:** Boleh bagi saya cerita sikit Yang Berhormat Kalabakan, *you* punya tuduhan.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Bukan, saya tahu, saya tahu. Sebab kita tahu habuan yang dibagi mungkin. [*Dewan riuh*] [*Tepuk*] Pada mulanya saya tidak mahu sentuh ini.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** [*Bangun*]

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Akan tetapi apabila saya dibabitkan, bukan saya kata tak boleh. *You* babitkan saya, tetapi babitkanlah semua yang ada, yang ada pergi ke Taiwan, semua disenaraikan. Tidak mengapalah.

**Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]:** Hendak bagi, hendak bagikah?

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Mungkin ini Yang Berhormat Bayan Baru tidak baca *newspaper* berapa orang pergi ke Taiwan. Saya tidak pergi kerana rekod saya tahun 1985, waktu saya menjadi calon

BERJAYA tahun 1985, berjaya enam kerusi, PBS mahu beli saya. Dia perlu saya, saya tidak mahu. [Tepuk] Jadi bukan saya. Saya kalau keluar parti, saya tidak percaya kepada pucuk pimpinan, saya keluar bukan kerana dibeli. Ini penting, ini penting. Jangan bikin tohmahan yang bukan-bukan sahaja. Kita malu, jadi kita minta *Berita Harian*, *TV1*, *TV3*, *AWANI*, keluarkan kenyataan saya ini dengan penuh seperti mana Yang Berhormat Bayan Baru dapat liputan. [Dewan riuh][Tepuk] kalau tidak, ini sekongkol juga.

**Seorang Ahli:** Ya, sokong, sokong.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Ini saya minta sebab semua *Berita Harian* akan penuh muka surat.

**Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]:** Boleh saya cakap, mencelah sikitkah? Minta Yang Berhormat Kalabakan.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Tidak payahlah. Saya hanya ada beberapa minit sahaja. Saya ada banyak yang lain. Jadi itu, saya harap, ini noktahlah di sini. Noktahlah. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Sabah, rakyat Sabah, rakyat Sabah sangat-sangat berdukacita. Berdukacita kenapa? Kerana lampu di Sabah, satu hari sampai 15 kali putus, 15 kali putus.

#### ■1540

Perdana Menteri pergi ke Tawau pada 13 September, dia sudah bagi jaminan bahawa lampu akan dipulihkan dengan membeli generator-generator yang baru untuk keseluruhan supaya gangguan dapat dikurangkan. Diberi peruntukan, pada mulanya rakyat tidak tahu tetapi saya dapat tahu Lembaga Elektrik, TNB apabila diberi peruntukan, dia beli generator *second hand* yang bekas digunakan oleh Sime Darby, berapa puluh generator dibeli bawa ke Sabah. Rakyat tidak tahu, saya tahu saya luahkan dalam akhbar, saya beritahu masalah ini. Saya minta SPRM siasat, kemudian kenyataan pengurus besar dan juga Menterinya mengatakan memang kita beli generator *second hand*.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dahulu saya kata jangan dianggap rakyat Sabah ini rakyat kelas dua, saya dapat juga jawapan tidak. Rakyat Sabah adalah *fixed deposit* Barisan Nasional tetapi sekarang jelas apabila diakui bahawa generator yang dibawa *second hand*, rakyat Sabah sekarang dianggap sebagai rakyat kelas dua dalam negara ini. [Tepuk]

Saya minta Menteri – saya tidak mahulah dengar CD-CD ini masalah, saya tidak mahu dengar. Saya mahu kementerian bertanggungjawab, semua generator *second*

*hand* ini dipulangkan balik dan beli yang baru. Jika tidak, saya akan teriak lagi di Parlimen yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, cukup mungkin kalau saya katakan pasal Lembaga Elektrik tetapi saya mahu cerita pasal jenayah, tempat-tempat panas di Sabah ini begitu banyak sekali. Kita sudah nampak kenyataan daripada Menteri Luar bahawa tempat-tempat panas ini akan dibanteras tetapi nampaknya sampai sekarang belum ada tindakan yang positif di seluruh Sabah, belum ada. Jadi minta Kementerian Dalam Negeri bekerjasama dengan JPPS kerana penjenayah-penjenayah ini apabila berjalan, dia pakai kereta cermin gelap. Sampai satu tempat dia terus naik, tiada orang tahu siapa dia. Jadi minta kerjasama dengan JPPS.

Orang yang mahu mendirikan rumah tangga di Sabah susah Tuan Yang di-Pertua, sebab pekerjaan mahu, mungkin Majlis Agama, saya tidak tahu atau Jabatan Agama Islam Sabah, mereka mahu kutip duit. Orang-orang yang mahu kahwin, ada kursus kahwin bayar RM400 satu kelamin. Syarikat ini memungut keuntungan yang begitu banyak, jadi mana Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita cakap dalam Parlimen, orang kata ini bidang kuasa kerajaan negeri. Saya minta semua ini diselaraskan dari Perlis sampai ke Sabah. Jadi inilah yang saya mahu minta.

Tuan Yang di-Pertua, sekolah-sekolah luar bandar seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Sri Gading dan beberapa kawan-kawan, sekolah-sekolah luar bandar memang kita tahu ada banyak ibu bapa apabila buka sekolah mereka ini tidak boleh menghantar anak-anak mereka ke sekolah, tidak mampu. Ada empat anak, lima anak, satu sahaja boleh pergi sebab ada banyak bayaran, fi-fi yang bukan-bukan. Mereka tidak mampu, mereka ini kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Jadi ramai yang tidak mampu. Itulah sebabnya kita nampak ramai yang buta huruf kalau di luar bandar di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada perkara yang terakhir walaupun mungkin masa saya masih ada tetapi ini adalah yang terakhir iaitu saya ada bangkit pagi tadi sewaktu Timbalan Menteri Kewangan ada, bahawa Lembaga Tender PMS dan JKR ada buat tender. Sudah buka tender, lima pakej rumah guru, pengairan di Kota Belud, pengairan di Tambunan, Dewan UMS Labuan.

Lima pakej rumah guru RM100 juta, pengairan di Kota Belud RM28 juta, pengairan Tambunan RM16 juta, Dewan UMS Labuan RM42 juta dan jumlahnya RM187.1 juta sudah kena tender Tuan Yang di-Pertua. Biasanya kalau sudah tender teruslah *vote*, kenapa mahu tunggu, sebab apa? Jawapan yang diberi pagi tadi ialah

kerajaan tidak ada duit. Kenapa tender kalau tidak ada duit. Jadi saya minta barang yang di tender ini usahalah cari duit kerana kita tahu ini mustahak untuk negeri Sabah. Jadi Tuan Yang di-Pertua saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Machang.

**3.46 ptg.**

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh. Alhamdulillahirabbil 'alamin, wassalatiwassalamu'ala asyrafiiil anbiya' iwalmursalin, wa 'ala alihi wasahbihi waman daa'a bida'watihi watamassaka bisunnatih wajahada fii sabilillahi ila yaumiddin.*

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana ruang dan peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja, Titah Ke bawah Duli Tuanku sewaktu merasmikan Parlimen menyentuh banyak perkara tetapi berkisar di atas paksi yang sama iaitu agama, bangsa dan negara. Titah itu sudah tentu menjadi satu peringatan dan ruang untuk kita meneliti dan mengambil beberapa nasihat daripadanya.

Saya memilih empat perkara pada kesempatan 30 minit ruang untuk berbahas. Pertama ialah isu agama. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk kerajaan memberikan penjelasan yang jelas terhadap satu perkara yang berhubung dengan kelulusan lesen judi kepada 'Escort Sports' yang dikuasai oleh Vincent Tan yang kita kenal sebagai *tycoon* yang mempunyai empayar perniagaan yang luas dalam banyak-banyak syarikat perniagaan iaitu Yang Berhormat Pasir Mas pejuang Melayu tulen pun ada sahamnya juga.

Itu wajah sebenar pejuang Melayu, untuk itu kita minta pihak Kementerian Kewangan jelaskan perkara berkenaan dengan kelulusan lesen judi 'Escort Sports' milik Vincent Tan yang diberikan ruang sehingga 20 tahun untuk menjalankan perniagaan judi pertaruhan ini, lumba kuda, bola sepak dan sukan-sukan lain kerana syarikat ini membayar yuran operasi berjumlah RM20 juta kepada kerajaan dalam urus niaga sebesar RM1 bilion setahun.

Sudah tentulah lesen ini diberikan oleh Menteri Kewangan. Saya difahamkan Menteri Kewangan yang juga Perdana Menteri sebelum Perdana Menteri Abdullah Badawi mengambil alih kuasa. Menteri Kewangan ini ialah Presiden UMNO, UMNO ialah parti agama, bangsa dan negara sudah tentu dalam memperjuangkan agama,

pemimpin UMNO juga ada baca ayat yang Allah Taala turunkan bahawa judi itu suatu yang haram.

Apabila rakyat beri mandat, ahli UMNO bagi mandat, dapat kuasa, duduk Putrajaya, jadi Menteri Kewangan, dengan mandat itu, tangan itu juga yang meluluskan lesen judi. Selamatnya kerana media kita tidak bebas melaporkan. Kalau media bebas, sudah tentulah Buletin Utama TV3 akan berbunyi, *"Mula-mula berita penting.*

■1550

*"Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan telah bersetuju meluluskan sebuah lesen judi baru kepada Escort Sports yang dimiliki oleh Tan Sri Vincent Tan. Kelulusan ini adalah selaras dengan perjuangan UMNO parti kerajaan yang memperjuangkan agama, bangsa dan negara".*

Kalaulah berita berbunyi sebegitu, tidak ada orang Melayu yang mahu menyokong UMNO. Akan tetapi kerana penguasaan media seperti ini, maka maklumat yang begitu besar tertutup. Khabarnya Perdana Menteri yang lepas, Tun Abdullah Badawi kemudian membatalkan. *Alhamdulillah*, satu tindakan yang tepat, khabarnya. Akan tetapi kita hendak bertanya, siapakah yang meluluskan lesen itu? Apakah rasionalnya meluluskan lesen tersebut? Tidak cukup kah dengan lesen judi yang bersepah dalam negara kita saat ini. Mana hendak datang keberkatan. Tidak mungkin para ulama' dan ustaz-ustaz dalam UMNO terlepas ayat yang Allah SWT sebutkan *[Membaca sepotong petikan ayat al-Quran]*

Maksudnya:

*"Dan jika sekiranya penduduk sesebuah negeri itu beriman dan bertakwa kepada Aku kata Allah SWT, nescaya akan aku limpahkan keberkatan dari pintu langit dan bumi".*

Barakah dalam perjalanan memerintah negara, akan ada keberkatan. Keberkatan tidak akan datang kalau pemimpin yang di atas terang-terang melakukan perkara yang Allah SWT haramkan. Ini peringatan buat saya, buat pemimpin Pakatan Rakyat dan juga buat pemimpin UMNO Barisan Nasional yang memegang kuasa pada peringkat persekutuan sekarang.

Hal ini turut didedahkan oleh penulis buku 'Malaysian Maverick' tulisan Barry Wain yang KDN tidak beri jual dalam negara. Boleh dibaca dalam muka surat 319. sehingga sekarang buku ini tidak boleh dijual lagi. Tuan Yang di-Pertua, kalau berminat, saya ada satu naskhah ini saya boleh beri kepada Tuan Yang di-Pertua. Selepas ini baca. *[Ketawa]*

Saya kemudian Tuan Yang di-Pertua, berganjak pada isu pertahanan. Saya menerima jawapan dari Menteri Pertahanan apabila saya bertanyakan tentang hal kebocoran maklumat dan rahsia pertahanan.

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Minta jalan.

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Silakan.

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Machang. Saya tertarik dengan apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Machang mengenai isu perjudian.

Dalam setahun yang lepas, saya pun banyak kali menimbulkan persoalan dalam Dewan yang mulia ini. Saya telah berkali-kali bertanya kepada Kementerian Kewangan, apakah rasional kerajaan meluluskan begitu banyak *special draw* kepada NFO, *number forecast operator* di negara ini yang berjumlah enam buah syarikat di seluruh negara iaitu Sports Toto, Magnum, Pan Malaysian Pools, Dirivan Corporation, Sarawak Turf Club dan Sabah Turf Club. Jawapan yang saya terima pada dua hari yang lepas, jumlah cukai yang diterima daripada semua NFO bagi tahun 2009, berjumlah hampir RM1.2 bilion. Maksudnya, judi ini merupakan satu sektor yang cukup besar pada negara kita.

**Seorang Ahli:** Disokong oleh kerajaan.

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Saya hendak bertanya, mungkin Yang Berhormat Machang ada sedikit pengalaman dalam parti pemerintah. Apakah modus operandi antara parti pemerintah iaitu UMNO dengan syarikat-syarikat perjudian ini yang membenarkan begitu mudah syarikat-syarikat perjudian ini mendapat lesen yang begitu banyak sekali sehingga masyarakat Tionghoa yang dikatakan bahawa masyarakat yang berjudi tetapi tetap menolak, membangkang bahawa begitu banyak *special draw* ini. Akan tetapi kerajaan tidak mendengar. [*Tepuk*] Malah tahun ini lagi banyak. Sebanyak 20 hari *special draw* darab enam, 120 kali *special draw* akan dibenarkan. Apakah pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih rakan saya dari Rasah. Rasah ialah wakil DAP. Sudah tentu bukan beragama Islam. Akan tetapi saya perhatikan beliau konsisten memperjuangkan tentang perlunya kerajaan menangani isu lesen judi yang berlebihan dalam negara kita.

Selain dari Yang Berhormat Rasah, saya juga mengikuti Yang Berhormat Bukit Bendera, Yang Berhormat Batu Gajah dan Yang Berhormat Kuching, banyak membangkitkan persoalan dalam Dewan yang mulia ini berkaitan dengan cabutan

istimewa, cabutan-cabutan khas yang dibenarkan oleh Kementerian Kewangan dalam perkara ini.

Saya teringat Almarhum Dato' Fadhil Nor pernah ketika kempen pilihan raya 1999 mengaitkan dengan beberapa bukti bagaimana kaitan syarikat-syarikat judi ini yang menikmati keuntungan luar biasa yang kemudiannya memberikan bantuan kepada parti pemerintah dalam berdepan dengan kita pembangkang. Sehingga sekarang kenyataan Almarhum Dato' Fadhil Nor tidak pernah dicabar. Kalau Yang Berhormat Rasah hendak bertanya, itu kaitannya. Beratus-ratus cabutan bertuah ini, apa hal. Tangan yang meluluskan itu dan tangan-tangan yang menyokong, orang yang ada kuasa meluluskan itu.

Ini harus dilihat daripada sudut bahawa ia tidak langsung menyumbang pada kebaikan walaupun ke mana dibelanjakan duit itu. Dibelanjakan untuk kesihatan RM146 juta, belanja untuk kebajikan-RM268 juta, belanja untuk aktiviti sosial-RM361 juta, belanja untuk sukan-RM321 juta. Duit judi tadi disalurkan untuk kesihatan, mana ada berkat. Patutlah makan ubat itu tidak baik-baik. [Ketawa] Belanja untuk sukan, patutlah sukan tidak pernah menang melainkan Dato' Lee Chong Wei, Dato' Nicol David, setakat itu, belanja untuk sukan.

Ini saya sebut tidak ada keberkatan. UMNO Barisan Nasional harus berlapang dada lihat perkara ini dan kalau perlu, kita bekerjasama. Ini asas kerjasama kita. Saya pelawa rakan-rakan saya dalam UMNO, kita boleh duduk, kalau perlu kita buat satu memorandum bersama, kita buat. Saya hendak pelawa rakan-rakan saya daripada Pemuda UMNO Malaysia khususnya. Ini pemimpin masa depan negara. Hal yang jelas, jelas. Usah kita pertikai. Ayuh! Kita bergerak bersama, minta kerajaan buat satu keputusan yang tegas dalam aktiviti perjudian yang jelas hukum-hakamnya.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan sewaktu saya bertanyakan tentang aktiviti *intelligent* penyusupan mencuri maklumat daripada negara kita. Beliau memberikan jawapan kepada saya dalam bentuk jawapan yang agak menakutkan dan membimbangkan.

Pertama, Menteri Pertahanan mengakui adanya aktiviti perisikan dari kedutaan asing di Kuala Lumpur dengan menjadikan warga MINDEF sebagai tali barut, sasaran. Ini telah dikesan oleh bahagian staf perisikan pertahanan sejak tahun 2009. Maknanya benar berlaku aktiviti pengintipan, benar berlaku membabitkan warga Kementerian Pertahanan. Cuma tidak disebut uniform atau *civilians*. Tidak disebutkan. Kemudian bahagian staf perisikan pertahanan buat proses *turn over*.

Warga MINDEF yang terbabit kemudian di *turn over* kan, dengan izin daripada menjadi ejen tali barut kepada operasi pengintipan negara asing dalam isu pertahanan dan keselamatan negara kita. Warga MINDEF yang terbabit itu telah di *turn over* kan, dengan izin, kemudian dia bertindak menjadi saksi pada penyiasatan oleh MINDEF.

Kerana itu Kementerian Pertahanan berpendapat mereka yang terlibat tidak boleh dianggap sebagai pengkhianat. Kalau sudah bekerjasama dengan ejen perisikan asing bukan pengkhianat, namanya apa? Apakah istilah yang kita hendak gunakan? Yang Berhormat Putatan hendak gunakan istilah apa itu?

Kementerian mengaku adanya penglibatan daripada warga MINDEF bekerjasama dengan pihak asing, mengintip maklumat pertahanan dan keselamatan kemudian jawapan menteri kepada saya ialah mereka yang terlibat tidak boleh dianggap sebagai pengkhianat. Bocor maklumat keselamatan pun bukan pengkhianat, istilah apa yang hendak kita namakan. Kementerian harus menjawab perkara ini secara tuntas.

Kalau ada pun dalam kalangan rakan-rakan Ahli Parlimen seperti Pasir Mas hendak menuntut supaya Suruhanjaya Diraja dibentuk bagi menyiasat Yang Berhormat Permatang Pauh kerana mengedar risalah dan edar VCD Dr. Yusof Qaradawi. Itu namanya mengancam keselamatan negara.

Saya hendak tanya pendirian pejuang Melayu tulen ini yang menjadi pemegang saham Vincent Tan ini. Apakah pula keputusannya terhadap perbuatan menganggap bahawa mereka yang terbabit dalam aktiviti pengintipan asing sebenarnya bukan pengkhianat. Maka Suruhanjaya Diraja tidak perlu diwujudkan. Kapal selam tidak boleh selam, tidak perlu Suruhanjaya Diraja. Enjin jet hilang, tidak perlu ada Suruhanjaya Diraja. Edar risalah Yusof Qaradawi, siasat. Ini mengancam keselamatan negara.

Apa punya pertimbangan politik pejuang Melayu tulen ini. Pejuang Melayu tahi kucing! [*Ketawa*]. Tidak masuk akal. Permainan politik apa yang hendak dimainkan ini. Hilang kah kewarasannya?

■1600

Lalu dikatakan Yusof Qaradawi telah dimanipulasi. Pendirian Dr. Yusof Qaradawi tentang isu fitnah ke atas Yang Berhormat Permatang Pauh bukan perkara baru. Dia telah mengeluarkan fatwanya seawal 10 September, 8 hari selepas Permatang Pauh dipecat. Dalam hubungan ini saya bangga dengan rakan saya, Yang Berhormat Batu Pahat. Saya bangga dengan beliau. Sepanjang saya mengenali beliau, beliau terangkan kepada saya dalam isu fitnah ini beliau tidak pernah percaya sama sekali. Yang itu saya fikir *conscious* nya masih *clear*. *Alhamdulillah*. [*Tepuk*] Dia konsisten. Apakah dia jatuh

dalam politik? Tidak, bahkan dia naik dan saya doakan dia terus naik sebagai Menteri. Saya doakan. *[Disampuk] [Tepuk]*

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Prinsipnya walaupun dia sebut juga dua, tiga nama kawan-kawan lama kita dahulu yang sekarang sudah ada jawatan tetapi memilih untuk mempercayai, itu tidak mengapa. Kita tidak kecil hati, tetapi dalam perkara jelas, soal fatwa Yusof Qaradawi pun hendak dipertikaikan. Cuba saya petik apa dia kata.

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Balik Pulau bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Ya, sila.

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Sedikit sahaja. Sebelum Machang meneruskan lebih lanjut isu mengenai Yusof Qaradawi, saya patah sedikit ke belakang mengenai *mauduk* maklumat penting keselamatan. Saya ingin mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Machang, adakah bahayanya keselamatan negara di kala syarikat yang dilantik untuk menasihati kerajaan pada hari ini. Syarikat yang sama tersebut juga bersama-sama dengan syarikat lain - *partnership, affiliate* dengan izin, yang mana tokoh-tokoh dalam syarikat tersebut saya baca antaranya, *former Head of the Protection and Security Division and the most Senior Ranking Security Official at Israeli Security Agency...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Saya baca lagi. *Former Head of International Relation for the Protection and Security Division of the Israeli Security Agency.* Saya baca lagi, *Vice President* dia - *former Senior Ranking Security Official of the Israeli Security Agency.* Ada lagi, *former Security Manager at Israeli Ben Gurion International Airport, former Senior Security Officer and Security Duty Manager at Israeli Ben Gurion International Airport.* Ini tokoh-tokoh pimpinan yang syarikat yang namanya Asero Worldwide *affiliate* dengan APCO. Pejabat di Washington DC - pejabat yang sama, alamat yang sama.

Yang kita takut, maklumat tadi kita kata kena pakai risikan. Kita kena buat siasatan dalaman di MINDEF, tetapi kita mengambil pilihan memilih syarikat yang mendedahkan kita. Sudahlah dasar luar dengan Israel pun kita putuskan untuk tidak mempunyai hubungan diplomatik hingga sukar orang Islam ke Masjidil Aqsa, tetapi kita

membawa mereka – kalau orang *Penang* kata bawa masuk dalam kelambulah. Apa penjelasan Yang Berhormat Machang untuk ini?

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Terima kasih rakan saya dari Yang Berhormat Balik Pulau. Itulah hakikat di hadapan kita. Kerajaan yang memerintah ini parti tunggakunya ialah UMNO. Tidak akanlah hilang pertimbangan sama sekali. Boleh *engaged* dengan izin, Syarikat APCO Worldwide yang ada penglibatan di peringkat *international advisory council* nya terdiri daripada individu-individu berpengaruh dari Israel. Boleh jadi juga kerana nasihat APCO inilah maka menganggap aktiviti pengintipan di MINDEF itu bukan perbuatan khianat, tidak perlu hebohkan. Selesai cara diplomatik sahaja kerana dikatakan negara itu ada hubungan baik dengan kita.

Sedangkan tadi Yang Berhormat Balik Pulau menyebut tentang siapa individu di belakang kumpulan ini.

Itu tidak mengapa, kita akan ada *floor* kita dengan izin, pada minggu depan bila Ketua Pembangkang mengambil giliran kerana tempoh seminggu yang diberikan oleh sebelah sana. Sebab selama 12 tahun, apa yang tidak diserang kita? Ejen Yahudi, ejen Amerika, tali barut asing. Bukti? Bukti tidak payah, tetapi memang kamu ini tali barut asing, ejen Yahudi. Dahulu ejen Libya, Muammar al-Gaddafi. Zamannya berubah. Baik, bukti? Bukti tidak payah.

Kalau datang daripada UMNO/Barisan Nasional pemimpinnya, satu maklumat itu hendaklah dianggap benar, tidak ada yang tidak benar, melainkan benar belaka. *[Disampuk]* Itu prinsipnya. Jangan cabar. Ahli-ahli Parlimen BBC pun jangan cabar, jangan tegur, jangan kritik Menteri itu, jangan, jangan. Tidak akan boleh naik dalam politik. Sebab itu sudah di *orchestrate* begitu, jangan. Baik.

Sedangkan perkara yang membabitkan APCO Worldwide ini. Zaman sekarang di mana kita boleh akses kepada maklumat dengan mudah. Kita boleh tampilkan bukti individu terbabit. Mereka boleh nafikan. Sesetengah daripada kita boleh jadi jurujual kepada APCO pula, dalam Dewan ini. Jadi *salesman* APCO dalam Dewan ini pun ada. *[Disampuk]* Ada. Ketika menyangkal pandangan kita, ini dia dari APCO. Dia pula jadi jurujual APCO. Ada. Itu tidak mengapalah, pilihan dia. Kita ucapkan selamat maju jaya, berjaya dunia akhirat.

Tuan Yang di-Pertua, kembali kepada fatwa Dr. Yusof Qaradawi tadi, seminggu selepas Yang Berhormat Permatang Pauh dipecat, Dr. Yusof Qaradawi tampil dengan pandangan dia. Saya *quote*, “Perbuatan menuduh orang-orang yang bersih yang diketahui kebaikannya secara daruri dengan tuduhan dan tohmahan terutama yang

*berat seperti zina, liwat dan membunuh merupakan satu perbuatan yang diharamkan secara tegas oleh Islam dan termasuk dalam dosa-dosa besar.”*

Dr. Yusof Qaradawi teruskan lagi, *“Setiap orang yang dituduh dengan tohmahan keji ini mempunyai hak untuk menuntut orang yang menuduhnya dalam perbicaraan Mahkamah Syariah yang adil, manakala kewajipan hakim yang menangani kes ini dengan cara yang diredhai Allah dan hukum syariahNya ialah menuntut si penuduh mengemukakan bukti berkenaan dakwaannya iaitu empat saksi adil seperti diterangkan dalam al-Quran, saksi adil yang tidak fasik yang melihat perbuatan itu berlaku dengan mata kepalanya sendiri seperti mana dia melihat benang dimasukkan ke dalam lubang jarum.”* Ini syarat al-Quran.

Saya orang Islam. Rakan-rakan UMNO saya pun ramai orang Islam. Ini yang al-Quran jelaskan yang disebut oleh Dr. Yusof Qaradawi. Politik satu bab, tetapi dalam bab ini ayuh mari kita terima hakikat ini, perbuatan menuduh itu adalah perbuatan zalim, maksiat besar, dosa besar. Ini yang Dr. Yusof Qaradawi sebut.

**Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** Pohon laluan.

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** [Bangun]

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Akan tetapi apabila kita hendak edarkan kenyataan Dr. Yusof Qardawi bagi memberikan kesedaran supaya kita berlaku adil kepada rakyat Malaysia yang beragama Islam, ada lagi. Yang Berhormat Pasir Mas kata buat Suruhanjaya Siasatan Diraja, mendedahkan kenyataan Dr. Yusof Qaradawi mengancam keselamatan negara. Berkata adil mengancam keselamatan negara. Porak-perandakan negara itu dikatakan pemimpin yang baik.

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Minta penjelasan sedikit.

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Machang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini sebut Yusof Qaradawi, Yusof Qaradawi berulang kali ini, Yusof Qaradawi mana ini? Tokoh besar sangatkah dia atau adakah dia ini orang yang sama yang dianugerahkan Tokoh Maal Hijrah oleh Kerajaan 1Malaysia beberapa bulan yang lalu? Kalau sudah orang yang sama, tidak akan pula setakat satu maklumat begini hendak disiasat mengancam keselamatan negara. Patutnya kerajaan yang mengiktiraf dia sebagai Tokoh Maal Hijrah kita tolong edar benda ini. Bukan pula dianggap sebagai mengancam keselamatan negara. [Tepuk] Sila Machang.

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Terima kasih rakan saya, Yang Berhormat Kuala Krai. Bola tanggung yang cukup cantik. *[Ketawa]* Kalau takraw itu *feeder* lah.

Memang betul, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan Malaysia inilah untuk memilih Tokoh Maal Hijrah peringkat antarabangsa bagi tahun Hijrah 1431 dan tahun 2009. Anugerah disampaikan oleh pemangku Yang di-Pertuan Agong, Sultan Abdul Halim - Sultan negeri saya, Kedah. Ada gambarnya. Dia bagi. Maknanya Jemaah Menteri buat keputusan Tokoh Maal Hijrah seantero dunia ini tidak ada yang lebih hebat, lebih layak iaitu Dr. Sheikh Yusof Qaradawi yang sekarang tinggal di Doha, Qatar. Presiden Majlis Ulama Dunia. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, dia menulis pandangan-pandangan ini yang kemudian dia sebut lagi, *“Jika sekiranya orang menuduh itu tidak berbuat demikian, tidak mendatangkan saksi, maka gugurlah dakwaannya.”* Hakim wajib dikenakan hukuman sebat 80 kali, hilang haknya dalam kesaksian dan mengecapnya sebagai fasik melainkan dia bertaubat.

**Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** *[Bangun]*

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Sebab itu dalam VCD ini Dr. Yusof Qaradawi berpesan kepada rakyat Malaysia dalam menangani ‘Isu Fitnah 2’ ke atas Anwar Ibrahim, katanya, *“Siapa yang bertanggungjawab mereka-reka dan mencipta fitnah ini hukumnya munafik.”*

#### ■1610

Siapa yang pilih mempercayainya dan menyambung-nyambung pula pada orang lain, hukumnya fasik dan tidak boleh jadi saksi selama-lamanya.

**Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** *[Bangun]*

**Beberapa Ahli Pembangkang:** Ya Allah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Dan kata Yusuf Qaradawi, *“atas fatwa ini, saya bertanggungjawab di hadapan Allah SWT di mahkamah Yaummul Mahsyar nanti”.* *[Tepuk]*

**Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** Pohon penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Kedah bangun Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** Pohon penjelasan.

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Sila.

**Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** Terima kasih Yang Berhormat Machang. Kita dengar penjelasan begitu baik daripada Yang Berhormat Machang berkaitan dengan fatwa Yusuf al-Qaradawi. Cuma, pandangan daripada Yang Berhormat Pasir Mas ketika dia berhujah mengatakan supaya Saiful Bukhari ini juga dibawa menghadap Yusuf al-Qaradawi untuk menerima penjelasan.

Jadi adakah pandangan Yang Berhormat Machang terhadap saranan Yang Berhormat Pasir Mas berkaitan membawa Saiful Bukhari ini wajar dan patut diterima? Sedangkan kaedah sumpah yang dibawa oleh Saiful Bukhari ini diambil dalam kitab mana kita pun tidak tahu. Jadi minta penjelasan Yang Berhormat Machang.

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Terima kasih rakan saya dari Kuala Kedah. Sembilan tahun Presiden Abim Kedah. Alhamdulillah, hari ini jadi Ahli Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, saya secara peribadi kalau hendak jadi fasilitator kepada cadangan bawa budak Saiful ini berjumpa dengan Dr. Yusuf Qaradawi, saya sanggup bayar tiket kapal terbang dia dan Yang Berhormat Pasir Mas untuk bawa pergi berjumpa. *Alhamdulillah*, beritahu sahaja masa. Sebaiknya selepas sidang Parlimen. Saya bayar tiket kapal terbang. Saya carilah ikut mana pun boleh, dengan syarat – tidak ada syaratlah, tidak payah ada syarat. *[Ketawa]* Tidak payah ada syarat, boleh bawa.

Baik, itu komitmen dan keyakinan saya. Sebab itu Dr. Yusuf Qaradawi ditanya lagi kalau orang itu kena tuduh kemudian dia sebut, *“tidak boleh sesiapa pun mencegah atau melarang orang yang dituduh daripada membela dirinya”*. Alasan Dr. Yusuf, *“Allah sendiri memberi peluang kepada iblis untuk berdebat mempertahankan dirinya saat dia mengatakan dia lebih baik daripada Adam.”* Bahkan pada hari kiamat nanti Allah beri peluang pada setiap kita untuk mengetengahkan pembelaan terhadap diri kita atas perbuatan kita masa di dunia. Sebab itu hak orang yang kena tuduh dia boleh. Dia mesti dibenarkan membela dirinya secara lisan. Menulis di surat khabar, berucap di radio dan TV, terutama jika pandangan umum akan memberi kesan yang cukup besar dalam kes tersebut.

Secara syariah, dia tidak boleh diserahkan kepada taring-taring para lawannya yang mencarik-carik kredibilitinya siang dan malam dan membiarkan masyarakat awam hanya menjadi penonton tanpa mampu berbuat apa-apa. Akibatnya, pintu pun tertutup rapat di depan orang yang dituduh. Dia tidak mampu melawan sebab tidak memiliki sebarang kelengkapan, sedangkan musuh mempunyai seluruh senjata. Lebih buruk lagi, musuh juga mengajak orang ramai mengikut serta dalam angkatan dusta dengan

menyebarkan perkataan-perkataan jahat. Sebab itu fatwa Dr. Yusuf Qaradawi ini elok dan saya anjurkan untuk kita menelaah dan membacanya bersama.

Tuan Yang di-Pertua, isu saya yang terakhir ialah isu royalti minyak. Baru-baru ini Profesor Datuk Dr Shad Saleem Faruqi memberikan pandangannya bahawa perjanjian petroleum antara Petronas dengan negeri-negeri Tuan Yang di-Pertua, tidak sah dan tidak boleh pakai. Hujahnya ialah negeri saat menyerahkan sesuatu yang bukan haknya, Profesor Shad berkata, "*Perlembagaan Persekutuan menyatakan negeri hanya ada kuasa ke atas perlombongan di darat, begitu pun mengikut perjanjian 1975 Petronas dengan negeri, negeri serahkan hak petroleum sama ada darat atau laut, on shore atau off shore kepada Petronas walhal pada saat itu lautan adalah di luar bidang kuasa negeri.*" Itu kata Profesor Shad.

Saya ingin menarik perhatian Parlimen untuk meneliti pandangan Tun Salleh Abas. Pada pandangan Tun Salleh Abas, selepas satu tolak-ansur dicapai antara negeri dengan pusat bertujuan untuk membangunkan industri petroleum negara, maka Akta Pembangunan Petroleum 1974 dibuat. Susunannya begini, kuasa melombong di darat dipunyai negeri, diserahkan kepada Petronas dan jika minyak dijumpai dan diusahakan hasil, Kerajaan Pusat juga akan dapat 5%. Sebaliknya, jika sekiranya minyak dijumpai di laut dan menjadi hak pusat, maka negeri juga berhak mendapat 5% kerana timbal-balas ini. Oleh sebab persetujuan tolak-ansur inilah maka industri petroleum bermula pada tahun 1974 dengan lahirnya Petronas. Petronas kemudian tandatangan dengan negeri.

Dua istilah penting di sini Tuan Yang di-Pertua ialah *on shore* dengan *off shore* yang sekali gus menghapuskan had sekatan atau sempadan negeri tiga batu nautika *territory waters* atau apa juga sekatan-sekatan lain. Istilah *on shore* dan *off shore* ini mendukung tujuan melupakan apa jua tafsiran yang lain yang ada dalam akta dan ordinan terdahulu. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, ada dua doktrin undang-undang yang diterima pakai. Pertama, Akta Parlimen yang datang kemudian mengatasi akta yang terdahulu. Akta Pembangunan Petroleum 1974 mengatasi Akta Perlombongan Petroleum 1966 sebagai contoh. Yang kedua, akta khas atau khusus mengenai satu perkara mengatasi akta umum. Contoh, akta khas mengenai petroleum iaitu PDA 74. Apa akta umum? Akta umum ialah Ordinan Darurat 1969 yang dibuat selepas 13 Mei.

Maknanya Tuan Yang di-Pertua, pada tahap ini kita memahami bahawa PDA 74 adalah akta tunggal yang mengawal kegiatan berkaitan petroleum di negara kita. Bilamana perjanjian Petronas dan negeri ditandatangani pada tahun 1975, perjanjian sebelum tahun 1974 itu dilupakan. Ibaratlah sebuah ikatan perkahwinan Tuan Yang di-

Pertua, keadaan zaman bujang sebelum tahun 1974 tidak diambil kira. Sebelum kita berkahwin, kita ada hak masing-masing. Selepas berkahwin kita ada satu ikatan yang kita bertanggungjawab ke atasnya. Tidak bolehlah bila sudah sekian lama hidup bersama Petronas kini berjaya dan hidup mewah hasil perkahwinan atau perjanjian itu, tentulah tidak munasabah ada pihak yang mahu kembali kepada keadaan hubungan sebelum perkahwinan dengan mengatakan hak-hak kedua-dua lelaki dan perempuan berbeza, dan pihak satu lagi tidak ada tanggungjawab apa-apa terhadap pihak yang lain bilamana pusat berulang-kali merujuk pada akta sebelum PDA 74 seperti Ordinan Darurat 1969 dan lain-lain.

Ini saya anggap adalah percubaan-percubaan untuk kembali kepada zaman bujang dan jelas mengelirukan. Yang jelasnya, Akta Pelantar Benua 1966, Akta Perlombongan Petroleum 1966 tidak menentukan pemilikan petroleum sama ada di *on shore* atau *off shore*. Ordinan No.7 (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1969 yang digubal berikutan rusuhan tahun 1969 mensyaratkan bahawa lebar perairan Wilayah Malaysia ialah sama ada tiga atau 12 batu nautika. Ordinan ini juga tidak menentukan siapa yang memiliki petroleum sama ada *on shore* atau *off shore*. Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984 ialah akta berkenaan dengan hak kedaulatan dan bidang kuasa ke atas Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia yang ditakrifkan sebagai kawasan seberang dan bersebelahan dengan laut Wilayah Malaysia sehingga jarak 200 batu. Akta ini juga Tuan Yang di-Pertua, bagaimana pun tidak menentukan sama ada *on shore* atau *off shore* dari segi pemilikan petroleum.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Sedikit.

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Maknanya, sekatan terhadap pemberian terhadap pemberian royalti minyak Kelantan adalah merupakan keputusan politik jahat, khianat, dendam dan tidak bertanggungjawab daripada UMNO Barisan Nasional.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Sedikit.

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menyokong. Terima kasih.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Sedikit, kalau boleh jawab. Sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, habis sudah Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Putatan.  
**4.18 ptg.**

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*]

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Mohon sabarlah sahabat saya. Sabar ya. Putatan ini sejuk-sejuk, *cool* tidak panas macam Yang Berhormat Machang. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana Tuan Yang di-Pertua memberi saya peluang untuk turut serta dalam membahaskan Usul Menjunjung Kasih Ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ketika merasmikan Perasmian Penggal Ketiga Parlimen Kedua Belas pada 15 Mac yang lalu.

Duli Yang Maha Mulia dengan begitu prihatin telah menggariskan dan menitahkan semua cabaran yang bakal kita tempuhi termasuklah perkara tata tertib Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Yang Berhormat, pembangunan infrastruktur, keselamatan dan juga memperkasakan perpaduan dan keharmonian rakyat yang menjadi tunggak kestabilan negara. Kita amat bersyukur kerana mempunyai institusi Raja yang bukan sahaja prihatin akan pembangunan negara tetapi lebih penting lagi kesejahteraan hidup rakyatnya.

■1620

Tuan Yang di-Pertua, dengan pertumbuhan 4.5 Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada suku keempat tahun 2009, ia menunjukkan bahawa dua pakej rangsangan ekonomi bernilai RM67 bilion yang telah diberikan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Telah dapat memulihkan ekonomi negara hasil daripada kemelesetan ekonomi global. Kejayaan ini sekali gus menidakkan kritikan-kritikan negatif dari golongan tertentu. Tahniah, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke atas kejayaan ini. Dalam merangka pelan transformasi kerajaan Gagasan 1Malaysia, kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak. Perdana Menteri kita yang kita sanjungi, telah memperhalus dengan terperinci sekali semua pelan tindakan yang harus diambil oleh kerajaan semata-mata demi kesejahteraan dan kesejahteraan hidup rakyat.

*Walkabout* yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah benar-benar membawa semua lapisan pimpinan negara turun padang untuk mengenal pasti serta menyelesaikan masalah rakyat secara *on the spot*. Kesungguhan beliau ini terbukti apabila beliau sendiri mengadakan *walkabout* dan secara *on the spot*

menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat, di Brickfields sejour selepas mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia.

Ini disusuli dengan banyak lagi *walkabout* di Kota Kinabalu, di Kuching dan lain-lain tempat lagi. Dituruti pula oleh timbalan beliau yang membuat *walkabout* di Pasar Tamu di Putatan dan pada dua minggu yang lalu, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga membuat lawatan ke Tamu, Pekan Donggongan jiran kawasan Parlimen saya. Melalui Gagasan 1Malaysia, kerajaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri secara terperinci menggariskan agenda membangunkan satu Malaysia di mana beliau menekankan;

- (i) ekonomi dan perpaduan negara di bawah Gagasan 1Malaysia;
- (ii) pendidikan dan perpaduan negara di bawah Gagasan 1Malaysia;
- (iii) menggalakkan interaksi sosial 1Malaysia;
- (iv) menguruskan *polarity* agama dan budaya ke arah kerajaan 1Malaysia yang sebenar;
- (v) menggalakkan dan mengamalkan politik 1Malaysia yang *inclusive*;
- (vi) menggalakkan media 1Malaysia yang *inclusive*.

Selain itu dalam melaksanakan 1Malaysia, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memantapkan lagi pentadbiran negara dengan enam Bidang Keberhasilan Utama Negara atau NKRA bagi menterjemahkan konsep Malaysia Didahulukan. Beliau telah menggariskan bahawa...

**Beberapa Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Ini sejuk, tidak panas. [*Ketawa*] Iaitu mengurangkan jenayah membanteras rasuah, mempertingkatkan pencapaian pelajar yang betul, mempertingkatkan infrastruktur asas luar bandar, mempertingkatkan pengangkutan awam yang sedia kita laksanakan, mempertingkatkan kebertanggungjawaban semua menteri dan memastikan pencapaian diutamakan. Menjadi nadi dan tunjang utama pemerintahan beliau. Syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Baginda telah menekankan soal keharmonian kaum.

Seperti mana hujah saya dalam forum yang sama dalam penggal yang lalu ketegangan kaum dan keharmonian antara agama di kalangan masyarakat majmuk di negara ini belum lagi dicapai pada tahap maksimum. Polarisasi kaum masih berleluasa di politik dan badan-badan NGO. Masih lagi bergiat secara bebas mencanangkan dan

mensensasikan isu perkauman dan menjadikan hubungan kaum di negara ini menjadi tegang.

Ahli politik yang sering kali memperjuangkan nasib politik mereka dengan mengapi-apikan sentimen perkauman dan sebagainya masih lagi belum terkawal. Keadaan ini sedikit sebanyak telah menimbulkan rasa kurang selesa di antara kaum negara ini dan hasilnya sekiranya tidak dapat dibendung akan menimbulkan rasa benci dan ketegangan kaum. Para pengendali dan mereka yang memberi komen dalam blog juga masih menabur fitnah atau menulis sentimen yang berbau hasutan dengan tanpa memikirkan perpaduan rakyat dan keselamatan negara.

Bagi menjaga keharmonian dan perpaduan rakyat di negara ini serta keselamatan negara, sekali lagi saya ingin menyeru agar pihak kerajaan, pihak keselamatan menggunakan semua kuasa yang ada untuk mengani masalah ini supaya perkara ini dapat dibendung sepenuhnya dan kepercayaan rakyat...

**Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Lalan.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** ...Dapat dipulihkan seperti yang ditetapkan dalam NKRA.

**Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Sedikit Yang Berhormat Putatan boleh?

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Baru buka mukadimah.

**Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Sejuk tadi, bagi panaskan sedikit suasana.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Ini baru mahu *warm up*. Okeylah.

**Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Sedikitlah, boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Putatan bila mengatakan perlu diambil tindakan ke atas pihak-pihak terutama media yang mengapi-apikan perkauman di negara kita ini. Termasuklah terutama seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bagan tadi, *Utusan Malaysia* yang sekian lama tekah membakar perasaan perkauman di kalangan rakyat Malaysia. Apa penjelasan Yang Berhormat Putatan tentang perkara ini?

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa. Soal kenyataan daripada media-media ini. Ini satu petanda kita ini negara demokrasi. Apa yang disebut, apa yang tertulis, apa yang tersebar dan apa yang digambarkan oleh para pemberita itu pandangan mereka masing-masing. Itu terpulanglah kepada individu masing-masing menilai hasil tulisan daripada media. Itu

demokrasi, kita ini negara demokraskan? Betul. Jadi apa yang saya nyatakan, kalau ada sekiranya terdapat hasutan yang boleh menimbulkan ketegangan, maka kita ada undang-undang tertentu untuk menangani masalah yang patut diambil. Itu dia Yang Berhormat.

Soal *walkabout* ini adalah satu langkah untuk mendampingi rakyat. Yang Berhormat Machang sudah keluar ya? Terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sabah atas kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Musa Aman kerana membantu...

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*]

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Dengarlah dahulu, biarlah habis. Membantu badan-badan keagamaan. Ini satu petanda 1Malaysia yang mendampingi semua lapisan rakyat di negara ini. Saya rasa Yang Berhormat Pokok Sena pun setuju. Dato' Seri Musa Aman memberi peruntukan bantuan kepada tokong-tokong, *temple* Hindu, gereja-gereja dan ini satu usaha kerajaan untuk menyayangi rakyat jelata tanpa mengira kaum, bangsa dan agama.

Jadi ini satu kepujian, satu kenyataan yang ikhlas daripada pihak saya. Kerajaan Pusat pula dapat melihat, memberi perhatian kepada keperluan surau-sarau terutama sekali surau-sarau di kawasan saya, begitu memerlukan banyak penyelenggaraan.

#### ■1630

Satu lagi saya mohon diwujudkan yang kami telah pohonkan beberapa tahun yang lalu sebuah masjid di Tanjung Aru yang begitu diperlukan oleh umat Islam di kawasan Tanjung Aru. Yang ada pada sekarang ini tidak muat. Sewaktu ada lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ini sempit. Jadi, adalah diperlukan satu masjid yang luas sedikit. Tidak mahulah yang besar tetapi yang sederhana. Ini saya mohon daripada pihak kerajaan untuk meluluskan peruntukan ini. Saya ingin beralih Tuan Yang di-Pertua kepada isu yang saya mesti sampaikan iaitu soal pemanasan global. Sekarang tadi sudah panas, jadi kita cakap pasal pemanasan.

Isu pemanasan global telah menjadi topik utama perbualan dan perbincangan kita dalam masa ini. Ini menunjukkan betapa seriusnya impak pemanasan global ke atas negara kita, Malaysia yang tercinta ini. Dalam hal ini banyak perkara lagi yang kita boleh perbaiki dan mantapkan. Penggunaan beg atau bahan bungkus plastik, pelepasan sisa pepejal dan pencemaran marin di perairan negara kita oleh kapal-kapal asing, penjana kuasa elektrik berasaskan arang batu, kenderaan usang yang mengeluarkan asap tebal dan penggunaan racun rumpai perosak secara berleluasa oleh ladang-

ladang tani. Pencerobohan hutan simpan, tadahan air dan penggunaan bahan letupan dalam penangkapan ikan adalah beberapa perkara penyebab perubahan iklim kita.

Saya telah berbicara dengan Yang Berhormat Sri Gading soal pencemaran alam sekitar di kawasan Kota Kinabalu yang telah pun dipaparkan melalui TV3 pada bulan yang lepas. Saya mengharapkan ucapan Yang Berhormat Sri Gading itu dapat reaksi daripada pihak kerajaan supaya dapat ditangani masalah pencemaran yang sungguh-sungguh serius di kawasan Kota Kinabalu. Saya mengalu-alukan cadangan agenda kerajaan tentang mewujudkan pembangunan Bandar Karbon Sifar kerjasama dengan MASDAR, dengan syarikat yang dinamakan 1Malaysia *Development* Berhad (1MDB) yang melaksanakan teknologi bersih, *free of carbon* dengan anggaran USD2.2 bilion.

Persoalannya di sini, saya menyarankan kepada kerajaan, dengan wang begitu banyak untuk kawasan pembangunan Bandar Karbon Sifar ini, saya rasa ini patut dilihat balik kerana ini akan menelan belanja yang begitu besar. Banyak lagi program yang boleh kita pameran kepada negara lain bahawa Malaysia juga memainkan peranan untuk mengatasi pemanasan global termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat, bukan sahaja daripada pihak kerajaan tapi Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak di sana. Bagi mengatasi masalah ini, kerajaan hendaklah meminda mana-mana akta berkaitan dengan penggunaan beg dan bahan bungkus plastik, pelepasan sisa pepejal, ini soal undang-undang.

Jadi, saya juga ingin menyentuh soal *coal-fired plants* di Lahad Datu yang dicadangkan boleh menjana 500 megawatt. Oleh kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun membuat satu komitmen yang kita akan mengurangkan 40% *emission carbon dioxide* kita di atmosfera. Kalau mengikut statistik pada tahun 1999 hingga 2006, Malaysia telah mengeluarkan 187 *million tons of CO2* dan jika komitmen Yang Amat Berhormat 4% dikurangkan, ia bermaksud 75 *million tons* yang kita akan kurangkan. Bayangkan *coal-fired plants* di Lahad Datu itu, kalau kita menjana 500 megawatt, ia akan mengeluarkan – *it will admit 3.3 million tons* setahun. Bayangkan. Jadi, ini saya rasa kita harus *review* balik kalau kita menetapkan komitmen kita untuk mengurangkan 40%.

Dalam hal ini, kerajaan hendaklah mengambil tindakan tegas dan yang perlu untuk mengawal fenomena agar anak-anak kita yang dapat terus menikmati kesedaran di bumi yang kita cintai ini.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Sikit, sikit Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Ya. Sekejap, sekejap.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Boleh sikit sahaja? Topik ini, nak menghangatkan sikit. Nak bantu Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Okey, sebab masa tak cukup ini.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Boleh, boleh sikit. Tuan Yang di-Pertua, saya agak simpatilah dengan usaha Yang Berhormat Putatan untuk menerapkan rasa keprihatinan rakyat terhadap apa yang dikatakan sebagai pembangunan lestari. Akan tetapi pembangunan lestari ini Yang Berhormat Putatan, kalau saya boleh sebut sikit, dia mesti datang dulu bukan dengan teknologinya tapi pemikirannya, *mindsetnya*, perlu ada minda lestari tetapi kita tidak ada. Maka kalau saya *rephrase* balik apa Yang Berhormat Putatan sebutkan, sedarkah Yang Berhormat Putatan bahawa kalau betul-betul kita nak mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 40% daripada *intensity GDP* yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Copenhagen, Denmark pada Disember yang lalu itu, sedarkah Yang Berhormat Putatan bahawa dari segi pertumbuhan GDP, kita tak boleh pacu seperti mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri minta sebagai 6.5% pertumbuhan GDP setiap tahun tetapi hanyalah sebanyak 2.5% pertumbuhan sahaja.

Ini percanggahan yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak sedar bila membuat janji mudah-mudah kerana lidah tidak bertulang tetapi bila kita congak dan kita buat nombor, kita kaji, kita hitung, hisab, jauh daripada mampu. Oleh sebab itu Yang Berhormat Rembau baru-baru ini mengatakan bahawa janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu tidak realistik. Saya atas perkara ini, sedikit cenderung untuk menyokong Yang Berhormat Rembau di sebelah sana.

Yang Berhormat Putatan, ini dia perkara yang perlu ada pada pimpinan Barisan Nasional. Satu minda yang lestari dahulu sebelum datangnya apa pun teknologi dan pembangunan. Terima kasih.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih sahabat saya daripada Kuala Selangor. Yang Berhormat, ini bukan peranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri - *alone*. Kita semua Ahli-ahli Yang Berhormat di sini adalah bertanggungjawab keprihatinan kita terhadap isu CC ini. Jadi saya sarankan di sini, saya ada *list*.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya jemput untuk mewujudkan perkongsian para saintis supaya dapat memahami isu dan sekiranya ada pembangunan lestari Yang Berhormat sebutkan tadi, maka tugas kita di Dewan yang mulia ini adalah membawa

isu-isu yang patut dilaksanakan oleh kerajaan, bukan tanggungjawab pihak BN sahaja. Ini isu kemanusiaan, ini isu rakyat.

Keduanya, Ahli Yang Berhormat dipohon untuk menerajui promosi *sustainable development global, regional, national, challenge to change* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *the current consumption and productions patents*.

Ketiganya, Ahli-ahli Parlimen patut membantu untuk *formulate* dasar-dasar pandangan dan cadangan kepada kerajaan. Peranan kita bersama, kawan-kawan Yang Berhormat daripada pihak di sana. MP, perkasakan perbahasan dalam Dewan ini, mengambil bahagian. Jangan mendiamkan diri seolah-olah bodoh. Ini seolah-olah, bukan bodoh. Kita tidak tahu.

#### ■1640

Ertinya kita tidak tahu. Jadi ini saya galakkan untuk mewujudkan perhubungan dengan para saintis supaya kita faham semua. Ini dahulu pun saya tidak faham *securable* ini. Jadi yang kelimanya, *to mobilize*, dengan izin aktiviti sensasi di kawasan masing-masing. Ahli-ahli Yang Berhormat, *trajectory* pada 2013 hingga ke 2020 apa sebenarnya hajat dan *gold, aim* negara kita? Jadi ini saya jemput Ahli-ahli Parlimen semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ubah kepada soal yang serupa yang ditimbulkan, dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Isu peningkatan taraf hidup rakyat di kawasan-kawasan luar bandar. Saya amat tertarik dengan keprihatinan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam titah Baginda yang menekankan peningkatan taraf hidup dan pendapatan masyarakat luar bandar yang meliputi Orang Asli dan bumiputera Sabah dan Sarawak. Dalam titah Baginda, Baginda menekankan betapa pentingnya program lonjakan masyarakat luar bandar, bermatlamat pembasmian kemiskinan tegar melalui projek-projek agropolitan.

Dalam hal ini saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, bahawa kemiskinan tegar di kalangan Orang-Orang Asli dan kaum bumiputera Sabah dan Sarawak adalah merupakan yang tertinggi di negara ini dan memerlukan pembelaan. Dalam segi pemegangan ekuiti dalam aktiviti ekonomi pun sebagaimana yang diutarakan oleh sahabat dari Yang Berhormat Sri Gading, tidak perlu saya pergi mendalam dalam hal ini, juga perlu diberi pembelaan dan jauh ketinggalan terutama sekali orang-orang bumiputera di Sabah.

Oleh yang demikian kerajaan hendaklah merangka satu program jangka pendek dan jangka panjang khasnya bagi golongan Orang Asli Semenanjung Malaysia dan

bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak, agar mereka juga dapat menikmati. Hal ini sudah *repeat and repeat and repeat* diulang, diulang, diulang masih juga belum dapat keberkesanan. Saya masih merayu, merayu, merayu dan saya akan merayu lagi jika ini tidak dapat.

Tuan Yang di-Pertua, sejak menjadi Ahli Parlimen saya telah utarakan beberapa permasalahan rakyat di kawasan Putatan. Misalnya kesesakan jalan di Pekan Putatan semasa *peak time* pagi dan petang. Orang balik dari kerja. Orang pergi kerja awal pagi, budak sekolah terpaksa bangun jam 4.00 pagi kerana tidak mahu tersekat di jalan raya. Sekolah terpaksa ke KK. Sekolah di Putatan tidak cukup. SMK Petagas sebagaimana yang dijanjikan dalam Rancangan Malaysia Kelapan, Rancangan Malaysia Kesembilan belum lagi dilaksanakan.

Ini saya mohon kepada pihak kementerian dapat mengatasi masalah ini terutama sekali wujudkan, membina sekolah yang tidak cukup di kawasan Putatan. Ini kerana di satu hari *population* orang meningkat, jumlah penduduk di Putatan meningkat pada tiap-tiap tahun. Jadi ini permintaan saya ulang dan saya ulangkan lagi kalau belum dapat ditunaikan. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, kerajaan hendaklah memandang serius untuk menaik taraf jalan di Putatan. Ketiga, laluan ini bukan sahaja dapat mengurangkan kesesakan di Putatan, tetapi juga demi kepentingan pembelajaran murid-murid yang menggunakan laluan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada 26 Februari yang lalu satu kebakaran telah berlaku di Kampung Seri Pandan Putatan yang melibatkan sebanyak 40 buah rumah hampir 80 keluarga yang lenyap. Saya berada di tempat kejadian ketika api sedang membara dan mengetahui secara dekat mengapa kebakaran itu melibatkan begitu banyak rumah dengan merebak begitu cepat sekali. Jawapannya kekurangan tekanan air. Itu satu Tuan Yang di-Pertua. Kurang tekanan air dalam pili air.

Oleh yang demikian sekali lagi saya ingin meminta, merayu, mengulang permohonan saya di Dewan yang mulia ini supaya kerajaan betul-betul melihat keperluan bekalan air dipertingkatkan di kawasan Putatan dan juga mohon pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat bagi daerah Putatan. Sebab Putatan Tuan Yang di-Pertua sudah pun menjadi satu daerah di negeri Sabah. Dalam kesempatan ini juga saya ingin sekali lagi mengajukan kepada kerajaan untuk mempercepatkan penubuhan dan pembinaan Ibu Pejabat Polis daerah Putatan demi untuk keselamatan penduduk kawasan ini. Sekian terima kasih, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bachok.

**4.45 ptg.**

**Tuan Nasharudin Mat Isa [Bachok]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sekali lagi bangun dan memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT dan merakamkan jutaan terima kasih kerana memberikan keizinan untuk dapat bersama partisipasi dalam menyampaikan ucapan perbahasan dan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong ketika merasmikan sesi Parlimen kita yang baru lepas.

Tuan Yang di-Pertua, dua kali kita ditegur oleh Yang di-Pertuan Agong tentang peranan yang perlu dimainkan oleh Ahli-ahli Parlimen yang perlu bersifat profesional dan sebagainya seperti mana dalam titah ucapan Baginda. Dua kali juga di Dewan yang mulia ini saya membangkitkan tentang keperluan kepada *Parliamentary reform* yang telah saya cadangkan sebelum daripada ini, tetapi belum ada nampak sebarang reaksi yang positif daripada pihak kerajaan dalam hal yang berkaitan dengan *Parliamentary reform* ini.

Saya amat bersetuju dengan apa yang dicadangkan oleh sahabat saya daripada Yang Berhormat Putatan tadi yang menyebut tentang perlunya dari Parlimen, daripada kedua-dua belah pihak Dewan ini untuk bekerjasama dalam hal-hal yang berkaitan dengan kepentingan negara. Saya ingin mengulangi cadangan saya sebelum daripada ini yang tidak mendapat sebarang *respond* daripada pihak kerajaan. Tentang keperluan Parlimen kita di Malaysia untuk mewujudkan *Committee System*.

Perkara ini telah didedahkan banyak, saya rasa dalam banyak persidangan yang dihadiri oleh Ahli-ahli Parlimen kita. Sama ada persidangan di peringkat IPU ataupun CPA, AIPO dan sebagainya. Malah dalam banyak kursus yang diadakan untuk Ahli-ahli Parlimen yang kita dapat mengambil bahagian. Kita akan dapat melihat mungkin boleh saya menyebut Malaysia adalah di antara ataupun Parlimen Malaysia adalah di antara Parlimen yang tidak mempunyai *Committee System* seperti mana yang diamalkan dalam *Westminster* contohnya, Australia ataupun New Zealand.

Saya mengungkapkan di sini ada tiga keperluan. Kenapa *Committee System* yang diamalkan di *Westminster*, Australia dan banyak negara membangun itu kita perlukan dalam negara kita. Dalam salah satu daripada dokumen IPU ada menyebut bahawa peranan *committee* ini:

- (i) antara lain untuk *reviewing legislative proposal*, dengan izin;
- (ii) *scrutinizing budget*;

(iii) *effective surveillance of the government.*

Ada tiga peranan *committee* ini yang saya rasa perlu sangat-sangat kita menyahut seruan seperti mana yang telah dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini. Sebab saya melihat hanya dengan wujudnya *committee* seperti mana yang dipraktis di Parlimen-Parlimen tersebut barulah kita akan dapat mewujudkan suara demokrasi yang sebenarnya dalam konteks aplikasi demokrasi berparlimen yang sepatutnya.

Kita hanya menyebut sekarang ini konteks demokrasinya di luar. Dalam konteks pilihan raya, dan sebagainya. Akan tetapi saya melihat dalam hal yang berkaitan dengan demokrasi dalam Parlimen itu sendiri seperti mana yang kita lihat baru-baru ini. Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Machang pendedahan *misleading the House*. Seperti mana yang diungkapkan oleh Yang Berhormat Padang Rengas telah menimbulkan satu isu yang kita nanti jawapan yang sewajarnya daripada pihak Menteri dan juga daripada pihak Parlimen. Tiga perkara ini *reviewing legislative proposal*. Sebab kita tidak tahu.

■1650

Saya telah membangkitkan pada hari kedua soalan. Insiden yang berlaku, penarikan balik beberapa undang-undang yang telah dibentangkan. Hanya selepas dibentangkan tanpa melalui satu proses yang benar-benar tepat, yang benar-benar padat untuk mendapat maklumat yang sewajarnya sama ada daripada pakar ataupun daripada rakyat, undang-undang itu ditarik balik. Undang-undang yang berkaitan dengan GST tidak akan dibentangkan atau ditangguhkan pembentangannya dan beberapa undang-undang yang sebelum daripada ini.

Sekiranya ada *committee* sistem ini, sudah tentulah setiap satu undang-undang yang hendak dibentangkan, dibentangkan dahulu di peringkat *committee-committee* yang telah dilantik yang sudah tentulah kedua-dua belah rumah ini ataupun kedua-dua belah Dewan ini mempunyai banyak tenaga-tenaga pakar, keperluan ataupun tenaga-tenaga yang mempunyai keupayaan-keupayaan tersendiri yang boleh sama ada memberikan pandangan-pandangan untuk membaiki ataupun pandangan-pandangan dibuat *amendment* sebelum daripada ia dibentangkan untuk dibahaskan di dalam Dewan ini.

Peranan kedua daripada *committee* dalam sistem Parlimen yang diamalkan di Westminster, contohnya adalah *scrutinizing budget*. Ini isu besar sebab pengalaman kita melihat bagaimana apabila bajet di bentang kemudian belanjawan tambahan yang

akan kemudiannya di bentang, dibahaskan beberapa hari dan sebagainya dan kemudian timbul lagi beberapa hal-hal yang berkaitan dengan proses *scrutinizing* ini yang kalaulah sekiranya berlaku daripada peringkat awal lagi, sudah tentulah sekali lagi menyahut cabaran ataupun apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Putatan tadi kalau kita diberikan peluang untuk memberikan pandangan-pandangan, sudah tentulah proses *scrutinizing budget* ini dapat dilakukan lebih awal tanpa kita membuang masa yang banyak untuk berbahas dalam Parlimen, dalam perkara-perkara yang sepatutnya kita tumpukan masa dan tumpuan itu lebih kepada membawa isu yang berkaitan dengan keperluan dan kehendak rakyat.

Yang ketiganya, peranan *committee* ini adalah untuk *effective surveillance of the government*. Ini penting dan saya mengambil kesempatan ini yang sudah pun dicadangkan sebelum daripada ini tentang peranan PAC. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya Pengerusi PAC ini diberikan kepada pembangkang. Ini praktis negara membangun, ini praktis negara yang sudah moden, ini praktis Parlimen yang benar-benar demokrasi kerana kalaulah PAC sebuah badan yang sepatutnya menilai, yang mengawasi, yang membuat sebarang komen dan sebagainya itu sendiri datang daripada wakil-wakil daripada pihak kerajaan, saya tidak dapat melihat ketelusan PAC itu walaupun kita tidak menafikan memang ada Ahli-ahli daripada pembangkang yang duduk dalam PAC itu. Namun duduk sebagai jawatankuasa. Paling tinggi jawatan yang diberikan kepada kami hanyalah timbalan. Sekarang ini Yang Berhormat Kepong yang menjadi Timbalan PAC.

Kadang-kadang banyak carian-carian, banyak hasil-hasil yang dikeluarkan oleh PAC ini menimbulkan juga keraguan kepada rakyat malah keraguan kepada kita sendiri sebagai wakil rakyat, kita sendiri sebagai Ahli Parlimen. Jadi *effective surveillance of the government* ini pertamanya, dimulakan di Parlimen melalui PAC dan kemudian juga *committee-committee* yang kalau hendak ditubuhkan itu *committee* yang boleh sampai ataupun mendapat akses kepada tiap-tiap satu kementerian yang ada dalam kerajaan di sebelah sana.

Memang betul kami di sebelah sini mempunyai *committee* kami sendiri. Setiap seorang Ahli Parlimen dipertanggungjawabkan untuk memberikan tumpuan kepada tiap-tiap satu kementerian tetapi untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, walaupun kami ada semacam apa yang disebut sebagai *shadow Cabinet*, tetapi akses kami kepada maklumat, akses kepada kementerian-kementerian ini ada banyak kekangan-kekangannya yang tidak berupaya kami untuk mendapat laluan yang sewajarnya bagi

memperoleh maklumat-maklumat yang kami inginkan ataupun bagi memberikan kami peluang untuk membuat komen-komen apatah lagi membuat cadangan-cadangan bagi membaik pulih sistem kerajaan yang sedang dijalankan ini.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Mencilah.

**Tuan Haji Nasharudin Mat Isa [Bachok]:** Sila, Yang Berhormat Rembau.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Terima kasih. Terima kasih kepada Yang Berhormat Bachok. Saya menyambut baik cadangan-cadangan untuk memperkukuhkan lagi Parlimen mengikut norma-norma antarabangsa. Soalan saya kepada Yang Berhormat Bachok. Kalau kita menggunakan penanda aras Parlimen-Parlimen di negara-negara maju, Kabinet bayangan seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi dibentuk dengan seorang Ahli daripada pembangkang membayangi satu portfolio daripada pihak kerajaan. Ini penanda aras yang terbaik. Konvensyen daripada negara-negara lain. Namun Kabinet bayangan yang disebut oleh Yang Berhormat Bachok tadi dalam konteks Malaysia ini seolah-olah Kabinet bayangan yang tidak ada ketetapan kerana bagi satu portfolio mesti ada tiga. Satu daripada Keadilan, satu daripada DAP dan satu daripada PAS.

Tugas Kabinet bayangan ini adalah untuk memberi keyakinan kepada rakyat, antara lainlah, untuk memberi keyakinan kepada rakyat bahawa kerajaan ataupun pembangkang boleh mengambil alih kerajaan sekiranya ada pilihan raya. Jadi saya hendak tanya, di manakah kekangan untuk Pakatan Rakyat memilih seorang sahaja untuk membayangi satu portfolio.

**Tuan Haji Nasharudin Mat Isa [Bachok]:** Kalaulah Barisan Nasional yang punya 13 komponen telah membuktikan ketidakupayaan mereka untuk mengemukakan dasar-dasar ataupun urusan pentadbiran ini dengan baik sehingga timbul banyak undang-undang, peraturan dan dasar-dasar, polisi-polisi yang bersifat *flip-flop*.

Kami di sini, di sebelah Pakatan Rakyat hanya ada tiga rakan komponen yang tadi telah saya sebutkan punya latar belakang yang pelbagai dari segi keupayaan dan kemampuan yang sudah pun dapat kita lihat bagaimana dari segi *performance* dalam hal yang berkaitan dengan perdebatan atas isu-isu yang dibangkitkan di dalam Dewan ini. Saya tidak dapat ataupun saya tidak nampak sebarang kekangan yang boleh timbul. Kalau adapun kekangan itu adalah kekangan kita belum lagi duduk di sebelah sana.

Kalaulah kita sudah berada di sebelah sana, kekangan ini tidak akan menjadi kekangan dan *insya-Allah* akan kita buktikan kerana boleh dilihat kejayaan kita di negeri Selangor, boleh dilihat kejayaan kita di negeri Pulau Pinang, boleh dilihat kejayaan dan

keupayaan di negeri Kedah dan boleh dilihat kejayaan dan keupayaan kita di negeri Kelantan. Walaupun dengan berbagai-bagai kekangan dan sebagainya, 20 tahun. Dulu ketika mula kita memenangi Kelantan pada tahun 1990, kita dengar tohmahan yang bagaimana kerajaan itu akan hanya bertahan selama tiga bulan.

Namun *insya-Allah*, pada tahun ini kita akan menyambut kejayaan pemerintahan kita di negeri Kelantan untuk tahun yang ke-20 dan *insya-Allah*, akan kita sambut kejayaan kita di negeri Selangor untuk tahun ke-20 apabila sampai waktunya 20 tahun nanti dan seterusnya begitu juga di Pulau Pinang dan lain-lain negeri dan *insya-Allah* juga di peringkat pusat. *Insya-Allah*. Di Kedah.

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua yang ingin saya bangkitkan di sini adalah tentang antara langkah yang boleh kita ambil untuk memberikan Parlimen ini dapat berfungsi sebagai *world class Parliament* dan juga *world class Parliamentarian*, istilah yang selalu kita dengar. Saya ingin mencadangkan supaya Parlimen dijadikan sebagai salah satu tempat rujukan rakyat mengenai permasalahan semasa. Keperluan akademik contohnya, ataupun lebih bersifat mesra rakyat. Tidak cukup hanya sekadar Ahli Yang Berhormat sebagai wakil tetapi ia mesti memudahkan rakyat untuk akses kepada Parlimen. Contohnya, kita boleh mencadangkan, saya ingin mencadangkan supaya diperuntukkan beberapa hari terbuka untuk wakil-wakil NGO, wakil-wakil mahasiswa, jawatankuasa penduduk untuk bertemu secara langsung dengan Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Namun, *facility* yang ada di dalam Dewan kita ataupun bangunan kita ini tidak memungkinkan perkara itu untuk berlaku. Paling-paling mereka hanya dapat duduk di galeri awam, paling-paling dapat di jamu di kafeteria yang ada di belakang sana ataupun di atas, tetapi kita tidak punya kemudahan untuk dapat bertemu dalam kelompok yang ramai, dalam kelompok yang lebih mewakili daripada pelbagai pihak secara yang lebih teratur. Kalaulah dapat kita berikan akses ini kepada mereka, barulah dapat saya berbangga nanti untuk menyebut kami ini sebagai wakil rakyat kerana dapat bertemu dan berinteraksi dengan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua yang saya ingin bangkitkan adalah hal yang berkaitan dengan pelajaran dan pendidikan. Pagi tadi telah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pelajaran tentang sekolah berprestasi tinggi yang jangkannya seratus buah. Sekarang ini sudah ada dua puluh yang sudah dimulakan operasinya tetapi mempunyai kekangan-kekangan yang cukup untuk tidak sampai kepada tahap seperti mana yang diharapkan pada waktu ini.

**■1700**

Antara kekangan utama yang diberikan jawapannya tadi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah hal yang berkaitan dengan kekangan kewangan. Hal ini juga saya dengar daripada hampir seluruh kementerian, daripada pegawai-pegawainya yang mengeluh tentang bajet, tentang perancangan untuk tempoh yang akan datang ini kerana kekangan kewangan ini nampaknya agak serius melanda kerajaan.

Isunya, SBT kita sokong dari satu sudut usaha untuk mempertingkatkan pendidikan dalam negara kita walaupun dalam masa yang sama Yang Berhormat Ipoh Timur juga membangkitkan perkara ini pada pagi tadi kenapa tidak di samping seratus buah sekolah yang ingin dinaiktarafkannya kepada SBT, kita juga jangan lupa kepada perkembangan pendidikan di sekolah-sekolah yang lain. Isunya adalah adakah kerajaan mengenal pasti apa dia *aw-lawiyat* apa dia *priority* utama dalam pendidikan kita sekarang ini?

**Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]:** Yang Berhormat Bachok, minta mencelah. Sik.

**Tuan Haji Nasharudin Mat Isa [Bachok]:** Sila.

**Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]:** Terima kasih Yang Berhormat Bachok. Sebagai seorang bekas guru saya nampak SBT ini bagus cuma saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Bachok sekolah-sekolah yang diberi *priority* ini, diberi keutamaan di bawah kluster kah atau SBT nampaknya sekolah-sekolah yang hampir sama dengan sekolah-sekolah yang berasrama penuh atau sekolah-sekolah utama di bandar-bandar utama.

Sekolah inilah selalunya pada mulanya menjadi sekolah kluster. Apabila SBT ini diperkenalkan, sekolah ini juga menjadi sekolah SBT. Jadi sekolah-sekolah ini telah mendapat anugerah beberapa kali. Di bawah kluster mereka diberi segala kemudahan, di bawah SBT mereka juga diberi segala kemudahan termasuk RM700 ribu untuk perjalanan sekolah yang diberi kita katakan autoriti kepada sekolah ini untuk melaksanakan berbagai program. Isu yang saya rasa perlu diberi perhatian adalah apabila kerajaan memberi keutamaan kepada sekolah-sekolah ini secara dikehendaki atau tidak di dalam keadaan kekangan kewangan yang dihadapi oleh kementerian yang sedia maklum, yang selalu dijelaskan, saya rasa sekolah-sekolah yang tidak termasuk dalam golongan yang diberi keutamaan ini akan terus tertinggal. Apa pandangan Yang Berhormat Bachok tentang soal ini?

**Tuan Haji Nasharudin Mat Isa [Bachok]:** Itulah hakikat yang ingin saya sambung ataupun yang ingin saya sebutkan. Saya melihat bahawa ada lapan pra-syarat yang dikenakan kepada sekolah-sekolah untuk mendapat atau dinaikkan taraf kepada SBT. Sama ada 20 sekolah yang sudah dikenal pasti itu memenuhi syarat-syarat ini, itu satu bab. Cuma syarat-syarat tadi nampaknya banyak akan dimanfaatkan oleh hanya sekolah-sekolah tertentu sedangkan *priority* atau keutamaan yang harus diberikan bagi saya selain daripada usaha untuk meningkatkan dengan program SBT ini juga adalah *priority* yang berkaitan dengan kurikulum dan prasarana.

Dengan kesempatan itu saya ingin bertanya kepada pihak kementerian berapa banyak kah pembinaan sekolah-sekolah yang terbengkalai? Ini sebab saya difahamkan ada 30 kalau tidak silap saya sekolah-sekolah dibina yang terbengkalai, terhenti pembinaan termasuk salah sebuah sekolah dalam kawasan kediaman saya di Bandar Bukit Mahkota iaitu di sebelah Bangi sana. Sekolah Menengah Seri Putra yang terbengkalai pembinaannya untuk sekian tahun yang menimbulkan permasalahan kepada penduduk sekitar, penduduk Seri Putra dan penduduk Bandar Mahkota yang terpaksa menghantar anak mereka untuk belajar sekolah menengah ini di Bandar Baru Bangi sama ada di Seksyen 3, Seksyen 4 dan sebagainya yang jaraknya agak jauh dan mengakibatkan kompelin yang saya terima daripada ibu bapanya adalah menimbulkan keresahan di kalangan ibu bapa dan juga pelajar. Jikalau sekolah pagi mereka terpaksa keluar rumah pada pukul enam pagi, kalau sekolah petang hanya akan sampai ke rumah pada pukul lapan malam.

Kenapa sekolah yang terbengkalai ini tidak diusahakan untuk disiapkan secepat mungkin pembinaannya? Banyak sekolah bukan hanya di Seri Putra, bukan hanya di Bandar Mahkota tetapi banyak sekolah terbengkalai ini yang seolah-olah tidak diberikan tumpuan untuk disiapkan dengan segera sedangkan keperluannya amat mendesak. Tadi disebut oleh Timbalan Perdana Menteri bahawa bajet atau masalah kewangan yang dihadapi untuk terus meningkatkan SBT walaupun masalah bajet ini masalah yang dihadapi tetapi masih juga diberikan tumpuan. Dalam masa yang sama banyak sekolah yang tidak siap.

Jadi saya mencadangkan pihak kementerian lebih prihatin terhadap perkara ini agar memberikan keutamaan yang sebenarnya kepada isu ini supaya pendidikan anak-anak kita itu tidak tertangguh dan pendidikan yang baik kepada anak-anak kita juga tidak tertangguh. Ini adalah sebab isu yang berkaitan dengan pendidikan ini saya lihat

mungkin kerana sebab kegagalan pendidikan sama ada perkembangan kurikulumnya mungkin bermasalah dan mungkin kerana prasarana sekolah itu yang tidak menarik.

Tahniah boleh saya ucap kalau Sekolah Rendah Seri Putra di Bandar Bukit Mahkota itu dari segi prasarananya cukup cantik bangunannya dan mungkin baik. Akan tetapi kalaulah keutamaan tidak diberikan kepada proses perkembangan yang sebenarnya saya akan melihat bahawa ribuan anak-anak kita yang dihantar ke sekolah ini akan terdedah kepada perkara-perkara yang atau pun tidak mendapat akses yang sebenarnya dan yang sebaiknya dalam alam pendidikan sebab terlampau banyak isu yang melanda anak-anak kita.

Tadi telah disebutkan oleh Yang Berhormat Rantau Panjang tentang hal yang berkaitan dengan masalah sosial yang melanda kita. Saya bacakan di sini *statement* daripada Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara, Datuk Alwi Ibrahim yang mendedahkan peningkatan anak luar nikah yang telah disebut di dalam Dewan ini iaitu tahun 2007 seramai 16,100 orang, tahun 2008 seramai 16,541, tahun 2009 seramai 17,303 dan bayi luar nikah yang telah didaftarkan jumlahnya juga telah disebut sebentar tadi. Terlampau banyak permasalahan yang timbul dalam masyarakat kita. Saya melihat salah satu faktor yang memberi sumbangan kepada keruntuhan aspek-aspek ini adalah kerana gagalnya kita dalam sistem pendidikan.

Saya melihat sistem pendidikan yang ada dalam negara kita ini terlampau *exam oriented*. Terlampau memberikan tumpuan kepada berapa A yang dia hendak skor dalam SPM. Award akan diberi kepada mereka yang mendapat 17A atau 18A dan sebagainya. Terlampau *exam oriented* ini mengakibatkan kita nanti bakal melahirkan robot-robot yang boleh menghafal *root learning*, yang boleh menghafal segala teori sama ada matematik, sains atau pun sebagainya. Akan tetapi apabila mereka keluar nanti mereka keluar dengan keadaan yang tidak terdedah kepada skil yang boleh dimanfaatkan.

Tadi saya bacakan kenyataan yang dikeluarkan oleh sebuah badan tentang bagaimana pula masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar di peringkat IPT yang pergi membuat latihan praktikal. Tidak diberikan mereka itu pendedahan sebenarnya. Pelajar-pelajar yang membuat latihan praktikal hanya diberikan tugas untuk fotostat kertas dan membuat kopi. Ini satu perkara serius yang harus diberikan perhatian. Saya amat tertarik semalam dalam berita atau dalam salah satu rancangan TV bagaimana sebuah universiti kolej swasta di Kuala Lumpur ini yang mengambil pendekatan pengimbangan antara konsep dan *practicality* dalam bidang-bidang pengajian yang anak-anak murid

mereka atau pelajar-pelajar mereka mendaftar di universiti tersebut di mana pendedahan kepada aspek-aspek praktikal ini diberikan peratus yang amat tinggi. Saya rasa ini sebenarnya yang harus kita berikan tumpuan.

Kita latih anak-anak murid kita akan - betul *exam* itu sebahagian daripada penilaian tetapi janganlah dibebankan mereka itu dari *day one*, hari pertamanya sehinggalah hari akhir dia meninggalkan sekolah rendah itu dalam kepalanya hanyalah UPSR, dalam kepalanya berapa A dia hendak skor dalam SPM dan berapa pula kalau dia masuk universiti yang dalam kepalanya hanya membincangkan tentang 3.9, 3.8 atau *4flat* dalam konteks kelulusan di peringkat persijilan dan mengakibatkan mereka itu boleh menjawab soalan di dalam peperiksaan. Akan tetapi apabila berada di *market* mereka hanyalah merupakan robot-robot yang tidak dapat kadang-kadang bukan sahaja untuk *expand knowledge* dan skil dia tetapi subjek yang dia belajar sendiri itu pun sendiri mungkin dia sendiri berada di tahap yang tidak difahami.

**Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Yang Berhormat.

**Tuan Haji Nasharudin Mat Isa [Bachok]:** Sila Yang Berhormat Tangga Batu.

**Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bachok.

Bercakap tentang bagaimana *exam oriented* berlaku kepada pelajar-pelajar kita ini, saya mungkin terpanggil untuk bersama berkongsi tentang kekurangan yang amat ketara bagi aspek insaniah ini, *soft skill* di kalangan pelajar-pelajar dan juga graduan-graduan kita.

Apakah mungkin Yang Berhormat boleh berkongsi dengan Dewan ini tentang kaedah pengajaran bukan sahaja pembelajaran tadi yang pelajar-pelajar diingatkan betapa peri pentingnya keputusan-keputusan cemerlang bagi mereka tetapi kaedah pengajaran itu?

#### ■1710

Semasa kita dahulu, kita melalui proses yang sama tetapi hari ini Yang Berhormat Bachok kelihatan begitu seimbang dalam membuat keputusan. Adalah beberapa yang tidak seimbang tetapi lebih banyak seimbanglah dalam konteks membuat keputusan. Jadi Yang Berhormat, apa yang saya hendak berikan penekanan di sini ialah bagaimana kaedah pengajaran.

Dahulunya, sebelum seorang guru itu memperkenalkan Teori *Pythagoras* ataupun Teorem *Pythagoras*, dia memberitahu punca, dia memberitahu bagaimana datangnya teori itu. Sebelum kita tahu teori bulatan besar umpamanya, dia beritahu

bagaimana datangnya. Jadi, itu guru-guru dahulu lah yang mengajar kita. Jadi, hari ini guru pernah beberapa ketika saya menguji guru tersebut dari mana datangnya teori **pengkebedaan**, dari mana datangnya sistem nombor itu, daripada minus infiniti kepada infiniti dan sebagainya.

Banyak guru-guru ini yang mengatakan, "*yang ini saya tidak belajar, Yang Berhormat*" Dia kata, "*yang ini saya tidak belajar. Saya cuma diajar bagaimana tiba-tiba tahu rate in over rate out  $dy/dx$  dan sebagainya.*" Jadi, apa komen Yang Berhormat tentang perkara ini? Terima kasih.

**Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]:** Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu dan Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu saya sebutkan tadi harus dikenal pasti sekarang ini prioriti. Adakah prioriti kita untuk mengangkat beberapa buah sekolah dan kita tinggalkan sekolah yang lain? Kita baca dalam internet sekolah yang dahulu menjadi kebanggaan rakyat Malaysia tetapi hari ini sudah tidak lagi melahirkan – hatta kepada keputusan peperiksaan pun sudah tidak sampai kepada pencapaian satu ketika dahulu.

Contohnya, MCKK. Ini sekolah Yang Berhormat Kuala Krai dahulu. Saya membaca dalam internet sudah tidak lagi mencapai keputusan seperti mana yang pernah dicapai satu ketika dahulu yang menjadi kebanggaan. Ini kerana mungkin tumpuan diberikan kepada beberapa sekolah pilihan. Seolah-olah sekolah-sekolah yang sedia ada ini ditinggalkan.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]:** Dia marah MCKK disentuh. Jadi Tuan Yang di-Pertua, itu tadi saya sebutkan kenal pasti apa dahulu prioriti kita. Ini tadi saya bangkitkan semula sekolah yang tidak siap. Pembinaannya di kawasan itu paling tidak boleh menampung 1,000 atau mungkin 2,000 pelajar-pelajar di kawasan tersebut. Bayangkan 2,000 pelajar ini yang terpaksa berulang daripada tempat kediaman mereka ke Bandar Baru Bangi yang mengambil masa – walaupun tidak jauh tetapi bayangkan budak Tingkatan 1, Tingkatan 2 dan sebagainya keluar rumah pukul 6 pagi.

Subuh pun belum azan lagi, Tuan Yang di-Pertua. Kalau dia sembahyang subuh di surau sekolahnya tidak apa lah tetapi saya bimbang kerana mungkin nanti mengejar waktu, sampai subuh pun akan terlepas kerana jarak itu, kerana tidak ada sekolah dalam kawasan penempatan mereka. Sebab itu saya ingin bertanya kepada pihak kementerian. Bagaimana proses *synchronize* antara pihak kementerian dengan pihak kerajaan tempatan dengan pemaju perumahan contohnya? Pastikan komponen-komponen pendidikan, rekreasi dan sebagainya ini diwujudkan terlebih dahulu sebelum

sesuatu projek itu hendak dilaksanakan ataupun sebelum berlaku penghijrahan penduduk kepada kawasan-kawasan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, isu ketiga yang saya ingin bangkitkan di sini adalah tentang Rang Undang-undang Akta Halal yang dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada tahun ini. Malah, seperti yang dimaklumkan ia berada di peringkat akhir kajian sebelum dihantar kepada Peguam Negara untuk diperhalusi. Meskipun agak terlewat namun saya tetap menghargainya dan saya amat berharap agar kerajaan bukan sekadar mengejar visinya untuk merebut pasaran hab halal sedunia yang dianggarkan nilai potensinya mencecah RM8 trilion setahun dengan prospek 1.8 bilion pengguna Islam.

Malah, ia sudah menjadi kewajipan bagi memastikan umat Islam di negara ini memperoleh daripada sumber-sumber yang halal, sama ada daripada industri berteraskan makanan, pelancongan, restoran dan hotel. Soalan saya kepada kementerian, kepada JPM untuk menjawab hal yang berkaitan dengan halal ini. Saya menerima komplain daripada sebuah hotel di Putrajaya – tidak saya sebutkan nama hotel tersebut, yang mengadu bahawa untuk mendapatkan sijil halal mereka terpaksa menunggu selama dua tahun.

Tuan Yang di-Pertua, dua tahun untuk mendapatkan sijil halal yang memberikan kesan kepada perniagaan mereka. Bila saya *check* dalam hotel tersebut ataupun bila saya berbincang dengan pengurusan hotel tersebut, hotel ini memang popular, didatangi oleh berbagai-bagai lapisan masyarakat termasuk orang daripada masyarakat antarabangsa. Akan tetapi akibat daripada tidak ada sijil halal pada restoran dan hotel tersebut, mereka hampir sahaja kehilangan pelanggan-pelanggan khususnya yang datang dari timur tengah yang amat *concern* dengan hal yang berkaitan dengan halal ataupun pelanggan-pelanggan Muslim yang tidak tertarik dengan apa yang ditawarkan oleh hotel tersebut.

Ada dua faktor. Pertamanya, persijilan halal daripada pihak kerajaan kerana mungkin birokrasinya, kerana mungkin *red tape* nya, kerana mungkin kekurangan kakitangan dan tenaganya mengakibatkan proses itu mengambil masa dua tahun. Kemudian aspek hotel sebagai entiti *business*. Dalam masa yang sama kita berusaha untuk memperkembangkan ekonomi negara tetapi dalam masa yang sama agensi kerajaan sendiri yang melambatkan proses perkembangan tersebut dengan seolah-olah memberikan sekatan kepada perkembangan sebuah industri yang amat penting dalam

negara kita, industri perhotelan. Itu satu hotel. Di Putrajaya mungkin ada empat ataupun lima hotel. Salah satu hotel utama di Putrajaya yang menerima kesan tersebut.

Bayangkan hotel-hotel ini menerima kesan ataupun masalah yang sama di Kuala Lumpur, di Pulau Pinang ataupun di Ipoh dan sebagainya. Apakah yang melambatkan ataupun apakah sebab? Atau saya ingin minta daripada pihak kementerian untuk memberikan maklumat kepada Dewan ini apakah proses yang dilakukan oleh pihak kementerian, pihak JPM dalam memberikan persijilan halal ini? Ini kerana, proses-proses ini saya dengar keluhan daripada pihak hotel mereka pergi kepada dengan izin, *to all the details*. Bagus, untuk *all the details* tetapi takkan lah pen *detail* lan itu sampai pada peringkat dua tahun untuk diambil ataupun diberikan persijilannya.

Justeru itu, Rang Undang-undang Akta Halal yang akan dibentangkan nanti mampu menjernihkan kekeliruan rakyat dan turut dapat menghapuskan sijil-sijil halal palsu yang dikeluarkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Di samping itu juga, saya berharap agar pihak JAKIM dapat memelihara integriti dan ketelusan yang tinggi supaya tidak berlaku sebarang ketirisan dan salah guna kuasa dalam mengeluarkan sijil halal itu nanti. Prosedur dan sistem penyampaiannya nanti seharusnya lebih efektif dan lancar tanpa membebankan pengusaha dan pengguna.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, satu isu yang serius juga. Tadi telah dibangkitkan oleh salah seorang daripada ahli yang berbahas tentang hal yang berkaitan dengan perjudian di Malaysia. Dibangkitkan oleh Yang Berhormat Machang kemudian disambut oleh Yang Berhormat Rasah sebentar tadi. Isu yang saya bangkitkan yang juga menimbulkan keprihatinan yang tinggi di kalangan masyarakat kita adalah hal yang berkaitan dengan industri arak dan kesannya kepada masyarakat di Malaysia.

Pertama, saya bercakap sebagai seorang Muslim. Sudah jelas bahawa arak ini diharamkan Allah SWT dan Rasulnya SAW dengan ayat-ayat yang tidak perlulah saya bacakan di sini. Bagi orang Islam semuanya maklum. Namun, kebimbangan yang lahir pada hari ini adalah penjualan, permintaan dan budaya minum arak ini dianggap sebagai satu trend kehidupan moden dan maju. Lebih menyedihkan, anak-anak muda Islam dengan tanpa segan silu membeli dan meminum arak di kawasan terbuka di sekitar Lembah Klang.

Saya ingin tahu sejauh manakah pengawasan dan tindakan undang-undang yang telah diambil kepada mana-mana premis yang dengan sengaja menjual arak ini

kepada orang-orang Islam walaupun kita tahu penjualannya terbatas kepada orang-orang bukan Islam sahaja?

**Dato' Samsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Minta mencelah sedikit.

**Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]:** Sila.

**Dato' Samsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kita tahu bahawa penjualan arak dan pengeluaran lesen ini juga di bawah bidang kuasa majlis tempatan. Kita dengar dalam media begitu banyak dan kali ini berganda penjualan arak di negeri Selangor misalnya. Saya hendak tanya pendirian Timbalan Presidenlah berkenaan dengan perkara ini.

■1720

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat boleh gulung selepas itu.

**Tuan Haji Nasharudin Mat Isa [Bachok]:** Tuan Yang di-Pertua soalan ini sudah pun kita agak, *spot question* ini. Tuan Yang di-Pertua, telah menjadi polisi - saya bercakap bagi pihak PAS, polisi dalam PAS kita tidak menghalang bagi orang bukan Islam untuk minum arak, itu polisi kita. Akan tetapi dalam hal yang berkaitan dengan penjualan yang kita letakkan sekatan adalah dalam tempat-tempat yang majoriti orang Melayu Islam. Kalau tempat itu majoriti orang bukan Melayu Islam yang tidak menjadi kesalahan untuk mereka untuk minum arak, maka kita tidak punya sekatan ke arah itu dan itu adalah *stand party*.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Boleh saya mencelah?  
[Dewan riuh]

**Tuan Haji Nasharudin Mat Isa [Bachok]:** PAS telah banyak kali mengajukan bantahan terhadap premis-premis yang menjual arak ini secara terbuka, ini pendirian parti kita dan inilah tindakan yang telah kita ambil.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** [Menyampuk] Sambung sikit boleh? Yang Berhormat Lenggong ni? Sambung sedikit lagi.

**Tuan Haji Nasharudin Mat Isa [Bachok]:** Saya beri kepada Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Yang Berhormat Bachok dan Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa maklumat yang disampaikan oleh Yang Berhormat Lenggong tadi seperti Yang Berhormat Bayan Baru. Dia terlalu banyak pengaruh dengan propaganda dia sendiri, yang mana dia kata ada sesuatu dan akhirnya dia sendiri percaya dengan propaganda dia.

Di negeri Selangor sebenarnya apa yang telah berlaku adalah pengurangan dan di Shah Alam sendiri sekarang ini daripada – di Shah Alam asalnya ada dalam 60 ke 70 *outlets*, 20 daripadanya tidak lagi menjual arak. Arak yang dimaksudkan ini adalah minuman *beer* yang mengandungi alkohol tidak melebihi 8%. Ini adalah hasil daripada tindakan kerajaan negeri iaitu Pakatan Rakyat yang melibatkan 7-Eleven, Speedmart99 dan beberapa lagi *outlets* yang berniaga selama 24 jam. Di mana di kawasan Shah Alam dari seksyen 1 hingga seksyen 20, *outlet* ini telah diberikan galakan supaya tidak menjual arak secara terbuka dan mereka telah melakukan ini.

Saya merasa hairan dengan UMNO, yang mana UMNO ini bila dia datang ke seksyen 8 sebagai satu contoh, dia cakap dengan orang seksyen 8 dia kata “*Oh dahulu masa BN memerintah negeri Selangor, tidak ada arak*” dia kata. Orang seksyen 8 gelak kerana apa? Kerana selama ini mereka telah menghantar memorandum kepada MBSA, kepada pihak PBT bila bawah Barisan Nasional, langsung tidak ada apa-apa tindakan.

Akan tetapi apabila Pakatan Rakyat telah mengambil alih dengan satu tindakan yang begitu serius, yang melibatkan Menteri Besar sendiri bertemu dengan pihak pengurusan 7-Eleven dan juga Speedmart99 ada tindakan. Sehingga ada beberapa *outlet* 7-Eleven dan sebagainya dengan relanya atas desakan masyarakat di keliling yang merupakan majoriti orang Islam, mereka sendiri telah tidak menjual. Bagi yang menjual pun ada yang menjual dengan meletak di bawah kaunter dan tidak lagi mengiklankan dengan menghormati masyarakat Islam, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat boleh kemaskan Yang Berhormat...

**Tuan Haji Nasharudin Mat Isa [Bachok]:** Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam, itulah *point* yang...

**Dr. Lo’ Lo’ Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Sedikit, sedikit sahaja..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak cukup masa Yang Berhormat.

**Dr. Lo’ Lo’ Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Sedikit sahaja, setengah minit sahaja.

**Tuan Haji Nasharudin Mat Isa [Bachok]:** Bagi Yang Berhormat Titiwangsa sedikit...

**Dr. Lo’ Lo’ Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Adakah Yang Berhormat Bachok menyedari bahawa Malaysian Hindu Sangam telah pun mengeluarkan

kenyataan *declare war against alcoholism*? Mereka telah keluar kenyataan perang ke atas *alcoholism*, minta penjelasan.

**Tuan Haji Nasharudin Mat Isa [Bachok]:** Itu yang saya sebutkan tadi, apa yang kami buat di negeri Selangor yang menimbulkan ketidakfahaman di kalangan ramai telah dijawab oleh Yang Berhormat Shah Alam. Pendirian yang diambil oleh organisasi-organisasi yang lain daripada organisasi Islam, yang lain daripada parti Islam seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Titiwangsa tadi. Menyatakan pendirian mereka tentang arak, ini yang saya ingin minta penjelasan daripada kerajaan ialah berapakah kos rawatan yang diperuntukkan untuk memulihkan pesakit-pesakit akibat najis arak berbanding dengan cukai yang diperoleh oleh kerajaan daripada industri arak.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang Tabung Haji, saya mendapat rungutan daripada mereka yang menjalani kursus-kursus haji yang terpaksa membayar RM70 untuk kursus tersebut. Mungkin RM70 ini nilainya tidak ada nilai sangat mungkin pada sesetengah orang tetapi bagi mereka yang duduk di Bachok, mereka yang duduk di Kuala Krai, di Kubang Kerian dan kawasan perkampungan nilai ringgit ini besar.

Apa rasionalnya RM70 ini untuk di *charge* kepada mereka yang datang kursus haji dibandingkan dengan semalam. Jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri hasil soalan daripada Yang Berhormat Titiwangsa tentang Rombongan Awam (RA) yang menaja beberapa orang. Sudah tentulah mereka ini kalau pergi dengan haji tersebut, bukan *economy class* yang mereka naiki dan saya tidak percaya mereka ini duduk di hotel yang *one or two star* dan sudah tentulah elaun diberikan kepada mereka. Mereka itu diberikan segala kemudahan tetapi mereka yang hendak menunaikan haji di *charge* dengan RM70 untuk hadir kursus haji, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** [Bangun]

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ledang.

**5.26 ptg.**

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut mengambil bahagian di dalam Titah Menjunjung Kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini. Pertamanya saya bersyukur dengan situasi sekarang, dalam sebuah negara aman, makmur dan sejahtera dan *alhamdulillah* kita telah pun sama-sama dapat menangani segala cabaran yang berbagai-bagai bentuk, sama ada cabaran politik, cabaran keselamatan dan sebagainya.

Daripada dahulu hinggalah sekarang daripada sebelum merdeka, selepas merdeka, sehinggalah sekarang. Krisis demi krisis seperti ekonomi kita berjaya tangani, cuaca pun kita berjaya sesuaikan malahan penyakit yang berjangkit juga kita berjaya tangani seperti yang terbaru virus H1N1, *alhamdulillah* terkawal. Dari segi politik juga kita mampu menanganinya, peristiwa yang paling besar ialah 13 Mei 1969 dan dari segi peribadi, saya juga bersyukur kerana tsunami politik 2008 telah banyak mengajar semua pihak, termasuklah pihak yang telah menyeberang.

Mungkin serik supaya pisang tidak berbuah dua kali, malah peristiwa 64-63 ini realiti. Di mana kita BN hanya menang tipis satu undi semasa meluluskan bajet 2009 di peringkat Kementerian Dalam Negeri. Ini juga satu pengajaran yang walaupun pahit tapi sekurang-kurangnya telah pun membuka satu lagi senario. Kepada saya ini adalah satu keadaan yang sewajarnya kita teliti dan kita mengambil iktibar daripada usaha-usaha pihak lain yang mungkin terdesak untuk mengadakan pilihan raya umum. Saya juga melihat dengan penuh kesyukuran dan mengambil iktibar ke atas penghijrahan beberapa Ahli Parlimen PKR yang berhijrah ke blok BEBAS yang sudah terang lagi bersuluh.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menyebut tentang Gagasan 1Malaysia. Pertamanya saya bersyukur kerana gagasan ini telah pun diketengahkan walaupun banyak tohmahan daripada dulu hingga sekarang dan yang terbaru ini dikatakan ada kaitan dengan APCO dan sebagainya. Akan tetapi yang saya hendak tegaskan di sini ialah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menyebut bahawa Gagasan 1Malaysia ini berpaksikan kepada Perlembagaan.

■1730

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur kerana apabila gagasan ini diketengahkan Perlembagaan Malaysia lebih menyerlah dan kepada saya adil kepada semua kaum. Perkara 153 yang menyebut tentang hak istimewa orang Melayu yang banyak disenaraikan sebenarnya perkataan 'istimewa' itu disebut di dalam Perkara 153 juga memberi hak istimewa kepada pihak lain; kepada orang bukan Melayu, tentang hak beragama, hak berbahasa, hak berbudaya, hak sekolah jenis kebangsaan, hak ekonomi dan lain-lain yang sebenarnya juga merupakan satu hak istimewa. Cuma perkataan istimewa itu tidak dilafazkan di dalam Perlembagaan. Ertinya *balance*, adil kerana kedua-dua pihak ada hak istimewa masing-masing sekadarkan tidak disebut perkataan 'istimewa' itu.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, bagi saya soal gagasan 1Malaysia menyimpang daripada Perlembagaan tidak timbul kerana sudah jelas diperuntukkan di situ bahawa ia sebenarnya berpaksikan kepada perlembagaan. Sebenarnya pada saya Tuan Yang di-Pertua - selamat datang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Ia sebenarnya menjelaskan lagi, semua hak sama ada hak orang Melayu ataupun hak orang bukan Melayu. Jadi secara tidak langsung kepada saya gagasan 1Malaysia menjelaskan lagi hak yang sedia termaktub di dalam Perlembagaan sama ada bagi pihak orang Melayu ataupun orang bukan Melayu. Jadi tidak timbul soal yang selalu diberikan dan apabila kita bercakap tentang hak itu kita *racist* dan sebagainya, tidak! Akan tetapi menjelaskan lagi hak masing-masing yang sebenarnya sedia termaktub di dalam Perlembagaan. Tuan Yang di-Pertua, bolehlah sedikit.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Yang Berhormat Ledang. Kalau kita tengok sekarang ini dan dengar sambutan rakyat pelbagai pihak tentang konsep 1Malaysia begitu baik sekali di sekolah, institusi pengajian tinggi, dan pelbagai pihak. Maknanya konsep yang dibawa oleh Perdana Menteri ini diterima. Cuma yang kita lihat menolaknya adalah di kalangan mereka-mereka yang merasa terancam dengan konsep yang begitu baik ini. Apakah pandangan Yang Berhormat Ledang dalam perkara ini?

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Lenggong. Pada saya kita harus melihat tentang kebaikannya. Kalau gagasan ini sebenarnya telah pun diyakini baik, baik untuk masa depan rakyat Malaysia seperti yang saya sebut tadi dan menjelaskan tentang hak masing-masing yang tidak boleh dicabar walau di mana sahaja sewajarnya mendapat kerjasama daripada semua pihak. Barulah kita akan mendapat impak yang sangat kuat. Ini adalah satu kaedah betul, perlukan pemahaman daripada semua peringkat. Bagi saya, saya bersetuju tadi telah pun menerima sambutan yang hangat di peringkat sekolah dan sekarang ini kita menerima juga walaupun dalam bentuk cabaran tentang masa depan gagasan ini yang *insya-Allah* akan memberikan kebaikan dan kita perlu buktikan. Sekiranya kita tidak sama-sama memberi kerjasama sudah pastilah apa juga gagasan akan gagal sekerat jalan. Akan tetapi saya yakin sekiranya kita bekerjasama antara satu sama lain sudah

pasti gagasan ini akan berjaya memberikan satu kelebihan kepada rakyat Malaysia untuk terus maju pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua saya masuk kepada perkara kedua yang saya ingin bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini iaitu soal penyebaran ilmu dan maklumat. Sebagai mana yang kita sedia maklum, maklumat dan ilmu telah menjadi amat penting terutamanya dalam menggalas pembinaan modal insan. Justeru Tuan Yang di-Pertua, capaian untuk mendapatkan ilmu dan maklumat telah menjadi penting sejak akhir-akhir ini dan dari segi keperluan capaian tersebut setaraf dengan keperluan asas yang lain. Keperluan asas manusia yang lain seperti makanan, air, api, elektrik, gas dan sebagainya.

Keperluan ke atas barangan tersebut penting dari segi kualiti, kuantiti dan kos. Umpamanya keperluan makanan, harganya mesti terkawal, bekalannya mesti siap siaga dan kualitinya baik. Begitu juga keperluan elektrik mestilah sentiasa stabil dan tidak selalu *blackout*. Harganya juga munasabah dan sebagainya. Begitu jugalah Tuan Yang di-Pertua, dari segi keperluan capaian ilmu dan maklumat terutamanya menggunakan kemudahan internet. Ertinya kita rakyat Malaysia sentiasa mengharapkan satu benda yang baru, satu kaedah yang baru untuk mendapatkan capaian ilmu dan maklumat menggunakan internet tetapi mestilah dalam keadaan yang sentiasa siap siaga, stabil, kelajuannya tinggi dan boleh dicapai di mana-mana.

Tuan Yang di-Pertua, penggunaan internet di Malaysia meningkat ke tahap 365.8% dalam tempoh sembilan tahun ini. Selaras dengan sasaran kerajaan agar penembusan jalur lebar dalam negara berada pada kadar 50% menjelang hujung tahun ini. Dalam usaha mewujudkan ekonomi berasaskan pengetahuan dan merapatkan jurang digital, saya menghargai komitmen kerajaan yang sedang dan akan terus melaksanakan pelbagai strategi untuk meningkatkan perkhidmatan komunikasi yang lebar dan kemudahan teknologi maklumat yang canggih.

Teknologi ini dapat membuka ruang dan peluang baru dalam menempuh cabaran dan persaingan global tanpa sempadan. Teknologi jalur lebar membuatkan perhubungan menjadi semakin pantas, canggih serta mencabar dan ia memberi impak yang besar kepada cara manusia berinteraksi seperti yang saya sebutkan tadi. Justeru Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Boleh bagi sedikit?

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Justeru Tuan Yang di-Pertua... Silakan.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak berkongsi dengan rakan saya sebab beliau menyebut berkenaan dengan harapan kita supaya ICT ataupun internet ini dipertingkatkan sebagai mana juga sasaran kerajaan untuk mendapat 50% penembusan internet jalur lebar. Kita tahu pada tahun lepas Dewan ini telah meluluskan satu cadangan sebagai langkah mempertingkatkan penguasaan ataupun pencapaian ICT dengan memberi insentif RM500 potongan cukai kepada mana-mana pelanggan dalam Malaysia yang melanggan jalur lebar.

Saya hendak tanya sahabat kita adakah bersetuju yang potongan RM500 ini diberi kepada isi rumah ataupun pelanggan yang memang kita tahu sedia ada mampu untuk membayar bil-bil termasuk bil internet. Kita tahu buat masa ini bil internet ini dasingkan daripada bil telefon ataupun langganan telefon. Tidak mungkin orang itu boleh mencapai akses internet tanpa mempunyai talian telefon dan bil ini dasingkan dengan memberi RM500 potongan cukai terhadap langganan *broadband* sahaja ada sesetengah kawasan di luar bandar yang tidak berapa mantap capaian internetnya sudah tentu agak ketinggalan dan perkara ini menampakkan kita tidak menumpukan untuk memasyarakatkan penguasaan ICT.

Adakah rakan kita ini, Yang Berhormat bersetuju sekiranya kita buat cadangan untuk memformulasikan semula yang RM500 ini bukan hanya untuk bil internet ataupun *broadband* sahaja tetapi kita sekaligus RM500 ini untuk bayaran telefon juga supaya lebih luas lagi akses yang dinikmati oleh masyarakat terutama di kawasan luar bandar. Saya hendak dengar pandangan Yang Berhormat kita. Terima kasih.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kepada saya itu tidak cukup. Saya hendak menjurus kepada perkara pokok yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Indera Mahkota tadi sebenarnya. Mungkin beliau berkongsi pendapat dengan saya.

■1740

Akan tetapi sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, kalau kita perhatikan – apa yang perlu dibuat ialah syarikat-syarikat telco perlu lebih berperanan untuk meluaskan lagi tentang penyebaran maklumat yang tepat dan pantas. Selain daripada cakupan yang meluas tadi tetapi mesti pantas.

Pada masa yang sama – dan sebenarnya peranan yang sama juga penting untuk menyuburkan penguasaan ilmu. Ertinya internet digunakan untuk menyuburkan penguasaan ilmu. Kita juga sedar bahawa sambutan masyarakat bukan sahaja

golongan muda malahan golongan lama amat menggalakkan dan ini tidak diambil kesempatan oleh syarikat-syarikat telco. Ertinya, syarikat-syarikat telco harus peka maknanya syarikat telco harus juga ingat bahawa sambutan yang menggalakkan ini mestilah diambil kesempatan, jangan menjurus kepada satu-satu kumpulan sahaja sama ada masyarakat di bandar juga di luar bandar, semuanya memerlukan kemudahan ini.

Akan tetapi isunya di sini, saya hendak masuk kepada perkara Yang Berhormat Indera Mahkota tadi ialah dua perkara. Pertamanya, kos yang kepada saya mahal. Kos capaian internet yang mahal. Kedua, tidak stabil selain daripada cakupan yang dalam proses untuk diperluaskan.

Kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, umumnya kos untuk capaian internet di dalam negara kita lebih kurang RM6 sehari ataupun kalau kita melanggan sebulan antara RM50 ataupun RM40 hingga RM60 sebulan. Negara Malaysia terletak pada kedudukan 50 negara yang mengenakan kos yang mahal di kalangan 150 negara. Kalau saya bandingkan pula dengan Kemboja, kita semak kos di sana untuk capaian internet sahaja cuma USD1 sen setiap minit. Ertinya Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bandingkan negara kita, kos capaian internet masih lagi mahal jika dibandingkan dengan negara lain juga kalau kita bandingkan dengan keperluan dalam negara kita.

Kalau kita bandingkan dengan TNB, sebenarnya kos untuk menyediakan segala kemudahan, untuk kendalian oleh TNB kepada saya jauh lebih mahal berbanding dengan telco. Untuk mengadakan setiap menara di talian grid TNB, saya yakin jauh lebih mahal berbanding menyediakan kendalian syarikat-syarikat telco.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, apa salahnya kalau kadar ini kita turunkan lagi sesuai dengan keperluan. Seperti yang saya sebutkan tadi, keperluan capaian internet ini sama pentingnya dengan keperluan-keperluan lain. Bukan lagi satu barang mewah, bukan lagi satu barang yang hanya untuk satu kumpulan manusia sahaja yang mampu. Akan tetapi, kalau boleh biarlah semua pihak dapat menggunakan kemudahan internet ini semata-mata kerana kita hendak menyuburkan penguasaan ilmu dan capaian maklumat yang meluas di kalangan rakyat Malaysia, kalau kita bercakap tentang modal insan.

Cadangan saya Tuan Yang di-Pertua ialah supaya pihak kerajaan melihat semula tentang kos capaian internet ini. Kerajaan harus melihat ini sebagai sesuatu yang penting kerana ia sama penting dengan keperluan lain seperti makanan, elektrik, gas, petrol dan sebagainya. Jika kos lain boleh dikawal Tuan Yang di-Pertua, kos

makanan boleh dikawal, kos elektrik boleh dikawal, kos minyak dan gas boleh dikawal, mengapa tidak kos ini? Saya suka sekiranya kos ini jauh turun ke bawah dan sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kalau kosnya boleh diturunkan lagi, lebih ramai penduduk Malaysia akan melanggan kemudahan internet walau di mana mereka berada sama ada menggunakan tanpa kabel atau dengan kabel dan sebagainya, di mana-mana sahaja. Mereka tidak bimbang kalau perlu *surf internet*, dengan izin perlu membayar kos yang mahal. Apabila kosnya turun, maka lebih ramai pelanggan akan menggunakan, akan lebih mencari sumber-sumber internet kerana mereka, saya yakin dahagakan maklumat dan ilmu daripada capaian internet.

Tuan Yang di-Pertua, jadi sewajarnya perkara ini dipertimbangkan oleh pihak kerajaan. Hujah saya mudah sahaja, ia sama tarafnya dengan keperluan makanan, elektrik, gas dan lain-lain supaya kos capaian internet ini juga dalam perhatian kerajaan untuk dilihat sepanjang masa.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir saya hendak sebut di sini ialah tentang isu pembangunan air bawah tanah. Mengikut Laporan Kajian Sumber Air Negara 2050, kadar keperluan air negara akan meningkat hampir 63% pada tahun 2050 iaitu daripada 10,800 lebih juta meter padu tahun 2000 kepada hampir 18,000 juta meter padu pada tahun 2050.

Ini kesan daripada pertumbuhan penduduk negara ditambah dengan fenomena perubahan cuaca dunia yang menjadikan ketidaktentuan iklim hari ini seperti El Nino, banjir ekstrem dan peningkatan suhu menjadikan kita semakin tidak tenteram ataupun bimbang terhadap keperluan air negara yang menyebabkan ramai yang melihat pada perlunya kita meneroka sumber air bawah tanah sebagai sumber air alternatifnya. Banyak pendapat Tuan Yang di-Pertua tentang air bawah tanah. Ada yang bimbang, ada yang kata tidak perlu bimbang, dari sudut profesional kata okey, pakar hidrologi kata okey, pakar geologi kata okey, satu pakar kata tidak okey dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita kaya dengan sumber air dengan jumlah purata hujan tahunan yang diterima sebanyak 3,000 mm setahun. Kadar ini secara anggaran kasarnya telah menyediakan sebanyak 20,000 kubik meter setahun bagi setiap rakyat. Negara ini secara semula jadinya memang kaya dengan air. Namun, kesan daripada pemusnahan sumber air dan kawasan tadahan hujan, jumlah air yang ada dan boleh digunakan hanyalah dianggarkan sebanyak satu per empat daripada itu iaitu lebih kurang 5,000 kubik meter per kapita setahun.

Kita maklum bahawa air bawah tanah merupakan sumber kedua terpenting dalam negara dan sehingga kini kadar penggunaannya hanyalah kurang daripada 10% berbanding negara seperti Denmark – 100%, Thailand – 80% dan China – 78%.

Tuan Yang di-Pertua namun begitu, pengekstrakkan secara berlebihan air bawah tanah akan menyebabkan beberapa perkara yang perlu dirisaukan antaranya penenggelaman tanah dan percampuran air laut ke dalam akuifer air tawar. Sebagai contoh, pengeksploitasian air bawah tanah secara besar-besaran di China telah menyebabkan hampir 50 bandar di negara itu telah mengalami masalah penenggelaman tanah dengan kedalaman yang tertinggi iaitu lebih kurang 2.63 meter seperti bandar Shanghai dan 2.46 meter di bandar Tianjin. Manakala kajian lain juga telah menunjukkan bahawa semenjak pertengahan tahun 1970-an, 11 sumber air bawah tanah yang dimiliki oleh syarikat air di England telah berhenti beroperasi akibat percampuran air laut dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, hujah saya di sini kita tidak menolak tentang kelebihan penggunaan sumber air bawah tanah, kita juga tidak menolak tentang kebimbangan. Persoalannya ialah krisis bekalan air negara sama ada yang telah berlaku seperti tahun 1957 dan 1958 yang mungkin akan berlaku pada masa akan datang bukannya berpunca 100% daripada sumber bekalan air.

#### ■1750

Apa yang terjadi, yang lebih merisaukan adalah kesan daripada kelemahan pengurusan, penggunaan sumber air dan juga kegagalan terhadap pemeliharaan sumber air. Justeru itu, sebelum sumber air bawah tanah negara diterokai secara meluas, beberapa perkara perlu diberi perhatian oleh kerajaan. Satu pelan pembangunan sumber air bawah tanah haruslah dibentuk bagi memastikan penggunaan sumber air ini tidak akan merosakkan alam sekitar untuk jangka masa yang panjang dan tidak membebankan pengguna dari aspek harga atau tarif yang akan dikenakan. Dalam erti kata lain, kerajaan harus mempunyai kuasa dalam penetapan kadar harga air. Bagi tujuan pemeliharaan alam sekitar, pelaksanaan DEIA mesti dilakukan dengan sempurna dan perunding yang dilantik perlulah mempunyai pakar dalam bidang yang berkaitan dengan ketelitian dan kelulusan yang tinggi oleh pihak jabatan.

Bagi tujuan pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan tadahan hujan sudah sampai masanya kerajaan menggubal satu undang-undang khusus bagi mengawal kawasan ini terutama bagi mengekang masalah pencerobohan yang haram. Kementerian juga hendaklah bersungguh-sungguh dan konsisten dalam mempromosi

atau menggalakkan rakyat negara ini menggunakan bekalan air secara berhema. Pengguna perlu dididik tentang nilai air dan bagaimana menggunakan air secara bijak. Kita bukannya mencadangkan rakyat Malaysia menjimatkan air sehingga menjejaskan kesihatan atau kebersihan mereka.

Menurut satu kajian Persatuan Air Malaysia, secara purata seorang rakyat Malaysia, ini Tuan Yang di-Pertua sangat serius. Seorang rakyat Malaysia menggunakan kira-kira 310 liter air sehari iaitu terlebih menggunakan air sebanyak 145 liter sehari berbanding dengan piawaian antarabangsa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang mengesyorkan setiap orang mendapat air sekurang-kurangnya hanya 165 liter sehari. Jadi, Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Orang di tropika ini tidak boleh dibandingkan dengan negeri sejuk.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Tuan Yang di-Pertua, itu ada hujah lain. Sekurang-kurangnya kita ada faktor untuk kita gandakan dan tidaklah terlalu berlebihan. Sebagai perbandingan, seorang penduduk, ini sebagai perbandingan sahaja. Seorang penduduk Afrika, puratanya menggunakan hanya sangat kecil. Ya, kita tahu dan fahamlah keadaan dia, 50 liter seorang sehari. Penduduk India, 100 liter sehari. Jiran kita di Singapura yang juga sama dengan kita cuaca panas, 150 liter sehari berbanding dengan negara kita tadi 310 liter sehari. Itu dua kali ganda. Jadi kementerian seharusnya lebih bersungguh-sungguh untuk mengurangkan kehilangan...

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** [Bangun]

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** ...*non revenue water* (NRW) yang masih lagi tinggi iaitu pada kadar 40%.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat Kota Belud bangun tetapi...

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Cadangan boleh kah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** ..ada tiga minit sahaja lagi Yang Berhormat.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Cadangan sahaja. Mahu beri cadangan sedikit.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Cadangan bolehlah, sekejap. Satu minit.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Okey. 30 *seconds* sahaja, ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Bercakap tentang air ini Yang Berhormat, setujukah Yang Berhormat kalau kita boleh buat satu cadangan, banyak

sudah kita buat polisi, kempen dan sebagainya untuk mengurangkan penggunaan air. Saya dapati antara sebab terbesar yang paling memudaratkan ialah apabila kita menggunakan paip air dan kita buka sampai habis dan air mengalir sewaktu berus gigi dan sebagainya. Tidak bolehkah kalau Malaysia membuat satu cadangan atau pun membuat satu pembaharuan di mana paip yang dipasang di bangunan-bangunan di Malaysia ini tidak perlu boleh di buka sampai habis. Ini walaupun mungkin agak *comical* ya dengan izin, tetapi kalau paip itu tidak boleh dibuka sampai habis atau pun bukaannya hanya 50% daripada kebiasaannya, mungkin kita boleh mengurangkan bekalan air yang digunakan. Terima kasih. Pandangan.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. Sempena tahun ini adalah tahun inovasi sewajarnya perkara ini mendapat sambutan. Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, kementerian seharusnya lebih bersungguh-sungguh untuk mengurangkan kadar kehilangan air kerana setakat ini kita masih lagi tertinggi di atas beberapa peratus. Sewajarnya, kita sentiasa menyokong segala usaha kerajaan untuk ke arah penggunaan air yang bersih, jimat, selamat dan sentiasa siap siaga pada masa akan datang. Saya menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan ini dengan hati yang berat. Memang ada setengah-setengah Ahli di sini pun beri cadangan yang bernas seperti Yang Berhormat Ledang tadi. Walaupun masalah tropika dengan negara-negara sejuk ada berbeza mungkin dia ada jawapan kelak. Walau bagaimana pun, cadangan untuk mengadakan undang-undang bagi mengawal penggunaan air bawah tanah adalah satu cadangan yang baik. Angin berputar, ombak bersabung dan di sini saya hendak bangkitkan beberapa perkara untuk memberi cadangan yang bernas supaya negara kita menjadi lebih stabil, bermakna, makmur dan sebagainya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya setuju. Kalau Yang Berhormat Kepong punya cadangan memang bernas. Saya sokong. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, di sini saya akan bangkitkan satu perkara iaitu mengenai istilah bumiputera. Memang ini timbulkan kontroversi. Satu isu yang akan wujud dari semasa ke semasa kerana dasar-dasar kerajaan termasuk dasar sebelum ini Dasar Ekonomi Baru dan istilah bumiputera sudah ditonjolkan. Sehingga sekarang 40 tahun kemudian kita nampak ada *New Economic*

*Model* atau Model Ekonomi Baru. Di situ pun ada segelintir orang yang masih mempertikaikan. Dia mahu kekalkan DEB dan saya nampak jawapan daripada Yang Berhormat Padang Rengas mengenai istilah bumiputera.

Memang dalam beberapa perkara Perlembagaan Persekutuan, ini termasuk Perkara 44, 160 dan 161 ada sebutkan status orang Melayu dan anak negeri tetapi tidak ada istilah bumiputera. Bumiputera istilahnya diwujudkan oleh pihak kerajaan terutamanya selepas tahun 1970 apabila Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan. Di sini saya mencadangkan supaya kerajaan mengkaji dengan menyeluruh bagaimana di dalam keadaan sedemikian semua rakyat Malaysia boleh memainkan peranan yang bermakna. Ia tidak tersekat kepada istilah seumpama ini. Ada nenek moyang penduduk Malaysia, 28 juta orang ini, yang datang ke negara ini beribu-ribu tahun lepas. Ada yang tiba beratus-ratus tahun dan ada juga berpuluh-puluh tahun tetapi digelar bumiputera juga. Seperti Orang Asli, anak Negeri di Sarawak, di Sabah. Maka beribu-ribu tahun.

■1800

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ras-ras asli.

**Dr. Tan Seng Giaw Kepong]:** Ha...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ras-ras asli.

**Dr. Tan Seng Giaw Kepong]:** Pra asli ya, pra asli.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ras-ras asli.

**Dr. Tan Seng Giaw Kepong]:** Lebih asli. Ada kaum lain seperti orang Cina pun datang ke Gua Musang ada bukti realiti 500 yg lampau, ya. Ini memang ada dan di sini saya percaya ada orang-orang yang datang ke sini sebelum penjajahan British. Saya rujuk kepada satu buku penyelidikan dari Universiti Malaya. Di sini dicatatkan nenek moyang saya, menjadi kapitan di Kota Bharu 1823 sampai ke 1880. Saya kala kita kira tahun 1823, kita dapati ada setengah-setengah yang digelar bumiputera termasuk ahli-ahli di dalam Dewan yang mulia ini. Yang nenek moyangnya datang selepas tahun 1823.

Jadi saya berharaplah pihak kerajaan dapat mengkaji termasuk peranakan di Melaka, di Pulau Pinang dan di negeri-negeri lain, Kedah pun ada yang lebih sebelum penjajahan British. British yang terakhir, negeri yang terakhir yang dijajah oleh British itu Kuala Terengganu 1873, yang terakhir sekali. Sebelum ini, sebelum datang ke Melaka

adap pelbagai kaum yang datangnya lebih awal. Oleh sebab itulah kita tidak boleh sentiasa hendak mempertikaikan mengenai status asal usul dan sebagainya.

Cuma, satu perkara yang penting kalau ada jurang sama ada jurang ekonomi, jurang di antara daerah kita mesti merapatkan jurang, mengurangkan jurang ini tanpa mengira daerah, tanpa mengira kaum. Gender begitu juga. Jurang di antara gender juga mesti dirapatkan. Itu mesti dibuat tanpa mengira sesiapa. Saya nampak itu dengan Dasar Ekonomi Baru, istilah ini lebih menonjol kerana mereka diberikan keistimewaan di beberapa aspek termasuk ekuiti 30% dasar kuota. Manakala 80 tahun kemudian, kita boleh menyaksikan banyak perubahan bilangan misalnya Melayu dan anak negeri jadi kelas pertengahan bertambah.

Juga di bilangan yang berpendidikan yang masuk ke sekolah, yang masuk ke universiti yang pergi ke seberang laut untuk universiti di Eropah, Amerika Syarikat dan sebagainya sudah bertambah dengan banyak. Ini memang perkara yang baik. Akan tetapi saya nampak kebanyakan hak-hak istimewa ini, layanan istimewa ini kerana labak itu tamak haloba setengah-setengah pemimpin diberi kepada segelintir orang diberi kepada konco-konco, kroni-kroni sahaja di dalam 40 tahun. Ini memang melanggar dasar untuk membantu orang-orang yang miskin termasuk di Bera pun ada saya nampak. Orang-orang pemimpin-pemimpin tamak haloba tidak itu dasar keistimewaan ini – ya Yang Berhormat Pasir Salak. Jangan ambil masa yang banyak...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sedikit sahaja.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** kerana saya tidak ada masa.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sedikit. Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ringkas sahaja adakah Yang Berhormat bermaksud bahawa istilah bumiputera yang diberi kepada orang Melayu dan anak negeri itu Yang Berhormat tidak terima dan seharusnya dihapuskan. Begitu juga apa-apa juga keistimewaan ataupun kita tidak panggil keistimewaan, kita panggillah hak-hak mereka juga patut dihapuskan. Saya hendak supaya rakyat di luar tahu pendirian Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Kepong *mike*.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Kalau dasar, langkah, tindakan apa sahaja langkah yang diambil untuk mengurangkan jurang untuk...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Jawab soalan! Saya tanya.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tidak, tidak, tidak.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Khusus. Yang Berhormat tidak setuju perkataan bumiputera digunakan kepada orang Melayu dan anak negeri. Dan tidak bersetuju hak-hak mereka juga diberi sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan. Tolong jawab soalan itu sahaja. Jangan belit-belit.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Perlembagaan tidak sebutkan bumiputera. Tidak langsung. Ini yang dirujuk oleh pihak kerajaan sahaja.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Kita ikut Perlembagaan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ya, baik.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ikut Perlembagaan...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Itu kerajaan. Tuan Yang di-Pertua walaupun itu istilah yang diguna pakai oleh kerajaan ataupun rakyat oleh orang Melayu dan sebagainya. Saya cuma ingin tahu, saya ingin tahu pendirian Yang Berhormat! Yang Berhormat adakah menentang atau tidak setuju istilah bumiputera ini diguna pakai kepada orang Melayu dan juga anak negeri? dan tidak bersetuju segala hak yang diberikan kepada mereka sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan. Itu jawab soalan yang paling jelas sekali.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Saya bermula ucapan saya dengan menyeru supaya pihak kerajaan mengkaji bagaimana semua rakyat dapat memainkan peranan yang bererti. Itu yang cakapkan saya. Manakala yang soalan itu adalah daripada Yang Berhormat Pasir Salak sahaja. Soal tidak timbul. Saya tidak sebutkan langsung! Saya tidak sebutkan langsung sehingga hal sekarang tidak sebutkan langsung. Cuma saya untuk kebaikan negara ini kerana isu ini memang menimbulkan kontroversi. Sememang kalau saya di sini pun kalau kita sentiasa timbulkan isu ini pun tidak guna juga. Tidak kan jadi membawa manfaat kepada masyarakat kita.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kenapa boleh Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Kenapa boleh timbul soal kontroversi. Perkara ini sudah termaktub...

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Timbul kontroversi...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Begitu lama tidak ada kontroversi.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tidak banyak atau tidak...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Timbul kontroversi pada masa sekarang apabila Yang Berhormat dan juga beberapa pemimpin Pakatan membangkitkan perkara ini dan mempersoalkan. Kalau tidak dipersoalkan ia tidak menjadi kontroversi! Itu sahaja.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Yang disoalkan Yang Berhormat Pasir Salak tadi.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ya, saya...

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Saya cuma – itu saya ulangi saya berharap pihak kerajaan dapat mengkaji, mengkaji bagaimana semua rakyat dapat memainkan peranan yang lebih bererti.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak menjawab soalan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Macam mana...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini kalau periksa tidak lulus!

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Soalan yang di timbul oleh Yang Berhormat Pasir Salak...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak lulus kalau periksa ini  
*[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Soalan di timbul oleh Yang Berhormat Pasir Salak *[Ketawa]* kerana tidak mahu kontroversi seumpamanya kerana ia tidak membawa manfaat kepada negara. Itu jawapan saya. Di sini saya berharap sering kali saya bangkitkan bahawa hak-hak keistimewaan tidak boleh disalahgunakan. Tidak langsung termasuk Yang Berhormat Pasir Salak. Jangan menyalahgunakan. Kita hendak membantu orang yang miskin, kita kena benar-benar bantu orang miskin. Jangan kita salah gunakan. Kita mesti teruskan ada dasar seumpamanya supaya jurang dapat dirapatkan.

#### ■1810

Walau bagaimanapun pada 30 Mac ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mengumumkan Model Ekonomi Baru, *New Economic Model* dan saya berharap pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat mengadakan satu dasar seperti saya sering kali ulang sejak tahun 70-an lagi iaitu menggunakan dasar merit dan keperluan, *merit and need*. Itulah perlu dilaksanakan mengikut keadaan yang istimewa bagi Malaysia kerana kepelbagaian kaum di Malaysia. Kita mesti mengambil kira bagaimana kita boleh melaksanakan dasar merit dan keperluan untuk semua kaum.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak timbulkan masalah *human trafficking* - pengabdian manusia. Baru-baru ini saya diminta untuk menolong tiga orang gadis dari Negara China yang datang ke negara ini yang diabdikan di kawasan Kepong. Mereka bayar hampir RM12,000 untuk datang ke negara ini dan dijanjikan akan mendapat bekerja dengan gaji yang lumayan. Akan tetapi contoh ini ialah untuk, apa yang dipanggil refleksologi. Dia kerja daripada jam 11.00 pagi sehingga jam 3.00 pagi. Jam 3.00 pagi, saya tidak tahulah macam mana hendak refleks lagi? *[Ketawa]* Dalam satu bulan diberi satu hari untuk rehat. Kemudiannya, pasport dirampas kerana visa untuk satu bulan sahaja. Mereka tidak ada permit kerja dan dua, tiga minggu yang lepas, seorang gadis dibunuh.

Mungkin ada faktor-faktor yang tertentu dia dibunuh. Walau bagaimanapun saya dapati daripada senarai yang didapati daripada ketiga-tiga garis ini, ada beratus-ratus yang masuk ke negara ini. Tidak tahulah, entahlah di seluruh negara berapa ribu orang yang masuk dan bekerja seperti abdi dalam bidang-bidang yang tidak diingini. Saya berharaplah pihak kerajaan dapat mengambil langkah yang lebih ketat daripada Jabatan Imigresen, pihak polis, dan kerajaan-kerajaan tempatan. Kita mesti mempertingkatkan usaha untuk mencegah *human trafficking* ini kerana kita tidak mahu...

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** *[Bangun]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tidak ada masa ini.

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Satu minit Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat, pendek sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Kalau soalan tidak perlu satu minit, Yang Berhormat.

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Ini Yang Berhormat, *point* Yang Berhormat telah sentuh tadi adalah satu perkara yang penting dan kita turut bersimpati. Akan tetapi kadang-kala Yang Berhormat, ada laporan yang telah kita baca bahawa gadis-gadis di kalangan mereka ini ada juga yang sengaja datang dan mengikatkan perkahwinan olok-olok dengan orang Malaysia dengan bayaran RM5,000 satu bulan. Jadi ini *voluntary action to come to Malaysia*. Jadi minta Yang Berhormat berkongsi sebab ini *two part of pictures*. Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Saya pun ada dengar hal seperti ini, kahwin olok-olok dan sebagainya. Bukan sahaja berlaku di Malaysia, di banyak negara di dunia. Inilah pihak kerajaan mesti mengambil perhatian supaya hal-hal serupa ini tidak berlaku

di negara ini. Yang penting sekali jangan kita jadikan Malaysia sebagai satu pusat, satu hab untuk *human trafficking*. Ini memang penting.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, mengenai penarikan pakar-pakar dan profesional rakyat Malaysia dan warga asing untuk bekerja di Malaysia. Di sini saya dapat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia dan di sini kita tidak ada angka yang tepat. Cuma yang kita tahu daripada Unit Perancang Ekonomi Malaysia, dianggarkan seramai 314,000 rakyat Malaysia bekerja di Singapura. 314,000 dianggarkan oleh EPU. Di lain-lain negara kita tidak tahu angka yang sebenar. Boleh dikatakan beratus-ratus ribu bekerja di Amerika Syarikat – semua kaum, semua kaum. Di Amerika Syarikat, United Kingdom, di Australia, di Kanada, di Eropah memang ada beberapa ramai.

Di sini mesti kita kaji walaupun kita ada dasar-dasar dan langkah-langkah untuk menarik mereka seperti Program Brain Gain Malaysia yang dikendalikan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan juga program menggalakkan warga Malaysia berkepakaran yang bekerja di luar negara pulang ke Malaysia - *Returning Expert Program* (REP), yang dikendalikan oleh Kementerian Sumber Manusia. Walaupun kedua-dua program ini sehingga 18 Mac 2010 ada seramai 622 pemohon telah pulang dan bekerja di Malaysia, angka ini sangat kecil, *negligible*, sangat kecil. Ini bermakna, program-program kita tidak berjaya. Ini bukan sahaja di Malaysia lagi, negara-negara yang lain pun serupa juga. Negara yang lebih maju dapat menarik mereka bekerja kerana pelbagai faktor termasuk gaji.

Di sini saya mengesyorkan supaya kita mengubah sedikit. Misalnya, yang saya tahu pakar muda daripada United Kingdom yang memohon untuk bekerja sebagai konsultan di Universiti Malaya misalnya, kadangkala proses itu mengambil masa enam bulan baru dapat jawapan. Enam bulan! Macam mana kalau kita hendak uruskan? Ini pun melalui orang-orang yang kenal yang ada di sini yang boleh mengemukakan permohonan. Kalau dia tidak ada orang yang lebih mahir yang dapat mengemukakan permohonan, saya tidak tahulah berapa bulan yang diperlukan. Mungkin beberapa tahun. Ini tidak boleh dibuat sebab saya ada banyak contoh. Misalnya kalau konsultan di England dia hendak kembali ke sini, dia pohon untuk... Dia bukan pohon satu negara sahaja, dia pohon untuk pergi ke Australia ataupun negara-negara yang lain juga. Dia kemukakan permohonan di Malaysia, berbulan-bulan tidak dapat, tetapi kemukakan permohonan kepada Australia, dia nampak dia orang pakar, dalam beberapa minggu dia

beri jawapan. Bukan dia beri jawapan, dia menjadi penduduk tetap dengan begitu sahaja dengan harapan untuk menjadi warganegara. Ini memang cepat.

Kalau di negara kita, kita begitu lewat, lambat, macam mana kita bersaing untuk menarik pakar-pakar balik ke negara ini? Susah! Yang Berhormat Pasir Salak pun tahu macam mana kita tarik balik mereka. Itulah masalah kita. Saya berharaplah kita dapat mempertingkatkan usaha bagi melatih mereka dengan cara-cara yang lebih berkesan termasuk kita pendekkan permohonan. Dalam satu atau dua minggu, kita jawab. Tidak payah berbulan-bulan. Itu caranya.

#### ■1820

Seterusnya, saya ingin membangkitkan sedikit mengenai *broadband* kita. Walaupun ada perubahan sedikit, dengan menggunakan opera dan sebagainya di dalam *broadband* di Dewan ini, tetapi kelajuannya tidak ada. Masih lambat dan kita mesti mempercepatkan, bagi di dalam Dewan ini kerana pada tahun inilah kita hendak meningkatkan peratusan *broadband* dan isi rumah kepada 50%. Akan tetapi kita sebagai contoh teladan di dalam Dewan ini, *broadband* itu bukan main yang terbaik, tetapi sekarang bukan lagi. Saya berharap Yang terhormat, kita dapat memperbaiki keadaan ini untuk menjadi satu contoh teladan.

Di sini saya nampak beberapa cadangan terutamanya daripada satu *National ICT Conference 2009* pada 11 Jun 2009, tahun lepas. Beberapa bulan yang lepas itu, ada satu *conference* dengan banyak cadangan dan kita tidak dapat kerana tidak ada masa untuk mendalami semua. Saya berharaplah semua cadangan ini dapat dipertimbangkan dan juga dilaksanakan kalau boleh. Misalnya yang terakhir sekali itu [Merujuk pada sebuah buku] *conclusion* itu, "*The demands for citizen centric government 'Rakyat Didahulukan' and the needs for reliable online self service processes and the over reaching requirements for increase efficiency are important issues that the ICT can help address*".

Ini memang, saya berharap pihak kerajaan dapat mengambil perhatian mengenai cadangan dan syor-syor daripada *conference* ini. Saya nampak banyak yang baik dan supaya kita boleh meningkatkan penggunaan *broadband* di sini kerana kalau kita bandingkan dengan Korea Selatan, itu lebih 95% *broadband*. Tahun ini kita hendak 50% sahaja. Ini bermakna kita sangat mundurlah berbanding dengan Korea Selatan.

Patutlah di dalam hal ini bukan sahaja di dalam hal *broadband* sahaja, di dalam bola sepak pun. Dia mendahului dengan banyaknya seperti dengan Manchester United,

Park Ji Sung itu begitu hebat. Kita mesti ada ramai Park Ji Sung di Malaysia juga termasuk daripada Bera pun ada yang pandai di dalam bola sepak.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Satu minit lagi Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Kita tidak ada masa lagi Yang Berhormat Ledang.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Sedikit sahaja Yang Berhormat Kepong. Cadangan daripada Yang Berhormat Kepong tentang bola sepak, tentang internet tadi boleh capai sama dengan Korea.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]*

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Cadangan daripada Yang Berhormat Kepong untuk kita sama tahap dengan Korea. Bola sepak atau tindakan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat. *[Memberi isyarat kepada Yang Berhormat Kepong supaya mengaktifkan pembesar suara]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Di dalam tahun 50-an dan 60-an, kita mendahului Korea Selatan. Kita lebih maju di pelbagai peringkat. Bola sepak pun kita menewaskan mereka. Sekarang kalau main dengan Korea Selatan, tidak boleh harap.

**Beberapa Ahli:** Cadangan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Cadangan? Itu kita punya cadanganlah. *[Ketawa]*

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Cadangan untuk meningkatkan... *[Disampuk]*

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Kepong, sedikit pencelahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Kepong, tidak ada masa Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tidak ada masa.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Satu minit. Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Tentang Korea ini, saya baru balik daripada satu rombongan Ahli Parlimen ke Korea. Dalam pertanyaan kita kepada Ahli Parlimen Korea, bagaimana Korea boleh hebat dalam bidang sukan ini walaupun pada satu ketika Malaysia boleh pukul bola hoki semua. Setelah beberapa tahun, kita telah terkebelakang.

Maka jawab Ahli Parlimen Korea ini, kami menyediakan skim latihan, insentif, seperti biasa. Kita pun hampir hendak berpuas hati tiba-tiba dicelah oleh duta kita yang ada di Korea yang ada di dalam *meeting* itu, duta besar kita, dia berkata sebenarnya bukan begitu. Sebenarnya Korea ini, orang-orangnya daripada keturunan Mongul yang memang ada kelebihan daripada kita orang Malaysia. Bagaimana itu? *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]*

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Dia bergurau itu.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, kita di Malaysia sama hebatlah kalau kita ada kerajaan yang berkesan, yang benar-benar mendahului rakyat, kita memang lebih hebat. Kita ada Mokhtar Dahari, apa salah? Dia hebat, memang hebat. Dia pun boleh dikira Mongul jugalah itu. *[Ketawa]* Ini kerana keturunan Melayu pun beribu-ribu tahun yang lampau itu turun dari Yunan.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Daripada Yunan juga Yang Berhormat Pasir Salak itu. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, sudah habis masa Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Habis sudah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Dua minit lebih Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Dua minit lebih? Ya, saya fahamlah. Ada beberapa perkara lagi dan memang kita berharaplah Yang Berhormat di dalam perkara-perkara seumpama sukan, *broadband* di dalam perdagangan, perindustrian, kita mestilah - kita ada orang yang hebat, cuma bagaimana kita dapat menggunakan mereka dengan baik, dengan berkesan, itu sahaja. Kalau hendak cari darah Mongul, kita semua berdarah Mongul termasuk Bera pun berdarah Mongul juga. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Jadi, kita semua berdarah Mongul. Tuan Yang di-Pertua pun berdarah Mongul juga. *[Ketawa]* Apa masalahnya, tidak jadi masalah. Tuan Yang di-Pertua,

*Salah langkah cepat terjatuh*

*Malang sungguh diperhatikan*

*Patah kepala bertongkat paruh*

*Patah paruh bertelekan*

Itulah sahaja untuk negara ini. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Lipis.

■ **6.28 ptg.**

**Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]:** *Assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih daripada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya berucap untuk menyokong usul. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya hanya melihat blok Yang Berhormat, blok yang belum bercakap seorang pun.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]:** Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** Terima kasih.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam Mesyuarat Yang Pertama Penggal Ke-3 Parlimen Ke-12 ini, saya mendengar dengan teliti ucapan Yang Berhormat Bayan Baru. Saya pun berasa simpatilah dengan Yang Berhormat Bayan Baru yang telah tersesat di pertengahan jalan tetapi nampaknya *alhamdulillah*, dia balik ke pangkal jalan. Walaupun ada kawan-kawan kita yang tersinggung kadang-kadang Yang Berhormat Bayan Baru tetapi tidak mengapa. Harap jangan berkecil hati. Teruskan perjuangan demi kebebasan.

Selain daripada apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat Bayan Baru, kita nampak banyak juga yang dibahaskan. Antaranya yang paling banyak kalau kita lihat di sebelah sini Program Transformasi Kerajaan (GTP). Daripada naluri saya sendiri iaitu daripada rakyat kepada rakyat, itulah pandangan saya terhadap pelaksanaan GTP ini. Rakyat kepada rakyat, yang saya kira sedang dan akan memberi tumpuan ke atas perkara utama yang amat penting bagi kesejahteraan rakyat, memperbaiki kehidupan semua tidak mengira bangsa, agama dan sempadan wilayah.

■ **1830**

Kalau kita lihat pembangunan GTP bersama Bidang Keberhasilan Utama Negara, meletakkan keutamaan rakyat di tempat pertama dan diharapkan akan terus

mendapat maklum balas bagi menambah baik program terbabit selari dengan konsep 'Rakyat Didahulukan'.

Saya melihat GTP lebih tertumpu kepada usul menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Bukan direka sebagai pernyataan komprehensif mengenai strategi negara dan model ekonomi, malah tidak bersifat *definitive* serta statik.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap rakyat berpeluang memberikan sumbangan terhadap pelaksanaan GTP ini seperti membabitkan diri secara sukarela membantu membanteras jenayah, melaporkan tindakan rasuah, mendaftarkan jiran yang memerlukan bantuan dalam e-Kasih, malah membaca bersama anak untuk memperbaiki tahap pemahaman mereka. Saya percaya dan penuh yakin bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjelaskan skop GTP adalah meluas dan akan merangkumi setiap kementerian dalam kerajaan dengan inti patinya yang paling penting memberi tumpuan ke atas perkara utama yang amat penting bagi rakyat.

Saya kira Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menerangkan secara terperinci sebuah program berani dan di luar jangkaan untuk mengubah kerajaan dan memperbaharui fokus mengenai penyampaian perkhidmatan kepada rakyat Malaysia. Sekali lagi saya percaya bahawa GTP yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada April 2009 akan mentransformasikan kerajaan bagi menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat serta memacu Malaysia mencapai Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan berbahas dalam lingkungan apa yang disebutkan dalam GTP. Sebentar tadi, yang mana sebanyak enam NKRA telah dikenal pasti berdasarkan kemahuan dan kehendak rakyat iaitu mengurangkan jenayah, membanteras rasuah, mempertingkatkan pencapaian pelajar, mempertingkatkan taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah, mempertingkatkan infrastruktur asas luar bandar dan mempertingkatkan pengangkutan awam bandar.

Dalam skop mengurangkan jenayah, saya akan menyentuh antaranya inisiatif terpilih bagi 2010 dan 2012 yang saya lihat di dalam NKRA ini ialah memastikan kehadiran polis di lima puluh kawasan panas dikenal pasti dan mengukuhkan kehadiran dengan lebih 3,000 sukarelawan terlatih menjelang Jun 2020. Lima ratus kamera liter tertutup CCTV di kawasan panas dan penubuhan mahkamah khas bagi mempercepatkan kes jenayah jalanan.

Soal kehadiran polis penting dan saya mencadangkan supaya anggota polis pelbagai unit di gembelng dalam mengurangkan kadar indeks jenayah. Kalau kita lihat kadar jenayah indeks di negara ini, ia meningkat keseluruhannya daripada 746 kes bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun 2006 kepada 767 kes pada tahun 2007 dan meningkat sehingga 3% pada tahun 2008. Malahan setiap tahun, kira-kira 35,000 kes jenayah jalanan dilaporkan membabitkan kira-kira 17% daripada indeks jenayah negara.

Jadi, kalau boleh saya syorkan Unit Udara PDRM, Unit Berkuda PDRM dan unit biasa digerakkan terutama di kawasan kediaman yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. Cuma saya hendak tahu ada anggota polis tersebut yang menggunakan kenderaan sendiri ketika meronda, tidak kiralah motosikal ataupun kereta. Ini makluman yang saya terima dan apakah penggunaan kenderaan persendirian dibenarkan untuk tujuan penugasan rondaan ini. Jadi saya mohon penjelasan daripada pihak KDN.

Masih soal kehadiran polis. Saya hendak tanya peranan RELA. Setakat mana peranan mereka dalam konteks kehadiran anggota keselamatan di kawasan panas. Apakah anggota ini perlu? Ini akan membantu dalam konteks kehadiran tersebut. Setakat mana RELA dapat bekerjasama dengan pasukan PDRM dan apakah kebajikan yang dapat diberi kepada anggota-anggota RELA ini terutama apabila mereka bertugas dan mereka mendapat kemalangan dan kecederaan.

Tadi saya ada sebut mengenai 3,000 sukarelawan. Siapakah sukarelawan yang dimaksudkan itu seperti mana yang dicadangkan oleh kementerian di bawah NKRA untuk mengurangkan jenayah. Pohon penjelasan dengan lebih terperinci.

Saya juga tidak mempunyai masalah mengenai pewujudan CCTV kerana ia sememangnya amat membantu dalam mengurangkan kadar jenayah. Cuma saya hendak mencadangkan supaya CCTV ini diletakkan di sekitar kawasan perumahan dan mungkin kalau boleh memberi peruntukan kepada persatuan-persatuan penduduk atau Rukun Tetangga untuk memasang CCTV di bawah persetujuan kementerian yang terbabit. Di samping itu saya juga berterima kasih kepada...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Mencelah sikit.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrur Osman [Lipis]:** Kementerian Dalam Negeri kerana hendak mewujudkan pangkalan data nasional berhubung warga asing bagi memastikan proses pemantauan dan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan segera. Sila.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Lipis, NKRA yang diutarakan oleh kerajaan dalam bidang keselamatan ini, saya percaya akan

dilaksanakan dengan sempurna atas kewibawaan kerajaan kita dengan kemampuannya di sokong oleh pelbagai agensi kerajaan termasuk polis dan sebagainya. Maknanya apa yang dirangka dan dirancang oleh kerajaan *insya-Allah* akan tercapai. Cuma secara perbandingan. Saya tengok manifesto PKR dan PAS Selangor, Pilihan Raya Umum Ke-12 – Keselamatan Rakyat. Satu daripadanya ialah mengganti sistem Rukun Tetangga dengan sistem baru yang lebih berkesan. Yang kedua, ia juga menyebut mewujudkan pusat khidmat sehenti bagi menangani kes-kes jenayah dan keganasan terhadap wanita.

Secara perbandingan, setuju atau tidak kepada saya, ini hanya janji kosong. Tidak sama sebagaimana janji yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Memang begitulah keadaannya kerana sehingga hari ini tidak nampak apa-apa perubahan pun yang berlaku di Selangor. Saya sendiri tinggal di Selangor. Tidak nampak apa-apa pun. Itu retorik kosong, janji-janji manis untuk menang pilihan raya. Jadi rakyat tertipu. Bukan “Tipah sahaja tertipu” tetapi rakyat Selangor pun sudah tertipu. Apa hendak buat, ya. Jadi, Pilihan Raya Umum Ke-13 esok, ubahlah keadaan.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]:** Jadi Tuan Yang di-Pertua, memang sepatutnya sejak dulu lagi...

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Beri laluan. *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]:** Dan... Sekejap.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tadi ada dengar, tadi.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]:** Saya baca sekejap. Saya bagi sekejap lagi.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Hendak jawab yang tadi itu.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]:** Saya bagi sekejap lagi.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Okey, okey.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]:** Berbudi bahasa. Jadi, kita tidak mahu negara Malaysia dijadikan hab bagi aktiviti-aktiviti yang menyalahgunakan undang-undang negara demi keuntungan mereka. Jadi saya amat mengesyorkan supaya PDRM dan Imigresen lebih prihatin untuk memastikan warganegara asing sentiasa mematuhi undang-undang negara kita. Okey, sila Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih. Berhubung dengan *one stop crisis centre*. Sebenarnya apa yang telah dilakukan di negeri

Selangor, kita telah menubuhkan 34 *one stop crisis centre*. Daripada 56 DUN yang ada kita telah tubuhkan 34. Maka untuk mengatakan bahawa tidak ada perkara yang telah berlaku adalah tidak tepat dan saya rasa lebih baik wakil daripada Lenggong tanya saya dululah sebelum dia buat kenyataan-kenyataan yang agak tidak tepat. Terima kasih.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]:** Itulah, Yang Berhormat Shah Alam. Namun saya tidak nampak pun di Serdang adanya *crisis centre*, apa *centre* pun. Retorik sahaja ini sebenarnya. Okey?

■1840

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tak apa, tak apalah Yang Berhormat.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kalau Yang Berhormat Lipis tak nampak tak bererti ianya tidak wujud. Hanya mungkin Yang Berhormat Lipis tidak pandai hendak cari di mana.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tak apalah. Saya cadangkan Yang Berhormat Lipis dengan Yang Berhormat Shah Alam pergi bersamalah tengok. *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]:** Ha, kita sama-sama tengoklah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya hendak pergi kepada bahagian yang kedua iaitu mempertingkatkan pencapaian pelajar. Jadi kalau kita lihat di bawah NKRA, saya melihat pada peringkat awal beberapa bidang diberikan tumpuan. Antaranya meningkatkan kadar pendaftaran prasekolah untuk kanak-kanak empat dan lima tahun. Memastikan semua kanak-kanak berupaya menguasai kemahiran asas literasi dan numerasi selepas tiga tahun pendidikan. Selain itu membangunkan sekolah berprestasi tinggi dan meningkatkan prestasi semua sekolah, memberi insentif kewangan bagi sekolah, pemimpin sekolah, guru dan kakitangan akademik. Ini satu langkah yang luar biasa untuk memastikan pelajar-pelajar sekolah dari peringkat prasekolah rendah dan menengah menguasai ilmu secara holistik. Saya percaya dengan melahirkan modal insan dari awal lagi akan menjadi tulang belakang kepada negara untuk berkembang.

Jadi kalau kita lihat kebanyakan daripada apa yang telah dilaksanakan di peringkat ini adalah semuanya bertumpukan kepada akademik dan kalau kita lihat dalam falsafah pendidikan itu sendiri Tuan Yang di-Pertua daripada empat falsafah yang ada itu, keterampilan yang ada iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek jadi fokus kebanyakannya diberi kepada intelek dan kita percaya dan yakin bahawa anak-anak

kita, modal insan kita apa pun yang mereka buat dari segi intelek mereka mungkin mempunyai kelulusan yang sama dan sebagainya, tetapi ada satu perkara yang akan mengasingkan mereka. Siapa yang akan menonjol dan siapa yang akan tertinggal iaitu perwatakan.

Jadi bagi saya, saya mencadangkan supaya pihak Kementerian Pelajaran memberi tumpuan juga sama rata tiga aspek tadi yang boleh membina perwatakan pada pelajar melalui pendidikan perwatakan ini, dan bagi saya juga pendidikan perwatakan ini boleh diberikan tumpuan yang lebih kepada aspek-aspek kokurikulum terutamanya badan-badan beruniform, dan di Malaysia kita percaya sekolah-sekolah di Malaysia banyak ada badan-badan beruniform sehingga kadang-kadang pelajar-pelajar menjadi keliru badan beruniform yang mana hendak disertai dan sebagainya.

Kalau kita melihat sekolah di negeri jiran kita mereka memberi tumpuan kepada satu badan sahaja iaitu Pengakap ataupun *Scout* yang lebih bersifat global. Ini kita lihat di Thailand dan di Indonesia sendiri mereka memberi tumpuan kepada Pramuka yang sama juga ertinya *Scout*. Jadi kalau kita lihat badan-badan beruniform yang ada, ada setengah yang bersifat lokal dan ada juga yang kalau kita lihat yang tidak boleh membawa pelajar dari segi pendidikan karakter ini kerana mereka tidak mempunyai *syllabus* yang benar-benar. Jadi saya mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya memberi tumpuan kepada pendidikan perwatakan ini melalui badan-badan beruniform yang mempunyai kerjaya seperti Pengakap, Pandu Puteri, Bulan Sabit Merah dan St. John Ambulan yang lebih bersifat global dari segi pertubuhannya dan boleh membawa anak-anak kita lebih jauh ke depan.

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Lipis, sedikit.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Sila.

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Ya. Saya menekuni apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Lipis itu sebab saya tahu dia arif dalam pendidikan. Saya sokong, saya setuju, tetapi saya mengandaikan apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Lipis itu aspek-aspek kepimpinan yang berjaya diserlahkan oleh program-program seperti Pengakap tersebut. Akan tetapi bersetujukah dengan saya Yang Berhormat Lipis agar perkara itu lebih terjurus ke arah perkara yang dikatakan impak masyarakat. Pengakap dan masyarakat maksudnya apa salahnya program Pengakap itu lebih kepada masyarakat-masyarakat di luar bandar. Dahulu

saya lihat dia banyak membantu masyarakat di bandar dan pelajar dilatih sejak di bangku sekolah lagi.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Itulah sebenarnya yang saya maksudkan di mana program perwatakan menjiwai watak sebagai seorang pemimpin itu bergiat bukan sahaja di luar bandar, tetapi di bandar malah di mana-mana. Jadi ini yang kita dapat dan kita juga membuat hubungan dengan Pengakap negara-negara lain di mana kita dapat penonjolan itu sebenarnya.

**Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Sila.

**Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lipis bercakap tentang Pengakap ataupun *Scout*, anak serigala, Pramuka dan memang sudah ada satu program khas bagi mendidik anak-anak ini untuk menambah baik kemahiran mereka terutamanya di dalam sektor insaniah ini. Boleh Yang Berhormat Lipis komen sedikit tentang kemelut Pengakap di peringkat kepimpinan tinggi negara yang mungkin membawa lambang ataupun imej yang tidak baik kepada anak-anak di sekolah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua pun sama jugalah boleh dengar komen Yang Berhormat Lipis tentang ini memandangkan Yang Berhormat Lipis pun pejuang Pengakap kita.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Sebenarnya, pada pandangan saya tidak ada kemelut. Kemelut yang dikatakan itu semuanya retorik sahaja kerana segala program berjalan dengan lancar, tidak ada masalah dan aktiviti yang ada saya tengok terus terlaksana dan kita dijangka akan mengadakan satu Jambori Satu Belia 1Malaysia sempena Hari Belia pada tahun ini di Putrajaya, *insya-Allah*. Jadi Yang Berhormat Tangga Batu boleh menyertainya bersama. Terima kasih.

Jadi selain daripada tadi program-program pelaksanaan, tetapi bagi saya yang paling penting juga ialah perubahan dari segi di peringkat Lembaga Peperiksaan dan juga Majlis Peperiksaan kerana apa sahaja program yang kita hendak buat secara holistik, tetapi berjalan dengan lancar di peringkat sekolah, di peringkat awal, di peringkat kurikulum, di peringkat kokurikulum, tetapi apabila sampai kepada peringkat penilaian, penilaian masih cara lama. Ini masalahnya.

Jadi kalau hendak dibetulkan mesti ditransformasikan secara keseluruhan. Bukan sahaja di peringkat kurikulum dan kokurikulum, tetapi juga di peringkat penilaian itu sendiri sebab akhirnya penilaian lebih mementingkan akademik. Jadi bagaimana yang lain-lain itu dapat bersaing. Sebagai contoh markah untuk masuk ke IPTA, institut

pengajian tinggi awam di negara ini untuk kokurikulum 10% daripada 90%. 90% nilai akademik. Sebab itulah ramai yang akan menjerit bila dapat 8A tidak dapat masuk atau 14A tidak dapat masuk IPTA sebab di situ kepentingannya, tetapi sebenarnya perwatakan itu, jiwa merekalah sepatutnya.

Itulah yang saya katakan di situ dan saya mencadangkan kepada kerajaan kalau dapat ubah. Kalau tidak dapat bagi 50%/50% pun bagilah 60%/40% ataupun 70%/30%. Sukan dari segi JERInya, dari segi jasmaninya, dari segi rohaninya, dari segi emosinya terus diberi 10-10-10. Sekarang ini daripada 10%, 5% diambil sukan. Yang lain kalau siapa yang tidak berkemahiran dalam bidang sukan nampaknya tidak ada apalah. Jadi ini yang saya harapkan.

Selain daripada itu saya juga hendak membangkitkan apa yang kita katakan soal perpaduan kaum. Sebab matlamat utama pembangunan negara dan peranan pendidikan amat penting bagi mencapai matlamat ini. Jadi sehubungan itu saya yakin dasar memperkasakan sekolah kebangsaan supaya sekolah kebangsaan kekal sebagai sekolah utama pilihan masyarakat Malaysia harus diteruskan. Walaupun apa dasar ini memberi keutamaan kepada sekolah kebangsaan, saya yakin Kementerian sentiasa memberi perhatian seimbang untuk SRJK(C) dan SRJK(T) supaya pendidikan untuk anak bangsa Malaysia yang belajar di sekolah berkenaan tidak dipinggirkan.

#### ■1850

Saya melihat kerajaan juga tidak pernah menghalang ibu bapa untuk memilih aliran mana untuk menghantar anak mereka memperoleh pendidikan rendah. Inikan pula menutup mana-mana sekolah jenis kebangsaan walaupun bilangan murid yang belajar di sekolah itu cuma beberapa orang sahaja. Malangnya, matlamat sekolah kebangsaan untuk meningkat dan memperkukuhkan perpaduan di kalangan murid pelbagai kaum supaya dapat dilatih saling bekerjasama dan mempunyai semangat *patriotism* serta toleransi yang tinggi tidak diberi perhatian sewajarnya oleh sesetengah anggota masyarakat. Pelbagai kesalahan dan kelemahan sekolah kebangsaan dicungkil untuk dijadikan alasan mengapa mereka tidak menjadikan sekolah kebangsaan sebagai pilihan.

Mereka mendakwa sekolah kebangsaan banyak kelemahan dan sesetengahnya menghentam habis-habisan sehingga digambarkan seolah-olah sekolah kebangsaan pula menjadi penghalang kepada pewujudan penyatuan pelbagai kaum di negara ini. Setiap anggota masyarakat yang cintakan perpaduan kaum seharusnya bersama kerajaan khususnya Kementerian yang berusaha gigih memperkasakan sekolah

kebangsaan kerana ia diwujudkan bukan untuk sesuatu kaum sahaja, tetapi seluruh rakyat Malaysia. Kerana itu saya melihat dasar memperkasakan sekolah kebangsaan sebagai Teras Ketiga, Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010, ada asasnya. Dasar memperkasakan sekolah kebangsaan ini adalah memastikan semua sekolah rendah yang bahasa pengantar bahasa Melayu dan sekolah menengah kebangsaan menjadi sekolah pilihan utama masyarakat Malaysia. Matlamat dasar ini untuk meningkat dan memperkukuhkan perpaduan di kalangan pelajar pelbagai kaum sejak peringkat muda lagi.

Fokus memperkasakan sekolah kebangsaan pada peringkat sekolah rendah dan menengah adalah untuk menjadikan sekolah ini lebih beraspirasi nasional meningkatkan kecemerlangan dalam pelbagai bidang dan meningkatkan kualiti prasarana. Sasaran jangka panjang kementerian adalah untuk menjadikan sekolah kebangsaan pusat kecemerlangan pendidikan dari semua segi seperti prasarana, disiplin dan keselamatan pelajar, pencapaian kurikulum dan sukan, pencapaian ICT, kualiti guru dan kepimpinan sekolah. Jadi, saya berharap semua masyarakat akan bersama-sama dengan kerajaan dalam bidang itu.

Bidang yang seterusnya yang saya hendak sentuh Tuan Yang di-Pertua ialah mempertingkatkan taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah. Di bawah NKRA kira-kira 200 ribu isi rumah dikategorikan miskin dan lebih daripada 40,000 isi rumah miskin tegar dengan 2010 difokuskan untuk membasmi kemiskinan tegar dan mengurangkan insiden kemiskinan kepada 2.8% iaitu daripada 3.6% kini. Malahan saya melihat beberapa langkah dikenal pasti termasuk untuk mempertingkatkan produktiviti isi rumah berpendapatan rendah yang tidak termasuk dalam kategori terbabit antaranya menyeragamkan takrifan kumpulan berpendapatan rendah. Cuba kita lihat setiap pegawai kanan kerajaan, profesional dan tokoh korporat terkemuka hari ini. Jika kita mengenang kembali, kira-kira 30 atau 40 tahun lalu, majoriti mereka yang berjaya sekarang, bukan berasal latar belakang dari keluarga kaya atau sekurang-kurangnya dalam kategori kelas menengah.

Mereka juga bukan berasal dari kawasan bandar, tetapi anak kampung yang berkaki ayam ketika kecil dan biasa bergelumang lumpur. Petani, nelayan, penoreh getah adalah jawapan yang biasa diberi apabila ditanya pekerjaan bapa masing-masing, dalam satu generasi, satu perubahan drastik berlaku dalam landskap sosial masyarakat bandar apabila tidak seperti zaman penjajah. Anak-anak kampung tidak lagi merasai pekerjaan bapa mereka yang kais makan pagi, kais petang makan petang. Inilah

sebenarnya kejayaan besar Kerajaan Barisan Nasional dan Perikatan satu masa dahulu sampai hari ini yang rasa saya tidak boleh dipertikaikan oleh pihak pembangkang. Anak kampung kini menjadi pakar bedah, arkitek, jurutera, pegawai kanan kerajaan dan menerajui syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia. Kisah kejayaan ini bukan milik peribadi, tetapi sebagai kisah kejayaan Malaysia dalam program membasmi kemiskinan di luar bandar. Ketika di bawah kibaran *Union Jack*, tiga empat daripada orang Melayu yang sebahagian besar di luar bandar adalah orang miskin. Selepas merdeka sehingga awal 1970-an, kira-kira 50% penduduk di luar bandar dibelenggu kemiskinan.

Bagaimana dalam tempoh 30 tahun angka ini mengecut secara drastik. Hanya 5.7% rakyat Malaysia adalah orang miskin pada tahun 2004 dan kadar kemiskinan terus menurun kepada 3.2% pada tahun 2008. Manakala kemiskinan tegar adalah sebanyak 0.7%. Jadi saya ingin mengetahui apakah mekanism tertentu dalam Model Ekonomi Baru ini boleh mempertingkatkan taraf kehidupan keluarga berpendapatan rendah. Apakah sektor-sektor yang boleh meningkatkan taraf kehidupan mereka. Saya khuatir golongan-golongan berpendapatan rendah ini seperti yang dicanang-canakan tidak sampai kepada mereka.

Kita mahu senarai dalam e-Kasih adalah mereka yang dikenal pasti golongan berpendapatan rendah dan memerlukan bantuan sewajarnya. Yang merisaukan saya juga, apabila ada bantuan dan sebagainya, ramai orang yang akan mengaku mereka miskin, semata-mata hendakkan bantuan dan sebagainya. Ini penting kerana di bawah Program Pembasmian Kemiskinan iaitu satu skim pembangunan kesejahteraan rakyat, ia mendapat peruntukan besar, RM603 juta sepanjang Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya juga hendak tahu setakat mana sistem pendaftaran keluarga miskin tegar yang dimantapkan melalui pangkalan data miskin tegar (ESPKR) yang membolehkan kementerian mempunyai profil dan pangkalan data lengkap mengenai golongan ini dapat membantu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sila gulung Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Jadi berdasarkan *research* yang ada kita berharap pihak kerajaan dapat memantapkan lagi skim ini. Akhirnya saya ingin merujuk mengenai air kepada jawapan Yang Berhormat Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air pada sesi soal jawab di Dewan yang mulia ini pada 16 Mac yang lalu mengenai isu tenaga. Yang Berhormat Menteri maklumkan bahawa penswastaan sektor air, sektor tenaga akan diteruskan sebagai mempamerkan kerjasama erat antara pihak

kerajaan dan swasta dalam usaha untuk menjamin pertumbuhan ekonomi negara yang mampan. Maka, lebih RM9 bilion dikeluarkan sebagai pembayaran kepada IPP seperti mana dalam Laporan Tahunan TNB 2008. Namun begitu, saya tertanya-tanya apakah nasib sektor bekalan air yang masih berada dalam bidang kuasa menteri yang sama.

SPAN telah ditubuhkan pada 2006 dan kini berperanan menyelaras bekalan air di negeri-negeri di Malaysia. Namun pada hemat ramai, SPAN gagal berfungsi setakat ini kerana prestasi negeri seperti Negeri Sembilan, Johor dan Melaka masih lagi ditakuk lama. Lebih malang lagi pusat utama pertumbuhan ekonomi negara dan juga pelaburan dan pelancongan di KL, Putrajaya dan Selangor dihimpit masalah kerana telah hampir dua tahun kemelut struktural semula bekalan air belum selesai. Adalah tidak adil untuk mengamalkan *double standard* dalam membuat sesuatu keputusan di dalam penswastaan bidang tenaga digalakkan sedangkan sektor bekalan air hendak dimundurkan ke belakang. Sudah cukuplah derita yang ditanggung oleh pengguna air apabila JBA dan PUAS meninggalkan hutang berbilion ringgit dan khidmat yang lembap dan mendukacitakan. Saya yang kini menetap di kawasan Sepang dan Salak Tinggi sebenarnya seperti mana jutaan pengguna air yang lain terhimpit oleh pelbagai masalah seperti tekanan rendah, tiada bekalan air kerana paip bocor dan lain-lain.

Saya pernah menyarankan di Dewan yang mulia ini dahulu supaya penswastaan di lembah rendah dikekalkan *status quo* nya memandangkan ia lebih dominan berbanding negeri-negeri lain. Lagi pun saya dan ramai kagum dengan pencapaian luar biasa syarikat pembekalan air yang membekalkan air di Selangor ini dalam menangani pelbagai isu air seperti mana yang sering kita lihat di media masa seperti membuat pemeriksaan air, pemeriksaan paip berkala, menangkap dan mendakwa pencuri air, menukar paip bocor dengan segera, mengadakan dialog dengan penduduk, menukar meter pukal kepada individu dan sebagainya. Sepatutnya perhatian lebih serius diberi kepada kawasan KL, Putrajaya dan Selangor memandangkan kawasan ini adalah kawasan tumpuan daripada dalam dan luar negara. Lebih kurang 20 tahun lagi tempoh konsesi air akan tamat dan untuk memberi keadilan kepada semua pihak eloklah dikekalkan status pengurusan bekalan air sedia ada.

#### ■1900

Sesuai dengan kepentingan kawasan segi tiga emas ini, saya ingin menyarankan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri memberi perhatian istimewa kepada sektor bekalan air di situ demi untuk menjamin slogan 'Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan' dan dapat dipenuhi segera. Yang

paling mendesak adalah penyediaan peruntukan yang besar dan segera untuk mengganti paip-paip lama dan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Banyak dah lebih Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** Segala masalah air yang dihadapi lebih enam juta pengguna air di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor sejak sekian lama. Sekian, terima kasih. Saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ya, Yang Berhormat Indera Mahkota.

**7.01 mlm.**

**Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mengambil kesempatan untuk menyatakan sokongan terhadap titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Watukubillah Tuanku Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah semasa Pembukaan Dewan untuk sesi baru beberapa hari yang lalu.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota]:** Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar daripada ucapan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong banyak merujuk kepada peringatan dan memberi nasihat serta panduan kepada seluruh anggota Dewan Rakyat ini dan juga menyentuh terhadap bidang-bidang yang perlu diberi keutamaan kerana kita diberi tanggungjawab oleh masyarakat dan rakyat secara amnya sebagai mewakili mereka berada di dalam Dewan ini untuk berfungsi sebagai wakil-wakil, memberi tumpuan dan berbincang serta memformulasikan segala perkara yang menyentuh dan memberi kebaikan serta menjadi tanggungjawab kepada semua kita Ahli-ahli Parlimen sehinggalah kepada satu tempoh baru iaitu apabila pilihan raya umum yang akan datang untuk tugas dijalankan berdasarkan kepada kehendak ataupun pilihan rakyat atau pengundi yang berkuasa untuk memutuskan atau memberi, membuat pilihan terhadap siapakah yang akan diberi tanggungjawab kemudian hari kelak.

Saya hanya ingin membawa beberapa perkara yang mustahak dan menjadi bidang yang sepatutnya saya mengambil peluang untuk kemukakan dalam sesi masa yang singkat, 30 minit yang diberikan kepada saya. Perkara pertama Tuan Yang di-Pertua yang saya hendak kemukakan di sini ialah apabila saya membaca warta-warta kerajaan yang diedarkan kepada semua Ahli Parlimen. Sekali lagi apabila antara bidang

yang dinyatakan dalam perkara NKRA atau bidang keberhasilan utama yang menyentuh tentang bagaimana pihak kerajaan diberi tanggungjawab atau diberikan amanah untuk membaiki kedudukan ekonomi negara pada masa ini dan selaras daripada pengumuman yang telah dibuat oleh Menteri Kewangan menyatakan bahawa pada tahun 2009, kerajaan telah berjaya mengurangkan kadar pertumbuhan yang selama ini dianggap negatif daripada -4.6% kepada hanya 1.893%. Itu antara yang diberikan faktanya.

Walau bagaimanapun, untuk suku keempat tahun 2009 di mana angka ataupun peratusan itu dipetik tidaklah menggambarkan keseluruhan tahun kalendar sepanjang tahun 2009 kerana ukuran sebenar yang juga dinyatakan oleh pihak kerajaan sepanjang tahun 2009, pertumbuhan kita masih lagi berada di tahap angka negatif iaitu di bawah kadar ketetapan jangkaan pertama yang telah dibuat iaitu di bawah angka -1.36%. Warta kerajaan yang telah dikeluarkan pada 1 Januari 2009 dan satu lagi warta kerajaan yang telah dikeluarkan dan diedarkan kepada semua Ahli Parlimen pada 17 Disember 2009. Perbandingan ini hanya di dalam lingkungan kurang daripada 12 bulan dan warta kerajaan ini merujuk kepada laporan yang dikeluarkan oleh pihak Bank Negara Malaysia.

Saya mohon untuk memberikan dua fakta berkenaan angka yang dikeluarkan oleh pihak Bank Negara iaitu merujuk kepada jumlah rizab emas pertukaran asing dan rizab-rizab lain termasuk juga SDR. Sebenarnya setiap tiga bulan sekali, satu penggal, Bank Negara mengeluarkan angka-angka yang terkini untuk mengesahkan kedudukan terutama berkenaan dengan angka-angka yang melibatkan kedudukan kewangan yang ditadbir di bawah Bank Negara Malaysia.

Di sini ada dua perkara utama selain daripada yang lain itu saya nak kemukakan iaitu di mana terdapat pertambahan penawaran wang di dalam kitaran wang kertas atau wang tunai yang ditadbir oleh Bank Negara. Dalam masa kurang daripada 12 bulan iaitu daripada semenjak 1 Januari 2009 sehingga 13 November 2009, terdapat pertambahan lebih daripada RM2.8 bilion wang tunai telah dimasukkan dalam kitaran wang ataupun *circulation of money* dengan izin, wang kertas yang diedarkan dalam pasaran negara kita.

Kedudukan ini menjadikan bahawa pertambahan penawaran wang kertas di dalam ekonomi kita meningkat sebanyak 11% untuk tempoh 11 bulan sahaja. Seperti mana secara umumnya, peningkatan atau penambahan penawaran wang di dalam pasaran kita menjadi ukuran bagaimana akan berlakunya satu kekuatan baru

perbelanjaan ataupun penggunaan wang untuk sebarang bentuk transaksi yang akan terbuka luas kepada masyarakat di dalam Malaysia terutamanya golongan-golongan yang terlibat dalam urusan transaksi yang melibatkan kewangan. Saya nak minta penjelasan daripada kementerian yang terlibat iaitu Kementerian Kewangan dan mungkin juga Kementerian Perdagangan Hal Ehwal Dalam Negeri dan Koperasi untuk menyatakan apakah kesan terkini berkenaan dengan penambahan wang, penambahan tawaran *supply*, penawaran wang ini sebanyak lebih 11.3% ini.

Apakah kedudukan terkini berkenaan dengan kadar atau peratus inflasi yang berada semasa di dalam pasaran kita. Saya harap dengan penjelasan ini, kita dapat menamatkan spekulasi yang menyatakan bahawa kedudukan inflasi kita tidak punya satu ukuran atau *measurement* dengan izin, yang terkini menyebabkan pasaran kita menjadi agak tidak stabil daripada segi penentuan atau penetapan tarafnya. Hari ini saya cuba untuk memahami satu berita yang telah dikeluarkan oleh *Berita Harian* dua hari lepas bertarikh 20 Mac yang menyatakan bahawa pihak GLC yang ditadbir oleh yang mempunyai kepentingan secara langsung kepada negara, menerima tawaran untuk pembelian ekuiti secara keseluruhannya ataupun lebih tepat lagi menerima tawaran daripada sebuah syarikat iaitu Astro Holding Sdn. Bhd untuk pengambilalihan ekuiti dengan satu nilai yang mungkin nilai ini memang merupakan nilai pasaran.

#### ■1910

Akan tetapi jumlah saham yang diminati untuk diambil alih itu daripada syarikat GLC kita adalah sebanyak RM8.5 bilion dan tawaran ini adalah berbentuk tawaran tunai. GLC yang diwakili oleh peratusannya walaupun kecil 12% diwakili atau dipegang oleh Yayasan Bumiputera sebanyak 12%, syarikat ini dikuasai dan dipegang ekuitinya oleh yayasan tersebut. Disebut Yayasan Bumiputera, 12% dan Khazanah Nasional juga memegang 30% kepentingan dalam syarikat ini. Saya hendak minta penjelasan, adakah benar berita ini? Adakah benar yang perundingan ini telah mencapai tahap terakhir?

Kalau mengikut perjalanan isu ini, maka telah menjadi sah bahawa tawaran ini diterima dan diberi kebenaran kepada syarikat tersebut untuk memegang ekuiti 100% pemilikannya menjadi sebuah syarikat sendirian berhad. Dalam erti kata lain, GLC kita menawarkan atau membenarkan ekuiti yang dipegang bagi pihak Yayasan Bumiputera dan juga ekuiti dipegang oleh Khazanah Nasional untuk dibeli 100% oleh Astro Holding Sdn. Bhd dengan tawaran RM8.5 bilion. Kita minta pengesahan berkenaan isu ini dan apakah kepentingan ataupun justifikasi pihak kerajaan untuk meluluskan atau tidak menimbang langsung berkenaan kepentingan untuk melihat sebuah syarikat yang

bertanggungjawab untuk mengawal penyiaran termasuk berita dan sebagainya kepada seluruh masyarakat Malaysia?

Kita tahu bahawa syarikat ini di antara yang paling berpengaruh dalam bidang penyiaran. Dengan keputusan untuk membenarkannya menjadi satu entiti persendirian dan menjual saham pada harga tersebut kepada syarikat ini telah menimbulkan satu pertanyaan. Apakah kepentingannya? Kenapa kita sanggup melepaskan kepentingan Yayasan Bumiputera kalau benar dikatakan kedudukan ini untuk sebagai *reserved* dengan izin, ataupun simpanan kepada aspek ataupun kepentingan bumiputera di dalam syarikat ini sebagaimana keputusan awal diluluskan bentuk konglomerat ini? Tuan Yang di-Pertua, saya menunggu pihak kerajaan untuk memberi penjelasan kepada isu AHSB yang baru saya sebutkan sekejap tadi.

Adalah baik juga kerana sepatutnya minggu ini atau minggu hadapan Parlimen akan meminta semua Ahli Parlimen untuk memikirkan sama ada meluluskan atau sebagainya atau sebaliknya, berkenaan dengan satu rang undang-undang baru yang akan dibentangkan iaitu rang undang-undang untuk katanya memperbaharui beberapa sistem cukai lama yang akan dipersembahkan dalam bentuk baru dengan nama baru iaitu GST (Cukai Barang dan Perkhidmatan). Memang bagus, memang baik dan kita menjangkakan selepas beberapa siri penerangan dibuat di dalam masyarakat kepada umum, kita nampak ada kesannya walaupun kerajaan telah membuat keputusan penerangan ataupun pengisytiharan bahawa GST hanya akan ditangguhkan buat sementara.

Saya harap penangguhan sementara ini memberi ruang dan cukup masa untuk seluruh masyarakat untuk memahami sekurang-kurangnya apakah asas ataupun apakah kedudukan, terutama kesan serta-merta yang mungkin akan ditanggung oleh seluruh masyarakat, tidak kira lapisan ekonomi yang mana. Ini kerana kita tahu pengalaman di negara-negara luar seperti New Zealand dan juga beberapa negara di *Scandinavian* yang pernah melaksanakan perintah cukai GST ini agar ia diteliti. Kita harap kita lebih bersedia untuk menghadapi cukai yang diberikan persepsi sekarang di kalangan masyarakat bahawa cukai baru ini sudah tentu akan menimbulkan beban baru walaupun tidak dari segi *complianceny*a tetapi sekurang-kurangnya cukai baru ini akan menyebabkan kerajaan terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang baru untuk sekurang-kurangnya mempersiapkan mekanisme pelaksanaan serta pentadbiran bentuk cukai baru tersebut.

Saya rasa adalah baik sementara penangguhan ini dibuat, pihak Kementerian Penerangan tampil memberi penjelasan yang lebih baik kepada seluruh masyarakat melalui saluran-saluran media yang terbaik untuk memberi penjelasan yang asas, kefahaman terhadap isu cukai GST. Kegagalan kita memberi kefahaman ini menyebabkan tanggapan rakyat Malaysia kepada institusi pelaksana akan beransur-ansur menjadi negatif. Saya rasa kegagalan ini juga akan membawa akibat buruk terhadap seluruh sistem percukaian negara, terutama apabila pengurusan cukai ini akan dipertanggungjawabkan kepada pihak Jabatan Kastam Diraja dan Eksais Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dua hari terbaru ini isu yang juga menjadi perhatian umum adalah apabila isu royalti petroleum dibangkitkan di Dewan. Juga diperbincangkan secara jelas atau *detail* dengan izin di kalangan masyarakat awam di luar sana. Saya rasa isu ini memang isu yang telah lama kita tidak terangkan secara telus. Saya rasa ini adalah satu peluang yang amat baik apabila kita membawa dan memberi kebenaran membuka peluang dan ruang untuk kita bincangkan perkara ini. Antara isu yang cukup memberi perhatian saya adalah apabila pengakuan dan penjelasan yang diberi atau dibawa oleh – saya anggap sebagai negarawan kita, Ahli Parlimen yang saya sanjung kerana *credential* nya tidak ada tandingan setakat ini. Beliau merupakan Ahli Parlimen yang paling lama berada di Dewan yang mulia ini iaitu Yang Berhormat Gua Musang. Saya ingin menegaskan di sini Yang Berhormat Mulia satu-satunya Ahli Parlimen yang sanggup memberi penjelasan dan membuka semula beberapa fakta yang cukup penting untuk kita lihat dan teliti. Saya rasa beliau cuba untuk membuka satu lembaran baru terhadap isu ini. Beberapa hari lepas, Yang Berhormat Mulia telah menyebut bahawa fakta berkenaan dengan rizab petroleum dan gas yang ada di dalam negara kita.

Kalau tidak merupakan antara yang terbesar di dunia sudah tentu dan mungkin semestinya di antara yang terbesar rizabnya di rantau ini. Kenyataan dan fakta yang dibawa oleh beliau berhak diketahui oleh umum, seluruh rakyat Malaysia.

#### ■1920

Bukan sahaja diketahui oleh rakan-rakan Yang Berhormat Ahli Parlimen, saya rasa rakyat keseluruhannya wajib mengetahui dan menjadi hak mereka untuk mengetahui tentang kedudukan sebenar khazanah kekayaan negara yang datangnya dari bentuk petroleum dan gas ini...

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** [Bangun]

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Sila.

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Terima kasih Indera Mahkota, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Indera Mahkota bahawa di dalam kajian di satu universiti tersohor iaitu *Stamford University* bahawa kajian mengenai hubungan di antara minyak dan demokrasi mempunyai kaitan yang amat rapat. Kegagalan mengurus sumber minyak telah mengakibatkan krisis politik dunia yang boleh memberi akibat langsung kepada polemik demokrasi dunia. Jadi saya beranggapan bahawa isu ini perlu ditangani dengan penuh hemah kerana ia melibatkan isu yang sebelum kita membicarakan isu kedaulatan, dengan izin, *sovereignty*.

Ia merujuk kepada isu yang lebih penting, dipanggil *dignity*. Kita mesti dengan izin, mengurus isu *human dignity* iaitu rakyat setempat mahupun rakyat negeri Kelantan, rakyat Sabah, rakyat Sarawak, Terengganu dan sebagainya kerana ia merujuk kepada aspek yang dipanggil yang amat fundamental iaitu *human dignity*. Sebelum membicarakan aspek *sovereignty*, kedaulatan yang mana saya rasa perlu diurus dengan bijak terutama oleh Kerajaan Pusat pada hari ini. Kalau tidak, ia akan menimbulkan isu politik polemik demokrasi yang amat berat.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih. Saya suka ada pandangan ataupun perdebatan jenis atau *style* yang dibawa oleh Yang Berhormat Balik Pulau tetapi kita sama blok... [Ketawa] Walau macam manapun, apa yang hendak disampaikan di situ ulasannya mudah. Sistem '*batsu*' yang telah dilalui atau pengalaman yang dilalui oleh rakan-rakan ahli politik di negara Jepun telah jelas. Sepatutnya diambil sebagai peringatan kepada rakan-rakan ahli politik di negara kita kerana sistem ini ataupun kepercayaan terhadap amalan ini telah membawa akibat yang cukup luar biasa hebatnya. Sehingga sebuah parti yang begitu kuat memerintah atau diberi kepercayaan kepada rakyat sekian lama, akhirnya ditolak mentah-mentah oleh rakyat negara Jepun.

Perkara ini menjadi fenomena yang agak baru berlaku dan dirasai oleh rakan-rakan masyarakat di negara Jepun kerana mereka secara total menolak atau membuat keputusan untuk menolak kerana amalan tidak dapat mempertahankan perkara yang begitu asas dalam demokrasi atau dalam kepercayaan demokrasi. Mereka telah membuat keputusan dan saya rasa peringatannya kepada rakan-rakan di Barisan Nasional, kalau benar, kita berharap peristiwa ini akan berlaku di dalam negara kita, saya nasihatkan, jangan buat apa-apalah berkenaan dengan isu royalti minyak ini. Supaya barangkali kita boleh tengok, mungkin peristiwa pengalaman yang dilalui oleh

rakan-rakan '*batsu*' ini di Jepun, mungkin akan berlaku di dalam negara kita tidak lama lagi, *insya-Allah*.

Dalam masa kita hendak menerima berita baik sebagaimana juga kita terima berita baik, sekumpulan rakan-rakan di kawasan saya berkunjung ke rumah saya sebaik sahaja menerima berita. Katanya kita amat gembira apabila Perdana Menteri sebagai Menteri Kewangan secara spontan membuat pengumuman bahawa cukai kepada kereta *buggy* dihapuskan keseluruhannya. Mereka datang kerana hendak minta penjelasan atau pengesahan. Mereka hampir bersorak kata berita ini berita gembira kerana cukai kereta dikecualikan.

Saya tanya cukai kereta apa yang dikecualikan. Dia kata ada pengumuman. Setelah menyelidik laporan akhbar, keesokan harinya baru saya tahu sebenarnya yang dikecualikan cukai import itu kereta *buggy*, bukannya kereta biasa yang duduk atas jalan itu... [*Ketawa*] Jadi mereka tidak jadi hendak melompat kesukaan. Saya merasa simpati terhadap situasi ini kerana berita yang sepatutnya membawa kegembiraan kepada sebahagian atau sebilangan masyarakat kita yang mengharapkan satu berita baik, akhirnya bertukar kepada kesedihan. Lebih baik jangan kita sebut langsung. Jangan kita bawa langsung berita ini.

Saya cadangkan kalau hendak kecualikan sesuatu cukai dalam masa kita hendak bertahan untuk menunggu masa yang sesuai mengemukakan cadangan memperkenalkan cukai perkhidmatan dan barangan. Kita tahu perkara ini akan ditolak atau ditentang atau dengan perkataan yang lebih baik, akan tidak disukai oleh keseluruhan masyarakat terutamanya yang berpendapatan rendah. Kerana apa? Sebab dengan jelas pihak berkuasa Kastam sendiri yang membuat beberapa representasi ataupun membuat pengulasan. Memberi peringatan, antara langkah yang patut diambil keseluruhan masyarakat terutamanya golongan berpendapatan rendah supaya mengamalkan daripada sekarang, jimat cermat serta memilih untuk berbelanja pada barangan-barangan yang tertentu sahaja yang mana memenuhi keperluan harian.

Kerana apa? Kerana mereka beranggapan apabila amalan ini gagal diamalkan oleh masyarakat, terutamanya yang berpendapatan rendah, dibimbangkan bahawa beban cukai ini akhirnya lebih ramai di *contribute*, dengan izin, disumbangkan daripada golongan berpendapatan rendah. Kita bimbang, kita hendak bawa satu bidang percukaian yang lebih adil, akhirnya kita membawa persepsi yang jauh lebih negatif daripada sistem cukai yang ada sekarang. Cukai yang membebankan dan menganiaya golongan yang berpendapatan rendah. Saya sendiri pun tidak suka.

Saya berharap dan saya tidak mahu, saya tidak suka dengar apabila dianggap satu peraturan cukai baru membebankan golongan yang berpendapatan rendah. Apa guna kita kata kita hendak bawa cukai yang adil. Adil bermaksudnya semua orang kena bayar, berpendapatan rendah juga kena bayar, berpendapatan tinggi juga kena bayar dalam kadar yang sama. Ini jawapannya tidak adil kerana kita melayan golongan yang berpendapatan rendah jauh lebih teruk atau lebih buruk berbanding kita melayan golongan yang berkemampuan tinggi.

Ini sistem cukai yang tidak memenuhi fundamental tadi, dalam kita meraih *revenue* negara, dengan izin, ataupun pendapatan negara daripada seluruh masyarakat kerana kita menganggap sistem ini membawa keadilan daripada sistem pengutipan cukai kepada masyarakat. Saya harap akan ada beberapa pembedahan, *amendment*, dengan izin, yang akan dibawa sekiranya masih lagi kita hendak bertegas untuk melaksanakan beban cukai yang baru ini.

Tidak lagi berhenti daripada kegembiraan, daripada berita yang belum disahkan iaitu Malaysia, negara kita mempunyai rizab petroleum dan gas yang terbesar di dalam dunia. Kalau benar berita ini adalah berita yang boleh disahkan, saya rasa lebih baik kerajaan membuat pengumuman daripada kita buat pengumuman berkenaan GLC, lebih kita buat pengumuman. Bersedialah rakyat Malaysia untuk dinobatkan sebagai rakyat negara yang paling kaya sekali dalam dunia. Ini kerana kekayaan petroleum dan gas ini kalau benar rizabnya antara yang terbesar di dalam dunia. Sudah tentu kita dengan hanya kurang daripada 28 juta penduduk dalam negara kita. Ditambah dengan beberapa hasil utama keluaran dunia yang duduk juga bertapak di negara kita seperti minyak kelapa sawit dan sebagainya, sudah tentu kita sepatutnya keluar sebagai sebuah negara dan rakyatnya menjadi rakyat yang paling kaya dalam dunia ini.

Sudah tentu tidak ada alasan lagi. Tidak ada satu formula pengiraan dan kaedah Matematik yang boleh menggagalkan kita untuk menjadi seorang warganegara yang terkaya di dalam dunia ini kalau ukuran ini kita ambil kira. *The spin-off economy* dengan izin, yang akan berlaku dan mesti berlaku dengan adanya rizab ini, sudah tentu akan mengeluarkan kita, menonjolkan kita sebagai negara yang paling kaya dalam dunia...  
[Disampuk]

#### ■1930

Ya, sebab itu ucapan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong meletakkan pada perenggan antara yang terawal memberi peringatan kepada kita semua sebagai Ahli Parlimen supaya ia memainkan peranan dengan betul untuk

menjanjikan dan memastikan elemen rasuah ini dapat diberhentikan seberapa segera yang boleh. Kita amat malu apabila surat khabar sendiri dan televisyen menyiarkan secara langsung; secara langsung maksudnya ditunjukkan gambar RM2 juta wang kertas dijumpai di atas lantai kondominium milik seorang setiausaha politik sahaja yang baru berkhidmat. RM2 juta wang dijumpai di lantai belum lagi barangkali di atas siling, di bawah katil, dalam kereta atau mana-mana tempat yang sukar untuk kita akses untuk melihat. Gambaran ini cukup bertentangan tentang apakah tanggungjawab yang perlu kita mainkan dan agak jauh bezanya dengan kedudukan yang kita hendak capai ini dengan keadaan di depan mata yang kita sajikan kepada masyarakat kita.

Bagaimana kita hendak meraih *confidence* atau pun keyakinan kepada masyarakat umum terutamanya golongan yang lebih daripada 63% di bawah paras ataupun yang berada sebagai kelompok bukan golongan menengah di dalam negara kita. Golongan-golongan yang selama ini tidak pernah dibebankan sebagai sektor yang perlu membayar cukai kerana mereka ini di bawah paras. Kita tahu golongan yang membayar cukai ini tidak ramai. Mereka ini di dalam kelas tersendiri tetapi kita hendak raih *confidence* daripada mereka yang mereka juga akan dikaitkan dan dilibatkan sebagai golongan yang terpaksa membayar cukai sekiranya GST akan diperkenalkan. Dalam masa televisyen kita sendiri menunjukkan keadaan ini. Bukan itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Kalau melihat kepada laporan-laporan yang dikeluarkan, warta kerajaan yang saya sebutkan tadi, penambahan dalam penawaran wang kertas di dalam negara kita. Setiap tahun malah setiap suku tahun, *every quarter of the financial year* yang dikeluarkan, setiap kali wujud penambahan dalam penawaran bentuk ini.

Pihak Bank Negara sendiri menyatakan melalui penyata aset dan liabiliti mereka yang semua Ahli Parlimen ada bersama kita dibekalkan, sama ada dibaca atau tidak saya tidak tahu. Saya kebetulan memilih dua tahun dua laporan ini untuk membuat perbandingan dan keadaan ini cukup jelas. Semua Ahli-ahli Parlimen bersetuju kerana kenyataan ini dikeluarkan oleh laporan yang tidak ada siapa menyangkalnya. Itu laporan daripada Ketua Audit Negara. Tahun lepas sendiri menyatakan bahawa wujudnya kebocoran ataupun pembayaran terlebih yang dibuat oleh banyak agensi kerajaan dan dikatakan bahawa *overpaid* ataupun kebocoran yang tidak sepatutnya ini mencapai 20% daripada jumlah belanjawan negara. 20% kalau ambil kira tahun lepas RM208 bilion peruntukan belanjawan 2010 atau tahun 2009 sebanyak RM271 bilion keseluruhannya. 20% merujuk kepada satu angka yang agak besar iaitu RM27 bilion yang dibazirkan. Katakan setiap tahun berlaku elemen ini sepanjang sepuluh tahun, tidakkah jumlahnya

secara mudah, *simple calculation*, dengan izin, jumlahnya sudah tentu mencapai hampir RM200 bilion atau RM300 bilion.

Saya yakin kerana elemen yang paling asas sekali, yang paling jelas sekali pun ada juga terkecuali daripada laporan ini. Saya hendak katakan dalam masa yang singkat dan terakhir ini, saya tidak boleh bersetuju apabila laporan audit tidak langsung menyebut tentang insiden kehilangan atau kecurian apa sahaja berkenaan dengan dua unit enjin jet yang dilaporkan sebagai dicuri. Yang berlaku dua tahun kebelakangan ini tidak satu pun laporan audit dimasukkan di dalam Laporan Audit yang dikemukakan oleh semua orang. Saya tidak kisah berapa jumlah dan berapa harganya tetapi insiden laporan terhadap kecurian itu, kehilangan itu tidak langsung terkandung dalam laporan audit di mana kita tahu aspek akauntabilitinya dipersoalkan oleh masyarakat umum. Ini antara elemen yang mustahak sekiranya benar kita hendak rayakan berita baru. Sekiranya benar kita punya rizab petroleum dan gas terbesar di dunia. Ini adalah satu berita yang perlu kita rayakan bukan hanya cerita berkenaan NKRA dan NEM. NEM tahu apa..., *New Economic Model...*

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Indera Mahkota. Celah sedikit. Ini semasa pengalaman saya di Lembaga Hasil yang agak lama. Sebenarnya yang diperlukan di negara ini adalah model ekonomi barukah atau satu komitmen, penguatkuasaan yang lebih ketat? Ini kerana saya rasa kalau datang model ekonomi baru pun.. Yang Berhormat Pasir Salak kata saya bukan orang ekonomi, saya orang undang-undang... [Ketawa] Dia gelak. Mungkin ialah penguatkuasaan. Ini bocor sampai RM28 bilion! Nanti datang model ekonomi baru bocor lagi. Sebenarnya yang diperlukan apa..., penguatkuasaan?

**Seorang Ahli:** *Sincerity.*

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih. Saya tidak katakan secara melulu bahawa kebocoran ini berlaku sebagai andaian semata-mata. Itu telah pun disahkan dan memang Yang Berhormat Balik Pulau sebenarnya sudah tentu rekodnya mewakili generasi muda yang melihat masa hadapan Malaysia sebenarnya lebih cerah daripada apa yang digambarkan. Akan tetapi kita tidak boleh tolak. Ini adalah harapan generasi baru yang juga berada ramai di luar sana. Kita berharap bahawa kebocoran atau pun ketidakcekapan ini dapat dipulihkan dengan segera, seberapa segera yang mungkin kerana ini membawa satu imej dan kredibiliti baru terhadap kepercayaan umum kepada kerajaan atau kepada negara kita.

Jumlah yang disebutkan tadi boleh kita bincangkan secara *detail* di dalam forum-forum yang lebih sesuai. Saya berharap perkara ini menjadi perhatian dan minat kita semua untuk dipanjangkan semula dalam sesi-sesi yang lain. Saya berharap sungguh Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan mengambil perkara ini dengan serius dan kalau benar berita yang dibawa oleh Yang Berhormat Mulia Gua Musang kenapa tidak kita *announce* atau kita uar-uarkan perkara ini dan kita rayakan. Ini adalah satu kebanggaan seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakangnya, kaum, agama dan ini sepatutnya menjadi alternatif baru kepada cukai GST. Tidak perlulah kita *collect* cukai daripada rakyat kerana kita sudah ada *reserve* yang besar. Sepatutnya jadi hadiah daripada Allah SWT kepada kita dan perlu kita rayakan perkara ini. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Simpang Renggam.

**7.39 mlm.**

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** *Okay thank you.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Titah di-Raja Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, Gagasan 1Malaysia yang...

**Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Bukan balik, buat semakan.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Gagasan 1Malaysia yang menekankan konsep penerimaan serta keadilan sosial ini memang disambut baik oleh rakyat secara umumnya.

■1940

Nilai-nilai aspirasi di bawah Gagasan 1Malaysia seperti budaya berprestasi tinggi, budaya ketetapan, budaya ilmu, integriti, ketabahan, kesetiaan, kebijaksanaan dan budaya inovasi memang merupakan nilai-nilai murni mustahak yang harus dihayati serta diterapkan setiap rakyat Malaysia agar Malaysia boleh mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

Namun, yang lebih penting lagi adalah gagasan ini berserta dengan konsep dan nilai-nilai murni yang tersebut di atas mestilah diamalkan oleh semua agensi kerajaan yang memberi perkhidmatan kepada rakyat. Malah, agensi-agensi penerangan kerajaan serta media masa, arus perdana memainkan peranan yang penting untuk menyebarkan dan mendidik orang awam tentang Gagasan 1Malaysia. Lebih-lebih lagi dalam menegakkan Gagasan 1Malaysia, setiap pemimpin kerajaan haruslah menunjukkan

kepimpinan melalui teladan dengan menerapkan konsep serta nilai-nilai murni tersebut dalam program-program yang dianjurkan serta ucapan-ucapan yang dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, demi merealisasikan konsep 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan', kerajaan telah memperkenalkan idea-idea yang baru lagi berani seperti program transformasi kerajaan yang termasuk enam bidang keberhasilan utama nasional. Dalam usaha untuk menjadikan kerajaan yang lebih telus melancarkan pelan hala tuju program transformasi kerajaan untuk tatapan rakyat. NKRA yang menggariskan objektif untuk meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan menambah baik sistem pengangkutan awam, memerangi rasuah, mengurangkan kadar jenayah, memperkasakan prasarana luar bandar dan pedalaman serta meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah memang menunjukkan komitmen serta keseriusan kerajaan untuk mendahulukan kepentingan serta kesejahteraan rakyat.

Namun, pencapaian program NKRA yang mendahulukan kepentingan rakyat ini banyak bergantung kepada kejayaan pelan hala tuju program transformasi kerajaan yang padahal memang tertakluk kepada *mindset change*, dengan izin, di kalangan pegawai-pegawai kerajaan. Ini kerana, semua agensi yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan projek-projek berkenaan mestilah menekankan impak dan keberkesanan program dan bukannya *output* semata-mata. Jadi, aspek pemantauan serta penilaian prestasi agensi-agensi kerajaan amat mustahak demi menjamin hasil atau impak konsep 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan' dapat dirasai serta dikecapi rakyat dan bukan sekadar slogan atau retorik sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, usaha kerajaan untuk memperkenalkan model ekonomi baru untuk menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi dan maju memang merupakan satu inisiatif yang berani lagi berpandangan jauh. Memang sudah tiba masanya untuk Malaysia mengalihkan penekanannya daripada model ekonomi *labor incentive* dan *capital incentive* kepada model ekonomi yang mengutamakan inovasi, kreativiti dan *knowledge based*, dengan izin.

Adalah harapan bahawa MEB ini akan menangani dua aspek penting iaitu:

- (i) kebergantungan kepada subsidi; dan
- (ii) menggalakkan *competitiveness*.

Penstrukturan semula dasar subsidi haruslah dijalankan secara berperingkat-peringkat dengan mengimbangkan *sustainability* dasar tersebut daripada jangka masa panjang dengan impaknya kepada rakyat dalam masa terdekat.

*Competitiveness* ekonomi Malaysia banyak bergantung pada dasar liberalisasi yang berterusan di sektor ekonomi. Oleh itu, meskipun pelaksanaan MEB mungkin tidak disenangi oleh sesetengah pihak, malah mungkin ditentang hebat oleh pihak yang tertentu tetapi saya menyeru kerajaan tegas dalam merangka serta melancarkan MEB ini secepat mungkin demi kepentingan negara secara menyeluruh dan jangka masa panjang.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya demi menghadapi era persaingan global, negara memerlukan modal insan yang sihat, cergas, cerdas, berpengetahuan, kreatif, berintegriti, memiliki daya usaha yang kuat dan semangat keusahawanan yang tinggi. Oleh itu, keseluruhan sistem pendidikan negara haruslah sentiasa ditambah baik serta diperkasakan dengan pembaharuan serta inovasi. Umpamanya sukan haruslah dijadikan komponen penting dalam sistem pendidikan negara kerana melalui kegiatan sukan, generasi muda dapat mempelajari semangat kesukanan berpasukan, *team work*, dengan izin, ketabahan, keberanian dan kreativiti yang lain. Maka, keputusan Kementerian Pelajaran untuk membentuk suatu jabatan baru untuk menjaga hal ehwal pembangunan sukan memang merupakan satu langkah positif yang harus disokong dan dipuji. Seterusnya, demi membentuk suatu sistem pendidikan yang holistik dengan meliputi pembangunan potensi modal insan secara menyeluruh, selain aspek akademik penekanan juga harus diberikan kepada bidang kemahiran vokasional.

Sehubungan dengan itu, sokongan harus diberikan kepada usaha kerajaan untuk mentransformasikan politeknik ke arah politeknik premier dan politeknik metro agar modal insan yang dihasilkan lebih menepati kehendak pasaran serta aspirasi negara. Kolaborasi pihak industri dengan institut-institut pengajian atau latihan harus dipergiatkan demi meningkatkan kebolehpasaran serta keusahawanan graduan kita.

Tuan Yang di-Pertua, dasar inovasi negara yang akan menjadi rangka tindakan kepada pelaksanaan agenda inovasi akan melonjakkan pertumbuhan ekonomi negara merupakan suatu inisiatif yang tepat pada masanya. Demi menjayakan dasar ini, langkah yang infrastruktur yang berkualiti tinggi harus disediakan selain merangka dasar yang sesuai lagi jelas. Oleh itu, sasaran penembusan jalur lebar pada 50% untuk isi rumah dan liputan *cellular* kepada 97% kawasan berpenduduk haruslah dicapai pada akhir tahun ini seperti mana yang dirancang.

Ini kerana tanpa infrastruktur yang boleh memastikan penyampaian maklumat secara cepat, tepat, *cost effective*, dan mesra pengguna objektif dasar inovasi negara memang sukar direalisasikan. Projek-projek seperti penubuhan pusat inovasi negara,

pengisytiharan Malaysia inovasi 2010 adalah penting untuk menggalakkan industri kreativiti dan inovasi tempatan. Akan tetapi, yang lebih penting lagi ialah kerajaan seharusnya bekerjasama dengan pihak swasta untuk mewujudkan satu suasana yang bersesuaian seperti masyarakat yang lebih terbuka dan toleransi untuk membudayakan inovasi dan kreativiti.

Budaya inovasi serta kreativiti memang akan menjadi asas kepada industri kreatif yang ingin dibangunkan oleh kerajaan sebagai salah satu penjana baru pertumbuhan ekonomi negara.

#### ■1950

Tuan Yang di-Pertua, tiada maknanya semua program pembangunan kerajaan jika nasib golongan berpendapatan rendah tidak dibela, oleh itu kerajaan memang harus memperluaskan jaringan keselamatan sosial, kecekapan penyampaian bantuan juga harus diperkemas agar bantuan-bantuan bukan sahaja disalurkan terus kepada golongan sasaran, tetapi juga tepat kepada jadual masa yang ditetapkan demi kesejahteraan dan keselesaan golongan berpendapatan rendah. Lebih-lebih lagi dalam memperluaskan jaringan keselamatan sosial, fokus dasar untuk membantu golongan berpendapatan rendah harus ditumpukan kepada pendekatan kebajikan berproduktiviti dengan tujuan mengurangkan kebergantungan golongan berpendapatan rendah kepada bantuan kebajikan pada masa panjang dan bukan menggalakkan lebih ramai orang terus menerus menerima bantuan kerajaan.

Dalam usaha meningkatkan taraf hidup golongan berpendapatan rendah, program-program yang khusus haruslah dirangka untuk memenuhi kehendak spesifik golongan sasaran yang berlainan, umpamanya golongan berpendapatan rendah di bandar, kemudahan perumahan adalah penting sementara yang berada di luar bandar seperti di Sabah dan Sarawak, kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik, jalan, jambatan dan sebagainya haruslah diutamakan sementara program penghapusan kemiskinan tegar di masyarakat Orang Asli dan bumiputera adalah yang terpenting. Usaha gigih kerajaan memerangi rasuah harus diteruskan, ini adalah dengan penggubalan rang undang-undang perlindungan pemberi maklumat merupakan satu langkah yang amat mustahak. Ini kerana undang-undang sebegini akan memberi perlindungan yang sesuai kepada mereka yang sudi dan berani tampil ke depan untuk membantu pihak berkuasa memerangi rasuah.

Sudah tentu penggubalan rang undang-undang ini akan menghantar satu mesej yang kuat dan jelas bahawa kerajaan komited dan serius dalam memerangi rasuah,

pada masa yang sama, beberapa langkah baru yang diambil oleh kerajaan dalam pembanterasannya memang harus diteruskan. Jelas sekali penempatan lebih ramai anggota polis, polis sukarela dan Jabatan Pertahanan Awam di lokasi-lokasi panas telah menunjukkan impak yang positif, maka kerja-kerja baik ini harus dipergiatkan agar jenayah jalan seperti ragut dan samun dapat dikurangkan sebanyak 20% pada akhir tahun 2010 seperti yang di dalam Program Transformasi Kerajaan. Ketegasan kerajaan dalam memerangi rasuah dan jenayah hanyalah bererti jika rakyat boleh melihat dan merasai bahawa masalah rasuah dan kes jenayah telah berkurangan.

Ini bermakna lebih banyak kes rasuah haruslah didedahkan, disiasat dan didakwa di mahkamah jika bukti rasuah adalah kukuh. Sama juga kes jenayah, rakyat juga harus mempunyai keyakinan dengan statistik rasmi bahawa kes jenayah telah berkurangan berikutan program-program baru kerajaan yang berkesan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Kementerian Dalam Negeri bahawa menurut akhbar *Sin Chew Daily* pada hari ini iaitu 23 Mac 2010, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman mengaku pasukan polis kini sedang menghadapi dilema kekurangan anggota. Menurutnya setiap tahun terdapat 3,000 anggota yang bersara tetapi hanya 1,000 orang yang menyertai pasukan polis. Tambahan lagi kini purata kes yang disiasat oleh pegawai penyiasat adalah 18 kes tetapi menurut kajian jumlah kes yang paling efisien bagi seorang pegawai penyiasat adalah 5 kes sebulan. Adakah keadaan ini akan menjejaskan prestasi KPI polis dan pegawai penyiasat yang sudah *overload* dengan izin, adakah mereka dapat menghasilkan kualiti kerja yang baik dan membuat siasatan yang lengkap.

Apakah pendekatan dan penyelesaian kementerian dalam perkara ini demi mengembalikan keyakinan rakyat terhadap polis. Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu akhbar *China Press* baru-baru ini, Kementerian Dalam Negeri telah membuat keputusan supaya tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap akhbar *China Press* yang didakwa telah menyiarkan berita yang tidak sah di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan. Dunia kini adalah dunia tanpa sempadan, kerajaan menggalakkan *high speed broadband* (HSBB) supaya kadar liputan internet rakyat dapat dicapai sebanyak 50% pada akhir tahun ini, kita boleh membeli buku-buku melalui internet seperti *amazon.com* dan laman web lain-lain tetapi kini KDN masih menggunakan akta ini untuk mengharamkan buku-buku yang dikatakan mengancam keselamatan negara. Adakah Akta AMCP masih relevan sedangkan buku-buku yang haram itu boleh diletakkan di dalam internet untuk dijual.

Adakah kerajaan dapat menyekat penyebaran buku ini di samping menggalakkan kegunaan internet? Saya ingin bertanya kepada KDN adakah Akta AMCP sudah ketinggalan zaman? Apakah relevannya AMCP kepada dunia digital yang tanpa sempadan. Pengusaha-pengusaha tradisional, mesin cetak masih perlu memohon permit di bawah Akta AMCP tetapi bagi mesin cetak digital seperti mesin fotostat yang canggih dan *sophisticated* tidak memerlukan permit. Tuan Yang di-Pertua, di sini ingin saya menyentuh perkembangan dan pembangunan sektor elektrik di negara ini. Tenaga Nasional Berhad sebagai sebuah syarikat berkepentingan kerajaan atau dengan izin, *government link company* telah dan sedang memainkan peranan penting dalam usaha menyediakan perkhidmatan yang cekap dan berdaya harap. TNB sebagai penggerak kemajuan negara terus diberi tanggungjawab dan kepercayaan agar rakyat Malaysia terus dapat menikmati bekalan elektrik yang stabil dengan harga yang berpatutan.

TNB menggunakan dua bahan api utama untuk penjanaan elektrik iaitu gas sebanyak 64% dan arang batu sebanyak 28%. Bakinya dibekalkan oleh tenaga yang boleh diperbaharui atau dengan izin, *renewable energy* seperti tenaga hidro. Memandangkan harga pasaran dua bahan api fosil ini tidak stabil dan sentiasa *volatile* dengan izin, dan lebih penting lagi keselamatan bekalan sumber elektrik kerajaan telah melancarkan Projek Hidroelektrik Bakun pada awal 80-an lagi. Apabila siap nanti, projek ini mampu membekalkan 2400 megawatt kepada Semenanjung Malaysia, Projek Hidroelektrik Bakun dan projek sambung tara kabel bervoltan tinggi arus terus dasar laut atau dengan izin, *high voltage direct current* ke Sarawak dan Semenanjung dijangka beroperasi dengan membawa bekalan elektrik berperingkat seawal 2013. Tuan Yang di-Pertua, Projek Empangan Bakun memang penting bagi menjamin keselamatan pembekalan elektrik bagi jangka masa panjang dengan mempelbagaikan sumber bahan api.

Penjanaan melalui sumber bahan api hidro, walaupun kos pembinaan tinggi, namun penggunaan hidro terbukti berkesan kos atau *cost effective* dengan izin, dan jauh lebih stabil untuk satu jangka panjang berbanding dengan bahan api fosil yang akan pupus pada suatu hari nanti. Kajian *feasibility*, kajian konsep reka bentuk kabel dasar laut, analisis penghantaran elektrik melalui dasar laut dan daratan serta kajian alam sekitar telah menunjukkan bahawa Projek Empangan Bakun sememangnya *feasible* dari segi teknikalnya.

**■2000**

Terdapat pihak yang berpendapatan bahawa negeri Sarawak sendiri mampu menggunakan kesemua bekalan elektrik sebanyak 2400 megawatt itu untuk tujuan industri domestik khususnya untuk industri peleburan aluminium tetapi sektor peleburan aluminium hanya menggunakan lebih kurang 800 megawatt sahaja. Jadi masih terdapat baki untuk disalurkan ke Semenanjung Malaysia. Selain daripada itu, beberapa projek hidro kini di dalam proses pembinaan di Sarawak. Contohnya Projek Hidro Murun apabila beroperasi nanti, projek hidro ini mampu membekalkan 1000 megawatt untuk kegunaan negeri Sarawak. Sebagai satu entiti perdagangan (*business entity*), dengan izin, TNB sentiasa berusaha mengekalkan nilai sahamnya melalui pelbagai inisiatif. TNB perlu memperoleh keuntungan berpatutan agar ia terus kompetitif dan mampu meluaskan bisnesnya ke luar negara. Walau bagaimanapun, TNB masih berpegang kepada tanggung jawab sosial korporatnya dan prihatin terhadap golongan berpendapatan rendah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, boleh habiskan masa 14 minit?

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Dalam tiga minit ke lima minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Okey.

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** [Bangun]

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Dia bagi 14 minit, Yang Berhormat. Boleh...? [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua bagi 14 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat mencelakkah Yang Berhormat?

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Ya, yang penting.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Ya, biar saya habiskan.

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Tadi yang Bakun itu.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Okey, sila.

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat telah menghuraikan sokongan Yang Berhormat mengenai dengan bekalan elektrik Bakun ke Semenanjung. Akan tetapi, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan keadaan bekalan elektrik di Sabah ini mengapa tidak bekalan elektrik daripada Bakun ini dibagi kepada Sabah dahulu? Semasa dialog dengan Yang Berhormat Menteri, alasan Yang Berhormat Menteri kepada kita ialah jarak daripada Bakun ke Sabah ialah 500 kilometer tetapi jarak daripada Bakun ke Semenanjung adalah jauh. Jadi adakah Yang

Berhormat bersimpati dengan Sabah ini yang kita dengar keluhan rakyat Sabah mengenai bekalan elektrik ini? Terima kasih.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Sebab saya tengok kerana gas dan arang batu pun akan habis. Gas akan habis dalam beberapa tahun lagi, jadi kalau dapat kita akan bergantung pada hidro. Jadi lebih ramai rakyat di Semenanjung dapat menikmati keadaan yang lebih murah. Akan tetapi kalau hendak mengutamakan Sabah mungkin Yang Berhormat kemudian boleh dapat membincangkannya lagi dengan Yang Berhormat Menteri berkenaan... [Ketawa] Biar Yang Berhormat Menteri jawab soalan ini... [Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua, bagi golongan berpendapatan rendah, TNB tidak pernah naikkan kadar tarif elektrik *live line band*, dengan izin, bagi pengguna-pengguna yang menggunakan elektrik kurang daripada kilowatt *hour* sejak tahun 1988. Sehingga hari ini TNB telah mengekalkan kadar tarif bagi *live line band*, dengan izin, pada separas 21.484 sen *kilowatt hour*. Bil elektrik RM20 dan ke bawah yang dimulakan pada 1 Oktober 2008 diteruskan. Ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan amat prihatin terhadap beban yang ditanggung oleh rakyat selaras dengan konsep 1Malaysia. Kerajaan telah mengumumkan penurunan tarif elektrik pada 1 Mac 2009 dengan kadar penurunan purata tarif elektrik sebanyak 3.7% daripada 32.5 sen *kilowatt hour* kepada 31.31 *kilowatt hour*. Kerajaan telah pun menangguhkan pengumuman tarif elektrik yang baru pada bulan Mac tahun ini memandangkan keadaan ekonomi negara masih berada dalam proses pemulihan dan memerlukan lebih banyak masa untuk mencapai satu tahap yang kukuh dan menggalakkan. Ini sekali lagi mencerminkan keprihatinan kerajaan terhadap beban rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, ingin juga saya menyentuh sedikit tentang royalti hak cipta di Malaysia yang dikutip oleh tiga syarikat iaitu Public Performance Malaysia Sdn. Berhad (PPM), Music Authors Copyright Protection Berhad (MACP) dan Performers and Artistes Rights Sdn. Berhad (PRISM). Tuan Yang di-Pertua, masalah pengagihan kepada rekod *companies* dengan izin dan rumusan pengiraan royalti memang merupakan masalah yang wujud sekian lama. Pada tahun 2009, jumlah yang dikutip oleh tiga syarikat ini adalah sebanyak RM60 juta. PPM sahaja telah mengutip sebanyak RM31 juta menurut jawapan bertulis yang diberikan oleh kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, peniaga-peniaga yang diwajibkan bayar royalti bukan sahaja terdiri daripada pengusaha-pengusaha kelab malam, *lounge*, karaoke, pub malah pusat makanan dan minuman, kompleks beli-belah, hotel termasuk juga premis-premis

yang memainkan lagu atau muzik. Semuanya dikenakan bayaran royalti ini. Memang benar, hak dan faedah *recording company*, pencipta lagu, penulis lirik hendaklah dijaga. Nasib mereka juga hendaklah dibela tetapi royalti yang dikutip juga hendaklah pada kadar yang munasabah supaya ia tidak terlalu membebankan peniaga-peniaga pada masa kegawatan ekonomi ini.

Saya difahamkan sebuah, saya membeli karaoke dengan izin yang mempunyai lebih kurang 20 bilik dikenakan royalti sebanyak RM20,000 setahun. Masalahnya adakah RM20,000 yang dikutip ini disampaikan kepada orang yang seharusnya menerima atau pihak berkuasa berkenaan kerana tiga syarikat ini cuma merupakan agensi pengutip sahaja. Saya minta kementerian menyelaraskan keadaan ini secepat mungkin dan mewujudkan satu sistem yang cukup telus dan efisien. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Usul Junjung Kasih Ucapan Diraja. Daulat Tuanku!... [*Dewan riuh*] Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi, hari Rabu 24 Mac 2010.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 8.07 malam.***